

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 73	Khamis	4 Disember 2008
K A N D U N G A N		
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman	26)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Perbekalan 2009:		
<u>Jawatankuasa:-</u>		
<u>Jadual:-</u>		
Maksud B.62	(Halaman	31)
Maksud B.13	(Halaman	109)
Maksud B.31	(Halaman	146)
USUL-USUL:		
Usul Anggaran Pembangunan 2009:		
<u>Jawatankuasa:-</u>		
Maksud P.62	(Halaman	31)
Maksud P.13	(Halaman	109)
Maksud P.31	(Halaman	146)
Usul Meminda Jadual Dalam Rang Undang-undang Di Bawah Peraturan Mesyuarat 66(9)	(Halaman	31)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	53)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 4 Disember 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pekerja asing dan jumlah hasil pekerja-pekerja asing dari Sabah, Sarawak serta Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batu Sapi di atas soalan yang dikemukakan pada pagi ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2008, Jabatan Imigresen merekodkan seramai 2,096,675 orang pekerja asing yang bekerja secara sah di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, pecahan pekerja asing mengikut sektor adalah seperti berikut;

- (i) sektor perkilangan – 749,173 orang;
- (ii) sektor perladangan – 347,730;
- (iii) sektor pembinaan – 307,779;
- (iv) sektor pembantu rumah – 296,334;
- (v) sektor perkhidmatan – 211,057; dan
- (vi) sektor pertanian – 184,602.

Berkenaan hasil yang dikutip daripada pekerja asing iaitu bayaran levi sebanyak RM2,135,877,694 telah berjaya dikutip pada tahun 2007. Daripada jumlah tersebut, kutipan levi yang direkodkan adalah seperti berikut;

- (i) RM128,454,311 - Sabah;
- (ii) RM91,056,126 – Sarawak;
- (iii) RM1,916,367,257 – Semenanjung Malaysia.

Sekian Terima kasih.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Daripada jumlah yang telah disebutkan tadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah pekerja asing ini mewakili golongan profesional dan golongan pekerja biasa, dan berapakah di antara mereka ini pula atau pun adakah tidak di antara mereka ini yang kemudiannya memohon untuk menjadi warganegara Malaysia. Apakah kesan golongan pekerja profesional dan golongan pekerja biasa ini kepada suasana pekerjaan dalam negara kita yang akhirnya memberikan impak kepada rakyat Malaysia sendiri yang tidak dapat kerja dan tidak dapat untuk memenuhi kehidupan mereka. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bachok. Pada keseluruhannya macam saya katakan tadi, terdapat 2,096,675 orang pekerja asing yang sah yang berada bekerja di Malaysia. Dari segi pegawai-pegawai itu, mereka ini dikategorikan sebagai pegawai dagang. Tidak masuk dalam statistik ini. Statistik ini hanya untuk pekerja asing yang biasa sahaja. Dari segi sumbangan pekerja asing memang banyak, kalau kita tidak mempunyai pekerja asing yang datang ke Malaysia untuk bekerja, maka pembangunan kita tidak akan jadi begitu pesat begitu.

Dari segi pegawai asing ini pada keseluruhannya mereka ini dibawa masuk oleh syarikat-syarikat dan pegawai dagang. Pegawai dagang ini merupakan pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu. So, bagi pegawai dagang tidak mempunyai kesan apa-apa dari segi peluang pekerjaan di Malaysia sebab kebanyakan mereka ini mewakili syarikat dan mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Cuma dari pekerja asing sahajalah, pekerja asing yang biasa, mereka yang ada di sini, kita buat masa ini tak tahu lagi kesan dia macam mana. Ini disebabkan kita dapat melihat masalah ekonomi dunia telah melanda negara ini juga dan saya percaya ramai lagi rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara kemungkinan akan balik ke negara kita. Sama ada mereka ini rela akan bekerja dalam bidang-bidang yang diambil oleh pekerja asing atau tidak, kita tidak tahu lagi.

■ 1010

Jadi, kita perlulah sedikit masa. Walau bagaimanapun kerajaan mempunyai satu dasar iaitu mulai daripada sekarang kita akan memulakan pengambilan pekerja asing di semua bidang jika boleh supaya bidang ini dapat diberikan kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Batu Sapi.

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberi. Hasil dikutip adalah berbilion-bilion dan itu pun datang dari keputusan program pendaftaran tetapi program pendaftaran pekerja yang bermajikan 2008 ada banyak masalah di Sabah. Oleh sebab program ini dia mulai dari Ogos sehingga Oktober 2008 dan program ini kurang berkesan disebabkan oleh

tempoh yang singkat dan ini pun dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Sabah sahaja. Masalahnya ialah banyak alat dari kementerian lambat sampai ke Sabah dan ini menjadikan terlampau ramai pekerja tidak dapat didaftar. So, dengan ini soalan saya tambahan ialah adakah kementerian akan panjangkan masa untuk buat program ini. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan Yang Berhormat, mungkin boleh dapat jelaskan lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh bagi saya soalan yang dia akan faham... [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh bagi saya tanya soalan pula.

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Bukan, ini di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkas sahaja soalan Yang Berhormat.

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Di Sabah program ini tiga bulan sahaja. Pekerja yang bermajikan 2008. Masa yang diberi adalah banyak singkat, pendek masanya dan tidak cukup masa untuk bekerja ataupun majikan pergi buat pendaftaran untuk pekerja dia. So, inilah ada jadi masalah sebab keputusannya ialah banyak pekerja asing tidak dapat didaftar dan ini akan menjadi orang ini akan menjadi seperti *illegal immigrant*, dengan izin. So, *this will not benefit*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tanya soalan Yang Berhormat. Masa pendaftaran adalah singkat, soalnya bolehkah kementerian untuk menyambungkan memanjangkan.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini salah satu jenis masalah yang dihadapi di belah Sabah. Saya buat masa ini saya harus mengaku bahawa saya tidak mempunyai maklumat sama ada macam mana kita hendak menghadapi masalah itu tetapi Yang Berhormat telah pun bangkitkan dalam Dewan ini, saya akan bawa masalah ini balik dan kita akan tengok apakah melalui cara apa kita boleh membantu majikan-majikan di Sabah untuk membuat pendaftaran mengenai pekerja asing mereka ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Dato'.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagi saya satu soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kita hendak jalan sahaja Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu penting Yang Berhormat. Tidak apa, tungguilah kalau ada peluang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, penting kerana saya hendak bercakap keselamatan negara.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sokong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *National security.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah. Tidak payah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penting Tuan Yang di-Pertua, kalau pasal keselamatan negara, Tuan Yang di-Pertua kata tidak payah.

Dato' Chor Chee Heung: Saya boleh berbincang dengan Yang Berhormat sama-sama macam ini kita berdua dalam televisyen kita berdua selepas ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat memang faham tapi saya hendak bagi tahu kerajaan soal levi yang banyak ini tidak menguntungkan negara sebenarnya. Dari segi keselamatan Yang Berhormat kerana dia pekerja asing ini bukan sahaja merampas kerja-kerja beberapa pekerjaan dalam negara ini, satu perkara yang penting ini Yang Berhormat ialah soal keselamatan dan antara soal keselamatan ini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jalang-jalang yang daripada luar negeri datang ke negara kita mencari nafkah dengan cara begitu kotor yang menyebabkan penyakit-penyakit yang tidak difikirkan dulu berlaku kepada rakyat kita. Selain daripada sektor-sektor lain yang di ambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat kita hendak jalan lagi ke soalan nombor 2 Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: So, saya harap ini keselamatan, jalang-jalang Yang Berhormat, yang berleluasa.

Dato' Chor Chee Heung: Kalau macam ini Yang Berhormat macam rojak lah tadi.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tanya di luar.

2. Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikas menyatakan:

- (a) jumlah pusat jana kuasa bebas (IPP) yang dibina dalam lingkungan 100 meter daripada kawasan perumahan; dan
- (b) piawaian yang ditetapkan bagi memastikan tiada masalah pencemaran udara, bunyi bising, gegaran dan kadang kala letupan-letupan yang berlaku daripada pusat jana kuasa berkenaan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Telok Kemas atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua hanya sebuah jana kuasa bebas (IPP) yang dibina dalam lingkungan 100 meter daripada kawasan perumahan iaitu *Port Klang Power Sdn Bhd* atau *PD Power* di Tanjung Gemok Port Dickson, Negeri Sembilan. Stesen jana kuasa ini terletak

berhampiran dengan taman perumahan NLFCS. Piawaian bagi kawalan bunyi bising yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah seperti berikut:

- (a) di waktu siang di bawah 65 desibel atau dBA iaitu unit ukuran paras bunyi
- (b) di waktu malam ialah di bawah 55dBA yang diukur di luar pagar premis yang menjana bunyi tersebut.

Piawaian bagi gegaran mengikut paras yang ditetapkan oleh *International Standard* pula adalah seperti berikut:

- (a) paras gegaran untuk tindak balas ke atas manusia dari gegaran berterusan adalah ditetapkan berdasarkan unit ukuran paras gegaran ISO 2,031 dan BS 6472 iaitu maksimum 2.0 milimeter per *second root* min square atau mms/rms pada waktu siang maksimum 0.8 mms atau milimeter per saat *root* min *square* pada waktu malam; dan
- (b) paras gegaran selamat untuk potensi kerosakan struktur pula daripada gegaran berterusan ditetapkan di bawah 2.5 mms/rms.

Bagi mengurangkan bunyi letupan atau *popping* dengan izin yang disebabkan oleh pelepasan gas pihak Petronas Gas Berhad telah mengganti injap keselamatan pada *metering station* dan stesen jana kuasa tersebut. Sukacita saya nyatakan di sini bahawa stesen jana kuasa PD Power tersebut beroperasi mengikut ketetapan *environment impact assessment* atau PIA yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Telok Kemang.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: Ya Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana jawapan itu. Memanglah kita akui piawai yang ditetapkan mengikut spesifikasi standard antarabangsa tetapi pada PD Power Sdn Bhd yang ada di Tanjong Gemok ini saya percaya operasi loji ini tidak mengikut piawaian yang ditetapkan kerana ia telah melibatkan beberapa masalah kepada penduduk-penduduk kawasan. Gegarannya telah menimbulkan retakan kepada rumah dan hingga hari ini masih lagi masalah itu di antara PD Power dengan penduduk.

■1020

Mengenai dengan masalah yang timbul ini belum dapat lagi diselesaikan hingga dibawa ke mahkamah. Saya mohon kementerian memberi penjelasan bagaimana mengawasi operasi loji ini hingga menimbulkan masalah seperti itu. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat Teluk Kemang atas keprihatinan Yang Berhormat. Berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk yang berdekatan dengan PD Power. Suka saya nyatakan di sini sekali lagi bahawa piawaian yang ditetapkan telah dipatuhi dan dari peninjauan dan kajian yang dibuat, sebenarnya tidak ada retakan. Oleh yang demikian, untuk

mengurangkan impak kepada apa yang dikatakan oleh penduduk, iaitu bunyi yang kuat dan gegaran kepada rumah.

Maka konsultan dari UTM yang telah dilantik bersama oleh PD Power Plant dengan persetujuan oleh penduduk dan JAS. Sehubungan itu, telah dicadangkan bahawa sekiranya tembok dibina berdekatan dengan pagar di antara perumahan di dengan PD Power Plant, maka semua ini akan dapat diatasi. Begitu juga, PD Power Plant telah bersetuju untuk membiayai kos untuk mengganti tingkap, mengganti pintu dan sediakan *air conditioner*.

Akan tetapi penduduk tidak bersetuju dan apa yang menjadi masalah pada masa ini adalah tuntutan dari penduduk untuk PD Power Plant membayar pampasan kepada rumah-rumah yang berdekatan dengan pagar penjana kuasa tersebut. Apa yang dipertikaikan adalah penilaian yang diminta dari pihak penduduk dan dipersetujui oleh PD Power Plant. Oleh kerana tidak ada persetujuan berkenaan dengan berapakah harga atau pampasan yang berpatutan, jadi, ia *direfer* ke mahkamah. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarokatuh. Dari soalan asal kita nampak gegaran, bising dan lain-lain lagi. Akan tetapi di Sabah gegaran tidak ada, bising pun tidak ada kerana tidak ada IPP. IPP yang dijanjikan dijawab soalan kita sewaktu Parlimen Kesebelas ia akan dibuat. Akan tetapi sehingga hari ini tidak ada IPP. IPP hanya dilaung-laungkan saja di Sabah. Jadi persoalan saya, bila IPP yang dirancang ini untuk sampai ke Sabah? Ini kerana sekarang Tuan Yang di-Pertua, setiap hari, empat lima kali sehari lampu elektrik putus. Jadi, kita minta bila IPP mahu diadakan di Sabah untuk menyelesaikan masalah. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan yang sentiasa menyuarakan permintaan penduduk dari Sabah. Bertuahlah orang Sabah oleh kerana ada pemimpin yang sebegitu rupa, yang...

Tuan Haji Roslan Shahrarum [Bukit Gantang]: Jawab soalan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: ...Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada IPP di Sabah tetapi belum mencukupi dan yang telah dirancang. Sebenarnya beberapa IPP mengikut yang ada, dua buah IPP sedang meneliti laporan EIA di Kimanis, dan satu lagi berkenaan dengan IPP yang akan menggunakan arang batu sebagai bahan bakar di Sandakan. Oleh kerana yang di Lahad Datu tidak dipersetujui oleh kerajaan negeri, jadi kementerian ini mengharapkan dalam lingkungan tiga tahun yang akan datang memang ada IPP dan *power* di Sabah akan mencukupi. Terima kasih.

3. Datuk Juslie Ajirol [Libaran] minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimana untuk mengubah pandangan luar negara terhadap orang Islam yang sering dikategorikan sebagai pengganas dan bagaimana cara untuk mengatasinya.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak peristiwa 11 September 2001, imej Islam telah banyak dicelaruai peristiwa dan

tanggapan anti Islam. Dari perbuatan mengecap Islam sebagai agama pengganas hinggalah pada karikatur keji dan tayangan menghina Islam. Memperli dan menghina Islam nampaknya berterusan sehingga satu persepsi anti Islam atau *Islamophobia* telah disebarakan merata dunia. Sehingga orang Islam seolah-olah sudah digolongkan sebagai pengganas.

Perbuatan menggolongkan semua orang Islam atau agama Islam itu sendiri dengan pengganas atau perlakuan mengganas adalah sesuatu keterlaluan dan paling tidak tepat. Malah melalui tindakan sedemikian boleh dianggap melulu dan amat tidak adil bagi muslimin dan muslimat. Dalam keterlaluan inilah banyak boleh dilakukan bagi menghindari prasangka dan pandangan serong ini. Langkah-langkah pencegahan yang dilakukan oleh Malaysia, Arab Saudi, Indonesia, Pertubuhan-pertubuhan Islam Antarabangsa seperti Persidangan Organisasi Islam (OIC), sememangnya telah banyak membantu dan meredakan imej serta tanggapan salah itu.

Ini termasuklah forum-forum mengenai Islam, kegiatan-kegiatan kesedaran *interfaith* seperti yang dianjurkan oleh Arab Saudi pada bulan Jun lalu. Pengadaan-pengadaan forum seperti *Islam and the West* yang telah berjaya didayausahakan oleh Malaysia baru-baru ini di Kuala Lumpur. Program-program jelajah... atau *reach out programe*, dengan izin sedikit sebanyak membantu meredakan kegiatan mencaci dan mengutuk Islam berkaitan keganasan. Tuan Yang di-Pertua, OIC juga telah berganding bahu dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menangani prejudis dan diskriminasi terhadap agama Islam dan para penganutnya.

Perhimpunan Agung PBB ke-59 telah meluluskan resolusi 59/199 untuk menentang segala bentuk diskriminasi terhadap agama termasuk Islam. Melalui resolusi tersebut OIC telah berjaya menyuarakan kepada masyarakat dunia terutama barat mengenai prejudis agama. Ianya mesti diterima bahawa keganasan dan agama adalah berasingan. Keganasan berlaku dan dilakukan oleh pelbagai pihak dan golongan, bukan bermakna itu merupakan sumbangan Islam. Akan tetapi sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum keberkesanan program-program dan tindakan ini masih dianggap terhad. Ini kerana kesedaran atau pemahaman terbitan daripadanya tidak dapat menyekat kumpulan-kumpulan pelampau.

Bagi kita di Malaysia tidak dapat tiada ketegasan penguatkuasaan undang-undang dan ketegasan sifat siap siaga menentang keganasan melalui langkah-langkah preventif atau pencegahan perlu diteruskan. Pusat Penyelidikan Anti Keganasan Tenggara Asia atau dengan izin, *South East Asia Research Centre for Counter Terrorism (SEARCCT)* bertempat di Kuala Lumpur adalah satu-satunya pusat penyelidikan serantau yang sentiasa cergas dalam jaringan dan kerjasama anti keganasan.

■1030

Pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, imej keganasan yang melekap pada Islam dan penganutnya memang sukar pada saat ini untuk dilupuskan begitu sahaja. Namun, usaha memurnikan semula Islam tanpa perangai ganas mesti dihapuskan melalui pelbagai tindakan.

Semua negara Islam dan bukan Islam berserta institusi dan badan-badan pendidikan, media dan lain-lain perlu terus gigih mengadakan program-program pencegahan supaya manusia tidak menjurus kepada amalan-amalan kekerasan untuk mendapatkan penyelesaian sesuatu konflik.

Pendekatan memusnahkan nyawa dan harta benda bukan jalan keluar dari sesuatu permasalahan hidup. Ianya perlu diterima bahawa Islam dan bukan Islam hidup ramai di dunia.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagai umat Islam, seharusnya kita berpendirian bahawa agama adalah membawa rahmat dan mempunyai pandangan yang sederhana dalam semua aspek. Walaupun jawapan yang begitu panjang lebar yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, namun ada persoalan di mana ketika ini contohnya yang berlaku di Mumbai baru-baru ini, ianya juga dikaitkan tentang pengganas daripada Islam.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri, di antaranya negara kita juga dikaitkan sebagai tempat perlindungan pengganas-pengganas. Jadi, bagaimanakah kerajaan kita menangani masalah ini? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Libaran, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini teragih kepada dua aspek. Pertamanya ialah terhadap pandangan bahawa kegiatan keganasan itu dikaitkan dengan Islam. Sebahagiannya telah pun saya jelaskan. Latar belakangnya pun sedemikian.

Kedua, dikaitkan dengan Malaysia. Sukacita saya menyatakan bahawa dakwaan yang pertama tadi tidak berasas sebabnya bukti-bukti atau kononnya bukti-bukti yang dikemukakan oleh pihak yang mendakwa menerusi media bahawa kegiatan melampau keganasan di Mumbai itu berkaitan dengan Islam tidak berasas. Sama ada di bawah undang-undang India yang mana akta keterangannya sama dengan kita atau pun di bawah Akta Kanun Jenayah India di mana *penal code* atau Akta Keseksaan sama dengan Malaysia tidak terbukti. Sebab tu lantas Kerajaan India menyatakan dakwaan bahawa sebahagian daripada kegiatan-kegiatan keganasan itu berkaitan dengan perihal di Malaysia juga tidak berasas.

Bahagian yang menyatakan segmen dakwaan terhadap kaitan Malaysia itu sekarang sudah lupus dan sudah tidak dibangkitkan lagi. Janganlah pula hendaknya mana-mana pihak sekarang menyatakan bahawa Malaysia mempunyai beberapa kemudahan ataupun segmen kehidupan yang berkaitan dengan peristiwa di Mumbai. Mumbai, peristiwa berasingan. Ia mempunyai latar belakang khusus dan sama ada FBI atau pun pihak berkuasa Scotland Yard telah pun menjalankan tugas masing-masing. Malaysia bebas daripada tanggapan tersebut.
[Tepuk]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bahawa tidakkah kita melihat bahawa timbulnya masalah keganasan ini adalah hasil daripada hilangnya kepercayaan pihak-pihak yang tertentu terhadap

institusi-institusi antarabangsa yang sepatutnya menjadi mekanisme untuk menyelesaikan konflik dengan cara yang adil.

Sebagai contoh peranan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menyelesaikan konflik Palestin, peranan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghalang pencerobohan Iraq dan Afghanistan. Maka, apakah peranan kerajaan Malaysia untuk mendesak supaya institusi-institusi antarabangsa yang sepatutnya bertindak dengan adil dan saksama tidak lagi dipengaruhi oleh kuasa-kuasa besar yang mempunyai agenda tersendiri. Terima kasih. Tepuk la sedikit. *[Tepuk]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila marah dengan nyamuk, kelambu tidak harus dibakar. Kalau seseorang itu bengis terhadap tindakan sesuatu institusi dunia atau institusi perundangan, jalan terbaik ialah menggunakan daya cipta pemikiran dan tindakan sekutu kita sendiri. Oleh itu mengambil tindakan di luar undang-undang tentu sekali tidak akan berjaya dalam jangka panjang.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi kelambu sudah berlubang-lubang. Kelambu sudah berlubang-lubang. Kena tukar kelambu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Shah Alam, dengarlah dahulu.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Makan ubi sampai empuk, untuk berada di tengah malam, jangan suka hati menyampuk, nanti kapal tenggelam. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan lah begini. Sifat kita bertindak mesti dihormati oleh pelbagai pihak. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa kegagalan sesuatu institusi perundangan itu telah menyebabkan keganasan itu muncul dalam bentuk yang ada sekarang.

Berkaitan dengan isu Palestin, ianya berkaitan dengan sejarah. Dengan tahun 1948 dengan Ghaza Strip, dengan pelbagai tindakan yang tidak dapat kita huraikan di sini. Ianya tidak ada kaitan tetapi sekiranya Yang Berhormat mempunyai hujah untuk mengaitkan perkara tersebut, kita boleh bersidang dalam kelompok yang lain. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, boleh?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi soalan tambahan?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, ini cukup penting, Menteri ada di sini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh bagi soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita ini calon naib presiden yang layak boleh menjawab tiga empat soalan Tuan Yang di-Pertua kalau boleh. Ini soalan yang penting Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Semua soalan penting Yang Berhormat. Tadi, Yang Berhormat kata penting juga nombor dua tadi. Ini pun penting juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hari ini nampaknya soalan-soalan semua yang baik-baik.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini isu keganasan di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi, ini bukan masa untuk berdiri meminta soalan Yang Berhormat. Ini masa soalan dan saya sudah beritahu. Saya faham Yang Berhormat, saya menghormati Yang Berhormat sekalian, hormatilah saya juga.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Bagi, bagi. Hendak masuk TV ini.

4. Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah hotel yang sedang beroperasi di seluruh negara mendapat pengiktirafan logo "HALAL" dan berapakah yang masih belum mendapat pengiktirafan tersebut. Apakah usaha untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Waalaikumsalam warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada daftar hotel yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia sehingga 31 Disember 2007, terdapat 2,360 hotel yang sedang beroperasi di negara ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 123 buah hotel telah memohon sijil atau logo halal daripada HDC.

Hotel yang telah mendapat pengiktirafan sijil atau logo halal HDC adalah sebanyak 18 buah. 31 buah hotel lagi sedang dalam proses untuk kelulusan. Empat buah hotel merupakan permohonan baru. 64 buah hotel dalam proses melengkapkan borang dan tiga buah hotel telah tamat tempoh dan dalam proses pensijilan pembaharuan. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk jumlah hotel yang mendapat sijil atau logo halal daripada Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri.

Berbagai usaha telah dilakukan bagi mengatasi masalah kurangnya hotel mempunyai sijil logo halal yang mana kita menganjurkan bengkel khusus kepada hotel yang berminat untuk mendapatkan sijil atau logo halal. Begitu juga diadakan siri taklimat dan ceramah bagi mendidik masyarakat supaya memilih hotel yang mempunyai sijil logo halal bagi memenuhi keperluan mereka seperti mengadakan seminar, majlis berbuka puasa, kenduri kahwin dan sebagainya.

■1040

Mengeluarkan siaran akhbar menyeru masyarakat umum supaya memilih hotel yang mempunyai sijil atau logo halal untuk apa-apa aktiviti harian. Menggalakkan jabatan-jabatan untuk mengadakan aktiviti di hotel yang hanya mempunyai sijil logo halal dan juga mengadakan pameran bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna dan pengusaha agar

mengutamakan hotel halal dalam setiap aktiviti serta membangunkan portal halal bagi memberi maklumat kepada pengguna yang ingin mendapatkan maklumat hotel halal dan kita juga melalui media elektronik mengadakan beberapa siri dokumentari Halal Sentiasa melalui saluran TV2. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Persoalan halal haram ini ialah satu perkara yang sangat penting bagi umat Islam. Jadi sejauh mana ketegasan Kerajaan Malaysia? Masalah halal ini seharusnya menjadi satu kewajipan bukan satu perkara yang apabila mereka berminat untuk memohon. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh mana ketegasan yang dibuat dan apakah tindakan yang diambil terhadap hotel-hotel yang tidak berusaha untuk mendapatkan logo halal ini.

Sejauh mana pemantauan dibuat terhadap hotel-hotel? Sebab kita semua Ahli Yang Berhormat ramai yang menginap di hotel. Macam mana kita nak pastikan hotel yang kita menginap adalah hotel yang halal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah ceramah Yang Berhormat, tak payah, soalan berbangkit Yang Berhormat, soalan dah cantik.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin kepastian daripada pihak kerajaan, berapakah tindakan yang telah diambil setakat ini. Sejauh manakah untuk memastikan bahawa peniaga atau pengusaha hotel ini, mereka ini dididik dan diberi kesedaran supaya semua 2,000 lebih hotel di Malaysia mendapat pengiktirafan logo halal dari kerajaan Malaysia. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Biar betul-betul, jangan main-main.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Pertamanya Yang Berhormat, kita mesti faham bahawa akta di dalam negara kita tidak mewajibkan seseorang atau hotel untuk mendapatkan sijil halal. Begitu juga, dalam hal ini kerajaan mengadakan kempen mestilah melalui pertubuhan yang mana dalam hotel ini ada dua pertubuhan. Pertubuhan yang pertama ialah MAH, *Malaysia Association of Hotel* yang kita panggil sebagai Persatuan Empunya Hotel dan yang keduanya, MAHO atau *Malaysian Hotel Operation* yakni daripada Persatuan Operator-operator Hotel.

Apa yang dapat kita buat ialah kita berkempen untuk mengajak mereka ini. Akan tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat, ada beberapa kekangan daripada hotel sendiri yang tidak mahu mendapatkan logo halal. Antaranya mereka melihat bahawa mereka tiada kepentingan, bagi hotel-hotel lima bintang yang sudah diiktiraf secara antarabangsa, mereka tidak memerlukan kepada memohon sijil halal ini. Sijil yang kita beri ini Yang Berhormat, adalah hanya kepada dapur sahaja. Kita tidak beri kepada *the whole hotel* atau semua hotel ini tetapi kepada dapur sahaja.

Apabila diberikan kepada dapur, sesetengah daripada hotel ini merasa berat kerana ia melibatkan kepada *renovation* dengan izin, kepada hotel itu sendiri kerana dalam syarat untuk mendapatkan sijil halal, mereka tidak boleh mencampuri dapur untuk mendapat sijil halal ini dan dapur yang tidak halal. Jadi hal ini menyebabkan setengah dari hotel tidak mahu untuk mendapatkan sijil halal. Selain daripada itu, sebahagian daripada chef-chef mereka ini tidak mahu bertolak ansur dalam hal rasa. Umpamanya Yang Berhormat, kita katakan sebagai dapur makanan Jepun misalnya. Mereka ada *ingredient*, bahan-bahan tertentu yang dicampurkan yang mereka tidak mahu *tolerate* atau bertolak ansur yang mana kita tidak dapat memberi sijil halal apabila mereka tidak mahu *tolerate* dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini soal berat ni, daripada 2,360, hanya 123 sahaja hotel yang memohon pensijilan halal. Minta disebut nama hotel lima bintang yang tak nak memohon. Apakah hukumnya tanggungjawab kita kerajaan ini? Kerajaan patutnya, banyak akta, banyak undang-undang, boleh digubal, boleh dibentang tapi kenapa tidak boleh bentang tentang sijil halal. *[Tepuk]* Mewajibkan hotel-hotel dan mana-mana restoran untuk memohon sijil halal ini. Apa hukumnya kalau kita makan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Sebenarnya macam saya sebut tadi, kita tidak ada akta yang mewajibkan mereka untuk mendapatkan.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Buatlah!

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Ha itu kita kena masuk dalam Parlimen lah nanti.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Buatlah akta, bentang akta!

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Kena tubuh segera, 18 sahaja lulus.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bawalah akta itu.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Bawa nanti, kita memang sekarang ini nak bawa dulu Akta HDC Yang Berhormat. Selepas ini kita akan bawa akta ini. Jadi Yang Berhormat, ...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Nak tubuh HDC, akta tak ada macam mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah kelemahan kerajaan.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Nak tubuh macam mana? Akta tak ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akta pun tak ada...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Buat segera, buat segera!

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Setakat ini ada akta daripada...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Permintaan Yang Berhormat Kuala Krau, senaraikan hotel-hotel yang tidak halal, boleh tak bagi kita?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Kita sebenarnya Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biar kita tayangkan, keluarkan di surat khabar jadi orang Islam tahu.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Yang Berhormat, kita ada portal, Yang Berhormat boleh layari di situ untuk melihat hotel mana yang halal dan haram.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang kampung tak tahu dia, orang Arab daripada Mekah, dia tidak dapat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Baik Yang Berhormat, setakat ini saya boleh sebutkan beberapa hotel yang mendapat sijil halal tapi saya tidak boleh sebut hotel yang tak nak minta Yang Berhormat. Antara hotel yang dapat sijil halal seperti Grand Dorset, Grand Palace Hotel, Armada Petaling Jaya dan Seri Malaysia itu memang dah dapat. Lotus Nation dan kita ada juga Hotel Legend, Marriot Putrajaya dan Pan Pacific. Ini antara sebahagian yang dapat saya sebut tetapi secara sepenuhnya kita dapat layari.

Tapi kalau Yang Berhormat Kuala Krau tanya, apa hukumnya makan? Makanan yang tak halal itu memang hukumnya tak boleh tetapi hukumnya senang kalau Yang Berhormat dah tahu dah hotel itu tak halal, jangan makan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Mana nak tau? Dari mana sumber maklumat itu?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ulama, ulama UMNO mana?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Dari portal lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan cakap macam itu Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa ustazah cakap macam itu ustazah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasihlah Yang Berhormat, saya pun tersasul Yang Berhormat.

5. **Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah pihak kementerian menjalankan kajian kesan perladangan kelapa sawit dalam skala besar akibat penggunaan racun dan baja kimia.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Yang Berhormat dari kawasan Sibuti. Tuan Yang di-Pertua, di kawasan perladangan kelapa sawit, tiada penggunaan racun perosak berskala besar digunakan kecuali penggunaan *bio pesticide*. *Bio pesticide* ini menggunakan agen *biological* yang dinamakan *bacillus thuringiensis* di kawasan hilir Perak. Namun demikian kajian persekitaran menunjukkan tiada kesan buruk akibat dari penggunaannya.

Kementerian Perusahaan Perladangan melalui MPOB iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah menjalankan penyelidikan penentuan kecekapan penggunaan baja. Penyelidikan ini menekankan kepada penggunaan baja secara seimbang dan tepat untuk mendapat hasil sawit yang tinggi di samping mengurangkan kesannya terhadap alam sekitar. Kesan penggunaan baja terhadap alam sekitar sedang dikaji secara lebih teliti lagi dalam satu kajian dinamakan kajian penilaian kitaran hayat atau dalam bahasa Inggeris, *life cycle analysis*. Apabila kita dapat menghabiskan kajian tersebut, kita akan mengumumkan keputusan yang kita dapat supaya kita juga memberikan satu maklumat yang tepat kepada semua pengguna baja di seluruh negara kita ini. Sekian.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri yang menjawab. Terima kasih kerana beliau sendiri datang menjawab soalan saya. Apa yang saya difahamkan bahawa baja dan racun ini sedikit sebanyak menjejaskan kesihatan pekerja-pekerja ladang dan juga apabila takungan tahi-tahi minyak dengan izin *sludge oil palm* ini terlalu penuh dan akan mengalir ke dalam sungai. Kemudian itu, habitat-habitat dalam sungai seperti udang, ikan dan lain-lain menjadi gemuk dan sihat. Kemudian, rakyat-rakyat yang mendiami di tepi sungai itu akan memakan ikan dan juga udang-udang ini dan mendapat penyakit gatal-gatal dan sebagainya. Apakah tindakan pihak kementerian ataupun penyiasatan pihak kementerian berkenaan hal ini. Sekian, terima kasih.

■1050

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat terima kasih tentang soalan tersebut itu. Mengenai kesihatan pekerja, saya nak terangkan di sini bahawa semua pekerja di ladang diwajibkan untuk mengikut kaedah yang ditetapkan oleh pihak jabatan mengenai keselamatan pekerja ini yang dibawa Kementerian Sumber Manusia.

Ini maknanya kita mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu supaya pekerja yang perlu bekerja di ladang itu terutamanya kepada mereka yang ingin nak terlibat dalam kerja penyemaian, racun dan sebagainya. Mereka kena ada memakai perlindungan yang begitu rapi, supaya mereka tidak terkena terus dengan racun.

Saya juga nak sebutkan pada masa yang sama, racun yang kita gunakan ialah racun yang *biodegradable*. Ini maksudnya, racun tersebut itu tidak dapat mengadakan kesan yang lama terhadap alam sekitar terutamanya kepada air yang di dalam sungai yang terdekat. Akan tetapi pada masa juga, saya ingin nak akuilah bahawa ada juga kes-kes pelanggaran peraturan yang kita kesan di dalam situasi di ladang. Kalau ada kes tersebut, kes-kes ini memang kita ambil perhatian yang rapi, mereka boleh dihadapkan ke mahkamah, iaitu tuan punya syarikat atau ladang-ladang syarikat ladang tersebut yang melanggar peraturan yang kita tetapkan.

Mengenai *sludge oil ponds* ini, iaitu kolam di mana mereka kilang ini merawat sisa-sisa daripada kilang. Saya juga ingin sebut di sini, bahawa ada juga peraturan yang pihak kilang kena laksanakan. Pada masa yang sama, kalaulah ada kes-kes yang mana sisa ini mengalir ke

sungai atau berdekatan dengan rumah penduduk, maka kes-kes ini perlu dilaporkan kepada pihak MPOB supaya siasatan kena dibuat. Akhirnya kita akan mengambil tindakan melalui undang-undang kecil yang berkaitan dengan pelaksanaan kerja di kilang-kilang tersebut.

Saya harap Yang Berhormat bukan saja di Sibuti, Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan yang lain perlulah bekerjasama dengan pihak MPOB. Ini supaya kalau ada kes-kes yang kita kesan, memang ada kesan-kesan terhadap kesihatan atau kesihatan pekerja, kita perlu laporkan. Saya relalah kalau Yang Berhormat sekalian, ingin nak hantar laporan kepada saya, saya akan membuat siasatan tersebut supaya kita boleh menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan kesihatan pekerja dan juga kes-kes yang akan ambil unsur-unsur buruk kepada alam sekitar. Sekian.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sektor pertanian sekarang ini sedang berkembang kepada sistem yang mesra alam yang akan menyelamatkan situasi negara kita khususnya selepas kita mendapat kesedaran Alam sekitar. Terutamanya penggunaan teknologi seperti baja organik dan juga racun organik, termasuk juga kawalan secara biologi.

Seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu *biopesticide* dan juga penggunaan EM - Efektif Mikroorganisma. Kebimbangan kita ialah kerana syarikat-syarikat besar ini, mereka lebih mudah menggunakan racun kimia dan juga baja kimia terutamanya racun kelas 1, 1a, kelas 1b seperti racun *monocrotophos* untuk nak mengatasi masalah ular ratus dalam kelapa sawit.

Jadi soalan tambahan saya ialah, adakah pelan jangka panjang daripada pihak-pihak kementerian supaya menukar sistem penggunaan racun dan baja yang berunsur kimia kepada racun dan baja yang lebih mesra alam dalam bentuk organik dan juga baja organik. Ini supaya sistem itu dapat kita laksanakan secara lebih jangka panjang. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat, pertanyaan itu memang penting bagi industri kita untuk masa hadapan. Saya setuju bahawa industri kelapa sawit ini atau industri perladangan mana-mana yang ingin menggunakan racun. Racun tersebut mestilah ada racun yang bersifat organik dan juga baja yang berorganik. Mengenai racun yang dalam kelas A dan B itu, memang saya rasa itu adalah racun-racun yang dikawal oleh Akta Racun di negara ini. Oleh sebab itu mereka mestilah ada kaedah-kaedah yang tertentu apabila racun tersebut digunakan di peringkat ladang. Akan tetapi, saya nak sebut juga bahawa kegunaan racun dengan cara meluas tidak dipraktikkan sama ada di ladang besar atau di ladang kecil.

Namun, ada kes-kes tertentu di mana racun kelas A dan B ini kena diguna pakai; sebab ada penyakit-penyakit tersebut kita kena kawalnya. Ini supaya penyakit itu tidak berleluasa, tidak merebak ke lain-lain kawasan dan sebagainya. Dari sebab itulah kes-kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu berlaku. Kita akan melalui *life cycle analysis* ini Yang Berhormat. Sebab *life*

cycle analysis ini terlibat juga dalam kegunaan racun, baja, alam sekitar dan sebagainya. Apabila kajian itu sudah diselesaikan, kita akan umumkannya. Sekian.

6. Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan :-

- (a) perancangan Kerajaan ke atas tapak tanah di Kg. Kerayong dan juga Kg. Indian Settlement dalam Parlimen Titiwangsa; dan
- (b) apakah tawaran Kerajaan bagi penduduk yang ingin berpindah dan bagaimana pula nasib bagi mereka yang enggan berpindah.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat ahli Yang Berhormat Titiwangsa, tanah yang menempatkan kampung-kampung Kerayong, sebahagian adalah tanah milik agensi kerajaan kepunyaan Majlis Sukan Negara, dan tanah rizab sungai. Tanah penempatan di kampung *Indian Settlement* pula adalah merupakan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan sebahagiannya adalah tanah Kerajaan Pusat. Buat masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih belum mempunyai sebarang perancangan untuk membangunkan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk kampung *Indian Settlement*.

■ **1100**

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri dari segi dasar telah bersetuju untuk mengkaji, untuk mencari jalan untuk membina rumah PPR di kawasan Kampung Pandan. Manakala bagi tanah yang menempatkan penduduk-penduduk Kampung Kerayong, Majlis Sukan Negara adalah di luar bidang kuasa kementerian ini dan terpulanglah kepada agensi berkenaan untuk membangunkannya. Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua penempatan ini adalah dipenuhi dengan penduduk setinggan. Daripada bancian Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dianggarkan seramai 250 keluarga setinggan. Penempatan Kampung India, *Indian Settlement* adalah 291 keluarga dan bagi menjawab soalan kedua Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur akan menawarkan penduduk-penduduk setinggan yang layak di dua-dua penempatan ke PPR yang masih kosong seperti PPR Muhibah. Ini adalah bersesuaian dengan hasrat Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur untuk mencapai sifar setinggan di Kuala Lumpur.

Adalah diharapkan agar setinggan yang telah ditawarkan untuk mendiami oleh rumah PPR mengambil tawaran berkenaan. Di dalam proses untuk perpindahan, setinggan, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur mengambil pendekatan status berhemah di mana Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur akan mengadakan perbincangan dengan wakil penduduk, memberi notis pengosongan tapak dan pencerobohan rumah setinggan dalam tempoh yang munasabah. Tindakan yang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini adalah untuk memberi maklumat secukupnya kepada penduduk-penduduk setinggan supaya mereka bersedia untuk berpindah kepada PPR yang dirancangkan. Sebagai contoh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

telah pun menawarkan sejumlah 250 keluarga Kampung Setinggalan *Indian Settlement* untuk mendiami di rumah PPR Kampung Muhibah pada 1 September 2007.

Malangnya hanya enam keluarga setinggalan yang mengambil tawaran manakala baki 244 keluarga setinggalan yang lain tidak mengambil tawaran. Daripada jumlah ini pada 1 Mei 2008 Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur telah menawarkan program pemindahan kepada 16 keluarga setinggalan di PPR Balik Permai. Ini kerana setinggalan-setinggalan berkenaan perlu dipindahkan segera kerana terlibat dengan cadangan kerja-kerja pelebaran jalan. Hanya satu keluarga yang telah mengambil tawaran manakala baki 15 keluarga lain masih berada di tapak, terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi ini adalah dua kawasan setinggalan di Parlimen Titiwangsa dan saya kira di Kampung Kerayong itu keadaannya sangat teruk, sangat daif dan air kumbahan merata-rata. Di Kampung Kerayong ini ketua kampung tidak ada, yang ada cuma Ketua UMNO sahaja. Tetapi 40 tahun menjadi setinggalan, itu saya ceritalah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah yang kata hendak dipindahkan itu dan saya difahamkan sebelum ini mereka akan dipindahkan ke PPR Sri Alam di Sungai Besi yang berhampiran. Begitu juga daripada *Indian Settlement*. Jadi di pindahkan ke PPR Muhibah 50 kilometer, sedangkan mereka sebahagian besarnya mencari rezeki dan bekerja di kawasan Parlimen Titiwangsa atau berdekatan dengan Kampung Pandan itu. Yang keduanya saya hendak bertanya pihak menteri ada berjanji dengan penduduk-penduduk sama-sama dengan saya di situ bahawa hendak mengekalkan *Indian Settlement* itu sebagai salah satu daripada warisan kemerdekaan kita. Jadi saya harap dapat sedikit jawapan penjelasan yang jelas.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kebetulannya apabila kita kata Kampung Pandan ke Bukit Jalil 50 kilometer, tidak betullah, tidak lebih daripada 20 kilometer. Yang kedua mengenai perjanjian membina balik *Indian Settlement*, seperti mana saya sebut tadi dari segi dasar Yang Berhormat Menteri telah bersetuju untuk membina balik kawasan setinggalan Kampung Pandan untuk penduduk tetapi dalam peringkat kajian. Kita perlu kaji sama ada pembangunan itu relevan atau tidak. Yang ketiga mengenai setinggalan Kampung Kerayong, buat masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai lebih kurang 4,000 rumah yang telah siap di Bukit Jalil. Apabila kita buat penempatan semula kebanyakan penduduk setinggalan memilih kadang-kadang ada juga Ahli Parlimen yang telah kehilangan pengundi, mereka menghalang penduduk setinggalan berpindah ke kawasan terbaru. Sekiranya Yang Berhormat bersetuju saya bagi jaminan, saya akan uruskan dalam kadar segera untuk penempatan semula di Bukit Jalil, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa PPR yang dibangunkan di tempat seperti Kampung Muhibah di Puchong, 20 kilometer dari Kuala Lumpur. Adakah kerajaan berhasrat untuk membangunkan PPR di tempat yang strategik seperti di Cheras, di Titiwangsa di Bukit

Bintang bahawa setinggan-setinggan yang terlibat boleh dipindahkan ke satu tempat yang lebih sesuai, lebih memuaskan oleh kerana anak-anak mereka yang bersekolah di sekitar dan juga penduduk-penduduk yang bekerja di tempat yang dekat. Adakah kerajaan akan menimbangkan bahawa satu rancangan yang lebih menyeluruh bahawa PPR akan dibina di tempat yang lebih sesuai seperti di apa yang saya katakan, minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan memang peka dan sensitif terhadap permintaan penduduk-penduduk setinggan. Walau bagaimanapun kedudukan, status tanah, kekurangan tanah di Wilayah Persekutuan memang mencatatkan hasrat kita untuk membina kawasan PPR yang berhampiran. Walau bagaimanapun kementerian cukup prihatin untuk mengkaji, mencari jalan untuk mengatasi masalah ini, terima kasih.

7. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Perdana Menteri menyatakan tentang komitmen Lembaga Tabung Haji dan lain-lain agensi kerajaan ke arah melaksanakan tanggungjawab sosial terutamanya terhadap masyarakat luar bandar seperti di kawasan Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa perasan biasanya soalan saya nombor satu, nombor dua. Sekarang soalan nombor 7... *[Ketawa]*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, dalam membantu mereka yang susah dan memerlukan terutama kepada masyarakat luar bandar, sudah menjadi satu kewajipan bagi Lembaga Tabung Haji selaku sebuah organisasi Islam. Setiap tahun Tabung Haji tidak pernah lalai dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap sosial, terhadap masyarakat dan di antara tanggungjawab sosial yang telah dilaksanakan pada 2007 ialah pembangunan modal insan, bantuan kepada rakyat miskin, program Ihya' Ramadhan di setiap negeri, bantuan dalam komuniti yang memerlukan seperti mangsa banjir, kebakaran dan bencana alam, sumbangan rumah anak yatim, badan kebajikan dan pusat khidmat masyarakat. Setakat ini Yang Berhormat, program di Sabah belum lagi masuk ke Kinabatangan.

Tetapi aktiviti yang telah diadakan di Sabah ialah seperti di Sekolah Menengah Agama Al Irshadiyah Marakau, Ranau dan Sekolah Menengah Agama Rakyat Kampung Padang Damit, Beaufort, dan Kampung Islam Sabah, Kampung Batandok Beaufort. Insya-Allah program-program ini akan diperluaskan lagi di sekolah-sekolah luar bandar yang lain dan sekiranya ada permohonan yang tertentu daripada kawasan-kawasan yang tertentu, Tabung Haji akan memberikan pertimbangan, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak ucapkan tahniah kepada Tabung Haji sebab diiktiraf oleh Negara Arab Saudi sebagai satu agensi pengendalian Haji yang terbaik di seluruh dunia. Soalan tambahan saya memang terkilan dan sedih sebab saya tahu sebahagian besar pendapatan Tabung Haji melalui kelapa sawitnya dari Kinabatangan, perladangan. Tetapi satu obligasi sosial pun tidak ada. Adakah baiknya kalau Tabung Haji sekurang-kurangnya satu tahun bagilah 20 orang dari Kinabatangan untuk mengerjakan Haji. Sudahlah kita dalam malapetaka banjir, satu sen sumbangan pun tidak ada. Jadi saya sedih, adakah pihak Tabung Haji berhasrat untuk melakukan seperti yang saya cadangkan. Kalau tidak kenapa, kalau ya, bila boleh bermula?

Datuk Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, kita sedia maklum sekarang ini harga kelapa sawit pun sudah jatuh Yang Berhormat Kinabatangan. Walau bagaimanapun, persoalan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu sekarang, berpuluh-puluh tahun harga naik tidak juga bagi tahu.

Datuk Dr. Mashitah binti Ibrahim: Yang Berhormat sebenarnya maklumat tentang daerah-daerah mana yang memerlukan kepada bantuan dan sebagainya akan dimaklumkan oleh Pengarah Negeri Tabung Haji. Jadi mana-mana daerah ataupun kawasan yang memerlukan biasanya akan memaklumkan kepada Pengarah Negeri Tabung Haji atau boleh maklum terus kepada HQ dan kami akan mengambil tindakan kepada kawasan-kawasan itu dan cadangan Yang Berhormat itu kita ambil kira, terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Jerai. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Jerai kat belakang.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Timbalan Menteri. Berkaitan dengan tanggungjawab sosial, jadi pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Tabung Haji Malaysia kerana telah mengizinkan seramai 170 jemaah haji dari Jerai menunaikan Haji ke Mekah pada tahun ini. Yang keduanya saya mohon supaya Tabung Haji melihat semula ada di kalangan warga emas khususnya yang telah pun berkali-kali, bertahun-tahun pergi kursus, duit pun sudah cukup tetapi tarikh penerbangan 2014, 2015.

■1110

Jadi apakah pihak Tabung Haji tidak melihat semula dan mengkaji semula supaya warga emas ini dapat disegerakan pergi ke Mekah memandangkan kursus berkali-kali, kesihatan mereka sudah pun terancam. Jadi dengan tempoh tersebut menjadi panjang dan mohon Tabung Haji supaya tengok. Ketiga Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Banyak sangat Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tanggungjawab kebajikan sosial supaya pergi ke Jerai lah, Jerai ini kerap kali banjir, pohonlah Tabung Haji salur sedikit bantuan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat, bagi warga emas yang memohon untuk pergi ke haji kita memang ada satu kuota khas tetapi dia kena maklumkanlah sama ada dia hendak pergi cepat ataupun kadang-kadang ada muhrim yang bersama-sama yang hendak bawa dia. Jelasnya Yang Berhormat memang ada kuota khas untuk warga emas dan mereka-mereka yang berpenyakit dan sebagainya tetapi ini kena dimaklumkan tahun bila mereka hendak mengerjakan haji dan memang kita akan memberikan satu perhatian khusus kepada mereka. Terima kasih.

8. Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah siasatan polis terhadap kes penculikan dan pembunuhan Nurin Jazlin Jazmin dan kes penculikan Sharlinie Mohd Nashar.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan pada pagi ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat ini pihak polis telah membuat beberapa tangkapan berhubung dengan kes pembunuhan Nurin Jazlin dan kehilangan adik Sharlinie namun demikian tiada sebarang keterangan ataupun bukti-bukti yang menunjukkan mereka ini terlibat. Pihak polis masih lagi menyiasat, tidak pernah sesekali pun menutup kes-kes ini selagi ianya belum diselesaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sememangnya kes-kes ini merupakan kes yang begitu menyayat hati. Namun demikian dalam kes Nurin, saya ingin menyatakan bahawa keluarga yang telah ditahan semasa bulan Ramadhan iaitu keluarga Encik Zamri. Dia merupakan orang daripada kawasan Parlimen Shah Alam, dia telah dilayani dengan begitu buruk sedangkan dia telah didapati tidak bersalah soal siasat. Begitu juga bagaimana kononnya penglibatannya telah diumumkan melalui surat khabar, media dan sebagainya seolah-olah pihak polis memberitahu kepada pihak media bahawa tangkapan akan diadakan dan bila polis menahan kereta beliau di tengah jalan, pihak media sudah ada untuk mengambil gambarnya.

Damage, malu yang telah dia lalui dan terpaksa tanggung begitu besar dalam kes ini. Lalu saya ingin tahu sejauh mana pihak polis dalam soal ingin menahan pihak-pihak yang bersalah di samping itu mengakui dan mengiktiraf bahawa pihak yang disyaki juga mempunyai hak dan tidak patut dan tidak perlu didedahkan kepada pihak media tanpa adanya satu bukti yang kukuh kerana dengan izin, *'two wrongs do not make a right'*. Jangan oleh sebab kita hendak cari pihak yang bersalah sehingga kita sanggup melakukan satu tindakan yang menzalimi dan menganiaya orang yang tidak bersalah. Kalau boleh saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan peraturan-peraturan dan pengajaran-pengajaran yang telah diperolehi dalam kes yang seperti ini. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Shah Alam. Sebenarnya bila terdapat kes-kes pembunuhan seperti kes adik Nurin ini, pihak polis akan menyiasat dengan secepat mungkin dan cukup mendalam dan segala suspek-suspek termasuk juga ibu bapa ataupun saudara mara yang kemungkinan ada berkaitan, ada kemungkinan atau tidak itu soal lain. Akan tetapi bila mengikut siasatan polis, lebih baik kita memanggil mereka ini datang ke balai polis untuk membantu dalam siasatan. Maka mereka ini akan diberitahu dan minta mereka datang. Saya percaya dalam kes ini bukan polis yang sengaja memberitahu dunia kata kita akan tangkap bapa kepada adik Nurin. Cuma bila polis buat *statement* ataupun buat kenyataan bahawa segala suspek akan diminta...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maklumat itu tidak betul, bukan bapa kepada Nurin yang ditahan. Soal bapa kepada Nurin itu macam-macam khabar angin itu pun satu hal lah tetapi ini orang lain. Encik Zamri ini dia ditahan pada bulan puasa, isteri dia mengandung, dia diheret ke balai polis dikasari sedangkan dia masih belum lagi terbukti bersalah. Lalu prosedur-prosedur yang seperti ini, kita faham kita memang hendak tangkap orang yang melakukan kezaliman yang seperti itu terhadap Nurin tetapi sambil itu proses undang-undang.

Dato' Chor Chee Heung: ...Yalah, ibu bapa pun dipanggil untuk temu duga, untuk bantu siasatan. Orang yang terlibat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat pun salah seorang juga. Akan tetapi ini tidak bermaksud bahawa mereka ini bila diberhentikan tengah jalan untuk pergi ke balai polis, ini bermaksud mereka sudah bersalah, tidak. Ini cuma anggapan oleh orang awam seperti Yang Berhormat tetapi pada akhirnya mereka ini selepas soal jawab, mungkin soal siasat, mereka ini dilepaskan. Ini adalah satu perkara yang agak orang kata biasalah. Dia mungkin boleh kena dekat kita, boleh kena dekat Yang Berhormat juga. Saya percaya ini kita tidak patutlah salahkan pihak polis.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia dipukul, disepak, diterajang, sedangkan dia belum...

Dato' Chor Chee Heung: Ini satu dakwaan Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak benda ini dia akan bawa ke mahkamah dan benda ini sekiranya terbukti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah-sudah Yang Berhormat. Ini bukan forum yang begitulah Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat kalau orang yang terkilan, kalau dia hendak bawa tindakan itu saya percaya itu adalah satu keadilan. Bukan seperti dakwaan oleh Yang Berhormat kata dia dipukul, macam-macam, itu pergi. Sekian, terima kasih.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini pihak polis telah mengumumkan kemungkinan akan mengambil tindakan atau hukum mangsa ibu

bapa yang cuai menjaga anak mereka. Soal tambahan saya ialah, adakah tindakan ini akan diimplementasikan? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Gelang Patah. Sebenarnya ini adalah salah satu cadangan, kita pihak polis memang cukup mengharapkan supaya ibu bapa menjaga dengan baik anak-anak mereka ini dan ini semua satu cadanganlah. Kalau ada apa-apa tangkapan terhadap sesiapa pun, maka siasatan terperinci harus dijalankan dulu sebelum apa tindakan harus diambil terhadap sesiapa sama ada suspek ataupun sama ada ibu bapa sama juga. Akan tetapi yang penting sekali siasatan terperinci harus dijalankan, jika terapat bukti barulah kita ambil tindakan terhadap sesiapa yang berkenaan termasuk ibu bapa juga. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Henry Sum Agong (Lawas) tidak hadir]

10. Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimana pihak kementerian memantau pelantikan kontraktor pemungut sampah di kawasan setempat, dan adakah kementerian menyedari bahawa pihak kontraktor telah mengagihkan tugas mereka kepada kontraktor bawahan yang lain.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Nibong Tebal dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT telah pun mengeluarkan arahan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan PBT agar tidak menandatangani kontrak jangka panjang bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Sebaliknya hanya dibenarkan kontrak bulan ke bulan. Arahan ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk menggalakkan implikasi undang-undang apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 atau Akta 682 dikuatkuasakan kelak.

■1120

Apabila Akta 672 dikuatkuasakan, perjanjian konsesi akan ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat konsesi. Syarikat-syarikat konsesi boleh melantik subkontraktor-subkontraktor untuk melaksanakan perkhidmatan di kawasan-kawasan mereka. Manakala kontraktor-kontraktor yang tidak ada akan dipindah kepada syarikat-syarikat konsesi. Dalam hal ini Kerajaan Persekutuan tidak mengambil tanggungjawab untuk memantau pelantikan subkontraktor-subkontraktor ini kerana ia merupakan kaedah pendirian perkhidmatan yang bersesuaian dengan strategi penyertaan mereka.

Bagaimanapun bagi galakkan kontraktor-kontraktor yang dipindah kepada syarikat konsesi daripada dianiayai, kerajaan akan memastikan bayaran perkhidmatan dibuat dalam

tempoh yang sewajarnya dengan memasukkannya tempoh bayaran perkhidmatan di dalam KBI syarikat-syarikat konsesi. Sekian.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Nibong Tebal.

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa apakah pandangan pihak kerajaan terhadap bayaran sebanyak RM16 setiap hari kepada pekerja-pekerja subkontraktor itu. Ini bermakna gaji terendah, minimum *wage* di negara kita terhadap orang kita sendiri adalah lebih kurang RM400 satu bulan jika mereka kerja 25 hari satu bulan.

Ini benar-benar berlaku di kawasan saya. Jadi dengan gaji yang serendah ini macam mereka ataupun macam masalah kemiskinan di dalam negara ini boleh dikurangkan. Memandangkan dengan gaji yang serendah ini, pekerja-pekerja tersebut tidak boleh menaikkan taraf kehidupan mereka. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Tentang kadar gaji, ini ialah persetujuan di antara syarikat-syarikat konsesi dan subkontraktor-subkontraktor atau pekerja-pekerja mereka. Kementerian saya tidak berhak untuk campur tangan keputusan mereka. Sekian.

11. Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang menjadikan kawasan tanaman sawit yang tidak berpeneroka di FELDA Bukit Bading Hulu Terengganu seluas kira-kira 600 ekar untuk dibahagikan kepada anak-anak peneroka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap sebagai generasi kedua peserta FELDA.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat pada masa ini FELDA tidak bercadang untuk membuat pengambilan peneroka bagi kawasan blok FELDA seluas 587.98 ekar yang terletak di Bukit Bading khususnya untuk generasi kedua peneroka. Langkah ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Pusat yang memutuskan untuk tidak lagi membuat pengambilan peneroka mulai 1 Januari 1990 di semua tanah rancangan seluruh negara.

Ada permintaan tetapi keputusan Jemaah Menteri muktamad dan sekali lagi telah dibincangkan dan keputusan Jemaah Menteri pada 13 Mac 1996 juga turut mengekalkan keputusan dasar kerajaan untuk tidak mengambil peneroka baru bagi seluruh rancangan FELDA. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun jawapan tersebut agak mengecewakan, tetapi saya akur dengan keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Namun demikian sebagai seorang daripada ahli peneroka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan bercadang agar kawasan-kawasan FELDA yang tidak berpeneroka tersebut termasuk Bukit Bading akan dimajukan, seperti menjadikan kawasan ternakan untuk diberikan kepada peneroka-peneroka ataupun anak peneroka dan dengan kejatuhan harga kelapa sawit ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menambahkan pendapatan peneroka yang terjejas, kerana saya dapati ada 36 buah kumpulan syarikat FELDA dan 10 buah syarikat usaha sama. Apakah syarikat-syarikat ini juga memberi manfaat ataupun akan menggunakan ahli-ahli keluarga FELDA untuk melibatkan sama? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat. Saya juga bersimpatilah dengan kekecewaan itu. Tapi ini adalah dasar kerajaan. Kita kena patuh kepada arahan kerajaan. Walau bagaimanapun saya bangga bahawa FELDA Bukit Bading ini sungguhpun tidak diberikan kepada peneroka tapi tanah tadi telah dipergunakan, tanah-tanah yang tidak berpeneroka tadi telah dijadikan ladang komersial dan diurus tadbir oleh FELDA, di panggil blok FELDA ataupun kawasan diuruskan oleh FELDA itu sendiri.

Hasil daripada ladang berkenaan kita gunakan untuk membiayai kos pembinaan dan pembaikan sebahagian infrastruktur di rancangan. Misalnya semua program pembangunan masyarakat peneroka meliputi pelbagai kemudahan dan bantuan dalam bidang pendidikan dan latihan generasi baru, keusahawanan dan lain-lain termasuk juga perbelanjaan pengurusan. Bermaknanya kawasan yang tidak berpeneroka ini pihak FELDA sendiri menguruskan kawasan tersebut. Hasilnya digunakan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan, pengurusan-pengurusan, perbelanjaan untuk soal jalan, pengairan, balai raya dan sebagainya.

Saya amat bangga kerana Bukit Bading ini telah memberikan kerjasama dan saya menyeru kepada peneroka juga isteri-isteri dan anak-anak mereka yang ada itu, kita sentiasa menggalakkan warganya untuk menceburkan diri dalam aktiviti *non farm* bagi menambah pendapatan mereka. Antara bidang yang boleh diceburi adalah industri kraf, ternakan dan asas tandi, industri makanan, perniagaan, perkhidmatan dan perusahaan kecil. Bagi membolehkan perniagaan atau perusahaan yang dilaksanakan pihak FELDA menyediakan bantuan melalui Skim Insentif Usahawan FELDA ataupun SIUF. Bermaknanya tanah tadi peneroka tidak ada, tapi kita usahakan sendiri. Hasilnya kita membiayai perbelanjaan-perbelanjaan yang khusus faedahnya dapat kepada peneroka itu sendiri.

Sukacita saya maklumkan bahawa kita ada dana untuk membantu usahawan-usahawan yang berminat untuk membuat kerja-kerja pertanian di kawasan-kawasan yang tidak diusahakan tersebut. Baru-baru ini pun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun mengumumkan satu projek baru iaitu yang disebut sebagai *Eatable Garden Project* ataupun Projek Tanam Kebun Dapur. Maksudnya tanah-tanah yang kosong tadi kita galakkan peneroka untuk menanam tanaman-tanaman yang ada hubung kaitnya dengan harian kita. Misalnya kita hendak tanah lada, kacang, bendi dan sebagainya. Di Bukit Bading sendiri yang saya sebutkan tadi dari segi usahawannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Cukup ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukup.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Okey, terima kasih. So di Bukit Bading saya hendak bagi tahu sebab soalan daripada Bukit Bading, maksudnya ada peneroka yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan bantuan SIUF yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pendang.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada laporan akhbar pada 20 Oktober, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia mengatakan yang satu setiap lima pekerja negara kita adalah warga asing. Ringkas sahaja, saya hendak tanya di kawasan FELDA ini, oleh kerana dikemukakan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu tadi. Adakah pekerja-pekerja FELDA ini untuk mengerjakan ladang sawit diambil daripada pekerja-pekerja asing, kerana perladangan 24.6% terdiri daripada pekerja-pekerja asing? Terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Soal pekerja asing di kawasan FELDA Tuan Yang di-Pertua kita memang tidak galakkan, tapi kalau keadaan memerlukan kita mengambil pekerja asing kita ambil sahaja pekerja asing.

■1130

Kita memang memberi penekanan dan keutamaan kepada anak peneroka itu sendiri untuk bekerja dalam ladang-ladang. Beberapa program kita telah buat iaitu program Generasi Gemilang, program Belia Kerja Ladang kerana nak menggalakkan mereka ini untuk bekerja supaya dilihat bahawa peneroka, anaknya, saudara maranya dapat terlibat bekerja dan memajukan kawasan-kawasan FELDA tersebut. Jadi inilah dia untuk yang soalan Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Masa jawab lisan dah habis.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN HAIWAN 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Lembaga Makanan Haiwan 2008; di bawah ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Mana rang undang-undang *Judicial Appointments Commission*, dan *Independent Commission*. Oleh kerana diberitahu kita akan berbahas, kita perlu masa untuk kaji, dapat *consultation*. *First reading* belum?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, saya sebagaimana berjanji dengan Yang Berhormat Ipoh Timur akan membuat keputusan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan di bawah 36(12) pada 13 November 2008 berhubung dengan jawapan yang dibuat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi iaitu Ahli Parlimen dari Tangga Batu, Datuk Haji Idris bin Haji Haron di Parlimen ini.

Saya telah membawa Hansard keseluruhannya Yang Berhormat dan juga setelah membaca Hansard tersebut, saya juga telah meneliti peraturan-peraturan yang ada hubung kait dengan kes-kes antarabangsa. Oleh kerana kita tidak ada kes sendiri sebagai *reference* dan tidak ada peraturan yang terperinci didapati di Malaysia dan dengan itu saya telah membuat *reference* kepada kes-kes di Kanada, New Zealand, Australia dan juga di India. dan Saya telah membuat keputusan Yang Berhormat.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timur, Peraturan Mesyuarat 36(12) yang Yang Berhormat Ipoh Timur bangkitkan iaitu sama ada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi mengenai isu perjanjian kontrak Datuk Rafiah Salim selama dua tahun sebagai *Vice Chancellor* Universiti Malaya yang tidak disambung semula, saya dapati tidak ada dalam kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewajarkan beliau untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Timbalan Menteri tidak melanggar Peraturan-peraturan Mesyuarat 36(12).

Setelah meneliti hujah Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, saya dapati tidak ada langsung unsur-unsur kenyataan dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Haji Idris bin Haji Haron yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu yang kononnya telah mengelirukan itu. Yang sebenarnya mengelirukan ialah, *the statement must be in fact has been misleading* atau sedar bahawa kenyataan yang sedang dihujahkan itu adalah tidak benar. *The Member making the statement knew at the time the statement was made that it was incorrect* dan sewaktu membuat kenyataan yang kononnya mengelirukan itu, Yang Berhormat sebenarnya berniat untuk mengelirukan Dewan. *In making the statement, the Member must have intended to mislead the House.*

Jadi, inilah landasan Yang Berhormat, lazimnya tidak ada apa-apa yang boleh menghalang seseorang Ahli untuk membuat komen terhadap seseorang individu di luar Dewan sekiranya komen itu relevan kepada perbahasan dalam Dewan. Sememangnya ia adalah tujuan *parliamentary privilege* yang dijamin oleh peraturan Parlimen dan juga Perlembagaan Malaysia untuk memberi perlindungan kepada Ahli-ahli untuk membolehkan mereka berhujah secara bebas jika perlu demi untuk kepentingan orang ramai. Ini juga disentuh oleh *Parliamentary Practice* di New Zealand oleh David McGee.

Setelah meneliti hujah Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, saya dapati tidak ada unsur-unsur penghinaan terhadap Datuk Rafiah Salim. Dengan itu saya berpendapat bahawa tidak ada landasan langsung untuk saya merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk sebarang kesalahan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi atas *ruling* tapi bukankah ini timbul oleh kerana kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri atau ada di sini? Tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri menerusi Setiausaha Sulit Kanan beliau malam tadi pukul 11 memberitahu saya bahawa beliau sekarang berada dalam satu *function* bersama dengan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, okey tetapi ini timbul oleh kerana kenyataannya menjadi satu provokasi sehingga bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Rafiah Salim, dia kata dia inilah yang telah menghina beliau oleh kerana adalah *impute insinuation* bahawa kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri bererti bahawa bekas naib canselor *fall short* daripada prestasi yang perlu diadakan untuk seorang naib canselor dan sebab itu ini menjadi satu penghinaan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sama ada benar atau tak benar, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sabar dulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sama ada itu benar atau tak benar, sama ada ini keliru atau tidak mengelirukan berlandaskan kepada sama ada benar atau tak benar. Kalau itu benar, perlulah hal-hal yang lain tapi kalau tidak benar, perlulah dia minta maaf tapi dia tidak ada di sini, dia tidak ada mengakui sama ada dia sekarang tahu kenyataan tak benar....

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [*Bangun menunjukkan Buku Peraturan*] *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin, saya boleh *handle* kes di sini Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bahawa *insinuation* ini tidak waras, tak patut dan dia boleh tarik balik atau apa-apa. Kita tidak dapat apa-apa keterangan selain daripada itu benar. Kalau itu benar, kita mahu dapat butir-butir, sebab-sebab untuk memperkuatkan, memperkukuhkan tuduhan beliau bahawa Datuk Rafiah Salim ialah sudah *fall short* daripada tanggungjawab beliau. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat lain tolong duduklah. Kalau saya tak mampu, saya panggil Yang Berhormat datang sini nasihat saya tapi pada masa sekarang saya jauh lebih mampu daripada Yang Berhormat daripada peraturan ini.

Saya dah baca peraturan di New Zealand, saya dah baca peraturan di Australia, saya dah baca Kanada punya peraturan. Saya dah rujuk peraturan dan kes-kes yang relevan dengan Peraturan Mesyuarat 36(12) Yang Berhormat. Jadi berilah saya peluang duduk di sini dan memberi keputusan dan jawapan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur.

Jadi saya bersimpati oleh kerana kes ini dibangkitkan di bawah 36(12), jadi saya hanya buat keputusan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Jadi persoalannya di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12), keputusan Speaker ialah sama ada orang itu, ahli itu dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jadi kalau saya membuat keputusan bahawa tidak perlu dirujuk, itu sahaja keputusan saya. Saya tidak lagi berhak ataupun bertanggungjawab untuk meminta menteri meminta maaf sama ada komennya itu betul ataupun tidak, komennya itu tepat ataupun tidak dalam hubungan sama ada profesor ini layak ataupun tidak layak. Ini tidak ada berbangkit kerana kita mempunyai melihat..., ia ada dua *stages* kes 36(12) ini. Satu *stage* yang mana Tuan Yang di-Pertua buat rujukan. Yang satu *stage* kalau sudah dirujuk dan didapati salah atau tidak, di peringkat itu yang orang boleh buat. Jawatankuasa boleh buat sama ada Menteri itu minta maaf ataupun tidak minta maaf.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya berharap Yang Berhormat Ipoh Timur menerima penjelasan saya ini dan kalau Menteri nak mengatakan apa saja selepas ini, itu tugas dan tanggungjawab Menteri dan keputusan dibuat Menteri itu sendiri. Bukan yang boleh saya beri arahan kepada Timbalan Menteri. Yang Berhormat Ipoh Timur, terima kasih.

Ada satu lagi Yang Berhormat, juga kes Yang Berhormat Ipoh Timur. Ini lama dah kes ini, berhubung dengan Yang Berhormat dari Pasir Salak. Ini berbangkit daripada perbahasan pada 30 Oktober yang telah tertunda lama. Ini berbangkit daripada apabila dalam perbahasan 30 Oktober, Yang Berhormat dari Pasir Salak mengatakan bahawa saya bacakan sikit ya untuk *reference* supaya jangan terlupa. “*Mungkin Tuan Yang di-Pertua bermurah hati terhadap dia tetapi sebenarnya ulang balik, he is anti-Melayu*”. Dia yang mempertikaikan apa jua yang dibuat oleh kerajaan untuk membantu orang Melayu.

■1140

Dia pertikaikan, dia persoalkan, dia tidak bersetuju. Ini dikatakan anti-Melayu. Jadi, berlandaskan perkataan anti Melayu ini, Yang Berhormat Ipoh Timur telah membangkitkan sama ada perkataan anti Melayu ini dianggap *unparliamentary*.

Yang Berhormat, saya telah merujuk banyak. Saya telah melihat amalan di Alberta Canada. Saya sudah melihat keputusan dibuat di New Zealand, Australia dan juga telah melihat di House of Common, England, perkataan-perkataan yang dikatakan *upparliamentary*. Malang sekali anti etnik, *antiracist* ini tidak terjumpa sama sekali dalam rujukan-rujukan yang saya baca. [Tepuk] Jangan bertepuk dulu, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya belum habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa ertinya tepuk? Apa ertinya tepukan itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan bertepuk. Jangan tepuk dulu, Yang Berhormat, saya belum habis lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa tidak dan apa-apa sudah tepuk ni! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Akan tetapi saya dapati bahawa oleh kerana Parlimen ini tidak hendak menggalak orang hendak kata anti Melayu, anti Iban, anti Cina dan sebagainya, saya menggunakan kuasa saya di bawah Peraturan 99, membuat satu fatwa bahawa siapa sahaja mengatakan anti Melayu, anti Cina, anti Iban dan sebagainya kepada ahli Parlimen yang lain adalah dianggap sebagai *statement* yang *racist*.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian saya berpendapat dan saya sudah bincang dengan Tuan Yang di-Pertua dan *colleague* saya Timbalan Speaker bahawa perkataan anti etnik ini adalah *racist* kalau ditujukan kepada ahli-ahli yang lain. Maknanya Yang Berhormat Pasir Salak telah membuat *unparliamentary remark*.

Akan tetapi walau bagaimanapun keputusan saya, saya sebutkan semua. Semenjak mula mesyuarat Parlimen penggal ini berlaku seperti Yang Berhormat Padang Serai pada 5 hari bulan, “*low mora*”. Ini juga *unparliamentary*. Yang Berhormat Padang juga bercakap “*Sixth million dollar man*”. Ini ditujukan kepada Yang Berhormat Pasir Salak. Ini juga *unparliamentary*. Yang Berhormat Puchong, “*You cannot control this animal*” pada 6 Mei. Yang Berhormat Kinabatangan, “*You are big monkey*”. Ini juga *unparliamentary*. [Dewan riuh] [Ketawa]

Yang Berhormat Pasir Salak, "Penghasut" pada 20 Ogos. Pada 20 Ogos, Yang Berhormat Batu Gajah. "Pengkhianat" kepada Yang Berhormat Pasir Salak, juga *unparliamentary*. 20 hari bulan juga Yang Berhormat Silam, "Penghasut besar, duduk" Ini juga *unparliamentary*. Yang Berhormat Padang Serai, "Kamu pengkhianat" kepada Yang Berhormat Pasir Salak. Ini semua dan juga Yang Berhormat Ipoh sendiri, "*He become Deputy Minister by chance because of color, shortage of people, want but there are just coloring process so please sit down*". Kita tidak perlu dengar dia punya kata". Yang Berhormat Pokok Sena, "Apa ini penyakit tua, sudah uban". Yang Berhormat Kota Melaka, "*Racist*" this is 30th, 30 hari bulan semasa Yang Berhormat Pasir Salak habis berbincang. Jadi, Yang Berhormat Kota Melaka kata "Pasir Salak ini *racist*".

Jadi, berlandaskan tuduhan yang begitu banyak, ramai Ahli Parlimen menggunakan perkataan-perkataan *unparliamentary* saya tidak berkehendak Yang Berhormat Pasir Salak menarik balik perkataan itu dan saya mahu perkataan ini biarlah dia sebagai peringatan kepada semua Ahli Parlimen jangan menggunakan perkataan yang kesat, *unparliamentary* dalam Dewan ini. Ini termasuk semua. Saya hendak memperingatkan, saya hendak baca apa yang Erskine May katakan. Saya hormati Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pesan Erskine May yang saya baca dalam bahasa Inggeris:

"Don't break the rule of respect" dan gunakan perkataan good temper and moderation are the characteristic of Parliamentary language. Parliamentary language is never more desirable than when a member is canvassing the opinion and conduct of his opponent in debate in order to guard against all appearance of personality in debate."

Jangan mengena secara peribadi. Jadi, dengan itu saya sudah putuskan sebagai fatwa bahawa anti ini akan dikatakan *unparliamentary* dan oleh kerana dia baru Yang Berhormat Pasir Salak pun tidak perlu menarik diri. Kedua, ramai Ahli Parlimen sudah gunakan perkataan "*unparliamentary*" semenjak kita bermula. Jadi, saya berharap selepas ini nanti tidak ada lagi perkataan kesat, perkataan jahat dan tidak baik. Contohi Ahli Parlimen-Ahli Parlimen yang cantik dan baik macam Yang Berhormat Ketua Pemuda daripada PAS, Yang Berhormat Kubang Kerian. Kalau berucap elok, contohkan dengan Menteri-menteri. Kalau Menteri berucap indah-indah cakap.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun kalau berucap cantik perkataannya. Yang Berhormat, kita dinasihatkan. Saya memohon kepada semua Ahli Yang Berhormat jangan gunakan *gesture* badan dalam perbincangan, *body language* kita akan menunjukkan bahawa sesuatu perkataan yang digunakan itu walaupun elok jadi tidak baik. Ada juga perkataan yang boleh dikatakan *per say*, bukan *unparliamentary* tetapi ditujukan kepada Ahli Parlimen jadi *unparliamentary*. Jadi, itu sahaja keputusan saya. Terima kasih. [Tepuk]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009
Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dan Anggaran Pembangunan 2009 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kelapanbelas]**

Majlis bersidang dalam jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Maksud B.62 [Jadual] –
Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2009] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingin memperingatkan hari ini Khamis, 4 Disember 2008 adalah hari kelapanbelas perbahasan peringkat jawatankuasa. Yang penghabisan, Yang Berhormat. Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri dibuka untuk dibahas.

**USUL MEMINDA JADUAL DALAM RANG UNDANG-UNDANG
 DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9)**

Memotong RM10 Gaji Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara

11.46 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dikemukakan usul saya di hadapan Dewan yang mulia ini untuk memotong gaji RM10 daripada *remuneration* Ketua Polis Negara. Usul saya berbunyi bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 daripada Polis Diraja Malaysia 020000 kod 10000 emolumen iaitu dengan memotong gaji Ketua Polis Negara sebanyak RM10.

Tuan Pengerusi, saya kemukakan usul *censure* kepada Ketua Polis Negara ini atas dua sebab. Dalam perbahasan Bajet 2009 dan juga semasa dalam penggulungan bajet ini...

Nampaknya menteri tidak ada di sini. [*Memandang ke arah tempat duduk Menteri*] Timbalan Menteri sahaja. Semasa penggulungan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 30 Oktober saya tidak dapat jawapan yang memuaskan mengenai soalan-soalan yang sangat pokok ialah sama ada Ketua Polis Negara sudah menjadi *chief lobbies*. *Chief lobbies* untuk projek-projek polis mega seperti dicadangkan satu *deal police helicopter* yang bernilai RM20 bilion untuk menyewa 34 buah helikopter daripada syarikat Asiacooper untuk 30 tahun.

Satu lagi *deal e-police force solution* bernilai RM4.2 bilion satu rangkaian sistem *wireless* digital sepenuhnya yang berasaskan teknologi informasi dan komunikasi yang canggih dengan liputan seluruh negara yang dicadangkan oleh Syarikat Web Power Sdn. Bdn. Tidak ada jawapan-jawapan walhal tanggungjawab tugas utama Ketua Polis Negara ialah untuk menjaga keselamatan negara kita untuk mengurangkan kadar jenayah supaya semua rakyat Malaysia, semua pelabur, semua pelancong merasa selamat di negara kita.

Yang Berhormat Timbalan Menteri pun menafikan dengan sekerasnya bahawa ada satu surat ditulis oleh Ketua Polis Negara kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II Tan Sri Nor Mohamed Yakcop yang bertarikh 12 Februari 2007 yang memberi *endorsement* kepada cadangan Asiacooper mengenai *deal* RM20 bilion untuk menyewakan 34 buah helikopter untuk 30 tahun.

■1150

Saya tidak boleh faham kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menafikan ada surat itu apabila saya tanya dia sama ada beliau dapat *confirmation* daripada Ketua Polis Negara sendiri yang menafikan, mengatakan, dia kata tidak. Tidak ada hubung kait dengan IGP dan bagaimana dia boleh datang ke Parlimen untuk menafikan. Yang kedua, dia pun buat satu *deny* secara umum bahawa IGP pun ada buat *endorsement* kepada cadangan *Web Power* mengenai cadangan *e-police force solution* yang bernilai RM2 bilion.

Tuan Pengerusi, saya ada di sini, surat IGP kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II, bertarikh 12 Februari yang buat *endorsement* untuk cadangan. Cadangan kontrak sewaan helikopter kepada Polis Diraja Malaysia selama 30 tahun melalui *private finding initiative*. Di mana IGP berkata, "Kos sewaan yang dicadangkan didapati berpatutan dan berkesesuaian dengan pelaburan yang akan dikeluarkan serta risiko peningkatan kos yang mungkin ditanggung oleh syarikat Asiacooper Sdn. Bhd. dalam tempoh sewaan". Ingin dimaklumkan bahawa inisiatif ini bukan sahaja akan menguntungkan PDRM tetapi juga pihak kerajaan. PDRM akan dapat meningkatkan produktiviti dan keberkesanan di dalam menjalankan tugas serta melicinkan operasi polis di dalam mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Oleh itu saya menyokong penuh cadangan ini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh datang ke Dewan ini kata tidak ada surat ini. Apa yang berlaku? Dia sudah cuai. Cuai dalam menjalankan tanggungjawab beliau. Di sini lagi satu surat. Kedua, 3 November 2006 yang ditulis oleh Ketua Polis Negara kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai e-

police force solution, letter of intent yang meminta bahawa *letter of exclusive intent* patut dikeluarkan kepada *Web Power*. Bagaimana Ketua Polis Negara menjadi *lobbies* untuk *Web Power*, untuk Asiacopter walhal tanggungjawabnya ialah untuk mengurangkan kadar jenayah dan bukan untuk *lobbies* dan khasnya dalam perkara ini tidak berprosedur. Apa prosedur yang sepatutnya?

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Prosedur yang sepatutnya ialah patut dilakukan di dalam apa-apa pembelian sepatutnya ialah Ketua Polis Negara harus menulis surat kepada Ketua Setiausaha kementerian. Ketua Setiausaha kemudiannya menulis surat kepada Kementerian Kewangan. Selepas diluluskan oleh Kementerian Kewangan, barulah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memanggil tender. Akan tetapi sekarang, Ketua Polis Negara terus *bypass* Ketua Setiausaha kementerian dan memohon dikeluarkan surat *letter of intent* nya terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya ada suatu perkara yang dahulu Yang Berhormat bangkitkan fasal soal ini, saya masih ingat. Saya beri Ahli Yang Berhormat satu petua secara bertulis di mana Ahli Yang Berhormat bangkitkan soal yang sama iaitu 36(8) iaitu kelakuan atau sifat ahli-ahli majlis pasukan bersenjata atau mana-mana suruhanjaya jawatan kerajaan yang ditubuhkan.

Jadi pada ketika itu timbul satu persoalan sama ada Ketua Polis Negara itu adalah seorang pegawai pasukan bersenjata. Petua saya pada ketika itu yang saya beri kepada Yang Berhormat secara bertulis ialah, dia termasuk ke dalam golongan pasukan bersenjata, maka apa-apa sifat ataupun kelakuan beliau sedemikian tidak boleh disebut kecuali melalui Peraturan Mesyuarat 43. Jadi saya tidak nampaklah, tidak eloklah kalau Yang Berhormat berdasarkan perbincangan di bawah 66(9) ini atas sebab itu, sebagai peringatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, tetapi ini mengenai kelakuan beliau secara persendirian bukan sebagai Ketua Polis Negara. Seorang yang *corrupt*, IGP yang *corrupt* tidak boleh dibangkitkan di sini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita mempunyai peraturan. Seperti juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dahulu iaitu sebagai individu, macam mana kita boleh ceraikan sifat dia sebagai perseorangan individu dan sebagai seorang yang berpangkat? Bukankah dahulu saya sudah nyatakan bahawa *impossible for me to split between sweetness and sugar*. Jadi Yang Berhormat tidak elok berbuat begitu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kes ini bukan atas sebab persendirian, tetapi ini atas surat namanya berkhidmat untuk negara. Tan Sri Musa bin Dato' Haji Hassan, Ketua Polis Negara. Ini surat yang bertarikh 3 November 2006 yang ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan surat ini yang menyokong Asia Helicopter ini bertarikh 12 Februari 2007, ditandatangani sebagai Ketua Polis Negara. Inilah tanggungjawab, sebab itulah kita di sini

berbincang bagaimana urusan *accountability, transparency, integrity* dan sebenarnya dalam 40 tahun berada di Parlimen, saya tidak pernah ada satu fatwa bahawa Ketua Polis Negara tingkah laku beliau dikecualikan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya rasa perlulah dan itu kena diterima oleh sebab ini atas nasihat Peguam Negara.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita perlu peguam kepada Parlimen yang tersendiri dan bukan Peguam Negara.

Tuan Pengerusi: 40 tahun yang lalu, saya bukan Tuan Yang di-Pertua. Kalau dalam 40 tahun yang lalu saya Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan buat petua begitu. Jadi tidak bermakna apabila saya tidak Tuan Yang di-Pertua, dengan Yang Berhormat sebagai Ahli Yang Berhormat begitu lama 40 tahun, bahawa apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu betul. Adakah semua Yang Berhormat cakapkan itu, semua betul atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Accountability, integrity* tidak boleh ubah.

Tuan Pengerusi: Saya tahu *accountability* tidak boleh ubah. Akan tetapi peraturan mesyuarat mengatakan bahawa usul sedemikian perlu dibuat di bawah Peraturan 43, bukan 69(9).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak...

Tuan Pengerusi: Jangan buat alasan, jangan buat alasan begitu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini satu tafsiran yang salah. Ini satu tafsiran yang berlandaskan pandangan Peguam Negara dan tidak boleh diterima oleh sebab Peguam Negara *got vested interest* dalam interpretasi fasal itu. Sebab itulah perlu kita *suspend* di dalam perkara ini supaya satu perbincangan yang lebih mendalam oleh sebab kalau ini dibenarkan, nampaknya kita bukan berhadapan dengan *National Integrity Plan* tetapi *National Disintegrity Plan*. Kita perlu menjaga kewibawaan integriti semua anggota perkhidmatan awam dan bukan sebaliknya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau umpamanya ada perubahan Yang Berhormat minta, biarlah peraturan mesyuarat itu diubah dahulu. Selagi peraturan mesyuarat belum diubah, itulah tafsiran saya. Maka itulah dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, maka sebab itulah saya kata bahawa ini saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh pertimbangkan semula. Ini adalah satu keputusan yang ada *consequences* yang *far-reaching* yang akan menyekat Dewan yang mulia ini dari memainkan tugas dan tanggungjawab kita. Ini berlandaskan satu nasihat dan *opinion* Peguam Negara. Tentu Tuan Yang di-Pertua tidak akan memberi keputusan itu atas *opinion* sendiri, atas *opinion* Peguam Negara. Peguam Negara dalam perkara ini mana boleh dipercayai? Saya sudah kata bahawa dia patut dipecat. Patut dipecat dan *resign*.

Tuan Pengerusi: Yang itu pun, Yang Berhormat Ipoh Timur, kenyataan itu pun seolah-olah memperkecilkan saya dan itu tidak boleh di bawah peraturan mesyuarat. *You cannot slight the Chair.* Yang Berhormat Ipoh Timur seolah-olah merendahkan kewibawaan saya untuk juga buat tafsiran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, tetapi kenapa?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan buat begitu Yang Berhormat, kerana seolah-olah... Yang Berhormat, jangan buat begitu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Rakyat akan tanya kenapa kita memberi perlindungan, kenapa kita memberi perlindungan dengan penyelewengan? Kalau apa yang saya kata tidak betul, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh perelaskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya tidak katakan Yang Berhormat tidak betul. Saya cuma mengatakan bahawa ada peraturan mesyuarat yang lain boleh menggunakan itu. *Appeal* ini adalah sebagai alasan hujah di bawah 66(9) yang tidak betul pada tafsiran saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya pulangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada mahu jawab.

Tuan Pengerusi: Okey, berhentikan itu. Terus, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya saya nasihatkan supaya mereka boleh jawab sama ada ini benar atau tidak benar dan saya harap *usher* boleh hantar surat itu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan untuk memastikan benar atau tidak benar dalam perkara ini. Kalau benar kata tak benar. Kalau benar, beri satu jawapan kenapa kita ada Ketua Polis Negara yang sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan kenapakah kita ada Ketua Polis Negeri yang tidak bertanggungjawab terus 100% mengenai menjaga keselamatan tetapi menjadi *chief lobbies*.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya faham keputusan Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya berharap isu yang serius begini bagi penjawat jabatan penting termasuk Ketua Polis Negara. Dalam hal ini berkaitan dengan kedudukan Kementerian Kewangan. Saya juga lama di Kementerian Kewangan, saya belum pernah terima surat sebegitu rupa.

■1200

Jadi bila penjawat jawatan penting termasuk Ketua Polis Negara walaupun Ketua Polis Negara berkenaan, dia pukul saya kemudian tetapi tidak pernah saya terima surat menjadi agen pelobi sebegitu. Kita berdepan dengan masalah yang serius, keselamatan, jenayah besar, dan ada kaitan dengan memihak, memilih untuk menjadi pelobi bagi satu syarikat besar, AsiaCopter dan Web Power. Kewibawaan seorang Ketua Polis dalam konteks ini boleh dipertikai. Jadi walaupun usul ini telah mendapat keputusan Tuan Yang di-Pertua, saya mahu Dewan ini jangan dijadikan Dewan kecilan untuk mengetepikan semata-mata kerana peraturan. Peraturan kita terima tetapi ada saluran lain.

Isu ini telah dibangkitkan, ditolak, isinya tidak mungkin ditolak kerana surat buktinya ada. Ini bukan soal fitnah atau tuduhan semberono. Ini berasaskan surat dan peraturan pemerintah kerajaan mana pun, tanyalah Ketua setiausaha Negara kementerian mana pun, hal ini tidak pernah digalakkan, tidak dibolehkan. Jadi, oleh yang demikian, kita mahu satu ketegasan, bukan sahaja sekadar jawapan nak melepaskan batuk di tangga. Kemudian, Menteri mempertahankan Ketua Polis Negara, Ketua Polis Negara tutup kes Menteri. Bukan itu caranya. Ini yang disyaki, yang dibimbangkan oleh negara Tuan Yang di-Pertua. Ini kalau Parlimen tidak mendapat jawapan ini satu penghinaan besar kepada Parlimen.

Kita tidak boleh hanya datang, Timbalan Perdana Menteri puji Ketua Polis Negara, Ketua Polis Negara kata tak ada kes terhadap Timbalan Perdana Menteri, apa nak jadi kepada negara ini. Selalunya saya tak bangkit untuk ulas kenyataan termasuk oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Akan tetapi bila Yang Berhormat Ipoh Timur mengemukakan dua surat yang sah ditandatangani oleh Ketua Polis Negara, lobi bagi pihak syarikat. Apa nak jadi kepada negara ini. Kita boleh harap lagi pertimbangan undang-undang, membanteras rasuah dan jenayah dengan Ketua Polis Negara. Tidak tahu kerja dia, sebagai seorang petugas yang dihormati, ataupun sebagai pelobi syarikat. Sepatutnya dia berhenti dan jadi agen syarikat. Bukan untuk menjadi pelobi begini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya mengapa saya terpenggil untuk bangun dan meminta sementara ini tidak dibenarkan untuk dibahaskan atas alasan peraturan walaupun saya tidak semestinya bersetuju dengan tafsiran tapi kita patuh dengan keputusan itu. Tuan Yang di-Pertua, kata benar, biar peraturan mesyuarat itu diperjelaskan. Saya juga telah mengemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengadakan mesyuarat bersama dengan Menteri, Datuk Nazri untuk membincangkan semula beberapa peraturan yang dianggap terlalu mengekang perbahasan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa ikut peraturan tetapi tanpa mengetepikan ini saya harap hal ini jangan di remehkan semata-mata nak pertahankan Ketua Polis Negara yang memilih untuk mempertahankan beberapa tokoh politik tertentu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sebagai respons saya kepada hujah Ketua Pembangkang tadi. Apa yang perlu juga diingat dalam soal-soal begini ialah kedudukan Speaker dan termasuk kedua-dua timbalan ialah pada hakikatnya kami tidak menyebelah kepada mana-mana pihak. Kami cuma mempengerusikan Mesyuarat melalui landasan-landasan peraturan mesyuarat. Cuma itu, tidak lebih dan tidak kurang. Sama ada hujah daripada pihak pembangkang atau pun hujah daripada pihak kerajaan betul atau tidak, itu adalah bukan tugas kami. Tugas saya ialah sewaktu mesyuarat berjalan ia mesti melalui landasan-landasan peraturan mesyuarat yang juga bukan saya yang gubal.

Dalam soal ini kita benarkan bahawa dalam Usul 66(9) iaitu mengurangkan gaji Ketua Polis Negara. Saya benarkan itu kerana itu adalah hak Yang Berhormat Ipoh Timur. Akan tetapi yang saya bimbang ialah apabila hujah ditujukan kepada seorang pegawai yang dilarang yang

oleh peraturan mesyuarat di bawah 36(8) dibangkitkan, peraturan mesyuarat itu digubal sebegitu rupa kerana objektif dia ialah takut-takut nanti kalau ada tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Apabila itu dibenarkan, maka orang yang tidak dapat membela diri dalam Dewan ini akan teraniaya. Itu antara lain objektif 36(8).

Akan tetapi dalam soal ini kalaulah umpamanya ada bukti-bukti yang nyata seperti yang di hujah oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, sebaik-baiknya, seperti yang saya sarankan tadi, bawalah ia di bawah Peraturan Mesyuarat 43. Ini kerana ada peraturan mesyuarat yang membenarkan sebegitu. Ini juga sebagai ingatan saja. Jadi, saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timur untuk meneruskan hujah kerana hujah tadi itu pun sudah juga *delivered*, terpulung kepada Menteri berkenaan untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Kita perlulah kaji semula perkara ini. Kalau tidak nanti, semua pegawai tinggi nampaknya dikecualikan daripada *scrutiny of Parliament* yang mulia ini. Oleh sebab sebenarnya Tan Sri Musa sebagai anggota polis komisen yang berlainan daripada kedudukan beliau sebagai Ketua Polis Negara yang dua-dua jawatan itu perlulah dibezakan. Satu, tidak boleh dibincangkan dan bahas, selain daripada satu usul substantif tetapi bukan jawatan beliau apabila sebagai Ketua Polis Negara tapi kita teruskan. Saya harap apa yang saya sudah kemukakan ia boleh dapatlah satu jawapan yang memuaskan, benar atau tak benar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam penggulungan.

Itulah sebab utama kenapa saya kemukakan usul substantial ini. Sebab yang kedua ialah mengenai peranan Ketua Polis Negara. Kita lihat beberapa hari ini yang mahu memperkecilkan masalah kadar jenayah di negara kita. Nampaknya mengikut Ketua Polis Negara, dalam ucapan beliau apabila dalam satu seminar polis di Pulau Pinang minggu lalu, dia kata bahawa masalah jenayah di Malaysia bukanlah jenayah yang serius tetapi *misperception*. Malaysia tidak ada masalah jenayah yang serius tetapi adalah *misperception* bahawa ada masalah jenayah yang serius.

Saya rasa inilah satu temberang, satu sikap yang sangat tidak bertanggungjawab. Oleh sebab sebenarnya Malaysia menghadapi satu masalah jenayah yang serius, dan bagaimana Yang Berbahagia Ketua Polis Negara boleh kata bahawa Malaysia lebih selamat. Lebih selamat daripada Hong Kong, Jepun, Australia, oleh sebab mengikut beliau, ada statistik-statistik yang menunjukkan bahawa Malaysia selamat. Kadar jenayah per 100,000 ialah lebih rendah di Malaysia apabila dibandingkan dengan Jepun, dengan Hong Kong dan Australia bahawa kita sangat dekat dengan Singapura.

Adakah kita mahu percaya, saya mahu tanya Ahli-ahli Parlimen di sini, ada sesiapa Ahli-ahli Parlimen sama ada sendiri, atau anggota keluarga tak pernah menjadi mangsa jenayah. Adakah? Berdiri! Sendiri atau keluarga sendiri atau kawan-kawan intim, berdiri! Tak ada? Ada? Sendiri tak pernah menjadi mangsa jenayah, anggota keluarga tak pernah menjadi...

Beberapa Ahli: Tidak ada!... [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah sebenarnya kita tanya rakyat yang umum. Sekurang-kurangnya 70%-80% ada mengalami sendiri, keluarga sendiri, kawan-kawan karib sendiri, yang menjadi mangsa jenayah menunjukkan betapa serius masalah jenayah di sini. Kalau kita katakan kes serius, sama dengan Singapura, saya cabar, cabar Ketua Polis Negara atau nampaknya pendirian ini adalah di *adopt* atau diterima oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh sebab dia pun mengulangi kedudukan ini dua tiga hari dahulu bahawa masalahnya ialah persepsi. Saya cabar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya cabar Ketua Polis Negara, tanpa eskot, pergilah Johor baru atau Kuala Lumpur. Berjalan satu hari, tengok selamat tak selamat.

■1210

Beraniakah? Mereka ada *escort*, jadi mereka *in the world of their own*. Mana boleh banding keadaan keselamatan Singapura dengan Malaysia, Johor Bahru apabila rakyat Malaysia melalui Tambak Johor, Johor *Coastway* sampai ke Singapura mereka rasa sangat selamat. Tetapi bila balik kepada balik *cross Coastway*, balik Johor Bahru sangat tidak selamat. [*Dewan riuh*] Jangan main-main, ini bukan masalah etnik, ini rakyat semua kaum yang ada perasaan yang sama. Ini keselamatan oleh sebab apabila jenayah berlaku tidak kira kaum, tidak kira agama, semua menjadi. Orang yang cakap besar mungkin satu hari dia akan tengok. Ketua Polis Negara sekarang kata dia kata selamat, apabila dia bersara akan kah dia selamat? Bekas IGP, Tun Hanif Omar, dia sendiri menjadi mangsa. Dalam kolum *Star* apa dia kata, bila dia keluar isteri dia kata, dia adakah keluar dengan *shot gun* untuk *protect* beliau. Menunjukkan *atmosphere of fear*, dahulu CPO Penang, Datuk Albert Mah dibunuh di Petaling Jaya. Jangan main-main, kecil-kecilkan satu perkara yang begitu serius.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan sebab itu statistik-statistik yang digunakan yang membandingkan Malaysia dengan Jepun, Hong Kong dengan Australia, mungkin nanti Yang Berhormat daripada Petaling Jaya Utara akan keluar satu kenyataan yang memberi butir-butir yang menunjuk statistik-statistik ini. Oleh sebab ada angka-angka yang digunakan untuk Jepun, untuk Hong Kong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Padang Serai duduklah, saya tidak akan benarkan pencelahan dibawah 37(2).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jepun, Hong Kong dan Australia ada berbeza sebagai contohnya untuk Jepun ada angka-angka menggunakan bilangan-bilangan mengenai *intellectual theft*, adalah angka-angka mengenai *bicycle theft*, 400-500 ribu kes setiap tahun. Kes yang spesifik untuk masalah Jepun adalah sebagai *detail-detail* yang lain, tidak dipakai guna untuk Malaysia. Akan tetapi kalau kita banding *violent crime*, sebagai contohnya *violent crime* itu Malaysia lebih serius. Akan tetapi lebih mustahak ialah pendirian IGP yang kata sekarang bukan masalah penjenayah tetapi *misperception* ialah sebenarnya membuat sesuatu pendirian bahawa untuk lima tahun dalam pentadbiran Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana

Menteri, *the country has been living under a lie, under a lie* bahawa kita tidak selamat, bahawa masalah jenayah bukan serius dan kalau begitu kenapa lima tahun dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri antara tugas pertama beliau ialah menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja mengenai polis. Oleh kerana masa itu sudah serius dan apa *Royal Police Commission* yang buat laporan dengan izin, inilah *Royal Police Commission report, chapter 4*, yang kata:

“3.1 The incidence of crime increased dramatically in the last few years, from 121,176 cases in 1997 to 156,455 cases in 2004, an increase of 29 per cent.”

“The increase seriously dented Malaysia’s reputation as a safe country. Malaysians in general, the business sector and foreign investors grew increasingly concerned with the situation. The fear was that, if the trend continues, there would be major social and economic consequences for Malaysia. A survey of 575 respondents from the public carried out by the Commission clearly demonstrates the extremely widespread concern among all ethnic groups and foreign residents. Between 82.2 per cent and 90 per cent of the respondents, or 8 to 9 persons in every 10, were concerned with the occurrence of crime.”

Itulah 2005, sudah tiga tahun sudah terlepas. Apa sudah berlaku? Dalam tiga tahun ini, *incidence of crime* sudah tambah 34% lebih tinggi daripada 156,455 kes 2004 kepada 209,559. Sungguh pun *Royal Police Commission* adalah bercadang bahawa tugas, cabaran utama ialah untuk mengurangkan kadar jenayah 20% dalam *first twelve months*. *First twelve months reduce incidence of crime by 20%*, sebaliknya ini bukan sahaja tidak dicapai, sebaliknya lebih serius sehingga *violent crime* tambah 34, *a crime index* tambah 34% dan *violent crime* dalam laporan dengan izin,

“There was an alarming increase in violent crime during the period. Violent crime grew from 16,919 cases in 1997 to 21,859 cases in 2004 and increased of 29.2% in eight years.”

29.9% *eight years* tetapi apa yang berlaku dalam tiga tahun ini antara 2004 ke 2007 dalam tiga tahun ada *increase* lebih dahsyat. *An increase of 60.8%, crime increased* daripada 21,859 cases 2004 kepada 35,158 cases pada 2007. Dalam 2004 *total crime index* 150 ribu, sekarang lebih daripada 200 ribu. Kenapa tidak boleh turun? Polis ada *target* sendiri untuk kurangkan kadar jenayah 5% satu tahun berbeza daripada cadangan *Royal Police Commission*, patutlah mengurangkan 20% dalam *first twelve months*. Akan tetapi semua, dua-dua tidak ditepati, tidak dicapai. Adakah saya ada tanya pegawai-pegawai polis mengapa tidak boleh mencapai, dan satu jawapan ialah bagaimana boleh kurangkan kadar jenayah. *Can only increase, cannot decrease*. Kita lihat negara-negara yang lain Hong Kong, Eropah mereka berjaya untuk mengurangkan *incidence of crime*. Kenapa dalam Malaysia tidak boleh? Kalau kita mahu ada IGP yang menjadi *chief lobbyist*, tidak bolehlah, *property crime* semua bertambah

sebab itu inilah dan apa yang saya tidak boleh faham ialah kenapa tokoh-tokoh negara kita khususnya *National Economic Council* yang bermesyuarat pada hari Isnin boleh menerima kes ini bahawa masalah di Malaysia ialah bukan serius *crime index* tetapi *misperception*. Mana ada *misperception*, kenapa adakah pemimpin-pemimpin, Menteri-menteri berkenaan dan semua anggota-anggota *National Economic Council* begitu kurang dalam *intellectual grasp* sehingga mereka perlulah menerima *illogical* ini dan sebenarnya kalau ini benar, *Royal Police Commission Enquiry* ini semua tidak guna. Cadangan-cadangan, 125 *recommendations* yang dibuat oleh *Royal Police Commission Enquiry* supaya mengadakan satu pasukan polis yang profesional, yang cekap, yang *world class*, supaya mengurangkan jenayah tidak *corrupt* dan boleh hormat hak asasi boleh diwujudkan, semua *waste of time*. Adakah...

Tuan Pengerusi: Banyak lagi Yang Berhormat? Setengah jam sudah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey. Saya sebenarnya ini satu perkara yang boleh panjang lebar tetapi saya akan pendekkan tetapi saya anggap ini serius. Oleh sebab kalau negara kita boleh kompetitif, satu faktor utama mengenai *competitiveness* sama ada kita boleh lawan dengan dunia ialah sama ada negara kita ada iklim yang selamat, sama ada rakyat Malaysia, sama ada pelabur-pelabur, semua pelancong-pelancong rasa selamat. Tidak boleh dinafikan apabila banding dengan lima tahun dulu sama ada sebelum Tan Sri Musa menjadi IGP, sebelum Perdana Menteri sekarang memegang jawatan sekarang lebih tidak selamat. Siapa yang bertanggungjawab, tentulah IGP perlu memikul tanggungjawab khususnya mengenai *reason* yang pertama dan sebenarnya pada Dewan ini kita perlulah seorang Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang pun boleh memikul tanggungjawab sepenuhnya mengenai *crime situation* di sini bukan tolak kepada polis sahaja. Mahu *political mastery over the police*.

■1220

Nampaknya sekarang adalah polis *authority and mastery over the political edition*. Kenapa ini berlaku? Sebab itu saya kemukakan cadangan-cadangan bahawa untuk menyelamatkan negara. Kita bukan anti polis, kita sokong segala kemudahan-kemudahan dan peruntukan-peruntukan untuk polis supaya gaji mereka lumayan dan supaya syarat kerja mereka yang baik. Dalam lima tahun ini kita pun ada meluluskan berbilion-bilion ringgit. Akan tetapi sekarang kita dengar IGP kata *crime* bukan serius kalau bukan serius kenapa kita buat peruntukan itu? Saya harap inilah *denial syndrome* dan saya harap khususnya kabinet perlulah *take a strong stand and tell the IGP is wrong, crime is serious and input authority on IGP*. Sekian terima kasih.

12.22 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin membentangkan usul memotong gaji RM10 ke atas Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara. Ini berdasarkan kepada ketidakcekapan kedua-dua mereka seperti apa yang disebutkan di bawah.

Tuan Pengerusi, tindakan Polis Diraja Malaysia yang menggunakan ISA untuk menahan pemberita *Sin Chew Jit Poh* iaitu Cik Tan Hoon Cheng, penulis *blog* Raja Petra Kamaruddin dan saya pada 12 September 2008 merupakan penyelewengan kuasa yang amat nyata sekali.

Dalam kes penangkapan ini Cik Tan Hoon Cheng ditahan selama 18 jam, saya ditahan selama tujuh hari manakala Raja Petra Kamaruddin ditahan selama 56 hari dan dibebaskan selepas mahkamah meluluskan permohonan *heabes corpus*nya. Dalam kes penahanan pemberita Cik Tan Hoon Cheng, Menteri Dalam Negeri berkata bahawa kerajaan menahannya kerana ingin memberi perlindungan kepadanya kerana keselamatannya terancam. Dalam kes penahanan saya pula, saya ditahan secara kurungan persendirian selama tujuh hari atas pertuduhan menyebabkan ketegangan dan pergaduhan di antara kaum dan agama di bawah Fasal 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Walaupun saya dilemparkan dengan tuduhan yang begitu serius, saya hanya ditanya tiga soalan sahaja oleh pegawai penyiasat polis berdasarkan tulisan yang tidak benar yang disiarkan dalam laman web dan juga satu artikel yang bertajuk "*Azan Jawi JAIS, UiTM dan ba-alif-ba-ya (باي)*" yang disiarkan di *Utusan Malaysia* pada 10 September 2008. Saya memang dapat menjawab kesemua pertanyaan ini dengan mudah sekali kerana saya memang telah pun menerangkannya kesemua tuduhan tersebut kepada pemberita akhbar bahasa Malaysia dan juga telah pun disiarkan dalam *blog* saya. Pada 10 September 2008, iaitu dua hari sebelum saya ditahan di bawah ISA tetapi saya masih ditangkap polis dan ditahan di bawah ISA.

Tuan Pengerusi, salah satu tuduhan liar terhadap saya yang mana dikemukakan oleh Khir Toyo iaitu Bekas Menteri Besar Selangor daripada UMNO. Di mana saya dikatakan saya dikatakan membawa penduduk di kawasan Puchong untuk mengadakan petisyen membantah satu laungan azan di masjid di Bandar Kinrara. Soalannya ialah saya tidak pernah berjumpa dengan sesiapa penduduk yang membuat petisyen tersebut, malahan saya tidak pernah pergi ke masjid tersebut. Apakah penahanan saya menunjukkan pihak polis tidak menjalankan siasatan sebelum mereka menahan saya? Kenapakah pihak polis tidak memanggil saya untuk memberi keterangan di balai polis? Akan tetapi sebaliknya mereka menahan saya di bawah ISA dan baru mereka menjalankan siasatan.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan pada hari-hari sebelum saya ditahan di bawah ISA. Saya mendapat banyak SMS dan *email* serta sesetengah *blog* yang menyiarkan tuduhan yang bukan-bukan dan juga tohmahan terhadap saya. Ini termasuklah laman web Bekas Menteri Besar Selangor iaitu Khir Toyo. Apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri dan PDRM terhadap semua tohmahan terhadap saya tersebut? Di samping itu, laporan polis saya terhadap Utusan Malaysia dan juga Zaini Hassan iaitu penulis yang menulis artikel "*Azan, Jawi, JAIS, UiTM dan ba-alif-ba-ya (باي)*". Ini kerana kesemua tulisan ini sebenarnya telah pun melanggar akta *Printing Presses and Publication Act*, Fasal 8(1).

Saya merasa kesal bahawa pihak polis langsung tidak mengambil tindakan terhadap semua orang yang membuat tuduhan liar dan juga laporan palsu terhadap saya. Apakah ini menunjukkan bahawa PDRM kita ini adalah berat sebelah, tidak bertanggungjawab dan langsung tidak profesional dalam isu ini?

Tuan Pengerusi, saya merasa kesal dan hairan bahawa pihak kerajaan dan PDRM gagal memberitahu orang ramai tentang orang yang memberi arahan ke atas penahanan ketiga-tiga kami di bawah ISA. Saya difahamkan selepas saya ditahan di bawah ISA, Perdana Menteri berkata bahawa dia tidak tahu saya ditahan. Menteri Dalam Negeri pula berkata bahawa kesemua penahanan ini dilakukan oleh pihak polis. Di sini saya ingin tanya, apakah PDRM berani menjalankan penahanan ISA tanpa kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri? Sekiranya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tidak diberitahu oleh polis tentang penahanan saya. Apakah tindakan disiplin telah pun diambil oleh pihak kementerian terhadap PDRM? Khususnya Ketua Polis Negara dan Pengarah Cawangan Khas di PDRM, ada cara mereka menahan ketiga-tiga kami tanpa menjalankan siasatan.

Selain itu, dalam kes penahanan penulis *blog* Raja Petra Kamaruddin. Apakah rasional kerajaan untuk menahan beliau di bawah ISA walhal beliau telah pun didakwa di mahkamah? Kenapa kerajaan tidak membiarkan mahkamah untuk mengadili beliau tetapi perlu menahan beliau di bawah ISA. Tuan Pengerusi, ISA merupakan undang-undang lapuk yang telah dikutuk oleh orang ramai. Mengikut satu kajian yang dibuat oleh *Medical Centre* baru-baru ini 75% daripada responden yang menjawab soal selidik mereka berkata mereka amat tidak setuju kerajaan menahan orang tanpa perbicaraan seperti ISA.

Selepas, kerajaan menjalankan penahan ISA terhadap ketiga-tiga kami pada 12 September 2008. Negara kita telah pun disenaraikan sebagai *crisis country* di sesetengah negara di Eropah. Saya diberitahu oleh seorang diplomat daripada negara barat bahawa mereka dihendaki untuk memberi laporan harian tentang keadaan politik Malaysia kepada kerajaan mereka. Mereka juga telah pun memberi nasihat kepada pelabur di negara kita masing-masing supaya jangan datang melabur di Malaysia kerana Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang tengah mengalami krisis politik.

Selain itu, penahanan ISA ini juga menarik perhatian dan kritikan daripada ramai Ahli Parlimen dan pemimpin negara asing sehingga mereka mengeluarkan kenyataan dan menulis surat bantahan kepada Menteri Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya berasa amat kesal membaca surat yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kepada *Honourable 'Glanees Kim Hock'* dan *'Silver Maker'* iaitu dua orang Ahli Parlimen Eropah. Di mana mereka pernah menyampaikan keprihatinan tentang penggunaan ISA oleh Kerajaan Malaysia pada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Saya rasa amat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri menulis dalam surat bertarikh 8 Oktober 2008 kepada mereka dengan kenyataan berikut. Beliau berkata "*The Government of Malaysia*

has a responsibility to protect the collective interest of multiracial people of Malaysia and this take precedent over the right of any individuals citizens”.

Tuan Pengerusi, jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri kepada Ahli Parlimen Eropah ini membayangkan seolah-olah saya terlibat dalam apa-apa aktiviti-aktiviti subversif yang merosakkan hubungan antara kaum di negara kita. Sebenarnya selepas saya dibebaskan daripada ISA Yang Berhormat Menteri memang telah pun berkata kepada media bahawa siasatan polis menunjukkan bahawa saya tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Isi kandungan surat Yang Berhormat Menteri tersebut menunjukkan bahawa beliau meluahkan kenyataan bohong kepada Ahli Parlimen Eropah.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin tanya sekiranya Yang Berhormat Menteri berkata bahawa beliau tidak pernah memberi arahan untuk menahan saya di bawah ISA. Apakah penahanan ISA saya ini juga berhubung kait dengan siri kes penyelewengan kuasa PDRM dan Ketua Polis Negara yang didedahkan oleh saya di dalam dan di luar Parlimen? Ini termasuk kes ketuk ketampi dan tahanan wanita yang berbogel badan di lokap polis, pembelian helikopter PDRM yang melibatkan *Webpower* yang dipunyai oleh Othman Talip kawan baik kepada Ketua Polis Negara dan sebagainya. Pihak PDRM cuba membalas dendam terhadap saya dan menahan saya di bawah ISA kerana saya pernah membuat kenyataan-kenyataan tersebut.

■1230

Tuan Pengerusi, saya pernah menyentuh tentang siri salah laku oleh pegawai Jabatan Logistik di PDRM di ucapan bajet saya tetapi semua ini tidak terjawab. Dalam ucapan saya, saya pernah berkata bahawa seorang aktivis organisasi bukan kerajaan Tan Sri Robert Phang telah memanjangkan laporan tentang salah laku kesemua Pegawai Kanan Polis PDRM kepada Pihak Kementerian Dalam Negeri, Badan Pencegah Rasuah, Ketua Setiausaha Kerajaan dan Ketua Polis Negara.

Akan tetapi kesannya Yang Berhormat Menteri dan Ketua Polis Negara tidak mengambil tindakan terhadap mereka. Salah laku Pegawai Kanan PDRM ini melibatkan Pengarah Jabatan Logistik, Timbalan Pengarah II Jabatan Logistik, Pegawai Perolehan Teknikal Jabatan Logistik, Pegawai Penyelidikan Jabatan Logistik dan Pegawai undang-undang di lima Jabatan Siasatan Jenayah.

Tuan Pengerusi, kesalahan dan penyelewengan Pegawai-pegawai PDRM ini termasuklah seperti:

- (i) perolehan peralatan persiapan untuk Pilihan Raya Kedua belas pada bulan Mac yang melebihi RM90 juta dan langsung tidak mengikut prosedur;

Barang-barang tersebut tidak mengikut spesifikasi serta kualiti kurang daripada yang sepatutnya tetapi pembayaran di luluskan dengan mudahnya.

- (ii) pembelian anjing dari negeri China untuk kegunaan D6(K9) daripada satu syarikat yang lebih tinggi daripada harga yang sepatutnya;
- (iii) Pembelian kain biru untuk kegunaan PDRM secara rundingan terus dengan Impresif Maher Sdn. Bhd kepunyaan bekas polis yang rapat dengan Pengarah Jabatan Logistik; dan
- (iv) Pelantikan pegawai yang tidak sesuai dan tidak layak berdasarkan sikap pilih kasih dalam projek dokumen *management system* untuk rekod personal di Jabatan Pengurusan dan juga di Jabatan Logistik.

Misalnya seorang pegawai polis yang berpangkat ASP yang hanya berkelulusan SPM dilantik sebagai pegawai penyelidikan di Jabatan Logistik iaitu satu jabatan yang begitu penting yang bertanggungjawab dalam mengurus kesemua perbelanjaan PDRM beratus-ratus juta ringgit setahun ini.

Tuan Pengerusi, dalam jawapan lisan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dua hari lepas, beliau berkata kes semua pegawai polis Jabatan Logistik PDRM ini telah pun dipanjangkan ke Badan-badan Pencegah Rasuah. Oleh itu, kementeriannya tidak dapat berbuat apa-apa. Akan tetapi jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri ini hanyalah separuh benar kerana walaupun kementerian boleh menolak kesemua tanggungjawab penyiasatan ini...

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat? Panjang lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ada setengah muka surat lagi Tuan Pengerusi. Akan tetapi salah laku Pengarah Jabatan Logistik berkahwin dua kali iaitu poligami tanpa mendapat kebenaran daripada Ketua Polis Negara memang telah pun melanggar perintah KPN, arahan KPN 39/37 yang bertarikh 6 Disember 2005 ini. Kenapakah perkara ini boleh berlaku dan apa tindakan daripada pihak pengurusan tertinggi PDRM? Apakah kerana Pengarah Jabatan Logistik ini merupakan kawan rapat Ketua Polis Negara, maka tindakan tatatertib tidak diambil terhadapnya.

Tuan Pengerusi, yang kita tahu kadar jenayah negara kita telah pun naik secara mendadak tetapi PDRM memberi pelbagai alasan untuk mengatakan, menjustifikasikan bahawa negara kita ini aman damai dan mempunyai kasar jenayah yang lebih rendah daripada negara-negara maju yang lain di rantau Asia ini.

Saya ingin mengambil apa yang berlaku pada diri saya sebagai satu contoh. Apakah hasil siasatan polis terhadap siri tohmahan melalui SMS yang menyerang nama baik saya dan peribadi saya sebelum dan selepas saya ditahan di bawah ISA dan juga siasatan polis terhadap pembuangan botol molotov koktel di kediaman keluarga saya. Sebenarnya kesemua SMS ini adalah dihantar daripada beberapa nombor telefon bergerak yang sama.

Apakah hasil siasatan pihak polis terhadap isu ini dan kenapakah pihak PDRM yang selalu berkata mereka menghadapi masalah kekurangan tenaga namun PDRM sanggup

menghantar begitu ramai pegawai polis dan anggota FRU untuk meleraikan dan menahan anggota NGO dan parti pembangkang yang mengadakan perhimpunan aman atas isu-isu tertentu?

Tuan Pengerusi pasukan polis selalunya mengambil pendirian yang berat sebelah semasa mereka menjalankan tugas. Misalnya kita baca dalam surat khabar hari ini, Timbalan Presiden MCA, ini Presiden Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ini Datuk Seri Chua Soi Lek disoal siasat oleh polis di bawah Akta Hasutan berkenaan kenyataannya berkenaan Ketuanan Melayu yang dibangkitkan oleh beliau.

Di sini saya ingin tanya kenapakah Ahli Parlimen Jerlun daripada UMNO yang menyeru kerajaan untuk menutup semua sekolah rendah Cina, semua sekolah Tamil ini tidak disoal siasat oleh polis langsung. Apakah ini *double standard* bagi pihak polis. Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya kenapakah perhimpunan aman bagi mereka yang memprotes, membantah penahanan ISA, ISA *vigil* yang diadakan di Petaling Jaya dan juga di Pulau Pinang ini, polis mengambil tindakan dan menahan mereka yang berkumpul secara aman di sesuatu tempat itu, malah melakukan keganasan terhadap para-para anggota NGO. Malah, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara juga pernah dilayan secara kasar oleh pihak polis.

Akan tetapi, kita lihat *role* ISA yang satu kumpulan yang...

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya. Saya akan gulung. Tuan Pengerusi, pada 1 Disember, saya ada satu forum mengenai penahanan ISA diadakan di Bangunan Majlis Peguam Negara pada malam 1 Disember. Di luar berkumpulnya ramai anggota yang dikatakan mahu ISA dikatakan oleh Prowaris dan PEKIDA ini. Akan tetapi pihak polis tidak ambil tindakan untuk menyuraikan mereka. Walhal forum yang kami adakan adalah di dalam bangunan. Apakah ini menunjukkan pihak polis *double standard* dalam isu ini?

Kita lihat selepas Kerajaan Pakatan Rakyat menjadi kerajaan, terdapat beberapa kali di mana orang-orang UMNO datang untuk mengadakan perhimpunan beramai-ramai di luar bangunan Kerajaan Negeri Selangor tetapi tidak ada tindakan diambil. Akan tetapi, apabila kami keluar mengadakan apa-apa perhimpunan secara aman, polis menyuraikan kami dengan *water canon* dengan anggota FRU, malah memukul anggota di... kami. Apakah pihak polis ini boleh mengambil pendirian yang begitu berat sebelah dalam isu-isu tertentu.

Jadi, berdasarkan dengan kesemua yang saya bangkitkan ini, Tuan Pengerusi saya berharap Dewan yang mulia ini boleh meluluskan usul Yang Berhormat Ipoh Timur dan juga saya di mana gaji Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara dipotong RM10. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Usul sebagai mana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Seputeh tadi terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Pasir Mas.

12.38 tgh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, saya mendengar dengan begitu teliti apa yang telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh.

Tuan Pengerusi: Lima minit Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya?

Tuan Pengerusi: Lima minit.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Lima minit hendak bercakap apa Tuan Pengerusi. Buka mulut pun seminit.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hendak bahas apa lima minit.

Tuan Pengerusi: Teruskan lima minit.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, oleh kerana masa lima minit, saya hendak menyatakan begini orang kata telan mati emak, luah mati bapa. Pada saya banyak kali sudah kita berbahas di Dewan yang mulia ini pentingnya menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Pada masa yang sama juga kita hendak supaya apa sahaja undang-undang yang kita ada ini tidak disalah gunakan. Ini yang pentingnya. Jadi, dalam aspek Akta Keselamatan Dalam Negeri atau pun Ordinan Darurat yang membolehkan pihak polis menahan tanpa bicara. Masalah ini ialah masalah pelaksanaan. Masalah pelaksanaan undang-undang ini bukan persoalan pentingnya, bukan persoalan di mana perlu atau tidak ISA.

Ada pihak mengatakan bahawa ISA ini perlu dihapuskan sama sekali. Saya pernah membahaskan di Dewan Rakyat yang mulai ini supaya ISA ini ditambah nilai baiknya, dipinda supaya ianya tidak timbul masalah penyalahgunaan kuasa tetapi perlu dikekalkan. Yang saya katakan tadi ditelan mati emak, diluah mati bapa.

■1240

Sebab saya nak bagi tahu contoh. Saya juga bekas tahanan ISA dua kali pada tahun 1974 selama 26 bulan, bukan lapan hari, bukan sepuluh hari. Kemudian saya ditahan lagi pada tahun 1987 selama 60 hari. Di mana kita dapati ada persoalan dan masalah dalam soal hendak menjaga keselamatan apabila pihak keselamatan menyiasat, bertanya kepada 10, 20 orang bahawa si anu-si anu sedang merancang untuk melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan negara tetapi untuk menahan atau mendakwa di mahkamah memang tidak ada bukti. Akan tetapi ianya mendapat maklumat daripada beberapa pihak setelah dibuat penyiasatan, maka seseorang itu ditahan, untuk ditahan dan untuk disiasat.

Waktu ditahan untuk disiasat, maka dibuat tuduhan dan selepas penyiasatan seseorang itu dibebaskan dengan mengatakan dia tidak terlibat dengan tuduhan yang asal. Maka *clear* lah namanya, maknanya tidak timbul lagi masalah bahawa dia ini dituduh. Oleh sebab sudah pun dibebaskan dengan kenyataan mengatakan bahawasanya tidak disabitkan apa-apa kesalahan.

Akan tetapi pokok persoalannya masih lagi timbul keraguan dari segi penyalahgunaan kuasa ini. Maka sebab itu, saya nak rujuk seperti contoh Ordinan Darurat, contohnya.

Saya pernah melihat Tuan Pengerusi, di mana tuduhan-tuduhan yang dibuat kepada mereka yang ditahan kadang-kadang bertindih, iaitu tuduhan yang sama kepada dua orang pesalah. Maka dia ditahan atas dasar tersebut yang saya kira ini juga satu kelemahan. Maka tidak timbul persoalan, pada saya, saya turut mengakui memang berlaku kelemahan dalam pelaksanaan undang-undang ini. Akan tetapi hendak dikatakan hapus semua sekali, saya tidak bersetuju. Saya minta juga pihak kerajaan walaupun isu ini isu tidak popular pada pihak kerajaan, jangan kerana politik, kita menggadaikan keselamatan dan keamanan negara. Ini pendirian saya sebagai Ahli Parlimen bebas.

Saya tidak untuk meraih populariti politik semata-mata. Kita mesti meletakkan kepentingan, keamanan negara lebih dari segala-galanya. Biar kita hilang apa sekali pun tetapi keamanan mesti kita pertahankan. Mudah untuk kita bercakap. Akan tetapi pada pihak polis juga mestilah diambil kira tentang kelemahan-kelemahan yang begitu banyak berlaku dalam pelaksanaan undang-undang untuk menjamin keselamatan negara. Jadi rakyat tentulah keliru dan saya harap kita tidak terbawa-bawa sebab kita lihat yang berlaku di Mumbai baru-baru ini, di Bali sebelum ini. Masalah pengganas, cuba kita bayangkan kalau undang-undang ini tidak ada, ada baiknya bila kita hapus semua sekali. Maka kita rasa kita ada kebebasan sepenuhnya.

Saya tidak boleh bayangkan dengan isu-isu ketuanan Melayu yang dicabar, kedudukan raja-raja Melayu dipersoalkan, isu bahasa yang semua menjadi asas kepada perlembagaan negara, kita bercakap ada pihak mengatakan kita *racist*. Bila kita mengungkit perkara-perkara ini, mereka kata mereka tidak *racist*. Inilah *double standard* yang kita tidak boleh terima sama sekali... [Tepuk]

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih.

12.43 tgh.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya melihat nota taklimat yang diberikan oleh Ketua Polis Negara kepada Perdana Menteri waktu mula-mula hendak dibentuk Institut Integriti Nasional. Di bawah sub topik jenayah, jenayah terbahagi kepada empat kategori; jenayah kekerasan, jenayah harta benda, jenayah komersial dan jenayah narkotik.

Jenayah kekerasan berupa bunuh, rogol, cabul kehormatan, samun berkawan dan bersenjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api, pemerasan, ugutan jenayah, merusuh, mencederakan seksyen 323, mencederakan seksyen 324 dan 326. Jenayah harta benda; curi, curi van, curi lori, jentera berat, curi motokar, curi motosikal, curi ragut, pecah rumah siang dan pecah rumah malam. Jenayah komersial; tipu, pecah amanah jenayah, jenayah komputer. Jenayah narkotik; mengedar dan memiliki.

Kemudiannya dibuatkan satu carta pai nak menunjukkan perbandingan antara jenayah-jenayah ini. Yang jelasnya ialah ketika taklimat yang diberikan kepada Perdana Menteri oleh Ketua Polis Negara, semuanya trend meningkat, kesemuanya trend meningkat dan tidak menurun, itu fakta di hadapan kita. Maknanya petunjuk ini memberi gambaran kepada kita bahawa dari sudut jenayah indeks, jenayah yang bila berlaku memberikan kesan kenaikan dari segi matanya itu. Kalau setakat curi getah sekerap, curi telur ayam, itu tidak dikira jenayah indeks. Jenayah-jenayah yang disenaraikan tadi itu, dianggap jenayah indeks.

Trendnya Tuan Pengerusi, menaik. Maknanya tugas ini kita sedar tidak hanya terpikul kepada anggota polis. Sebab itulah kita berbahas tentang persoalan ini. Jadi apabila saya mendengar ucapan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi yang memetik kenyataan terbaru daripada Ketua Polis Negara yang memberikan gambaran seolah-olah isu jenayah tinggi ini adalah isu persepsi, bukan isu realiti. Sudah tentu saya terdorong untuk kembali menelaah beberapa angka yang diberi sendiri oleh Ketua Polis Negara kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tidak sebenarnya menggambarkan keadaan seperti yang dilafazkan oleh Ketua Polis Negara baru-baru ini, itu pertama.

Yang kedua, meneliti ucapan Yang Berhormat Seputeh dan juga Yang Berhormat Pasir Mas sebentar tadi termasuk menyinggung persoalan tragedi terbaru di Mumbai. Sejurus selepas tragedi yang semua orang tak mahu itu berlaku, bahkan mengutuk apabila ia berlaku. Antara berita yang tersebar di akhbar India ialah mengaitkan Malaysia. Kononnya tempahan bilik itu dibuat oleh orang yang menggunakan alamat Malaysia. Kononnya penggunaan kredit kad menggunakan kredit kad yang dikeluarkan di Malaysia. Itu tersiar dalam surat khabar di India.

Hal ini mengundang Timbalan Perdana Menteri segera membalas, sebab apa? Berita seperti itu akan hanya memberi gambaran hodoh tentang Malaysia. Timbalan Perdana Menteri dilaporkan muka depan *Straits Times* dua hari lepas dalam menolak kemungkinan itu, hujah Timbalan Perdana Menteri ialah, tuduhan ini berniat jahat, tuduhan yang mengaitkan Malaysia dengan tragedi ini adalah dibuat tanpa bukti. Ini asasnya, berniat jahat dan tanpa bukti.

Sehari sebelumnya, Timbalan Perdana Menteri ditemu bual di dalam Al-Jazeera dan dalam temu bual itu Timbalan Perdana Menteri mempertahankan ISA yang asas kewujudan dan pelaksanaan ISA itu sendiri ialah tuduhan tanpa bukti, itu isunya. Sebab jika sekiranya ada bukti dengan seluruh kepakaran pasukan polis dan anggota risiknya, *intelligent* nya, sudah tentulah mahkamah terbukalah tempatnya. Ketika Timbalan Perdana Menteri merasa akhbar India menuduh secara tidak adil, mengaitkan Malaysia dengan bukti yang tidak wujud. Dalam masa yang sama, tuduhan yang dikenakan ke atas mangsa ISA di negara kita juga adalah tuduhan yang diadakan oleh sebelah pihak.

Rakan saya dari Batu satu ketika, ketika ditangkap dalam ISA beberapa tahun lepas dikatakan mempunyai pelancar roket. Badan macam ini nak bawa pelancar roket kah? Bangun Yang Berhormat Batu, boleh bangun? Tengok saiz, tak munasabah. [Ketawa] Kemudian rekrut

bekas-bekas perajurit untuk, kemudiannya mengumpul sejumlah senjata api menjatuhkan kerajaan secara kekerasan, kata Ketua Polis Negara waktu itu, Tan Sri Norian Mai tersebar muka depan. Pada ketika, Yang Berhormat Batu dan kawan-kawan dikurung dalam bilik gelap, tak boleh nak pertahankan diri. Dua tahun dikurung, keluar selamba sahaja. Tak ada pun satu akauntabiliti untuk membuktikan tuduhan seperti itu. Itu antara yang kita boleh tengok.

Jadi saya cuba menghayati pandangan Yang Berhormat Pasir Mas. Soal keselamatan kita tidak ada kompromi, baik Barisan Nasional mahupun kami di peringkat Pakatan Rakyat. Tidak ada siapa pun manusia yang waras mahu negara ini hancur. Itu tidak ada perbezaan pendapat antara kita.

Sebab Tuan Pengerusi, oleh itu prinsip yang selalu kita ulang di sini, walaupun setengah orang menganggap itu retorik tetapi saya nak jelaskan bahawa prinsip keadilan sejagat yang dihayati oleh semua agama. Yang bersalah mesti diberitahu pertuduhan ke atasnya, yang bersalah mesti dibawa ke proses pengadilan terbuka, yang bersalah kemudian diadili oleh hakim. Kemudian jika sekiranya dia didapati bersalah dengan dijatuhi hukuman, setelah dia diberi peluang untuk mengambil peguam bela, dia hendaklah diberi peluang membuat rayuan. Ini proses keadilan sejagat yang semua agama cuba menghayatinya.

■1250

Setengah orang melihat itu sebagai retorik, dia kata mana mungkin dalam realiti sebenar keadaan itu boleh wujud. Ini sebenarnya ujian terhadap kita, akhir sekali Tuan Pengerusi, pengalaman peribadi saya, saya pernah berada dalam dua parti pun, dalam Barisan Nasional, dalam kelambu sebagai Setiausaha Pemuda Barisan Nasional.

Satu ketika saya pernah dipanggil oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Almarhum, saya tak nak sebut nama, sebab ada satu kumpulan NGO nak buat satu perhimpunan yang Jemaah Menteri telah buat keputusan untuk tak membenarkan ianya dibuat, saya dipanggil kemudian diberi taklimat bahawa OCPD Polis sekian, sekian akan mengawal semuanya, saudara cuma perlu himpunkan sejumlah anggota pemuda, Ketua Pemuda saya waktu itu mengikut Perdana Menteri ke 'Aragana', Timbalan Ketua Pemuda waktu itu berada di Singapura kerana ada persidangan dengan Young PAP, *PAP Young Leaders*, yang ketiga dalam *ranking* Pemuda UMNO, Tuan Pengerusi ialah saya.

Saya dipanggil Timbalan Menteri, saya tak banyak pilihan, saya kena pergi, arahnya ialah *Go and Stop the Conference*, kemudian Pasukan Polis akan pergi, saudara akan ditangkap tetapi jangan bimbang, semuanya telah diatur, dan itu betul-betul berlaku. Ini betul-betul berlaku, bukan cubaan.

Saya pun dibawa pergi bersama Pasir Salak, tetapi Pasir Salak tidak kena, saya yang kena bersama kawan-kawan yang lain, kemudian akhirnya betullah dihidangkan nasi kandar, diawasi, berbual mesra dengan anggota polis, dengan pegawai polis pangkat tinggi juga dan

kemudian ini betul-betul saya dibebaskan dan masih boleh pegang jawatan, saya didenda RM1,500, maka saya boleh pegang jawatan dalam organisasi, hari ini boleh bertanding lagi.

Nak tunjuk kata kalau ia *orchestrated* kemudian Perdana Menteri balik daripada 'Atragana' kita sambut dia di bilik Bunga Mawar, bilik VIP Bunga Mawar di Subang Airport. Timbalan Menteri kemudian bawa saya di tangga kapal terbang sambil memberitahu kepada Menteri, inilah orang yang baru ini ditahan, *but don't worry sir, it was well orchestrated, he did a good job*, sangat jelas.

Pengalaman itu memberikan saya satu gambaran bahawa bila ada kuasa dan kuasa itu disalahgunakan, ini dalam soal hendak hentikan satu persidangan antarabangsa yang Jemaah Menteri tidak bersetuju, dan saya diminta untuk membuatkan tindakan itu. Waktu itu berkata "tidak" kepada pemimpin negara adalah satu dosa besar. Itu satu detik hitam dalam sejarah politik saya Tuan Pengerusi dan saya tak mahu melihat itu berlaku lagi.

Saya percaya Pasukan Polis juga punya integriti, tidak selamanya boleh diarah dan dicucuk hidung. Inilah pasukan yang kita impikan bagi menjaga keselamatan rakyat sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya benarkan satu lagi daripada PAS, kerana PKR sudah bercakap, Bebas sudah bercakap DAP punya usul, saya benarkan satu lagi untuk PAS, sebelum saya jemput Menteri untuk menjawab, tak apa Yang Berhormat, kalau saya benarkan semua bercakap tidak habis Yang Berhormat, daripada PAS ada yang turut bahas?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya wakil Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Okey, Gombak sila.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi saya Kelab Penyokong PAS. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Sila Gombak, lepas itu Menteri menjawab ya? Sila.

12.54 tgh.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi, pada tengah hari ini kita sedang membahaskan satu isu yang besar, iaitu tentang kadar jenayah yang semakin hari semakin meningkat dan ketidakupayaan Polis Diraja Malaysia untuk menangani masalah ini dengan cara yang cukup bertanggungjawab.

Yang Berhormat Ipoh Timur telah membahaskan tadi tentang kenyataan Ketua Polis Negara, seolah-olah ini adalah satu persepsi yang tidak berasas, sedangkan sahabat saya dari Machang telah pun mengemukakan beberapa bukti untuk memberikan hujah yang cukup terperinci, bahawa kita tidak boleh berpaksi kepada sindrom penafian ataupun *denial syndrome*, tetapi saya juga bimbang jika kita bahas persoalan seperti ini ada teman-teman daripada Barisan Nasional khususnya menganggap seolah-olah kita ini nak bermusuh dengan polis.

Saya bagi pihak Pakatan Rakyat ingin menegaskan kita bukan ingin bermusuh dengan Institusi Polis, apa yang kita bangkitkan pada hari ini ialah satu perkara yang serius dan saya

sedia maklum bahawa ramai pegawai polis dan anggota polis telah menjalankan kerja dan tugas mereka dengan baik.

Pengalaman saya di lokap Tuan Pengerusi, semenjak 1998 sehinggalah sekarang membuktikan ada pegawai polis, ada anggota polis yang menjalankan tugas mereka dengan baik. Pengalaman saya di dalam kerajaan satu ketika dahulu, bersama-sama dengan Ketua Pembangkang, agenda utama kita ialah untuk menghargai sumbangan anggota polis dengan menyediakan perumahan-perumahan anggota polis yang sebelum itu tak pernah di ambil tahu oleh Menteri Dalam Negeri.

Ramai anggota polis yang tinggal di setinggalan, ketika itu Menteri Dalam Negeri ialah Tun Dr. Mahathir, tidak pernah mereka memberikan perhatian tentang kebajikan anggota polis, tetapi Ketua Pembangkang selaku Menteri Kewangan, mengambil keputusan untuk menyediakan satu peruntukan yang cukup besar bagi menyediakan perumahan polis agar sekurang-kurangnya anggota polis ini kita hargai sumbangan dan pengorbanan mereka untuk menjaga ketenteraman negara.

Namun apa yang kita bahaskan pada pagi ini ialah ada beberapa kerat pemimpin tertinggi PDRM yang tidak menjalankan tugas mereka dengan baik. Suasana hari ini Tuan Pengerusi memerlukan seorang Ketua Polis Negara yang benar-benar bertanggungjawab, yang bersih, bukan sahaja dilihat sebagai bersih, tetapi dia mesti benar-benar bersih, benar-benar bermoral dan beretika, bertanggungjawab menjalankan tugasnya, mampu memberikan kepimpinan yang baik kepada anggota polis di bawah bukan sebagai pelobi kontrak-kontrak yang besar.

Pada pagi ini juga kita bukan nak serang Ketua Polis Negara, kita mengambil ingatan peringatan yang dibuat oleh Tuan Pengerusi sebentar tadi, tetapi juga kami bimbang Ahli-ahli Parlimen, saya percaya teman-teman dalam Barisan Nasional juga kerana dua bukti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu merupakan satu perkara yang serius yang disambut oleh Ketua Pembangkang tidak pernah berlaku.

Ini bukan tuduhan, ini dua dokumen yang cukup serius yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur membuktikan hujah kita bahawa kepimpinan tertinggi PDRM hari ini bukan memberi fokus kepada masalah jenayah di bawah, tetapi lebih berpihak kepada mengumpulkan khazanah dan kekayaan melalui kontrak-kontrak yang besar.

Tuan Pengerusi, saya ingin meneruskan dengan memberikan beberapa fakta sebagai contoh daripada tahun 2000-2003, jenayah harta benda yang disebut oleh Machang tadi, kadar ragut, jenayah ragut telah meningkat dengan luar biasa iaitu daripada tahun 2000 hingga tahun 2003 ini merupakan kadar kenaikan yang paling *significant*, menyebabkan memberikan kesan kepada persepsi rakyat, bahawa pihak PDRM ini sudah tidak efektif dalam menjalankan tugas, kita boleh tanya di dalam Dewan ini sekalipun khususnya golongan wanita, daripada 10 wanita yang kita tanya, saya percaya 8 daripada mereka pernah mengalami jenayah ragut atau

sekurang-kurangnya pernah mendengar ahli keluarga mereka ataupun jiran mereka mengalami masalah yang sama.

Begitu juga dengan jenayah kekerasan, kes rogol pada tahun 2003 hanya 1,471, tetapi Tuan Pengerusi pada tahun lepas jumlahnya yang dilaporkan 3,177 dan mengikut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kementerian melaporkan dan menjangkakan kes-kes rogol ini yang dilaporkan hanya 10% sahaja. Ini bermakna terdapat lebih 30,000 insiden rogol yang berlaku dalam negara kita pada tahun 2007. Begitu juga Tuan Pengerusi jenayah kolar putih dalam negara kita yang melibatkan soal penipuan dan juga kes pecah amanah, di mana kadar kes-kes komersial ini telah meningkat daripada tahun 1994 sehinggalah 2004 dan jumlah kehilangan sehingga tahun 2005 akibat jenayah yang saya sebutkan ini sudah mencecah sebanyak RM3.7 bilion.

Ini satu jumlah yang cukup besar, yang membuktikan bahawa anggota dan pegawai polis hari ini tidak memberikan tumpuan yang khusus kepada masalah yang kita bangkitkan. Begitu juga dengan masalah kawasan perumahan hari ini Tuan Pengerusi, kebanyakan taman perumahan khususnya *middle class*, *housing estate* hari ini terpaksa melantik pengawal-pengawal keselamatan persendirian.

Di mana peranan polis hari ini? Mengapa rakyat hari ini, *tax payer* khususnya yang telah membayar cukai yang begitu tinggi kepada kerajaan, tetapi masih memerlukan syarikat-syarikat keselamatan peribadi untuk menjaga ketenteraman dan keselamatan keluarga mereka di taman-taman perumahan, boleh dikatakan setiap taman perumahan sama ada di bandar ataupun di kawasan luar bandar sedikit terpaksa membayar satu kos tambahan bagi melantik syarikat-syarikat keselamatan untuk menjaga keselamatan keluarga dan juga rumah dan kediaman mereka.

Untuk maksud tersebut Tuan Pengerusi, perbincangan kita pada petang ini bertambah penting lagi di mana kita memerlukan satu Institusi Polis, kita memerlukan seorang Ketua Polis Negara yang benar-benar dapat memberikan fokus kepada tanggungjawab menjaga keselamatan rakyat dalam negara kita pada hari ini, dan sebab itulah saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa Ipoh Timur dan juga Seputeh kerana kalau kita biarkan benda ini berlarutan, saya bimbang Ketua Polis Negara akan mengambil khazanah yang begitu besar, tetapi keselamatan rakyat akan terus tidak terbela. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri akan menjawab sebelah petang nanti.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKANDARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2009 serta usul yang bersangkutan dengannya dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Rabu, 10 Disember 2008.”

Timbalan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Sila Menteri.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang memberi keizinan kepada KDN untuk membuat jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Seputeh.

Saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan iaitu Yang Berhormat Ipoh Timur sendiri, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Machang dan diikuti Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Pasir Mas. Sekarang saya ingin dengan keizinan Dewan yang mulia ini menjawab isu-isu dan alasan-alasan yang berbangkit dan pada keseluruhannya saya dapati hanya tiga atau empat isu yang telah berbangkit.

Yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur mengenai surat-surat kononnya lobi bagi kedua-dua projek. Yang kedua mengenai indeks jenayah yang kian meningkat. Yang ketiga mengenai isu ISA.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali mengenai dakwaan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur di mana beliau mengatakan mendakwa bahawa Ketua Polis Negara yang ada pada masa ini pernah melobi projek iaitu yang pertama mengenai sewaan helikopter, yang kedua mengenai sistem *wireless* digital yang ditawarkan oleh Web Power Sdn. Bhd. Beliau mengemukakan dua pucuk surat dari Ketua Polis Negara kepada Menteri Kewangan dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Suka saya menyatakan di sini surat-surat yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang ditunjukkan dalam Dewan yang mulia ini bukan sekadar ingin disembunyikan oleh mana-mana pihak.

Di Ibu pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman termasuk juga di pejabat EPU, memang mempunyai rekod mengenai surat yang dihantarkan oleh Ketua Polis Negara kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Semasa perbahasan peringkat dasar, Yang Berhormat Ipoh Timur pernah bawa isu ini dan dalam jawapan saya, saya hanya menyebut dan bagi jawapan hanya menyebut dan bagi jawapan iaitu dua-dua projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tidak timbul langsung sebab kerajaan memang pada masa ini tidak meluluskan kedua-dua projek tersebut. Selepas saya memberi jawapan di Dewan yang mulia ini, saya balik kementerian saya juga dapat penjelasan yang lebih lanjut dan meneliti fail-fail yang telah pun disampaikan kepada saya mengenai kedua-dua projek yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Memang benar Tuan Pengerusi, Ketua Polis Negara hantarkan dua pucuk surat. Bukan sebagai semata-mata hendak melobi, tetapi sebagai seorang Ketua Polis Negara. Biar saya masuk ke dalam sejarah sedikit. Ketua Polis Negara sekarang ini menjadi Ketua Polis Negara pada September 2006. Cadangan kedua-dua projek ini adalah sebelum beliau menjadi Ketua Polis Negara. Pada masa itu saya percaya bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Bakri Omar pada masa itu telah pun menerima tawaran dari syarikat-syarikat tertentu termasuk Web Power. Pada masa itu memang Polis Diraja Malaysia memerlukan kedua-dua kemudahan itu iaitu sistem *wireless* digital dan kedua helikopter untuk kemudahan bagi anggota-anggota polis semasa operasi-operasi.

Pada masa itu Ketua Polis Negara yang pada waktu itu Timbalan Ketua Polis Negara diarah untuk membuat kajian dan meneliti sama ada munasabah ataupun mendesak atau tidak keadaan pada masa itu yang dihadapi oleh Polis Diraja Malaysia. Apabila satu kajian terperinci dibuat, didapati memang amatlah mendesak supaya Polis Diraja Malaysia memerlukan kedua-dua projek itu jika boleh diimplementasikan dengan secepat mungkin. Yang Berhormat Ipoh Timur kata masa itu Ketua polis Negara telah menghantar dua pucuk surat kepada menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Baiklah, apabila Tan Sri Mohd. Bakri Omar bersara,

Ketua Polis Negara sekarang ini dinaikkan dilantik menjadi Ketua Polis Negara pada September 2006.

■1440

Oleh sebab sebelum itu telah pun mengadakan satu kajian yang terperinci dan selepas kajian terperinci dibuat, satu demonstrasi pun diadakan di Bukit Aman dan pada waktu itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga selaku Menteri Dalam Negeri dijemput untuk melihat keberkesanan sistem *wireless* digital itu. Oleh yang demikian saya rasa tidak timbul langsung Ketua Polis Negara mempunyai hasrat untuk hendak *bypass* proses dengan izin, dan menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab pada waktu itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga Menteri Dalam Negeri. Selepas demonstrasi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Belum habis?

Dato' Chor Chee Heung: Tunggu saya habis dulu. Demonstrasi telah pun dibuat, Yang Amat Berhormat telah pun menyaksikan keberkesanan sistem *wireless* itu dan selepas itu berlandaskan kepada keperluan, barulah pada 3 November, surat itu bertarikh 3 November, sepucuk pertama. Kedua itu 12 Februari 2007, barulah hantar kepada Menteri Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya percaya mengikut apa yang saya adakan dalam fail, kedua-dua permintaan dihantar kepada pihak EPU untuk mengadakan lagi kajian yang lebih mendalam. Selepas kajian semua ini dibuat, didapati walaupun Polis Diraja Malaysia memang memerlukan sistem dan juga kemudahan helikopter tetapi mungkin ada cara yang lain yang mungkin ada dari pihak lain yang boleh menawarkan lebih murah kemungkinan, barulah pada masa itu kita akan timbang semula.

Ini jelas menunjukkan bahawa Yang Berhormat, ketelusan di semua peringkat. Ketua Polis Negara hantar surat walaupun menyokong tetapi Ketua Polis Negara pada masa itu pun mengetahui bahawa proses ini akan dikaji semula berbagai-bagai pihak termasuk EPU. Oleh yang demikian, transparansi ada, saya percaya tidak ada apa-apa yang boleh dikatakan *abused of power*, dengan izin Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh sebab memberi penjelasan dalam kes ini yang sebenarnya patutlah dijelaskan masa menggulung bajet *debate*. Oleh sebab saya ada sebut perkara ini dalam ucapan saya pada 15 Oktober tetapi sekurang-kurangnya, *better late than never*. Kedua, bukankah sebenarnya pengakuan bahawa dua surat ini sah, kesahihan dua surat ini, dan surat yang ditulis oleh Ketua Polis Negara kepada Perdana Menteri mengenai *Webpower* yang barangkali peraturan oleh sebab tidak melalui KSU Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sungguhpun Yang Amat Berhormat masa itu Menteri Keselamatan Dalam Negeri tetapi oleh sebab ia ditujukan kepada Perdana Menteri bolehlah *bypass* KSU, KDN. Ini menunjukkan adalah muslihat di sana.

Kedua, bukankah cadangan oleh KPDN bahawa satu *Letter of Exclusive Intent* bukan sahaja *letter intent* tetapi *letter exclusive intent* dikeluarkan. Sungguhpun *bypass normal channel* menunjukkan ini luar biasa. Ketiga, adakah benar bahawa anak KPN ada kerja di dalam *Webpower*, seorang kakitangan di *Webpower* dan sebenarnya Asiacopter yang ada buat tawaran mengenai cadangan sewaan 34 helikopter untuk 30 tahun bernilai RM20 bilion, orang-orang yang sama. Orang-orang yang sama, port yang sama yang kontrol *Webpower* dan kontrol Asiacopter. Oleh sebab Asiacopter, cadangan itu tidak dijalankan, *fall back upon* cadangan *WebPower* ini.

Ini menunjukkan bahawa adalah perkara yang perlu disiasat adakah yang pertama, bukan perlulah satu siasatan mendalam mengenai prosedur regulariti. Kedua mengenai integriti, akan kah ACA dijemput untuk siasat sedalam-dalamnya dan ketiga, adakah kementerian rela membenarkan *Public Account Committee* siasat dengan sedalamnya dalam perkara ini supaya kita tidak mahu seorang KPN yang menjadi *chief lobbies* untuk mega deal yang mengabaikan tanggungjawab untuk mengurangkan kadar jenayah di negara kita.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Kebanyakan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah satu persepsi termasuk juga kononnya ada muslihat, ada muslihat ataupun ada udang di sebalik batu. Walau bagaimanapun oleh sebab Yang Berhormat sudah timbul kata ini mungkin boleh menjadi satu masalah dan kita semua hendak melihat seorang Ketua Polis Negara yang *transparent*, yang telus, maka tidak ada masalah jika PAC Parlimen hendak membuat siasatan. Saya percaya, saya mempunyai penuh keyakinan bahawa semua akan beri kerjasama termasuk KDN, termasuk Ketua Polis Negara. Yang Berhormat dari Seputeh, Gombak dan Machang...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat, perkara yang sama. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Sementara saya boleh bersetuju tentang keperluan dan kemudahan untuk Polis Diraja Malaysia termasuk sistem *wireless*, digital ataupun helikopter. Akan tetapi persoalan yang kita bahaskan pada hari ini ialah soal integriti. Yang Berhormat Timbalan Menteri datang mengesahkan bahawa dua surat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu adalah dua surat yang sah. Ini adalah bahan bukti mengesahkan bahawa surat tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Polis Negara.

Persoalan yang hendak saya kemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, walaupun kemudahan itu mendesak, sistem digital *wireless* itu mendesak, helikopter mendesak. Kalau saya jadi Ketua Polis Negara untuk menjaga imej PDRM dan integriti Ketua Polis Negara, apa yang perlu saya lakukan ialah sekadar menulis surat kepada Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, memberitahu kepada Kementerian Kewangan dan Perdana Menteri bahawa PDRM memerlukan satu, dua, tiga, empat kemudahan-kemudahan ini untuk meningkatkan prestasi PDRM tanpa menamakan mana-mana syarikat dalam surat tersebut. Itu sepatutnya dilakukan. Biarlah soal tender perolehan ini kita serahkan kepada EPU, Kementerian Kewangan dan KSU yang terlibat. KSU KDN dan KSU KSP Perbendaharaan.

Ini soal integriti Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi persoalan saya apakah Timbalan Menteri bersetuju dengan saya. Surat yang perlu ditulis kepada Menteri Dalam Negeri, mahupun Perdana Menteri, sekadar menyatakan keperluan oleh PDRM dan tanpa menyatakan mana-mana syarikat yang mungkin akan dilihat mempunyai kepentingan dengan Ketua Polis Negara. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Kalau Yang Berhormat masih ingat, saya telah memberi sedikit sebanyak latar belakang, macam mana, sebab apa surat itu dihantar oleh Ketua Polis Negara kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tidak perlu saya ulangi di sini lagi cuma saya hendak beritahu walaupun Yang Berhormat melihat itu dari sudut integriti, saya bersetuju juga. Akan tetapi bila kita meneliti kandungan yang terkandung dalam kedua-dua pucuk surat itu saya percaya masalah integriti tidak timbul sebab Ketua Polis Negara tidak berhak untuk membuat keputusan hendak bagi dekat siapa projek mengenai sistem *wireless* digital ataupun sewaan helikopter.

■1450

Ketua Polis Negara tahu surat itu dihantarkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri dan beliau juga memahami prosesnya akan pergi ke EPU untuk dikaji. Kalau katalah kita mendapat lagi surat-surat dari Ketua Polis Negara yang memaksa ataupun mendesak EPU untuk membuat keputusan seperti di dalam surat itu. Kemungkinan isu integriti akan timbul tetapi tidak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Satu perkara Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, saya percaya Timbalan Menteri pun faham apa maksud saya. Saya juga pernah berkhidmat di dalam kerajaan. Tidak perlu KPN menggunakan istilah saya mendesak kontrak ini diberi kepada si anu bin si anu. Akan tetapi kalau kita lihat daripada surat yang telah dikemukakan jelas ayat daripada KPN menyebut saya menyokong syarikat Web Power untuk diberikan kontrak ini. Saya Ketua Polis Negara menyokong Asiacopter diberikan kemudahan ini. Apakah itu bukan satu isu integriti di Kementerian Dalam Negeri.

Sebab itu saya kata kalau benar KPN ini ada moral, ada integriti jangan namakan syarikat tersebut. Sekadar beritahu; "Kami memerlukan kemudahan ini dan itu dan kami mendesak kerajaan untuk menyegerakan". Itu sepatutnya dilakukan. Serahkan kepada EPU, serah kepada Perbendaharaan untuk menentukan. Sebab itu Yang Berhormat Menteri sebut tadi akhirnya kerajaan mengambil keputusan supaya membuka perkara ini kepada pembida-pembida yang lain. Ini kerja Kementerian Kewangan bukan kerja Ketua Polis Negara.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya katakan tadi, saya memberi penjelasan sebelum Ketua Polis Negara dilantik sebagai Ketua Polis Negara memang terdapat tawaran yang masuk kepada Polis Diraja Malaysia. Oleh sebab itulah Polis Diraja Malaysia selepas membuat kajian menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri

untuk melihat sama ada berkesan atau tidak sistem *wireless digital* itu dan jika ianya berkesan maka surat dihantarkan kepada pemimpin utama kita supaya dikaji dengan lebih mendalam.

Ini saya percaya tidak ada masalah dan walaupun salah seorang pegawai ataupun Timbalan Menteri Dalam Negeri, saya rasa Ketua Polis Negara tidak melakukan sebarang kesalahan. Ini cuma satu persepsi oleh pihak-pihak yang berlainan. Saya sudah bagi tahu tadi tidak apa

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [Bangun]

Dato' Chor Chee Heung: ...Jika terdapat siasatan oleh PAC apakah, kita rela hendak bekerjasama supaya siasatan itu diadakan. Bukan kita mempunyai cadangan untuk menyembunyikan apa dia pada surat-surat itu. Saya ingat sudah cukuplah. Okey-okey.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebenarnya bukankah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dalam perkara ini apa yang berlaku ialah *irregular and improper* di mana KPN ada tulis *endorsement letter*. Bukan sahaja *endorsement letter*, *lobbying* untuk dua-dua syarikat itu. Bukankah ini kali yang pertama Ketua Polis Negara dalam sejarah Malaysia buat begitu. Ketua Polis Negara dahulu Tan Sri Bakri, Tan Sri Norian Mai, Tan Sri Rahim Noh, Tun Hanif Omar tidak pernah buat begitu. Mereka 100% fokus mengenai lawan jenayah. Tidak pernah menjadi pelobi untuk apa-apa projek.

Akan tetapi sini bukan saja pelobi dalam surat kepada Perdana Menteri *bypass mercenary* dan bukankah lebih serius di mana dia ada *personal vested interest*, anak dia terlibat dalam satu syarikat Web Power dan *indirectly* AsiaCopter. Bukankah ini menunjukkan bahawa inilah satu masalah integriti. Bukan sahaja tidak boleh tunggu sehingga PAC sama mahu siasat tak mahu siasat. Kalau kementerian, pihak polis serius mengenai nasional integriti tindakan perlu diambil. Sebab itu ada usul, sebab itu KPN patut letak jawatan atau dipecat sebagai KPN.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Timbalan Menteri boleh satu ayat atas program yang sama. Saya dapat merasakan sukarnya Timbalan Menteri untuk bergelut dan cuba mempertahankan surat Ketua Polis Negara dengan cuba mengelak daripada memperkatakan persoalan integriti. Timbalan Menteri, izin saya untuk memetik takrif integriti yang diberi oleh *National Integrity Plan* ketika memberi taklimat kepada Perdana Menteri 23 April 2004 di Putrajaya.

Integriti dengan izin "*The quality of excellent that is manifested in a holistic and integral manner in individuals and organization*". *Individual* di sini Ketua Polis Negara; organisasi di sini Polis Diraja Malaysia. "*Integrity is based on ethics and noble values and their concrete manifestation in daily life's*". Tidak ada khilaf dah. Rujuklah mana, tafsirannya cukup jelas. *Kathaie,* putus! Perbuatan Ketua Polis mengeluarkan satu surat dengan condong kepada pemilihan syarikat tertentu dengan niat yang jelas, Tuan Pengerusi tidak boleh dipertahankan. Ini sangat meragukan dan memualkan, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Ipoh Timur. Orang Kedah kata, "Pi mai pi mai tang tu". Persepsi di belah nun, persepsi di belah sini memang berlainan dan saya pun kalau hendak bagi alasan lagi macam mana banyak saya bagi pun Yang Berhormat di belah nun memang tidak akan persetujuan, tidak akan menerima. Cuma saya hendak mengatakan di sini definisi yang diberikan oleh Yang Berhormat Machang memang saya setuju 100%. Tidak ada lain definisi yang lebih baik pada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Cuma yang penting itu seperti saya katakan tadi kalau kita mengimbas balik selok belok dia, macam mana boleh jadi macam itu. Macam mana boleh mengadakan surat sampai ke Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum itu telah pun mula buat kajian. Kalau kita ambil dua pucuk surat itu semata-matanya *out of contact*, dengan izin, kita mempersalahkan Ketua Polis Negara itu memang tidak adillah. Ini adalah pandangan Kementerian Dalam Negeri.

Saya percaya sudah cukup kalau PAC, masih ada masa lagi sebab kedua-dua projek ini buat masa ini tidak dijalankan sebab EPU masih ingin melihat kemungkinan ada lain-lain lagi yang lebih baik, lebih berkesan dengan...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [*Bangun*]

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat tunggu sekejap. Dengan bayaran yang tidak begitu tinggi. Ini bukan satu perkara yang kita harus mendesak-desak. Tidak payah-payah. Yang Berhormat, saya pi mai pi mai tang tu saya kata.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya perkara yang sangat penting.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya.

Tuan Pengerusi: Atas soalan yang sama soal integriti kah apa?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya?

Tuan Pengerusi: Atas soal integriti kah ini? Kalau atas soal integriti, saya rasa itu sudah panjang lebar.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak. Ada kaitan yang perlu saya berkongsi dengan Timbalan Menteri. Saya lihat petang ini sudah ada satu lagi perbincangan iaitu persepsi *versus* integriti. Yang Berhormat kata ini persepsi Pakatan Rakyat. Kami kata ini soal integriti, baik.

Tuan Pengerusi, apa yang telah kami kemukakan bukan soal persepsi. Mungkin sebelum ini sebelum kami kemukakan bahan bukti ini mungkin boleh dilihat sebagai persepsi, tuduhan tetapi kami muncul pada hari ini dengan dua surat dan Timbalan Menteri mengesahkan ya surat ini surat KPN. Apakah ini persepsi, itu yang pertama.

Kedua kita lihat pula kandungan, ini bukan EPU minta tangguhkan saya hendak ucapkan tahniah kepada EPU yang mengambil pendirian yang tegas supaya perkara ini di teliti semula

supaya pembida-pembida yang akan diberikan kontrak ini benar-benar pembida yang bertanggungjawab dan tidak ada amalan rasuah ataupun kronisme.

■1500

Saya ucapkan tahniah kepada EPU yang mengambil pendirian yang tegas supaya perkara ini diteliti semula supaya pembida-pembida yang akan diberikan kontrak ini benar-benar pembida yang bertanggungjawab dan tidak ada amalan rasuah dan kronisme. Saya ucapkan tahniah tetapi sebelum kita sampai ke peringkat itu Tuan Pengerusi, persoalan sekarang ini soal integriti KPN. Kalau kita lihat sekali lagi kandungan surat itu, bukan setakat apa yang saya sebut tadi. Saya sokong Web Power, saya sokong AsiaCopter.

Dia lebih pada itu, dia minta supaya *Letter of Exclusive Intent* dikeluarkan. Ini menunjukkan KPN ada kepentingan. Apakah ini persepsi? Ini soal integriti. Bagaimana mungkin seorang Ketua Polis Negara nak menjaga keselamatan rakyat kalau dirinya sendiri tidak ada moral dan integriti?... [*Tepuk*] Saya minta Timbalan Menteri, saya faham Timbalan Menteri, saya setuju dengan Yang Berhormat Machang tadi. Saya tengok air muka pun saya dah tahu dah. Nak kiri tak boleh, ke kanan tak boleh. Maklumlah nak mempertahankan seorang Ketua Polis Negara, tapi saya minta Timbalan Menteri, Timbalan Menteri seorang timbalan yang memang ada wibawa.

Saya minta Timbalan Menteri dengan tegas dalam Dewan Rakyat ini mengaku bahawa ini bukan soal persepsi, ini adalah soal integriti yang mesti ditangani dengan bertanggungjawab oleh Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat. pandangan yang sama tentang... [*Tepuk*] Tak, saya tak habis lagi. Tentang definisi integriti tetapi apa yang saya katakan tadi bukan kata kita mempunyai persepsi yang berlainan mengenai integriti.

Cuma kandungan surat itu sahaja yang saya ingin mempertahankan lagi kita punya keputusan iaitu pakat kedua-dua pucuk surat itu kita nak mengatakan seorang Ketua Polis Negara tidak mempunyai integriti, memang silap. Memang tidak betul. Dua-dua pucuk surat ini memang mempunyai latar belakang yang lain.

Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi sebelum beliau menjadi Ketua Polis Negara telah pun mengadakan *dry run* lah, demonstrasi dan selepas itu kalau polis rasa ianya memang mendesak, okey. Ketua Polis Negara akan buat sepucuk surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengetahui tentang sistem virus digital itu. Baiklah, setakat itulah saya nak bagi penjelasan. Kalau Yang Berhormat tak puas hati lagi, saya pun tak tau macam mana nak buat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya nak minta penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan integriti tapi untuk memperjelaskan sahaja, bukan mengenai integriti. Boleh? Bukan mengenai integriti. Saya tak mahu ulang tadilah tapi untuk membetulkan apa yang Timbalan Menteri kata tadi. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa dua-dua projek ada ditangguhkan oleh EPU. Bukankah benar sebenarnya helikopter itu sudah diluluskan tapi oleh kerana *economy crisis* adalah ditangguhkan.

Bukan oleh kerana EPU mahu kaji pada keseluruhannya dan sungguhpun projek yang asal ialah RM20 bilion sewaan 34 helikopter untuk 30 tahun, projek itu ada diketepikan. Akan tetapi projek untuk membeli 21 helikopter ada diteruskan dan peruntukan untuk RM272 juta ada diberi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi Ketua Polis Negara mahu RM350 juta untuk pembelian 21 helikopter oleh AsiaCopter ialah sebenarnya Eurocopter, sama dengan MINDEF. Oleh kerana ada terlibat masalah *conflict of interest*, anak dia terlibat dalam Web Power ada bersangkutan paut dengan AsiaCopter, bukannya ini menimbulkan lagi satu *level conflict of interest*?

Dato' Chor Chee Heung: Tidak. Yang Berhormat, saya dah bagi tahu penjelasan tadi cukup jelas sekali iaitu buat masa ini kedua-dua projek ini masih tidak diluluskan lagi. Tak kira sama ada kegawatan ekonomi atau tidak, EPU berhak membuat keputusan, setakat ini dua-dua projek ini tak jalan. Itu saja. Sama ada nak tangguh sampai Rancangan Malaysia Kesepuluh kah, apakah, itu kita bergantung kepada keputusan kewangan dan EPU.

Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Machang telah pun membangkitkan masalah peningkatan indeks jenayah. Di mana Yang Berhormat Ipoh Timur pun mengatakan, Yang Berhormat Seputeh pun mengatakan Ketua Polis Negara telah memberi satu kenyataan di mana kemungkinan gambaran yang diberikan akan *mislead* pihak-pihak tertentu termasuk dengan Jemaah Menteri.

Tidak dapat dinafikan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa indeks jenayah pada beberapa tahun kebelakangan ini telah meningkat. Tak ada siapa nak nafi. Sebab-sebab utama kita dapat melihat peningkatan kadar jenayah adalah berlandaskan kepada yang pertama, pertumbuhan ekonomi yang pesat atau pembangunan yang pesat, pertambahan penduduk, dengan adanya begitu ramai warga asing di sini dan termasuk dengan PATI. Salah satu faktor yang agak penting juga ialah anggota Polis Diraja Malaysia buat masa ini memang tidak mencukupi untuk menampung keperluan masyarakat kita.

Maksudnya dalam perkataan lain, oleh kerana pembangunan yang begitu pesat sekali, anggota-anggota yang ada ini tidak dapat mengejar dengan kepantasan pembangunan. Ketua Polis Negara, dia pernah membuat kenyataan, buat satu perbandingan bahawa kadar jenayah di negara kita berbanding dengan beberapa negara jiran. Ketua Polis Negara telah pun dengan sekali gus seolah-olah mengambil contoh Malaysia ini sebagai sebuah negara yang telah pun dikatakan maju sebab perbandingan dibuat dengan Hong Kong, Jepun dan Singapura, Australia

juga. Jumlah kes jenayah indeks pada tahun 1997 mengikut Ketua Polis Negara ialah 209,559 kes.

Oleh yang demikian, kadar kes jenayah setiap 100,000 penduduk ialah 776 dan jumlah kes jenayah indeks merangkumi kategori termasuk dengan pembunuhan, rogol, samun, bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api dan bersenjata api, samun tidak bersenjata api, mencederakan, curi van dan lori, macam-macam semua. Pada keseluruhannya ini adalah indeks jenayah pada tahun 1997.

Oleh yang demikian, daripada semua kategori-kategori ini, secara keseluruhannya jumlah 776 setiap 100,000 penduduk. Nisbah ini yang diberikan oleh Ketua Polis Negara ialah kalau nak banding dengan Hong Kong, nak banding dengan Jepun, nak banding dengan Australia, mengikut statistik ini, ianya masih terkawal. Walaupun penambahbaikan harus dilakukan dengan secepat mungkin.

Memang kita tidak bolehlah, tak adillah juga mengambil perbandingan Malaysia dan Singapura. Memanglah anggota polis di Singapura itu memang berprestasi baik tetapi kalau nak banding *apple to apple* itu saya ingat tak wajarlah. Sebab Malaysia ini berapa kali ganda besar daripada Singapura.

Tuan Pengerusi, kadar jenayah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur adalah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, penjelasan. Sini kita ada satu perbandingan mengenai *serious crime* - bunuh untuk Malaysia per 100,000 - 2.16; Hong Kong, 0.26 (10%); Japan, 0.94; Australia, 1.56; Singapura, 0.4; Malaysia, 2.16; Bagaimana kita boleh kata kita lebih selamat? Rogol per 100,000: Hong Kong, 1.54; Japan, 1.77; Singapura, 1.6; Malaysia, 11.69.

■ 1510

Samun semua kategori, untuk Singapura *for* 100,000 - 22, untuk Australia - 84; untuk Jepun - 4.78; Hong Kong - 17.56; Malaysia - 90.49. Bagaimana kita boleh kata kita lebih selamat.

Dato' Chor Chee Heung: Ya, saya setuju Yang Berhormat. Kalau kita ambil spesifik itu memang saya setuju tetapi apa yang saya katakan tadi, Ketua Polis Negara hanya memberi satu gambaran pada keseluruhannya. Kalau kita hendak ambil dari spesifik, kes rogol, kes bunuh saya percaya kadar kita lebih tinggi daripada sesetengah negara maju yang lain. Itu saya tidak nafikan. Walau bagaimanapun, kita harus pandang juga bukan sahaja daripada makro tetapi juga mikro. Oleh yang demikian, oleh kerana kita...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Tunggu saya habis dulu. Oleh kerana bila kerajaan dan pihak polis melihat bahawa keadaan ini kian meningkat, kita telah pun melalui usaha *re-branding* Polis Diraja Malaysia. Usaha *re-branding* ini akan mengambil masa empat tahun dan kita hanya masuk

tahun pertama. *Re-branding* ini meliputi penambahan anggota-anggota polis di negara ini sehingga mencapai 150,000 pada tahun 2011...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Pengerusi.

Dato' Chor Chee Heung: Tunggu saya habis dulu, nanti saya bagi.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tidak perlu buang masa dalam *re-branding* ini sebab kita akan soalkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batu.

Dato' Chor Chee Heung: Bila sampai tahun 2011, kalau kita mencapai kekuatan anggota dalam lingkungan 150,000 maka nisbah seorang polis pada 196 orang penduduk. Buat masa ini nisbahnya masih tinggi iaitu seorang pegawai polis kepada 272 sedangkan *Interpol World Standard is* seorang polis kepada 250 orang penduduk. Kedua, *rebranding* ini termasuk lebih banyak balai polis dan pondok polis dibina dan usahakan lagi bagaimana hendak menjadi anggota polis yang lebih berkesan untuk menangani kes-kes jenayah di seluruh negara. Ini akan mengambil sedikit masa. Kita bukan dalam satu *denial syndrome* ataupun yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gombak. Kita tidak *deny* peningkatan kadar jenayah tetapi mencari jalan bagaimana untuk mengurangkannya. Ini adalah salah satu matlamat utama oleh Polis Diraja Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa kita lihat pada keseluruhannya. Kalau lihat pada keseluruhannya bukankah angka-angka di Jepun tidak boleh dipakai langsung kerana Jepun ada kategori-kategori yang kita tidak ada. *Bicycle theft* 400,000 di Jepun.

Dato' Chor Chee Heung: Kita pun ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Intellectual offences* 80,000, *fraud*, ini semua tidak ada digunakan oleh Malaysia. *Fraud* 70,000. Semuanya tidak boleh dipakai.

Kedua, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa masalah sekarang ialah bagaimana kita boleh mencari jalan untuk menghadapi masalah peningkatan kadar jenayah. Bukankah kita sudah lepas itu sebab kita ada *Royal Police Commission* yang ada cadangan-cadangan untuk memastikan kadar jenayah turun. *Royal Police Commission* ada cadangan dalam *first twelve months* turun 20% tetapi sebaliknya sekarang sudah naik kepada 50%. Ini bukan cari lagi, kalau cari lagi kenapa kita gagal. Kenapa *Royal Commission Enquiry is a total failure*. Adakah kerajaan mahu mengadakan satu IPCMC oleh kerana tanpa IPCMC tidak boleh selesai masalah ini. Kita tidak mahu satu *world class police service* yang tentu profesional yang perkhidmatannya cemerlang dan cekap.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya sambung, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Boleh sambung sikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa, mana satu?

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Pasir Mas dahulu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat apakah pihak polis menghadapi masalah apabila usaha hendak menangani jenayah ataupun sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang. Apakah polis menghadapi masalah di mana bila mereka bertindak maka tindakan mereka ini ditakuti timbul masalah. Kononnya polis zalim, bertindak tidak mengikut undang-undang dan pada masa yang sama polis juga merasa takut.

Saya pernah bercakap dengan beberapa orang polis. Mereka kata, kita sekarang susah sikit hendak mengambil tindakan. Kalau kita ambil tindakan orang tuduh kita macam-macam sebab hendak menangani jenayah bukan masalah kecil dan kita pula tidur di rumah hendak selamat. Kita tahu bercakap sahaja yang mata memandang, yang bahu memikul lagi teruk. Cuba kita jadi polis. Saya hendak tanya adakah Yang Berhormat sedar masalah ini sebab bila timbul kononnya polis pukul orang, cara siasatan kasar tetapi menghadapi jenayah ini tidak mudah. Adalah tidak mudah seseorang polis hendak menghadapi jenayah. Saya tahu sebab saya pernah ISA dahulu. Saya tengok kelakuan penjenayah dalam lokap, proses menyoal siasat dan pegawai-pegawai polis, IO ini pula mempunyai kes yang banyak mesti diselesaikan dalam tempoh yang tertentu dan kita pula desak macam-macam.

Saya tidak bermaksud untuk tidak melihat kadar jenayah ini menurun. Tidak. Saya pun hendak tengok kadar jenayah turun tetapi masalah yang dihadapi. Betul, tadi disebut masalah hendak tambah baik nilai tadi iaitu dengan menambah balai polis, begitu, begini dan sebagainya. Cuma saya hendak tanya, adakah ini menimbulkan masalah sebab sudah ada ketakutan di kalangan polis sekarang. Contohnya bila ada ceramah-ceramah besar, *parking* kereta di tempat yang salah, polis pergi saman. Letak saman kereta sudah timbul pula macam-macam masalah. Banyak lagi yang saya boleh berikan contoh, tetapi saya hanya hendak memberikan gambaran supaya memberi pandangan yang adil kedua-dua belah pihak.

Memang pihak kerajaan dan polis ada kelemahan dan pada masa yang sama kita juga terima hakikat ini masalah yang dihadapi oleh para anggota polis iaitu takut mengambil tindakan, takut dikecam, mengatakan mereka zalim, macam-macam lagi menyebabkan penjenayah dapat lari daripada tindakan undang-undang. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Saya ingat cukuplah. Memang saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata boleh beri kepada saya selepas Yang Berhormat Timbalan Menteri habis. Sikit sahaja.

Dato' Chor Chee Heung: Tidak payah, banyak masalah lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi sini dahulu.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Pasir Mas tadi memberikan pendapat. Saya boleh terima sedikit sebanyak pendapat yang diberikan oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Dalam menjalankan tugas anggota polis memang menghadapi pelbagai masalah. Bila kita gunakan kekerasan sedikit mungkin isu hak kemanusiaan akan ditimbulkan pula oleh pihak-pihak yang tertentu dan lain-lain. Namun yang paling besar ialah kita masih tidak mencukupi anggota polis yang boleh menjaga seluruh negara. Ini adalah salah satu *shortfall*, dengan izin, yang kita sedang hadapi.

Kedua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur ini memang saya setuju. Kita sedang mencari pendekatan yang lebih efektif sekali. Walaupun *Police Commission* ini sudah buat *recommendation*, memang ada, tetapi kita tidak dapat melihat dalam masa yang singkat, dalam setahun ini kita hendak semuanya diturunkan. Ini memang mustahil. Semangat yang lebih kita utamakan ialah bagaimana kita menjadi anggota polis sebagai Polis Diraja Malaysia yang lebih berkesan untuk menangani berlakunya jenayah-jenayah di negara ini. Ini kita dalam proses sedang berjalan.

Saya dapati mengikut maklum balas atau *feedback*, walaupun kita dengar dan dapat melihat peningkatan kadar jenayah tetapi peningkatan itu sudah menjadi kurang sedikit, lebih kurang dan lebih kurang lagi. Kita berharap kita hendak capai satu *optimum level* di mana ia tidak meningkat secara mendadak dan dengan usaha semua pihak akan dapat dikurangkan lagi.

■1520

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli Yang Berhormat...

Dato' Chor Chee Heung: Saya ingat terlalu banyak dah. Kalau saya tidak bagi Yang Berhormat, lain-lain Yang Berhormat tidak boleh...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sikit, sikit....

Dato' Chor Chee Heung: Kita tak masuk lagi...

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini belum lagi dalam peringkat perbahasan. Ini cuma usul sudah pencilahan sepuluh. Kita ada dua lagi kementerian selepas ini. Masa kita sampai 11.30 malam ini. Tolonglah Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Tidak apalah. Nanti saya akan bagi Tuan Pengerusi.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Itu isu yang penting, keselamatan.

Tuan Pengerusi: Saya tahu itu yang penting keselamatan. Penting juga bagi saya perjalanan mesyuarat mesti ikut takwim. Penting juga itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau begini, saya cadangkan Yang Berhormat Menteri gulung cepat-cepat sebab banyak lagi perkara penting. Kita pun sudah dengar hujah dua pihak. Kalau Menteri *drag* itu memang tidak ada kata putus-putus.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Kinabatangan. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, sekarang ini saya menggunakan kuasa saya di bawah 37(2) iaitu saya tidak benarkan lagi pencelahan memandangkan masa tidak mengizinkan. Yang Berhormat Menteri sila. Tidak ada pencelahan lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada pencelahan, Yang Berhormat Menteri pun cepat-cepatlah.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sila Yang Berhormat Menteri, cepat-cepat.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Pengerusi. Baiklah isu yang ketiga yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Machang adalah mengenai Akta Keselamatan Dalam Negara, ISA dan pada pendirian kerajaan buat masa ini ISA masih relevan dan menepati masa. Kita menggunakan ISA memang untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman dalam negara kita.

Oleh yang demikian, penahanan Yang Berhormat Seputeh termasuk dengan wartawan *Sin Chew Jit Poh* ini, oleh sebab Yang Berhormat Seputeh ini masih tidak puas hati. Setiap kali, beliau masih bangkit-bangkitkan. Saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini iaitu di bawah ISA terdapat dua peringkat untuk kesenangan semua. Bila pihak polis selepas menjalankan siasatan mendapati keadaan amat tegang akibat dari perbuatan ataupun kata-kata oleh sesetengah pihak, maka polis mengambil tindakan untuk mengelak supaya keadaan itu menjadi tegang akan tahan seseorang yang terlibat itu yang mengeluarkan perkataan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Tak habis lagi Yang Berhormat, tunggu sat. Yang melakukan tindakan...

Tuan Pengerusi: Bukan Yang Berhormat, bukan soal tidak habis lagi. Saya sudah tidak benarkan di bawah 37(2) untuk pencelahan. Sila teruskan.

Dato' Chor Chee Heung: Kalau macam itu, saya tidak ada apa...

Tuan Pengerusi: Tidak ada. Saya sudah menggunakan kuasa saya. Saya tidak membenarkan penjelasan. Yang Berhormat Seputeh, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi ini melibatkan saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seputeh. Saya tahu melibatkan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Di mana saya tidak pernah mengeluarkan apa yang menyebabkan ketegangan kaum.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seputeh saya tahu melibatkan Yang Berhormat. Akan tetapi apabila Yang Berhormat membawa usul, saya membiarkan Yang Berhormat bercakap panjang lebar. Saya tahu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya tahu tapi kenyataannya tidak adil untuk saya. Mana saya pernah mengeluarkan apa-apa kenyataan yang menyakiti sesiapa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya telah gunakan kuasa saya di bawah 37(2) memandangkan banyak sudah pencelahan. Hujah Yang Berhormat tadi sewaktu membentangkan usul, jelas.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi Tuan Pengerusi, saya ini mangsa. Saya mangsa penyalahgunaan kuasa polis.

Tuan Pengerusi: Saya tahu alasan Yang Berhormat membawa usul 66(9) adalah atas sebab itu. Itulah makanya kita terima dan kita dengar. Sekarang ini Yang Berhormat Menteri pula menjawab. Sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak itu jawapan dia.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tetapi jawapan dia salah. Salah dia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat. Sila teruskan.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tak apalah saya akan bagi penjelasan supaya Yang Berhormat Seputeh ini dapat berpuas hatilah dengan penjelasan saya. So, di bawah peringkat pertama itu iaitu di bawah seksyen 73 Akta ISA ini..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, di dalam menjawab itu jangan membuat hujah provokasi.

Dato' Chor Chee Heung: Baiklah.

Tuan Pengerusi: Yang nanti akan menggamit mereka untuk berdiri pula.

Dato' Chor Chee Heung: Baiklah Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam siasatan polis yang terperinci, didapati keadaan itu amat tegang. Maka untuk mengelak supaya masalah akan berbangkit dalam masyarakat majmuk kita, maka pihak polis berhak untuk menahan orang-orang yang terlibat untuk membantu dalam siasatan. Walaupun masa agak panjang iaitu 60 hari tetapi pada lazimnya bila siasatan itu habis, jika tidak mendapat apa-apa lagi maka orang yang ditahan akan dilepaskan.

Di bawah seksyen 8 pula, Tuan Pengerusi selepas siasatan terperinci yang dijalankan, jika pihak polis berpendapat bahawa oleh sebab ketenteraman dan keselamatan dalam negeri akan mengganggu gugat maka di bawah seksyen 8, permohonan akan dihantarkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengkaji secara mendalam sama ada wajar ataupun tidak untuk menahan orang yang berkeenaan di bawah ISA. Pada masa itulah, Yang Berhormat Menteri mempunyai hak sendiri sebagai Menteri untuk membuat keputusan. Kalau menteri tidak setuju, sama balik pula dilepaskan. Kalau Yang Berhormat Menteri setuju dengan cadangan polis, selepas kajian yang terperinci maka orang itu akan ditahan untuk dua tahun.

Orang yang ditahan ini bukan kata tidak mempunyai apa-apa perlindungan. Di bawah undang-undang kita memang orang yang kena tahan seperti kita sentiasa baca dalam surat khabar mereka ini boleh melalui peguam mereka untuk membuat permohonan *writ of habeas corpus* seperti sentiasa dibuat dan ada banyak kes juga kita masih lihat bahawa selepas *writ* itu

didengar di mahkamah, maka orang yang ditahan dilepaskan, ini pernah. Selain daripada *writ of habeas corpus*, semasa ditahan di dalam pusat tahanan, ada juga lembaga penasihat yang akan senantiasa membuat lawatan kepada orang-orang yang ditahan untuk mendengar kes mereka sekali lagi dan ini berkala.

Selepas enam bulan, enam bulan, kalau mengikut mereka ini jawatankuasa yang bebas buat keputusan cadangan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya dibebaskan. Maka Yang Berhormat Menteri tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk membuat halangan supaya tidak dibebaskan. Ini maksudnya dalam undang-undang kita, kita mempunyai banyak hak orang yang kena tahan dan boleh diberikan kepada mereka. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Segala undang-undang yang sedia ada jika dijalankan secara adil tidak *abuse* dengan izin, maka kita harus mengekalkan lagi. Pihak ISA mengikut pendirian Kementerian Dalam Negeri, masih relevan, masih berkesan untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman dalam negara kita.

Memang jika terdapat kelemahan, pihak KDN pun tidak mempunyai pandangan bahawa semua undang-undang memang ada kekuatan dan kelemahan. Jika terdapat kelemahan, pihak KDN bersedia untuk memperbaiki kelemahan itu dari semasa ke semasa. Isu subversif, isu membakar perasaan kaum dalam sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk ini Tuan Pengerusi, kalau kita hendak gunakan undang-undang yang sedia ada memang tidak berkesan. Kadang-kadang tidak mencukupi bukti pun kita tidak dapat membawa orang yang terlibat ke muka pengadilan. Oleh sebab itulah kita harus mengguna pakai undang-undang pencegahan untuk mencegah sebelum masalah besar akan berlaku di negara kita.

Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan mengenai persoalan iaitu tindak laku Jabatan Logistik Polis Diraja Malaysia. Saya percaya kes ini sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Seputeh...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak Peraturan Mesyuarat 36(12). Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis.

Tuan Pengerusi, pada waktu saya ditahan di bawah ISA, saya tidak pernah mengeluarkan apa-apa kenyataan yang menyebabkan ketegangan kaum dan juga agama. [Tepuk] Yang membuat kenyataan pada waktu itu adalah Ahmad Ismail dari UMNO. Dia yang menyebabkan ahli-ahli MCA di seluruh negara mengadakan tunjuk perasaan. Kenapakah Ahmad Ismail tidak diambil tindakan dan saya dijadikan mangsa dimasukkan di dalam ISA? [Tepuk] Saya tidak pernah buat apa-apa pun.

Jadi saya rasa jawapan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu adalah tidak tepat dan mengelirukan Dewan. Jadi saya hendak minta dan saya rasa Yang

Berhormat Timbalan Menteri perlu tarik balik dan pihak Kementerian Dalam Negeri sepatutnya memohon maaf dari saya. *[Tepuk]* Ini kerana mereka menyebabkan saya ditahan di bawah ISA selama tujuh hari.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

■1530

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak...

Tuan Pengerusi: Duduk dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, saya belum respons kepada *point of order* itu. Ahli-ahli Yang Berhormat, tugas saya sebagai Tuan Yang di-Pertua dan timbalan-timbalan bukan menentukan siapa yang salah dan siapa yang silap dalam sesuatu isu. Tugas saya jelas, mempengerusikan mesyuarat supaya berjalan dgn lancar menurut peraturan-peraturan mesyuarat. Antaranya ialah supaya mesyuarat dapat dihentikan pada takwim yang telah ditetapkan, itu satu. Kedua, peraturan mesyuarat Yang Berhormat timbulkan tadi itu adalah tidak kena-mengena dengan isu yang dibangkitkan.

Adalah juga melanggar peraturan mesyuarat apabila Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri, lepas itu membawa perhatian kod Speaker mengenai dengan satu peraturan mesyuarat- yang tidak kena mengena atas alasan untuk semata-mata berhujah. Satu lagi Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila keputusan telah dibuat oleh speaker di bawah mana-mana peraturan mesyuarat, macam mana kamu berdiri pun tidak boleh ditarik balik kerana itu menurut Peraturan Mesyuarat 43. Apabila Ahli-ahli Yang Berhormat ingkar kepada keputusan itu, beberapa kali diberi amaran, dan apabila diambil tindakan, jangan Ahli-ahli Yang Berhormat selepas itu keluar di Dewan, buat kenyataan akhbar bahawa Speaker tidak adil kerana itu pun adalah *contempt*.

Akan tetapi setakat ini belum ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang diambil tindakan berhubung dengan perkara *contempt*. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dan rakan-rakan saya, timbalan-timbalan saya dalam setiap mesyuarat bersabar walaupun apa yang kami dengar itu melanggar peraturan mesyuarat, dan sama-sama kita bersabar kerana ini perbahasan. Kami bukan menentukan siapa yang betul atau tidak. Yang menentukan rakyat. jadi, harus Ahli-ahli Yang Berhormat sedar tugas kami dan kami pun sedar juga tugas kamu dan jangan lebih dari apa yang dibenarkan oleh peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk rekod, saya tidak sekalipun mendakwa bahawa Yang Berhormat Seputeh ini melakukan apa yang beliau tidak setuju dan berdiri untuk membuat bantahan. Saya hanya mengatakan ini terpulang kepada siasatan pihak polis. Tak kira siapa pun. Kalau pihak polis rasa selepas siasatan dan didapati keadaan agak tegang maka mereka ini berhak untuk bertindak di bawah seksyen 73, itu sahaja tu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan mengenai perolehan yang tidak mengikut peraturan oleh Jabatan Logistik Polis Diraja Malaysia. Saya ingin beritahu Dewan yang mulia ini, oleh sebab kenyataan oleh Yang Berhormat Seputeh, pihak BPR telah

pun mula membuat siasatan maka tidak wajarlah kita membahaskan isu ini di Dewan yang mulia ini. Biar kita berserah kepada BPR untuk menjalankan siasatan.

Isu Yang Berhormat Seputeh juga mengeluarkan isu bahawa pihak polis kadangkala pilih kasih dalam menjalankan tugas semasa menjalankan tugas khususnya semasa perhimpunan haram yang didapati berada di ibu kota kita tidak lama dahulu. Saya ingin mengatakan di sini bahawa pihak Polis Diraja Malaysia amat profesional dan mereka ini tak kiralah siapa yang mengadakan perhimpunan haram sama ada penyokong barisan Nasional atau pun PAS ataupun pembangkang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kalau didapati perhimpunan itu haram, pihak polis akan masuk untuk mengawal keadaan dengan memberi sepuluh minit supaya perhimpunan haram itu disuraikan. Kalau selepas 10 minit, tak bersurai, maka pihak polis tak ada alternatif lain untuk mengambil tindakan sewajarnya. Tuan Pengerusi, saya percaya semua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat khususnya dari pihak pembangkang mempunyai tujuan untuk memperlekehkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Bagaimana Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek disoal siasat oleh polis manakala Yang Berhormat Jerlun tidak diambil tindakan...
[Dewan riuh]

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua dah buat keputusan, tak ada lagilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak ada penjelasan lagilah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukankah ini pilih kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Jerlun ini dia buat kenyataan dalam Dewan yang mulia ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Juga di luar, di sidang akhbar tapi Dr. Chua Soi Lek, Timbalan Presiden...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Chor Chee Heung: Baiklah, tujuan hari ini oleh pembangkang ini di bawah usul yang dibawa semata-mata untuk memperlekehkan seorang Menteri, Menteri Dalam Negeri dan juga Ketua Polis Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Saya percaya ini adalah perbuatan yang tidak sihat, tidak baik, khususnya Yang Berhormat Menteri baru menjadi Menteri Dalam Negeri tidak melebihi 10 bulan. Bagilah dia sedikit masa untuk...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi dia Menteri yang senior.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, kena akur dengan keputusan Tuan Pengerusi, Yang Berhormat. Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Chor Chee Heung: Bagilah sedikit masa kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri supaya beliau dapat menerajui kementerian itu dengan secara tidak langsung semua agensi di bawah KDN supaya kita dapat berkhidmat untuk rakyat keseluruhannya. Maka oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan usul yang dibawa dan saya minta supaya Dewan yang mulia ini menolak usul yang dibawa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) oleh Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 daripada perkara Polis Diraja Malaysia 02000.

[Tuan Pengerusi berbincang dengan Setiausaha Dewan]

Okey, kita sambung Yang Berhormat. Saya cuma ingin kepastian. Butiran 10000 - Emolumen iaitu dengan memotong gaji Ketua Polis Negara sebanyak RM10 hendaklah disetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata setuju, yang tidak bersetuju kata tidak. Lebih suara tidak bersetuju, usul tidak disetujui.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya rasa kami sebelah sini undi lebih daripada sana. Boleh kita ada belah bahagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak ada 15 orang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kami mahu potong gaji, sini ada lebih, tapi tak ada seorang pun *backbenchers* yang berucap, hanya Bebas yang berucap. Jadi ini menunjukkan hanya Timbalan Menteri Dalam Negeri yang mempertahankan kementerian dan juga Ketua Polis Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat nak buat apa Yang Berhormat, nak belah bagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat nak mempertikaikan keputusan tadi perlu ada 15 orang yang bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: 15 orang, berdiri, berdiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Bentara sila. Setiausaha, sila kira.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak cukup, tidak cukup.

Dato' Haji Lilah Yassin [Jempol]: Ini semua buang masa betul ni. Orang kampung banyak nak usul pembangunan ini.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ini kurang berani, berdirilah kau.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Pengecutlah kau.

■1540

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

[Pengundian dijalankan]

■1550

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta yang masih berdiri itu duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya.

Ahli-ahli yang bersetuju 30 orang.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 48 orang... *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak mengundi – Tiada.

YANG BERSETUJU:

30

YANG TIDAK BERSETUJU:

48

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

[Nama Ahli-ahli yang tidak bersetuju dan yang tidak mengundi akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tambah RM10.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) oleh Yang Berhormat Seputeh.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

[Perbahasan di bawah Maksud B.62 dan Maksud P.62 disambung semula]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya kurang pasti mana yang berdiri, mana yang hendak keluar ini.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jempol berdiri, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Jempol.

3.53 ptg.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan perkara P.62, Butiran 020400 - Risikan Keselamatan. Saya mencadangkan pada kerajaan supaya pasukan risikan keselamatan kita dipertingkatkan dan diperkasakan lagi. Sejumlah wang lebih besar seharusnya di peruntukan kepada pasukan ini supaya lebih profesional, menggunakan peralatan yang berteknologi tinggi serta dapat menghubungkan rangkaian dengan polis antarabangsa dalam usaha kita untuk mempertingkatkan soal keselamatan dalam negara kita.

Saya juga menyeru sebahagian dalam peruntukan ini digunakan bagi membuat risikan secara terperinci bagi melihat seluruh perasaan rakyat yang ada dalam negara kita sekarang ekoran daripada usaha yang telah pun dibuat oleh sebahagian daripada pemimpin-pemimpin politik dan rakyat dalam negara kita yang mengapi-apikan perasaan rakyat. Kita bimbang kalau risikan ini tidak dibuat akhirnya nanti akan mengancam keselamatan negara. Apakah perasaan rakyat apabila sebahagian daripada isu-isu sensitif ini yang dibangkitkan oleh sebahagiannya yang membakar perasaan rakyat. Kita tidak mahu menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina ataupun Tamil.

Akan tetapi kita tidak juga ingin melihat dengan perasaan yang tidak puas hati ataupun pencetus kepada masalah perpaduan dalam negara kita diabaikan. Oleh yang demikian, kita harus mengkaji dengan teliti tentang penstrukturan sekolah-sekolah ini supaya dapat melahirkan generasi yang lebih baik, aman, makmur dan bersatu padu.

Tuan Pengerusi, perkara Butiran 04000 - Agensi Dadah Kebangsaan. Saya berharap dengan peruntukan yang disediakan melalui butiran ini, bahagian pencegahan kepada masalah penyalahgunaan dadah ini harus dipertingkatkan lagi. Mencegah itu adalah lebih baik daripada mengubati.

Kita telah pun berbelanja besar untuk cuba mengubati penyakit di kalangan sebahagian daripada rakyat dalam negara kita yang telah pun terjebak dalam gejala penyalahgunaan dadah, akan tetapi ternyata gagal usaha ini. Oleh yang demikian, haruslah bahagian pencegahan ini dipertingkatkan lagi dengan membuat kempen yang lebih berkesan dengan melibatkan media massa terutama sekali televisyen supaya iklan-iklan yang bermutu tinggi dapat menambat perhatian rakyat. Di samping itu juga melibatkan sebahagian besar rakyat dalam negara kita sedar tentang betapa bahayanya masalah penyalahgunaan dadah dan memainkan peranan untuk membanteras masalah penyalahgunaan dadah.

Kita juga harus menggunakan peruntukan ini bagi meningkatkan lagi penglibatan seluruh keluarga dalam negara kita. Ini supaya dapat memainkan peranan menjaga ahli keluarga

masing-masing dan juga dapat menggunakan peluang yang ada bagi mempertingkatkan peranan institusi keluarga. Jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada masalah penyalahgunaan dadah dalam negara kita adalah disebabkan kelemahan institusi keluarga. Justeru gagal memberikan didikan yang sempurna, gagal memantau anak, gagal memberikan bimbingan yang sewajarnya. Maka sudah tentulah dengan keadaan pergolakan institusi keluarga yang tidak terkawal yang menyebabkan sebahagian daripada anak-anak berpelesiran dan meninggalkan rumah tanpa waktu yang sesuai. Seharusnya mereka ini terdedah kepada penyalahgunaan dadah. Haruslah kita perkukuhkan lagi kempen kita dalam usaha mencegah lebih baik daripada mengubati.

Tuan Pengerusi, perkara 040200 - Bahagian Penguatkuasaan yang jelas menunjukkan kepada kita betapa usaha yang kita buat untuk membanteras gejala penyalahgunaan dadah dalam negara kita tidak akan dapat berkesan dengan baik sekiranya bekalan dadah ini berleluasa dalam negara kita. Sama ada dadah ini diproses melalui bahan-bahan kimia yang ada dalam negara kita ini ataupun berlaku kebocoran yang nyata. Di mana sempadan negara kita, di mana penyeludupan-penyeludupan dadah berlaku di mana-mana juga tempat. Ini termasuk lapangan terbang yang begitu mudah dibolosi oleh pengedar-pengedar dadah.

Seharusnya kementerian ini dapat mempergunakan sebahagian daripada peruntukan yang disediakan ini bagi mempertingkatkan lagi penguatkuasaan ini. Kita juga masih lagi mendapat rungutan di kalangan sebahagian daripada rakyat dalam negara kita di mana berlaku kebocoran bekalan-bekalan dadah ini, bukan sahaja di peringkat serenti tetapi juga di penjara-penjara di mana pesalah-pesalah dadah ini dapat diadili ataupun dihukum di mana-mana penjara dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, perkara 070000 - Pendaftaran Negara. Tahniah kita ucapkan kepada kerajaan melalui kementerian ini dengan kepakaran pegawai-pegawai yang merencana satu sistem yang sangat baik malahan yang tercanggih di dunia.

Ini juga menjadi ikutan kepada sebahagian besar negara-negara di dunia iaitu sistem MyKad di dalam negara kita. Akan tetapi hari ini masih juga terdapat rungutan di kalangan rakyat supaya sebahagian daripada peruntukan yang telah pun diperuntukkan kepada kementerian ini digunakan untuk mempertingkatkan kualiti MyKad kita. Ini supaya kualitinya dapat kita pertingkatkan setanding dengan sistem yang canggih tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi, akhir sekali berkaitan dengan pembangunan yang diberikan kepada polis kita. Ini supaya dapat mempertingkatkan lagi pembinaan-pembinaan pondok polis terutama sekali di rancangan tanah FELDA. Di rancangan tanah FELDA hari ini, polis dapat menggunakan pondok-pondok ataupun rumah-rumah peneroka.

■1600

Hari ini oleh kerana telah terlalu lama rumah-rumah peneroka ini digunakan sebagai pondok polis, sebahagiannya telah usang dan tidak sesuai lagi dijadikan sebagai pejabat atau pun rumah kepada pegawai. Saya menyeru melalui peruntukan yang disediakan ini supaya dapat membangunkan semua sekali pondok-pondok polis di kawasan tanah FELDA supaya rumah-rumah yang tidak sesuai diduduki oleh pegawai ini dapat kita pertingkatkan dan juga pejabat-pejabat yang kita gunakan kepada pegawai-pegawai kita akan dapat kita berikan dengan lebih selesa, dengan lebih baik lagi untuk diberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dalam negara kita termasuk masyarakat yang tinggal di Rancangan Tanah FELDA. Tuan Pengerusi, terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Gajah.

4.01 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada 020000 – PDRM. Tuan Pengerusi, bajet ini memperuntukkan RM5.4 bilion berbanding dengan RM4 bilion untuk meningkatkan keupayaan PDRM. Saya menyokong peruntukan ini diberi kepada PDRM dengan syarat ia sepatutnya memotong gaji menteri sebanyak RM10 dan Ketua Polis Negara RM10.

Tuan Pengerusi, pengundi kawasan saya terutamanya wanita memberitahu saya agar menyampaikan mesej ini kepada kementerian, kepada kerajaan bahawa kalau pihak polis kekurangan apa-apa kelengkapan, kemudahan berikan kepada mereka. Saya juga menyokong dinaikkan gaji untuk pegawai polis, beli segala kelengkapan, segala latihan, segala kelemahan agar mereka boleh menjalankan tugas mereka untuk menjaga keselamatan.

Akan tetapi, adalah amat kecewanya, saya percaya masalah adalah tentang pimpinan. Pimpinan di peringkat kementerian, pimpinan di dalam PDRM. Kenyataan dibuat oleh Ketua Polis Negara bahawa ia hanya satu persepsi bahawa jenayah adalah membimbangkan dalam negara ini. Adalah amat mengecewakan. Apakah mesej yang akan disampaikan kepada orang ramai, kepada penjenayah, kepada pegawai-pegawai dalam PDRM bahawa jangan bimbang sebenarnya keadaan jenayah masih terkawal, tidak begitu serius kalau kita bandingkan dengan negara Hong Kong, Jepun, Singapura. Apa mesej kepada penjenayah Tuan Pengerusi. Penjenayah semakin ganas, semakin agresif tetapi Ketua Polis Negara kata ini hanya satu persepsi sahaja.

Tuan Pengerusi, ini amat mengecewakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata *rebranding* akan dilaksanakan oleh PDRM. Tuan Pengerusi, kita tengok jenayah indeks meningkat sejak lima tahun yang lalu dan telah mencecah melebihi 200,000 kes. Sekarang kata *rebranding*. Saya hendak tahu apakah pendekatan yang lain, yang tidak dijalankan di sepanjang masa lima tahun yang lalu apabila jenayah indeks sedang meningkat. Apa polis buat? Nampak

kenderaan, tambah pegawai, tambah pondok polis, tetapi apakah kita nampak keputusannya, hasilnya? Tidak! Jenayah indeks masih meningkat.

Saya rasa sudah sampai masanya satu rombakan dengan PDRM. Kalau pimpinan tertinggi dalam PDRM menganggap bahawa orang ramai memandangi situasi keselamatan orang awam hanyalah satu persepsi. Ini menunjukkan Ketua Polis Negara tidak layak lagi menjadi pemimpin dalam PDRM. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada menyatakan Menteri kita baru sepuluh bulan sahaja jadi Menteri, bagi masa bagi peluang. Kalau kita meneliti rekod tahun lalu, bulan 12 masuk bab belanjawan, saya juga mengemukakan usul memotong gaji Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang pada masa itu ialah Perdana Menteri.

Bukankah telah memberi empat tahun pimpinannya. Sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri mencari alasan menjustifikasikan meminta kita memberi peluang kepada menteri. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, empat tahun yang lalu memimpin Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kita masih menampakkan kenaikan kadar indeks jenayah. *Something is very wrong* Tuan Pengerusi. Kita diminta dalam bajet ini, kita diminta memasang alat keselamatan.

Saya mungkin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu saya apakah yang perlu lagi orang ramai buat agar mereka berasa selamat. Wanita tidak lagi berani keluar rumah seorang diri. *They lock themselves in the house* tetapi rombakan masih berlaku. Pemasangan alat keselamatan CCTV Tuan Pengerusi, ini kes Yang Berhormat benar. Ibu saya mempunyai seorang kawan, dia memasang CCTV, di tingkat dua dia nampak melalui CCTV pencuri masuk rumah dia. Dia nampak tetapi dia tidak berani turun ke tingkat bawah untuk menghalang kecurian barang-barangnya. Sebab sekarang ialah penghuni takut kepada pencuri, sekarang bukan. Sekarang ialah penghuni takut kepada pencuri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Memang benar Tuan Pengerusi, saya ada pengundi di kawasan saya seorang wanita memberitahu saya dia kata saya bawa anak saya ke tuisyen kelas, dua tiga orang anak dalam kereta, saya turun kereta mahu buka pintu untuk dia berlaku rombakan. Beberapa orang di atas motosikal mengelilingi kenderaannya, selepas itu membuka pintu kenderaannya dan mengambil beg tangannya. Ini persepsi.

Tanya setiap wanita *on the street* Tuan Pengerusi, mereka akan mengatakan bahawa mereka merasa keselamatan mereka terancam, mereka terdedah kepada risiko. Pada bila-bila masa mereka akan diserang oleh penjenayah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan. Habiskan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Oleh itu, saya berharap pihak kementerian akan mengambil tindakan yang sangat tegas. Adakah satu sasaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan *Zero Tolerance Against Crime*. Saya rasa Ketua Polis Negara tidak menyambut baik seruan ini apabila beliau menganggap ia hanya satu persepsi. Sepatutnya saya

rasa sudah sampai masanya pihak kementerian menetapkan sifar jenayah. Sifar jenayah, sasaran sifar jenayah agar kita boleh memandang serius masalah jenayah dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Silam.

4.08 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan dalam peringkat Jawatankuasa bagi maksud Bekalan 62 dan P.62. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 – Agensi Antidadah Kebangsaan. Kalau kita anggap dadah ini sebagai salah satu musuh negara dan pada satu ketika dianggap musuh nombor satu negara.

Maka, sewajarnya lah kita memberi keutamaan dari segi pengurusannya. Kalau kita lihat sebagai kawasan-kawasan pintu masuk di selatan negara kalau di negeri Sabah seperti dekat dengan kawasan Parlimen Silam, Sandakan dan Tawau yang dekat dengan negara jiran dan pada suatu ketika di kawasan pantai timur itu dianggap sebagai pintu masuk untuk aktiviti ini. Saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian sebab kita melihat konsep yang diperkenalkan sekarang ini dari segi pengurusannya hanya bersikap *ad-hoc*. Adalah saya mencadangkan di sini supaya pihak kementerian mengambil inisiatif untuk mewujudkan jawatankuasa pengurusan tetap bagi mengendalikan kes dan masalah yang kita hadapi sekarang ini.

Kita lihat juga bagaimana sebagai contohnya masalah syabu terutamanya di kawasan Pantai Timur Negeri Sabah ianya aktiviti yang berleluasa. Kita dapati penguatkuasaan ini sangat lemah dan kita berharap supaya pihak kementerian mewujudkan suatu jawatankuasa penguatkuasaan yang lebih sistematik dan kalau boleh diwujudkan jawatankuasa ini bersifat tetap. Ini untuk membolehkan supaya komitmen berterusan untuk mengatasi masalah berleluasanya pengedaran dadah ini di negara ini.

■1610

Di samping itu juga kalau kita rujuk hubung kait Butiran 040200 iaitu Penguatkuasaan dan Keselamatan. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian iaitu dari segi penambahan anggota keselamatan di kawasan perairan negara kita dan juga sempadan-sempadan yang berhadapan dengan negara-negara jiran sebab ini penting untuk mengurangkan kadar penyeludupan dan kadar rompakkan yang berleluasa. Memang kita tahu dari segi pantai negeri Sabah itu sangat panjang dan susah dikawal.

Akan tetapi sekurang-kurangnya kalau saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mewujudkan pos-pos kawalan utama di kawasan pintu masuk itu. Di samping itu juga, bekerjasama dengan pihak keselamatan di negara jiran kita bagi membolehkan supaya mungkin dari segi untuk mengurangkan dari segi pihak keselamatan untuk menghantar dengan kadar masa yang lama. Jadi kalau kita ada penguatkuasaan yang bekerjasama dengan

negara jiran ini, sudah tentu kita dapat mengawal dan mengurangkan sedikit sebanyak masalah penyeludupan dan kegiatan pelanunan di kawasan perairan negara kita.

Kemudian saya mahu rujuk kepada Butiran 070000 iaitu Pendaftaran Negara. Kita dapati di pejabat Pendaftaran Negara, keadaannya tidak begitu kondusif dan kita mohon supaya jumlah kakitangan di pejabat-pejabat pendaftaran di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar diperbanyakkan. Kita merujuk di kawasan tertentu seperti di kawasan DUN Tunku, ia belum ada pejabat pendaftaran negara dan kita berharap supaya pihak kementerian dapat mengambil inisiatif sebab daerah tersebut adalah daerah baru. Jadi kalau kita awal mewujudkan pejabat pendaftaran ini untuk memudahkan lagi penduduk di kawasan luar bandar itu dapat mendaftar dari segi kemudahan kad pengenalan.

Juga pada masa yang sama saya berharap supaya pihak kementerian dapat mengambil inisiatif untuk memastikan proses permohonan pendaftaran kad pengenalan bagi rakyat Malaysia ini dapat diproses dengan segera terutamanya di kawasan luar bandar. Kita berharap dari segi kekerapan jadual lawatan ke kawasan-kawasan terpencil itu dapat dikerapkan, ini untuk membolehkan kita dapat mengurangkan kadar masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan luar bandar apabila mereka berurusan untuk membuat permohonan kad pengenalan ini.

Kemudian saya merujuk kepada Butiran 060000 iaitu Imigresen. Oleh sebab kawasan pantai timur negeri Sabah ini banyak kegiatan *barter trade* yang berlaku di antara negara kita dan negara jiran kita. Saya baru-baru ini di Dewan yang mulia ini telah mencadangkan kepada pihak kementerian ini untuk mewujudkan pusat pos kawalan yang baru ataupun pos bagi memastikan keluar masuk pelawat ataupun pendatang ke negara kita ini dapat dikawal dengan baik dan dapat memperkemas kini kan lagi dari segi peranan, penyambungan pas-pas masuk ke negara kita ini supaya kita dapat mengawal dari segi *influx migration* ini, dengan izin.

Sebab kalau kita tidak kawal ataupun tidak ada pos-pos kawalan ini, sudah tentu untuk oleh sebab pas-pas masuk kerja ini di bawah bidang kuasa kebanyakan dalam Jabatan Imigresen. Jadi saya mencadangkan kepada pihak kementerian untuk mengambil inisiatif bagi mewujudkan pos kawalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Begitu juga saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dalam butiran ini iaitu supaya pusat-pusat tahanan sementara terutamanya di kawasan Parlimen Silam supaya diwujudkan. Ini untuk membolehkan sebelum mereka dihantar ke Sandakan ataupun Tawau untuk dipulangkan ke negara masing-masing, kita dapat mengawal dari segi keselamatan itu supaya ini tidak menjejaskan dari segi perjalanan dari Lahad Datu ke bandar-bandar tersebut, jaraknya sangat jauh. Jadi kita tidak mahu masalah ini akan berlarutan.

Kita mencadangkan juga kepada pihak kementerian ini supaya mengambil inisiatif untuk menambahkan lagi kakitangan di kawasan zon pantai timur terutama di kawasan Parlimen Silam sebab kadar jenayah sekarang ini meningkat dari hari ke hari. Jadi kita tidak mahu perkara ini

berlaku dan menyebabkan rakyat tidak terjamin dari segi rasa diri mereka. Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

4.15 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pokok Sena, okeylah tu... [Ketawa]

Butiran Jabatan Pendaftaran Negara, Agensi Dadah dan Polis. Saya, pertama sekali bagi pihak kepolisan iaitu kita menyedari hakikat bahawa negara kita ini cukup aman, cukup baik, cukup tenteram. Walau bagaimanapun, masih ada yang perlu dilihat secara bijaksana, pendekatan-pendekatan yang baru ke arah bagaimana memantapkan lagi institusi kepolisan ini. Sebab kalau tidak, Timbalan Menteri harus menerima hakikat keadaan sudah berubah, dunia sudah berubah. *Demand* atau tuntutan daripada rakyat sudah berubah. Oleh sebab itu, kita melihat mana satu undang-undang, mana satu akta dalam kepolisan ini yang kita rasa sudah lapuk, tidak boleh diterima oleh komuniti kita, maka kita membaharui akta-akta tersebut.

Saya ingin mengambil satu contoh misalnya iaitu mengikut Akta Ordinan, Akta Darurat; pihak polis boleh menangkap mana-mana pihak dan disimpan di penjara tanpa ada bicara. Saya juga dapat laporan ada juga di kalangan mereka yang ditangkap ini membuat kesalahan tersebut disebabkan masalah kemiskinan. Memang benar bukan sebab dia miskin maka dia ada lesen untuk merompak, menipu dan membunuh; tetapi dia melakukan itu sebab tekanan kehidupan yang melanda, yang menimpa keadaan dia.

Jadi walaupun dia sudah salah tapi dia ada keluarga, perlu disara. Sudahlah dia dipenjarakan dua tahun ke empat tahun, tidak ada bicara, anak bini dia macam mana? Jadi kita harus lihat pendekatan-pendekatan baru ini. Jangan tengok buku, kita ikut buku, kita ikut peraturan. Cuma buku Al-Quran sahaja tidak boleh diubah, itu pun banyak orang langgar, apa lagi buku undang-undang. Tidak ada mana satu undang-undang tidak ada pihak menteri kah, pihak IGP kah melihat pendekatan-pendekatan yang baru supaya polis ini walaupun kita menguatkuasakan undang-undang tetapi kita juga dilihat sebagai satu pasukan yang disegani, dihormati dan dilindungi oleh masyarakat kita.

Bayangkan dengan pembangkang mengapi-apikan rakyat, kalau rakyat bangkit menentang pihak polis, apa akan berlaku? Kita juga tidak mahu begitu. Walaupun ada isu-isu yang dibangkitkan oleh pembangkang, memang saya tengok cukup relevan dan ini kita perlu ambil perhatian ke arah untuk memantapkan lagi institusi kepolisan kita. Saya secara ikhlas menyatakan bahawa polis dalam negara kita ini memang telah memainkan peranan yang penting ke arah memartabatkan dan keselamatan negara kita.

Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat Batu Gajah, dia kata negara tidak selamat. Ibu-ibu, wanita berkurung di bilik. Saya ini suka jalan malam, saya tengok di Bukit Bintang, di mana-mana beratus wanita berjalan tidak ada *bodyguard*. Kadang-kadang kita yang takut terserempak dengan kumpulan wanita. Jadi bermakna Yang Berhormat Batu Gajah bohong, dia

punya *statement* tidak betul, tidak ada wanita berkurung di bilik. Kalau mereka berkurung di bilik, bermakna mereka punya laki itu jahat, kejam. Namun kalau takut keselamatan tidak ada, saya boleh bawa Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Seputeh, ikut saya tengok jalan. Adakah wanita di Malaysia ini takut?

Kalau di kampung saya, mereka bebas sana sini, tidak ada takut. Di Bukit Bintang begitu juga, di KLCC pun begitu. Jadi janganlah cakap keterlaluan bahawa negara kita tidak selamat. Kalau tidak selamat, tidak akan Yang Berhormat Batu Gajah bawa kereta sendiri, tidak ada *bodyguard*, tidak ada pengawal peribadi.

Cuma pada saya, masih juga memberi penekanan, kita harus melihat ke arah pendekatan-pendekatan yang baru. Bawa bincang IGP, *is a high time for us* dalam institusi kepolisan untuk membincangkan sesuatu untuk memantapkan polis. IPCMC sudah ada, kita rujuk. Mana yang boleh kita terima, kita terima.

■1620

Jangan pula kita IPCMC ini, menganiaya pihak polis, sebab saya lihat ada satu *clause* dalam cadangan IPCMC itu. Ini amat membimbangkan pihak pendakwa, IO - IO di polis, sebab dia salah mendakwa, dia tersilap sikit, dia pula yang boleh didakwa tanpa boleh merayu, tanpa boleh *appeal* atau pun memberi penjelasan. Ini tidak adil, ini undang-undang tidak boleh pakai Timbalan Menteri sebab kalau ini berlaku, maka akan tidak banyak orang menyertai institusi kepolisan ini.

Walaupun sasaran kita mahu mengembangkan polis 150,000 tapi dengan cadangan yang tidak relevan ini, tidak boleh diterima oleh akal ini akan menidakkan kita mencapai matlamat mengumpul seberapa banyak anggota-anggota polis pada masa akan datang. Jadi harus dilihat, mana yang perlu, mana yang sesuai, itulah kita guna pakai, kalau tidak jangan kita pakai.

Kedua, sedikit sahaja, berhubung dengan dadah, saya memuji langkah polis sebab mutakhir ini banyak produser-produser, banyak *kingpin*, pengedar dadah antarabangsa dan sebagainya, sebut dadah saya tengok raja, Malaysia pun salah satu raja mengedar dadah, tapi yang tertangkap ini pengedar pertengahan, yang dia punya *big boss* belum ada didakwa, yang ada di dakwa yang tengah-tengah itu, dan kedua, kenapa dadah ini sudah *landing*, sudah mendarat di Tanah Besar, baru boleh tangkap, padahal pintu masuk kita ini tidak banyak. Apakah dengan penambahan polis 150,000 ini maka kita akan memberi jaminan bahawa akan ada sifar dadah di negara kita.

Kalau tidak, di Sabah contohnya, dadah jenis syabu ini, macam saya pernah cakap dulu, macam beli goreng pisang ataupun ikan di pasar malam. Banyak di mana-mana pelosok pun ada. Saya pun hairan mengapa begitu mudah dadah jenis ini menyusup masuk ke negara kita.

Di mana silap dia, di mana masalah dia, di mana kelemahan dia, kenapa tidak kita perbetulkan, ini yang patut kita mesyuarat, kita tengok, kita bincang, tanya pihak polis marin, tanya pihak penguat kuasa, sebagainya. Bagaimana kapal membuat dadah boleh *limpas*, datang

ke Sandakan, datang ke Kota Kinabalu, ke Kudat, ke Tawau sehingga terjebak anak-anak muda kita menjadi penagih sehingga tidak boleh dipulihkan.

Oleh sebab itu saya menyarankan, saya mencadangkan tiga perkara tersebut bahawa masanya sudah tiba untuk jabatan polis khususnya memikirkan bagaimana pendekatan untuk merumus bahawa institusi polis ini menjadi satu agensi penguat kuasa dihormati, disegani dan mendapat tempat di hati rakyat.

Tidak ada jalan yang susah pada saya asalkan kita ada kesungguhan, asalkan kita ada komitmen, saya menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Pokok Sena.

4.24 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, B.62, Kementerian Dalam Negeri 010000 - Pengurusan Dasar Dalam Negeri, saya ingin menyentuh soal media cetak, kerana Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab untuk meluluskan KDN kepada media-media cetak sama ada majalah ataupun surat khabar.

Saya melihat bahawa dari segi garis panduan yang tak begitu jelas kepada media cetak ini dan tidak ada penguatkuasaan secara bersungguh-sungguh oleh pihak KDN, kementerian khususnya kepada menjadikan wanita bahan eksploitasi media walaupun Timbalan Menteri pernah menjawab soalan Yang Berhormat Kota Raja, tetapi jawapan itu masih tak memperlihatkan satu sikap yang begitu tegas dan jelas kerana kita dapati bahawa akhbar atau majalah-majalah yang banyak yang mendapat kebenaran daripada KDN ini masih menggunakan secara langsung atau tidak langsung menggunakan eksploitasi media ini untuk melariskan majalah dan akhbar mereka.

Begitu juga saya rasa maknanya perlu juga dimasukkan dari segi garis panduan supaya menghalang untuk media-media ini mengambil kesempatan daripada kes-kes penceraihan, menyiarkan, memberikan publisiti yang begitu meluas, penceraihan artis dan selebriti, seolah-olah menjadikan tumpuan orang itu kepada membincangkan persoalan penceraihan ini, ini soal saya rasa soal maruah, soal rumah tangga yang ada masalah dan sebagainya tak perlu diberikan publisiti dan sebagainya.

Pengiklanan keputusan-keputusan judi ini, 4 Digit, keputusan Magnum, Kuda, TOTO dan sebagainya, begitu banyak disiarkan oleh akhbar. Walaupun judi-judi itu merupakan judi yang dilesenkan oleh Kementerian Kewangan, walaupun dilesenkan tetapi bagi saya satu benda yang tidak sewajarnya untuk memberikan kemudahan kepada penjudi-penjudi yang main judi TOTO, 4 Digit, MAGNUM dan sebagainya ini untuk mendapatkan kemudahan ataupun maklumat dari segi keputusan-keputusan.

Ini disiarkan umpamanya di Metro, satu muka, dua muka, keputusan SMS secara cepat dan sebagainya, jadi ini berlawanan dengan usaha kita untuk mencegah jenayah kerana judi juga merupakan satu amalan yang tidak baik yang sudah tentu dalam agama Islam melarang dan

kesan daripada perjudian ini sangat besar bahawa dia boleh membawa kepada kes-kes jenayah sedangkan kita berbincang persoalan jenayah yang begitu bermasalah kepada negara kita.

Jadi saya minta supaya dia diletakkan dalam satu garis panduan supaya bukan untuk memberikan ruang yang begitu mudah untuk mereka-mereka yang melanggan dengan 4 Digit dan sebagainya, kemudian 020000 - Polis Diraja Malaysia, berkaitan dengan soal kecurian kabel ini. Saya pernah bertanya tetapi Menteri tidak jawab sebelum ini.

Kecurian kabel Telekom ini daripada 2005 hingga Jun 2008 - 30,000 kes kecurian kabel Telekom ini di seluruh negara kita dan di Kedah saja saya pernah sebut 9,000 kes. Seluruh negara 30,000 dengan nilainya RM200 juta dan Kedah yang paling banyak dengan 9,000 kes dengan 40 juta sejak 3 tahun yang mutakhir ini.

Ini bermasalah kepada kita khususnya di kawasan luar bandar, kecurian ini kebanyakan berlaku di kawasan-kawasan luar bandar sebab tidak banyak rondaan pihak polis untuk memberikan kawalan, sebab itu saya minta bahawa kerana ini memberikan kesan kepada permasalahan penduduk kampung, sekolah, klinik, pusat perkhidmatan kerajaan dan sebagainya yang menggunakan talian Telekom Malaysia ini, jadi saya kira bahawa perlu ada penambahan anggota polis untuk membuat kawalan-kawalan sebab sehingga hari ini saya lihat bahawa Telekom sendiri pun dia kata pun payah, memang *queue* 10,000 orang, lebih daripada 10,000 orang *queue* nak dapatkan sambungan balik, tapi Telekom kata nak sambung itu bermasalah kerana sambung, curi pula, sambung hilang, sambung hilang.

Jadi ini masalah menunjukkan bahawa polis tak serius, sebab itu kita dok marah tadi bahawa polis tak serius, kerana dalam hal-hal yang sebegini rupa, kemudian soal 020300, Penyiasatan Jenayah, tadi ada disebut secara tidak langsung berkaitan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri memperakui bahawa ada kes penyiasatan yang menggunakan kekerasan, yang boleh mencederakan sehingga ada yang mati pun, orang yang disyaki ditangkap yang belum dibicarakan, tetapi dalam proses penyiasatan mereka mati.

Saya rasa bahawa kita kena cari kaedah-kaedah yang terbaik untuk mendapatkan apa-apa maklumat tanpa perlu kepada satu tindakan keras yang menyebabkan penyeksaan. Saya sendiri melihat masalah ini sewaktu saya pernah duduk dalam lokap polis, saya duduk dalam lokap polis, ada yang duduk sebilik dengan saya itu menunjukkan bagaimana bila dia dipanggil soal siasat, masa dia pergi belakang dia elok, dia balik belakang dia ada bekas getah yang dipukul di atas belakang dia.

Jadi seorang sekuriti yang mengalami keadaan demikian, yang keduanya pula bahawa ada dua orang pegawai polis yang dipenjarakan kerana kes kematian dalam siasatan di bawah tangan mereka di Balai Polis Sentul kalau tak silap saya. Mereka ini tinggal sepenjara dengan saya di Kajang tempoh hari, mereka memberitahu kepada saya, mereka buat ini atas arahan pegawai atasan, tapi bila berlaku kes kematian, pegawai atasan berlepas tangan, jadi kenalah kepada dua orang pegawai bawahan.

Jadi saya kira ini sebagai satu yang tidak sewajarnya berlaku...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya saya nak habiskan, kemudian soal P. 23000 - Kapal Terbang, ada disebut sini kapal terbang, saya nak tanya, pernah berlaku dalam satu laporan akhbar berkaitan dengan kes kapal terbang Cessna 172, lima buah dan dua helikopter Pengangkut MI17 yang tersadai tidak boleh digunakan dan itu diakui sendiri oleh bekas Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mustapha, dia mengakui bahawa itu masalah teknikal, dia tidak boleh sebut lebih daripada itu kerana dia kata ini akan membebankan banyak pihak.

■1630

Jadi saya hendak tahu apa jadi dengan kapal terbang dan helikopter itu. Adakah kita sudah jual kepada mereka yang berniaga besi buruk dan sebagainya ataupun masih lagi untuk kita hendak buat apa-apa kemudahan kepada pihak polis. Ini sangat penting bagi saya kerana ini membabitkan wang rakyat. Akhir sekali Tuan Pengerusi, ialah berkaitan dengan soal pembinaan balai polis iaitu P.62, 12000. Di Pendang saya diminta oleh wakil MP Pendang untuk menyebut bahawa Balai Polis Pendang ini sudah enam tahun tidak siap-siap lagi..., 27% sahaja dia punya tahap pembinaan. Ia dibuat pada tahun 2002 dan dia ini menggunakan *cross subsidy* dengan tapak Kem Polis Hutan Sungai Petani yang diberikan kepada sebuah syarikat dengan syarat syarikat tersebut buat tiga balai. Satu di Pendang, satu di Sungai Petani, satu di Yan. Di Pendang 23% di Sungai Petani sudah dibuat tetapi ada masalah. Kena diperbaiki, terlalu kecil dan sebagainya.

Syarikat itu sudah dapat tanah, dia sudah *let go* semua bangunan sudah siap, dia jual Tesco dan sebagainya, kemudian di Yan di Jerai masih belum dibuat. Jadi apa masalah sehingga menyebabkan kontraktor yang buat Balai Polis di Pendang itu ialah kontraktor Nagasari. Jadi balai polis sudah berhutan, naga pun boleh hidup di situ dan naga pula pakai sari. Jadi saya minta Yang Berhormat khususnya pihak kerajaan pihak kementerian dapat melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dan rakyat seluruhnya, sekian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Gombak.

4.31 ptg.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 - Pengurusan Polis yang diberikan satu peruntukan yang cukup besar iaitu RM1.535 bilion.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang Berhormat Tuan Pengerusi dalam membahaskan isu pengurusan polis sudah tentulah perkara yang akan diberikan tumpuan ialah soal kesediaan PDRM untuk menyiapkan anggota dan pegawai yang benar-benar dapat menjalankan tugas dengan baik dan

bertanggungjawab khususnya dalam menangani isu yang telah kita bahaskan dengan panjang lebar pada hari ini iaitu indeks jenayah yang semakin hari semakin begitu tinggi.

Tuan Pengerusi, saya ingin memulakan perbahasan saya pada petang ini dengan berkongsi sedikit kisah benar apa yang berlaku sebentar tadi. Walaupun kami Pakatan Rakyat tidak peroleh undi untuk meluluskan usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, dan juga Yang Berhormat Seputeh, sebaik sahaja belah bahagian disempurnakan saya keluar dari Dewan yang mulia ini, ramai teman saya dari Barisan Nasional yang membisikkan kepada saya Tuan Pengerusi apa yang dibawa oleh Pakatan Rakyat itu adalah benar dan benar belaka... [Tepuk] Saya tidak berbohong dalam Dewan ini Tuan Pengerusi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sebut nama, sebut nama...

Tuan Pengerusi: Tidak apalah, tidak apalah teruskan sahaja.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini kerana bagi mereka isu jenayah ini melepasi batasan kaum, agama dan fahaman politik sama ada benar atau tidak, Timbalan Menteri mahu meneruskan amalan jenayah sindrom ini, tetapi rakyat di luar Dewan sedang menyaksikan bagaimana gelagat UMNO dan Barisan Nasional untuk menutup statistik yang sebenarnya. Ada seorang Ahli Parlimen UMNO menyatakan kepada saya sebentar tadi, statistik ini sepatutnya tidak boleh dirombak kerana ini sudah diaudit oleh Jabatan Statistik yang diberikan oleh PDRM. Akan tetapi untuk meneruskan watak jenayah sindrom ini, angka-angka ini telah diputar belitkan untuk meredakan kebimbangan dan keresahan rakyat bahawa jenayah sebenarnya dalam tahap yang paling kritikal di negara kita.

Sebab itu ia memerlukan satu peruntukan yang besar, tetapi peruntukan sahaja Tuan Pengerusi tidak cukup kalau ianya tidak disusuli dengan tindakan yang benar-benar bertanggungjawab. Justeru itu usul yang dibangkitkan pagi ini menjadi lebih penting lagi kerana PDRM memerlukan seorang ketua tau kepala yang dapat memberikan kepimpinan yang terbaik kepada anggota yang di bawah. Tidak mungkin anggota dan pegawai polis dapat menjalankan tugas dengan baik apabila melihat ketua mereka di atas gelagat sombong, angkuh dan zalim kepada rakyat keseluruhannya. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang Butiran - 020100 ini tentang istilah yang tersebar luas di dalam PDRM iaitu tsunami *transfer*.

Bukan sahaja kita menyaksikan *political tsunami* pada 8 Mac Tuan Pengerusi, tetapi juga tsunami berlaku di Bukit Aman Kuala Lumpur. Tanyalah pegawai tertinggi polis sama ada OCPD, ataupun CPO dan pegawai-pegawai, mereka memahami kalau disebut *tsunami transfer* di mana Ketua Polis Negara telah mengeluarkan arahan untuk tukar pegawai-pegawai tinggi PDRM-ke tempat-tempat yang jauh dan tidak munasabah semata-mata tidak menyokong mereka dalam kepimpinan PDRM. Maklumat yang kita peroleh lebih 125 pegawai tertinggi polis telah terlibat dalam *tsunami transfer* ini. Yang lebih membimbangkan kita Tuan Pengerusi senarai pertukaran

pegawai-pegawai tertinggi polis telah ditemui dalam sebuah *laptop* seorang tauke samseng di negara kita.

Ini serius Tuan Pengerusi, bagaimana *list of transfer of senior police officers* dengan izin, terkandung dalam *laptop* seorang ketua samseng dalam negara kita. Apakah PDRM hari ini dikuasai oleh satu dua kelompok yang memberikan arahan dan arahan kepada Ketua Polis Negara untuk bertindak dan mengetepikan semua pandangan yang dikemukakan oleh pentadbiran dan pengurusan polis di Bukit Aman. Kalau inilah berterusan Tuan Pengerusi, saya bimbang ianya tidak akan membantu harapan kita untuk menangani masalah ini dengan lebih bertanggungjawab lagi.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya masih ingin berbalik kepada soal integriti yang kita bahaskan pagi ini. Saya kira perkara yang telah dibangkitkan walaupun telah dijawab sebahagiannya oleh Timbalan Menteri pagi tadi tetapi isu rasuah dan salah guna kuasa dalam PDRM. Ini bukanlah satu perkara yang boleh diketepikan sahaja.

Sebab itulah PDRM telah membentuk satu unit disiplin di dalam Polis Diraja Malaysia. Sementara kita boleh memahami dalam mengurus satu institusi yang sebegini besar, sudah tentulah kita tidak terlepas daripada masalah disiplin di kalangan anggota polis dan pegawai-pegawai. Akan tetapi yang membimbangkan kita ialah yang terlibat dengan rasuah dan penyelewengan salah guna kuasa ini adalah pegawai-pegawai tertinggi di dalam PDRM itu sendiri. Perkara ini tidak boleh dinafikan kerana seorang Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri telah pun membuat laporan kepada polis dan BPR bagaimana gelagat seorang pegawai tertinggi polis yang terlibat dalam dengan rasuah dengan jumlah jutaan ringgit semata-mata untuk membebaskan beberapa kumpulan samseng dalam negara kita. Cuma Tuan Pengerusi kita berhadapan dengan kes yang dilaporkan ini disiasat oleh BPR.

■1640

Pada masa yang sama Ketua Pengarah BPR juga berdepan dengan masalah rasuah dan penyelewengan. Maka kes BPR disiasat oleh polis. Ketua Polis Negara membebaskan Ketua Pengarah BPR, Ketua Pengarah BPR membebaskan Ketua Polis Negara. Apa hendak jadi dalam sistem kita Tuan Pengerusi? Tidak ada ketelusan. Anggota polis di bawah yang ambil RM50 kita sumbat dalam penjara enam bulan. Saya tidak berkompromi dengan soal rasuah dan penyelewengan. Kalau ada bukti kemukakan di mahkamah terbuka, diberikan peluang untuk diadili secara adil, dihukum sewajarnya. Akan tetapi bagaimana kalau Ketua Polis Negara, pegawai tertinggi polis yang bergelumang dengan rasuah secara terbuka, mampu menunjukkan kepimpinan yang terbaik kepada pegawai dan anggota polis?

Tuan Pengerusi: Rumuskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin menekankan kepada Timbalan Menteri, ada dua Timbalan Menteri pada petang ini, supaya mengambil perkara ini secara serius. Saya ingin mengulangi penegasan saya Tuan Pengerusi

bukan kita menyerang Institusi Polis. Kita menghargai sumbangan dan pengorbanan anggota polis dan pegawai polis, tetapi kalau perkara-perkara pokok tidak kita tangani, isu integriti ditafsirkan sebagai persepsi, saya bimbang bertambah longgar masalah disiplin dan integriti dalam PDRM.

Oleh sebab jumlah yang diperuntukkan satu jumlah yang cukup besar iaitu RM1.5 bilion, saya menggesa Timbalan Menteri-Timbalan Menteri supaya segera mengambil tindakan yang sewajarnya, supaya pegawai-pegawai dan anggota polis yang terbaik diberikan penghargaan dan penghormatan dengan dinaikkan pangkat mereka dan diberikan tempat untuk mewarisi kepimpinan PDRM. Bagi mereka yang telah dan terus menjalankan amalan rasuah dan penyelewengan, jangan sekali-kali kita gentar dan takut untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas.

4.42 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 020700 – Siasatan Jenayah Komersial. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, yang akan menjawab. Berapakah jumlah kes siasatan jenayah kolar putih tahun lalu dan juga setakat tahun inilah kalau ada. Sejauh manakah pihak polis di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial ini memantau segala tohmahan-tohmahan yang dibuat melalui baik *website*, portal ataupun *bloggers* yang menuduh si anu ataupun sesiapa sahaja yang kononnya terlibat dengan jenayah ataupun rasuah.

Jangan dikira siapa yang menulis, kita tidak tahu siapa yang menulis pun tidak apa tetapi disiasat. Saya hendak bawa satu kes iaitu blog yang ditulis, yang *diposted* oleh bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, pada 11 November 2008. Tuan Pengerusi, saya hendak baca ini perkara ketiga panjang, saya hendak *quote* perkara yang pokok sahaja.

“Dakwaan Datuk Zaid Ibrahim, bekas menteri undang-undang tentang pendapatan peguam terkemuka tentulah diasaskan kepada pengetahuan dan pengalaman beliau sebagai pemilik firma guaman yang mempunyai 100 peguam. Saya tidak pernah baca berkenaan Datuk Zaid Ibrahim, bekas menteri undang-undang mempertahankan mana-mana penjenayah atau anak guam dalam mahkamah. Jadi saya tertanya-tanya daripada manakah datangnya pendapatan yang lumayan bagi firma guamannya dan sudah tentu dirinya sendiri. Apakah mungkin pendapatan yang tinggi dan banyak ini datang daripada urusan-urusan berkaitan dengan kes-kes penswastaan kerajaan dan lain-lain keperluan conveying kerajaan. Ini sangkaan saya sahaja, jika tidak benar, tunjukkan bukti ianya tidak benar.”

Ini ditulis oleh bekas Perdana Menteri yang pada waktu itu menjadi Perdana Menteri. Saya bangkitkan perkara demikian kerana kes besar. Tuan Pengerusi, tidak silap saya penswastaan kerajaan yang dimaksudkan ini mungkin penswastaan lebuhraya, waktu PLUS disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dahulu, siapa yang terlibat, siapa yang mengaut keuntungan? Kita tahu Datuk Zaid Ibrahim, saya bukan peribadi, saya hendak bangkit perkara asas sebab soal undang-undang tetap undang-undang, tidak ada siapa yang boleh kita lindungi di bawah undang-undang. Saya tidak ada *politically motivated*, tetapi sebab saya seorang sahaja, saya tidak boleh tubuh kerajaan. Saya seorang so saya tidak ada *political motivated* dalam saya membangkit apa-apa isu, tetapi soalnya kita tahu Datuk Zaid Ibrahim ini mempunyai lumba kuda.

Ada Lumba Kuda Sri Kelantan kalau tidak silap saya. Kuda-kudanya berlumba di sana-sini. Firmanya besar dan ada kekayaannya. Maka sebab itu saya hendak minta apakah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial akan menyiasat walaupun ianya kes lama tetapi saya percaya ianya melibatkan persoalan yang besar, sebab kita hendak tahu. Kalau bersih, bersihlah saya tidak buat tuduhan tetapi apa yang *diposted* oleh bekas Perdana Menteri ini, saya percaya ada kredibiliti dan ada kebenarannya.

Tuan Pengerusi yang kedua, Butiran 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, kita tahu bahawasanya, saya bukan hendak mengulangi balik, saya hendak memperingatkan, berkali-kali saya ingin mengingatkan bahawasanya asas Perlembagaan Negara.

Kita tahu 153, 152 dan apabila ada pihak mempertahankan ketuanan Melayu, mempertahankan kedudukan Raja-raja Melayu, semuanya ini ada di bawah Perlembagaan Negara yang tertakluk ada di bawah Akta Hasutan dan di bawah Majlis Raja-raja Melayu. Perkara-perkara lain tidak ada, *debatable*, boleh dibahaskan. Kalau seperti yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Jerlun, bercakap soal sekolah vernakular, Yang Berhormat Seputeh bangkit sebentar tadi yang mana saya pun berpendapat demikian, bahawasanya sekolah vernakular ini adalah penghalang kepada proses perpaduan kaum. Penghalang kepada proses integrasi kaum tetapi ianya tidak tertakluk di bawah apa yang dikatakan akta...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Di bawah perlindungan 153, tetapi mereka mengungkit perkara ini. Apakah Yang Berhormat sedar mereka yang membangkit, saya tidak ada masa kecuali Tuan Pengerusi bagi lebih masa. Bagi tidak Tuan Pengerusi? Tidak ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tun Dr. Mahathir hantar cucunya ke sekolah rendah Cina dan juga Allahyarham Tun Ghafar Baba.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak mengatakan demikian, saya tidak bagi jalan. Saya tidak bagi jalan biar saya habis dulu. Duduk, ini *floor* saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yalah jangan begitu biadablah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya bukan. Saya bukan jenis cari publisiti murah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya juga bukan cari publisiti murah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya tidak cari publisiti murah, duduk, ini *floor* saya. Itu pendapat dia ini pendapat saya, itu pendapat Yang Berhormat. So dengan izin, *we respect each other's opinion, why not? So let me say what I think.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Biar saya kata, biar saya beri pendapat saya. Yang Berhormat bersetujukah atau tidak bersetuju itu hak Yang Berhormat, tetapi dia boleh bagi pendapat, Yang Berhormat boleh bagi pendapat, saya pun boleh bagi pendapat, *so what? So what?* Jangan pendapat kita sahaja kata tidak betul.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas, rumuskan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya saya hendak jawab, saya hendak tumpu kepada subjek saya hendak bercakap.

Tuan Pengerusi: Rumuskan, ya sila-sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menjawab perkara ini supaya *clear*, supaya tidak timbul lagi masalah-masalah yang dibangkitkan sebab ini perkara penting dan saya juga hendak merujuk kepada Yang Berhormat dari segi pelaksanaan undang-undang. Apabila seseorang itu ditahan di bawah ISA ataupun Ordinan Darurat seumpamanya, saya tahu SOP iaitu *Operating Service*, maknanya dia mesti tuduhan, kelakuan yang didapati oleh polis dia melakukan sesuatu yang tidak baik untuk pencegahan berturut-turut dua tahun, SOP ini.

Seorang Ahli: *Operating Procedure* .

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Operating Procedure* ini. Akan tetapi saya tengok kertas pertuduhan kepada sesetengah yang mereka ditahan, maknanya kes tahun 70-an, lama-lama dulu manakala yang dua tahun kebelakangan ini tidak begitu jelas dan ini mungkin berlaku penganiayaan. Saya pun sama juga dengan Yang Berhormat Gombak bukan saya tidak mempertahankan keadilan, saya pun hendak kepada keadilan. Jadi dengar lagi, yang pentingnya ialah saya hendak tanya...

Tuan Pengerusi: Rumuskan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, hendak gulung ini. Selepas sahaja ianya ditahan, lembaga yang mendengar kes ini, perbicaraan ini, tiga bulan. Tuan Pengerusi tiga bulan, kalau orang itu tidak bersalah tiga bulan dalam jel. Saya hendak cadangkan supaya sebaik sahaja kertas pertuduhan ini keluar, *immediately* lembaga kena bersidang, perbicaraan untuk mendapatkan keadilan bagi pihak yang dituduh.

■1650

Akhirnya berkenaan cadangan Ketua Polis Negara dipotong gaji RM10. Saya hendak cakap terus terang saya tidak menyokong. Saya mengundi tapi saya tidak menyokong. Saya

tidak apologetik Tuan Pengerusi. Cuma tinggal lagi KPN ini adalah ketua polis yang dulu pernah menyiasat kes-kes berprofil tinggi. Saya harap apa sahaja tuduhan terhadapnya jangan ada *political motivated*. Kalau dia salah tetap dia salah. Kita tidak kira siapa. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Limbang.

4.51 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin hendak menyentuh tentang Jabatan Imigresen P.62 35000 - Pejabat-pejabat dan Rumah Kediaman Imigresen. Bagi pengetahuan Dewan yang mulia ini, pada masa ini sebuah kompleks imigresen di sempadan antara Limbang dengan negara Brunei iaitu di Kuala Lurah. Kompleks ini telah pun siap, *practically completed* dengan izin pada bulan Oktober yang lepas.

Akan tetapi masalahnya sekarang ialah apabila kompleks ini telah siap, namun kawasan sekeliling ini telah menghadapi banjir pada masa ini. Ramai penduduk di kawasan tersebut telah pun merayu, mengadu kepada saya sekarang ini apabila hujan dua jam rumah, mereka akan dinaiki air sedalam dua kaki. Jadi ini telah pun berlarutan selama beberapa bulan dan mereka telah merayu juga semasa kompleks ini dibina. Jadi di sini saya memohon kepada Kementerian Dalam Negeri untuk melihat perkara ini dan memberi sesuatu pampasan ataupun apa yang sepatutnya untuk menangani masalah ini dan perkara ini tidak akan selesai sehingga hal banjir kilat yang disebabkan oleh pembinaan kompleks ini tidak akan berhenti sehingga masalah mereka ini dapat diselesaikan.

Satu lagi ialah tentang keadaan situasi di sempadan ini, walaupun kompleks di sebelah negara kita telah pun siap tetapi dengan negara jiran, mereka masih lagi menggunakan kompleks yang lama di mana kaunter-kaunternya hanya dalam empat, lima buah sahaja. Jadi kompleks di negara kita ini telah siap tetapi masalah *queue* yang panjang apatah lagi semasa musim cuti sekolah ini di mana *queue* boleh mencecah sehingga empat kilometer. Perkara ini tidak akan selesai juga. Jadi saya minta kepada Kementerian Dalam Negeri untuk berbincang dengan negara jiran, bagaimana untuk melicinkan arus perjalanan di sempadan Kuala Lurah ini.

Begitu juga dengan sempadan di antara Limbang dengan daerah Temburong di negara Brunei di mana kompleksnya telah pun siap. Satu lagi ialah tentang dadah sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Saya memohon kepada pihak polis untuk memperketat pengawasan ataupun membuat siasatan yang rapi tentang penyeludupan dadah yang melintasi Limbang dari Sabah dan tempat-tempat lain di negeri Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia. Ini kerana dalam beberapa tahun ini, kalau saya tidak silap dalam tahun 2003 atau 2004, ada seorang penyeludup dadah yang sudah beroperasi berbelas tahun melintasi daerah kawasan saya ini daripada Sabah dan hanya *one very good cop* dapat mengesan hal ini.

Penyeludup tersebut telah ditembak mati di tempat kejadian kerana dia merempuh, cuba lari daripada sekatan polis.

Jadi kalau sudah berbelas tahu itu saya rasa *something have to be done* dengan izin. Apa yang saya minta ialah pastikan jika ada kambing-kambing hitam yang bersekongkol di dalam PDRM di kawasan saya ini diawasi dan diambil tindakan agar operasi-operasi polis lebih lancar dan berkesan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka.

4.54 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyertai perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin berbahas atas Butiran 020100, 020300, 100300, 100500 tentang Pengurusan dan juga Penyiasatan Jenayah. Tuan Pengerusi, objektif utama kementerian ini ialah untuk memberikan perkhidmatan yang pantas dan bermutu kepada orang ramai pada tahap dikatakan terbilang.

Bagi memastikan perkhidmatan ini yang terbaik dan terbilang kepada orang ramai, kementerian memang perlu melaksanakan kajian kepuasan pelanggan dari masa ke semasa untuk mendapatkan maklum balas. Semestinya melaksanakan pemantauan strategik dengan mendapatkan angka-angka yang tepat dan benar dari semua sudut. Oleh kerana masa yang singkat Tuan Pengerusi, saya ingin hanya berbahas atas PDRM iaitu tentang polis. Kadar jenayah berbeza dari pihak polis dan juga dari orang ramai dan juga di antara kementerian. Ada kementerian memberikan angka-angka yang berlainan atau kadar yang berlainan dengan pihak polis.

Kadar jenayah yang dikeluarkan oleh pihak polis juga amat berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh pihak swasta atau pihak pertubuhan sukarela. Saya ingin berikan beberapa contoh yang kemungkinan ini akan membuktikan bahawa kadar jenayah oleh pihak polis PDRM ini memang tidak tepat dengan apa yang betul-betul terjadi.

Tuan Pengerusi, di melaka, saya pernah bawa pelancong asing untuk membuat laporan polis kerana pelancong ini di ragut di sebelah jalan. Saya bawa pelancong ini ke balai polis untuk membuat satu laporan polis. Ini satu kes ragut, dia punya pasport hilang, wang semua diragut.

Dengan mata saya sendiri saya nampak pegawai atau anggota semasa mahu terima laporan ini dia ada minta, dia nasihatkan pelancong itu supaya buat laporan kehilangan di bas stesen ataupun di mana-mana. Jangat kata diragut. *If not, you* terpaksa tinggal beberapa hari lagi. Apa kata jika kita dapat tangkap, kamu kena mengecam adakah ini yang meragut. Itu memang satu masalah dan pelancong asing katakan jika ini masalah yang *so much trouble*, ikutlah apa yang *you* kata. Tulislah yang saya hilang dengan cuai saya sendiri. Sebab itu dalam laporan ini memang bukan satu kes ragut. Sebenarnya ragut sampai cedera, tangan dia cedera dan terpaksa dibawa ke klinik swasta.

Sebab ini satu masalah yang saya katakan semasa kita menyalahkan atau kita semua cuba menyalahkan penduduk taman jika ada kes pecah rumah, buat laporan polis. Mengapa mereka tidak buat laporan kepada polis? Mereka katakan mereka kena duduk di sana menunggu pegawai ambil *statement* dan difahamkan susah hendak tangkap penjenayah ini. Lebih baik saya rugi terutama kaum Cina, Mereka selalu katakan dengan izin Tuan Pengerusi... [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] Kita hilang wang tidak apa, kita dapat keselamatan sudah cukup.

Itu memang satu sikap rakyat kita. Sebab itu saya katakan apa yang dilaporkan pada pihak polis tentang angka-angka ini memang tidak tepat. Satu kes tentang bagaimana kita mengawal atau menyiasat penjenayah seperti kes ragut dan kes kecurian. Di Bandar Melaka kita ada CCTV, memang ada CCTV di jalan-jalan tertentu juga di tempat-tempat pelancong tertentu.

■1700

Akan tetapi berapa CCTV yang betul-betul berfungsi? Kerajaan Negeri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka *spot check*, dia nampak lebih daripada 10 CCTV semua rosak dan juga tak ada orang memantau atau orang-orang yang bertugas untuk pantau CCTV. Ada CCTV tetapi tidak boleh berfungsi. Ini memang satu *white elephant project*. Kita pasang berbelanja berapa banyak wang tetapi kerja *maintenance* yang baik tidak memastikan semua CCTV ada orang jaga dengan baik supaya jika ada kes jenayah dapat diambil tindakan dengan segera.

Satu lagi yang jika izinkan saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini tentang kamera. Di Melaka ada simpang-simpang yang tertentu atau tempat-tempat tertentu ada kamera untuk *speed trap*. Pada permulaannya memang berkesan. Saya beberapa kali juga sedikit *off the line*, dengan izin Tuan Pengerusi, kamera itu *flash*, sudah mula tangkap dan memang itu berkesan. Sebab itu kita galakkan kerajaan negeri galakkan semua simpang-simpang yang penting semua ada kamera, semua pemandu kereta atau penunggang motosikal terpaksa berhati-hati mengikut dengan lampu isyarat tetapi dua tiga tahun yang kebelakangan ini semua tidak berfungsi lagi.

Saya tak pasti mengapa, mungkin mahal filemnya kerana kalau mat rempit sekali 30 buah atau 50 buah motosikal terus dia pergi, saya pun tak pasti kamera itu dapat tangkap. Ini memang satu masalah yang kita belanjakan wang beratus ribu saya tak pasti berapa jumlah yang kita telah belanjakan tetapi kita biarkan hanya untuk mungkin dapat berfungsi untuk memberikan kesannya hanya dalam satu masa yang singkat.

Tuan Pengerusi: Rumuskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sebab itu saya harap pihak kementerian kalau dapat beri penjelasan adakah usaha untuk menangkap *speed trap* ini di *junctions* atau simpang-simpang ini, kamera itu biarkan di sana saja atau betul-betul membaiki atau tukar yang lain-lain alat yang lebih berkesan dan dengan itu saya terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ranau.

5.02 ptg.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menyentuh perkara yang *specific* dengan izin dan sedikit saja. Saya ingin merujuk butiran 010100 iaitu mengenai dengan Pengurusan dan 010200 iaitu mengenai Dasar dan Operasi.

Mengenai dengan Dasar dan Operasi, saya ingin menyentuh satu perkara yang betul-betul berlaku ini Tuan Pengerusi dan bukan dibuat-buat iaitu apabila membuat laporan di balai-balai polis dan pelapor itu dikehendaki untuk membayar RM2.00. Satu yang berlaku di mana yang saya ketahui kawan juga dan dia mengadu kepada saya iaitu dia pergi, pekerja dia dan tempat pekerja asing ini ialah di Telupid dan apabila pekerja ini melarikan diri daripada majikannya, majikan pergi ke balai polis di Karamuning di Kota Kinabalu. Apabila laporan itu telah dibuat, seharusnya pelapor ini membayar RM2.00 tetapi tidak boleh dibayar di balai polis di Karamuning di Kota Kinabalu dan disuruhnya pula pergi melapor dan membayar RM2.00 itu ke balai polis Telupikd.

Telupid ini lebih kurang jauhnya lebih 200km daripada Kota Kinabalu dan pelapor ini pergi di balai polis di Telupid dan apabila sudah membuat laporan di sana, RM2.00 itu pula tidak boleh dibayar di balai polis di Telupid dan disuruhnya lagi pergi ke balai polis Beluran di sebelah Sandakan di mana daripada Telupid ke Beluran ini kalau saya tidak salah lebih kurang 70km lagi dan saya difahamkan bahawa pelapor ini sampai sekarang tidak pergi membayar RM2.00 itu di Beluran.

Jadi Tuan Pengerusi, perkara ini saya ingat kalau boleh kementerian yang berkenaan kalau seboleh-bolehnya untuk kebaikan ataupun dengan izin *convenience* kepada orang awam. Kenapa RM2.00 ini tidak boleh dibayar di balai polis tempat mengadu? Biarlah dia di mana saja balai polis tempat mengadu, terimalah RM2.00 itu. Bukan persoalan yang tidak mahu membayar RM2.00 ini, bukan RM10.00 tetapi persoalannya ialah menyusahkan orang ramai dan ini menyentuh juga mengenai dengan dasar dan operasi kementerian ataupun operasi balai-balai polis yang menunjukkan kelemahan, tidak cekap.

Kenapa perkara yang kecil saja seperti ini tidak dapat diurus ataupun diselesaikan di balai-balai polis dan saya juga apabila saya mengetahui perkara ini, saya pergi ke balai polis Telupid. Di sana ini memang saya dapati kekurangan tenaga polis sehinggakan pegawai polis yang ada di sana, dia sendiri menaip. Katanya tidak ada *typist*. Itu *typewriter* pun yang lama-lama punya. Ini menunjukkan kekurangan tenaga dan juga kekurangan peralatan dan kita hairan Pekan Telupid ini boleh dikatakan pekan yang penting dalam perjalanan daripada Ranau ke Sandakan dan saya mohon supaya kalau sekiranya perkara ini boleh diselesaikan, selesaikanlah kerana dalam satu taklimat kementerian yang lepas, saya sudah sentuh perkara ini.

Saya juga buat dalam pertanyaan untuk jawapan lisan tetapi jawapan tidak begitu meyakinkan dan saya percaya masalah ini belum lagi dibuat apa-apa tindakan. Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini Tuan Pengerusi, banyak pekerja-pekerja asing ini terutama sekali

di Sabah. Saya tidak tahu kedudukan di Sarawak ataupun di Semenanjung Malaysia tapi banyak pekerja-pekerja yang masih memegang pas kerja yang sah apabila mereka mendapat *renewal* pas kerja ini, mereka melarikan diri daripada majikan-majikan.

Apabila pekerja-pekerja asing ini pergi kerja di tempat yang lain dan juga apabila pas kerja mereka ini sudah lupus, mereka senang saja diambil sebagai pekerja oleh majikan yang lain dengan hanya menukarkan nama saja dan terus boleh diurus pas kerjanya ataupun pasport ditukar nama. Begitu senang tetapi yang kita ketahui ini ada dasar kerajaan yang selepas pekerja asing itu bekerja dengan majikan selama tiga tahun, dia seharusnya kembali ke negara asalnya barulah dia boleh kembali untuk bekerja.

■1710

Tuan Pengerusi: Rumuskannya, Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Barulah dia boleh kembali untuk bekerja. Akan tetapi kebanyakannya sudah habis pas kerja boleh diambil oleh majikan dengan senang sahaja hanya menukarkan nama-nama.

Tuan Pengerusi: Rumuskannya, Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Apa tindakan kementerian tentang perkara ini. Saya sudah rumuskan, Tuan Pengerusi. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Gelang Patah.

5.10 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara sahaja yang ingin saya sentuh iaitu mengenai Butiran 010200 tentang Permohonan Pendaftaran Perkahwinan bagi Jabatan Pendaftaran Negara. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana telah meningkatkan status wanita serta peranan sebagai ibu dengan memberi kuasa yang sama seperti peranan ayah dalam pengurusan permohonan kerajaan penting seperti permohonan kad pengenalan, pasport antarabangsa, permit dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, kepada pemohon pendaftaran perkahwinan berumur 21 tahun ke bawah, bapa pemohon dikehendaki hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebagai saksi semasa upacara perkahwinan dijalankan. Tanpa kehadiran bapa, pendaftaran perkahwinan adalah tidak sah dan tidak dapat diteruskan manakala sebagai seorang ibu beliau tidak dibenarkan mengambil peranan sebagai saksi utama.

Sekiranya bapa pemohon sedang bekerja di luar, lari atau hilang - pemohon dikehendaki mendapat kelulusan dan pengesahan daripada pihak mahkamah atau majistret untuk membuktikan bahawa bapa pemohon di luar negara, lari atau hilang. Ini mendatangkan kesulitan dan masalah kepada mereka yang ingin berkahwin di bawah umur 21 tahun. Maka saya ingin menyeru kementerian supaya melonggarkan syarat-syarat permohonan perkahwinan yang di bawah umur 21 tahun ini dengan membenarkan atau mengesahkan peranan ibu sebagai saksi

utama kepada upacara perkahwinan sekiranya bapa pemohon tidak dapat hadir. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Saya cuma benarkan satu lagi sebelum saya panggil menteri untuk menggulung. Saya mohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana semasa menteri menggulung ini ada juga yang mencelah.

Seorang Ahli: Ini spesifik.

Tuan Pengerusi: Kalau saya ikut semua pun kes spesifik. Hendaklah kita habiskan semua kes spesifik. Saya beri Yang Berhormat Machang.

5.14 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran berkenaan dengan Penyiasatan Jenayah. Tuan Pengerusi, seorang doktor dari sebuah Hospital Pusrawi, Dr. Mohammad Osman, saya terbaca kenyataan medianya mengenai cara siasatan dibuat ke atas beliau dalam satu kes. Beliau orang Myanmar, tidak boleh bercakap bahasa Melayu. Soal siasat dibuat dalam bahasa Inggeris beberapa hari.

Apabila soal siasat selesai dan beliau diminta untuk memperakukan semua butiran penyiasatan, kertas siasatan terakhir itu ditulis atau ditaip dalam bahasa Melayu di mana beliau diminta menurunkan tandatangan. Pada ketika itulah beliau terpandang nama Anwar Ibrahim. Beliau ingat sepanjang soal siasat sehari-hari nama Anwar Ibrahim tidak muncul. Soal siasat dalam bahasa Inggeris tetapi bila kertas siasatan sempurna dalam bahasa Melayu tiba-tiba nama Anwar Ibrahim muncul. Beliau enggan menurunkan tandatangan tetapi diugut kalau tidak mahu memberikan kerjasama kepada pihak polis. Apakah ini suatu kaedah soal siasat yang memang menjadi amalan pasukan polis? Itu perkara yang pertama.

Kedua, mengatakan lafaz oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada sesi awal tadi bahawa beri peluang kepada Menteri Dalam Negeri sebab dia baru 10 bulan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Menteri Dalam Negeri ini adalah seorang *senior minister*. Dia bertanding pilihan raya tahun 1990. Dia tidak payah menjadi setiausaha Parlimen, dia tidak payah jadi timbalan menteri dia terus jadi menteri penuh, Menteri Undang-undang dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tahun 1990 dan saya Setiausaha Politiknya.

Beliau kemudian Menteri Pertahanan, kemudian Menteri Luar Negeri dan hari ini ialah Menteri Dalam Negeri. Saya fikir *it is an insult for the Deputy Minister* untuk mengatakan bahawa "berilah peluang kepada beliau". Beliau seorang yang sangat kompeten, saya mengenali beliau. Puasa Isnin Khamis, baca Quran setiap hari, itu yang saya kenal beliau. Oleh kerana integriti beliau ini beliau dianggap dalam UMNO sebagai Menteri yang kedekut. Ini merupakan satu konotasi yang sudah terakam dalam kepala Ahli-ahli UMNO. Beliau kedekut sebab tidak gunakan duit untuk kedudukan. Jadi tidak boleh. Kalau kita kaitkan tadi soal jenayah yang

meningkat, berilah peluang kepada Menteri kerana beliau baru 10 bulan, saya rasa hujah itu tidak boleh pakai, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak boleh pakai sama sekali.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu yang paling kita bimbangkan ialah kerana kadar jenayah yang begitu tinggi. Saya memetik data terbaru oleh Datuk Mohd. Bakri Zinin. Dia adalah Pengarah CID Bukit Aman. Rompakan bersenjata daripada Januari hingga Oktober tahun ini 17,834. Tempoh yang sama tahun lepas Januari hingga Oktober 3,691. Daripada 3,691 melonjak kepada 17,834. Peningkatan sudah berapa kali ganda, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sebab itulah kalau dalam Dewan yang mulia ini kita yang mengambil bahagian memperkatakan soal ini kita ada asas yang kuat kerana dapatan kita adalah daripada angka-angka rasmi laman web pasukan polis. Sangat terang. Ini bukan persepsi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tolonglah, ini bukan persepsi. Ini realiti. Ini betul-betul terjadi dan ini bukan cubaan.

Curi kereta meningkat 2,534 daripada tempoh yang sama, tahun lepas 10,290 dan naik 2,534 menjadikan angka baru ialah hampir 13,000. Kes pecah rumah naik juga daripada 19,299 kepada 21,200. Angkanya ini merupakan butiran terperinci daripada Bukit Aman. Saya terkejut besar semalam Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan sidang media di Parlimen mengatakan setelah mendengar taklimat daripada pasukan polis, rupa-rupanya jenayah di Malaysia tidaklah begitu teruk. Itu cuma satu persepsi rakyat sahaja. Saya mohonlah agar Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat kembali membetulkan persepsi ini apa yang disebut sebagai persepsi oleh Timbalan Perdana Menteri dengan memberikan laporan yang betul-betul jujur, amanah dan bertanggungjawab.

Dalam pada saya memberikan nada yang agak kritikal terhadap siasatan dan juga kenaikan angka jenayah saya juga mohon untuk menyinggung perkara 091300 - Imigresen. Pengalaman saya di Kelantan, Kota Bharu khususnya begitu juga di Jabatan Pendaftaran Negara di Machang, saya harus akui secara jujur sistem penyampaian memang kelas pertama. Itu saya akui. Kita boleh selesai dalam masa 10 hingga 15 minit sahaja untuk menukar IC di Pejabat Pendaftaran Negara Machang.

■1720

Begitu juga kita cuma menunggu tak sampai 30 minit untuk membarui dan memohon pasport baru di Imigresen Kota Bharu berbanding beberapa tahun dahulu. Ini merupakan satu yang sangat diidam-idamkan oleh rakyat. Ini saya ucapkan tahniah.

Point saya yang terakhir Tuan Pengerusi, 091000 – Penjara. Apakah sistem gaji dan *reward* kepada pegawai-pegawai penjara ini, kementerian bercadang untuk mengkaji balik? Dengan *tension* kerjanya berhadapan dengan kelompok yang dihukum di penjara ini, dengan segala macam kerenah mereka itu, apakah kementerian berpuas hati dengan kadar *reward* yang mereka peroleh sekarang dan skim khidmat yang ada sekarang atau memang ada cadangan

untuk memperbaiki ataupun menambahbaikkkan lagi sistem *reward* ini. Itulah tiga perkara yang saya bangkitkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri.

5.21 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Perbekalan yang bersangkutan dengan Kementerian Dalam Negeri peringkat Jawatankuasa.

Mereka adalah terdiri daripada Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Gelang Patah dan akhir sekali Yang Berhormat dari Machang.

Baiklah Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Jempol telah pun membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama mengenai Agensi Dadah Kebangsaan, yang kedua mengenai Penguatkuasaan Perbekalan dan yang ketiga Pendaftaran Negara, tingkat kualiti MyKad dan yang keempat mengenai pembangunan balai-balai polis di rancangan FELDA. Yang pertama saya ingin menyentuh tentang kebocoran dadah di pusat serenti dan di penjara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jempol.

Saya ingin menyatakan di sini langkah-langkah yang telah pun diambil dari semasa ke semasa sebab kita hendak melihat pusat tahanan kita, pusat serenti kita termasuk juga penjara kita bebas dari dadah. Ini adalah sebab pusat-pusat tahanan adalah tempat di mana kita ingin melihat penghuni-penghuni di dalam institusi-institusi berikut ini memulihkan supaya mereka ini dapat keluar sebagai warganegara yang sihat, berguna dan dapat balik ke pangkuan masyarakat. Langkah-langkah berterusan ialah:-

- (i) kita sudah tubuhkan satu unit siasatan dan risikan, pemeriksaan yang rapi termasuk juga terhadap kakitangan dan pelawat. Bukan sahaja terhadap penghuni-penghuni, orang yang masuk pun kita siasat juga. Kerjasama dengan pihak polis, keluarga dan orang ramai yang sentiasa datang untuk masuk ke dalam penjara dan pusat-pusat tahanan, tindakan tegas, tatatertib dan undang-undang terhadap penghuni dan kakitangan jika didapati mereka ini menyorok dadah masuk ke dalam pusat-pusat tahanan dan juga ke penjara; dan
- (ii) kita juga menggunakan alat pengesan dadah di sesetengah pusat serenti dan juga penjara. Kemungkinan kita akan memperluaskan penggunaan peralatan pengesan dadah di semua institusi.

Yang Berhormat Jempol mencadangkan kepada kerajaan supaya balai-balai polis dapat dibina di kawasan FELDA seluruh negara untuk tujuan mencegah kejadian jenayah. Tuan Pengerusi, kerajaan sememangnya berhasrat untuk membina balai-balai polis di kawasan FELDA di seluruh negara. Walau bagaimanapun oleh sebab peruntukan yang terhad, beberapa perkara perlu diberi pertimbangan terlebih dahulu sebelum ia dapat dilaksanakan secara sepenuhnya. Untuk tujuan ini Polis Diraja Malaysia mengguna pakai kriteria yang menjadikan garis panduan untuk mewujudkan balai polis di seluruh negara seperti berikut:-

- (i) jika penduduk melebihi 10,000 orang dalam satu-satu tempat;
- (ii) penilaian keluasan kawasan liputan dan penilaian kedudukan indeks jenayah dalam kawasan berkenaan dan penilaian liputan keselamatan dan *respons time* dari balai-balai polis berkenaan. Kesemua ini kalau memang memenuhi kriteria-kriteria ini, maka kita akan mula dengan pembinaan balai-balai polis.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini daripada 73 buah pondok polis yang ada di seluruh rancangan tanah FELDA, sebanyak 9 buah pondok polis telah dicadangkan untuk dinaiktarafkan menjadi balai polis. Pondok polis yang berkenaan ialah pondok polis di FELDA Cheneh, Terengganu; Pondok Polis FELDA Bukit Baling, Terengganu; Pondok Polis FELDA Lubok Merbau, Kedah; Pondok Polis FELDA Adilah di negeri Johor; Pondok Polis FELDA Nita dan Waha di negeri Johor; Pondok Polis FELDA Tenggara di negeri Johor juga; Pondok Polis FELDA Palong, Negeri Sembilan dan Pondok Polis FELDA Cahaya di Masai, Johor. Ya, Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin minta sedikit penjelasan kerana saya memang menghargai usaha-usaha kerajaan untuk mendirikan pondok-pondok polis di seluruh negara. Akan tetapi pagi tadi saya menerima satu aduan daripada penduduk-penduduk di Taman Taming Jaya. Mereka mengadu kerana memang ada satu balai polis di Taman Impian Ehsan iaitu memang dekat dengan taman mereka. Akan tetapi semasa mereka pergi ke pondok balai polis itu untuk membuat laporan, mereka disuruh untuk pergi ke ibu pejabat di Kajang. Mereka memang tidak pernah tengok apa-apa atau sesiapa anggota polis yang meronda di kawasan mereka.

Jadi pada pendapat saya, bukanlah kita hendak membina pondok balai polis di seluruh negara tetapi apakah fungsi mereka sekiranya anggota-anggota polis tidak meronda dan sekiranya apabila penduduk pergi ke sana untuk membuat laporan polis, mereka disuruh pergi ke ibu pejabat.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat, saya memahami masalah yang dihadapi oleh penduduk di sesetengah tempat. Oleh sebab kemungkinan hanya sebuah pondok polis dan jika pondok polis itu hanya dikawal oleh dua orang dan pada saat-saat yang genting itu, dua orang polis itu terpaksa pula keluar untuk menjalankan tugas, maka tidak ada orang untuk

mengawal pondok polis. Ini adalah salah satu masalah kemungkinan berasas daripada kekurangan anggota. Walau bagaimanapun oleh sebab Yang Berhormat sekarang bangkitkan perkara ini, saya tidak tahu masalah yang berlaku di situ. Biar bagi saya balik, saya tanya dan lagi mungkin lagi seminggu, saya bagi Yang Berhormat jawapan di luar Dewanlah. Okey?

Baiklah Yang Berhormat dari Jempol juga minta supaya pihak JPN perlu mempertingkatkan lagi kualiti MyKad. Pihak JPN dalam proses menambahbaikkan struktur baru MyKad daripada apa yang kita sedia ada. Ciri-ciri keselamatan akan ditambah dengan cip juga, kualiti cip akan dipertingkatkan lagi. Kita berharap dapat melihat MyKad yang baru ini bila ia dikeluarkan akan mengandungi kualiti yang lebih baik daripada sekarang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, pihak Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa Mykad-Mykad, kualiti MyKad yang telah pun diguna pakai oleh rakyat, pemastautin tetap dan juga pekerja-pekerja supaya ia tidak senang dipalsukan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. MyKad ini oleh sebab ada usaha daripada pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi mutunya, memperbaiki mungkin ciri-ciri keselamatannya dan juga memperluaskan kegunaannya, boleh atau tidak saya mencadangkan kerana ada beberapa insiden. Contohnya dalam senarai pemilihan. Kita ada pemegang-pemegang MyKad yang dikatakan berumur sampai 100 tahun lebih.

■1730

Ini kerana ada masalah dalam pemberian nombor identiti dalam kad kita yang saya rasa boleh diperbaiki seandainya tahun kelahiran itu tahunnya penuh diisi seperti tahun 1956 dan bukan hanya 56. Ertinya kita mungkin akan menambah dua digit lagi dalam MyKad kita tetapi ia dapat memberikan ketepatan dari segi umur kita dan kegunaannya di dalam daftar pemilihan misalnya tidak akan dapat ditiru atau disalah guna dan tidak akan ada nama-nama ataupun orang-orang yang berumur 100 tahun lebih di dalam MyKad itu. Itu cadangan saya yang kalau boleh dipertimbangkan, Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sedikit lagi Yang Berhormat Menteri fasal MyKad. Saya buat MyKad saya di Putrajaya. Ada tujuh aplikasi dalam MyKad. Salah satunya lesen memandu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiang) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Akan tetapi bila saya memandu dan ditahan polis, dia minta lesen, saya bagi My Kad lah. Dia kata minta *license*. Saya kata dalam ini. Dia kata, ini kad pengenalan, saya nak *license*, tak faham kah? Saya kata dalam ini. Dia tak ada *card reader* Timbalan Menteri. Dia tak boleh buat.

Jadi, e-Government, kita nak tuju ke segala macam, tapi *support system* itu tak wujud. Begitu juga bila ditahan JPJ. Alasannya ialah tak ada *card reader*. Kita warganegara kita jayakan cita-cita kerajaan nak wujudkan, nak aplikasi MyKad dengan segala macam penggunaan tapi di lapangan sebenarnya sistem sokongan itu belum betul-betul baik. Jadi akhirnya masih kita

terpaksa mengeluarkan *license*. Dalam kes begitu Timbalan Menteri, boleh kita mohon penjelasan, kita nak tunjuk apa, *license*, atau MyKad.

Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Krai dan Machang. Mengenai cadangan Yang Berhormat Kuala Krai mungkin kita akan melihat sama ada ia boleh diterima atau tidak. Kita bukan pakar teknikal kan. So, kita akan serah kepada ini tapi saya dah *noted*, saya akan bawa balik. Dari apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Machang, saya mengaku pada permulaannya bila MyKad itu dikeluarkan kepada rakyat kita, aplikasinya memang tak banyak lagi. Akan tetapi, setakat hari ini, dia telah pun bertambah hingga aplikasi 13 jenis.

Pada masa dulu, saya percaya oleh sebab *reader*, pembaca itu yang dibekalkan, yang dibelikan oleh JPM kepada semua pegawai penguatkuasaan. Pada masa itu mungkin tak sampaikan kepada semua. Jika tak ada pembaca itu, mungkin tak dapat baca, dia punya butir-butir yang terkandung dalam cip dalam MyKad. So, saya percaya sekarang ini dah tak jadi masalah dah. Kalau jadi masalah lagi, saya minta Yang Berhormat Machang bagi tahu saya.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ini memang masalah.

Dato' Chor Chee Heung: Di mana itu?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ini berlaku semasa saya ditahan di Gua Musang baru-baru ini dalam perjalanan ke Merapoh, ditahan. Sekali kena di...

Dato' Chor Chee Heung: Mereka tidak mempunyai pembaca..

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Card reader*. Mereka tidak ada *card reader*.

Dato' Chor Chee Heung: Oh, tidak ada pembaca. Kadang-kadang bila kita keluarkan pembaca ini kepada semua penguatkuasaan, kadang kala pembaca itu mungkin rosak juga. Kalau bateri dia kadang-kadang ada masalah, so maksudnya pegawai penguatkuasaan tidak dapat menggunakan pembaca itu. Kalau tidak dapat menggunakan pembaca maka terpaksa juga kita tunjukkan lesen kita lah. Itu masalahnya, mungkin.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *It defeat the purpose of having My Kad.*

Dato' Chor Chee Heung: *Not exactly.*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Timbalan Menteri memberi jawapan bahawa semuanya pada peringkat awal ada masalah, sekarang semua okey.

Dato' Chor Chee Heung: Ya, saya tahu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Fakta yang saya kemukakan ialah pegawai yang membuat tugas di sekatan jalan raya, saya bagi tahu secara khusus di Gua Musang menghampiri Merapoh jawapan kepada saya ialah "*Kami tidak dibekalkan card reader*". *Itu faktanya. Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan hal itu.*

Dato' Chor Chee Heung: Saya minta mengambil perhatian tentang ini. Sebab tak ada alasan kalau pembaca ini mencukupi diberikan kepada semua ahli penguatkuasaan, pembaca MyKad. Gua Musang. , Yang Berhormat, terima kasih.

Yang Berhormat Jempol nak tahu kempen-kempen yang dijalankan bagi memerangi gejala dadah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Agensi Antidadah kebangsaan mempunyai strategi untuk mengadakan berbagai-bagai kempen seperti mengeratkan lagi masyarakat, *civil* untuk memerangi dadah, mewujudkan kerjasama, Rakan Pintar dengan agensi dan Jabatan Sektor awam dalam menganjurkan program pendidikan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Pendidikan ini kita harap dapat mencegah berlakunya pengedaran dadah. Yang ketiga mewujudkan kerjasama rakan strategik dengan sektor swasta dan NGO untuk mengadakan lebih banyak lagi kempen bebas dadah di tempat kerja, di sekolah dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, tadi kita dengan panjang lebar mengenai masalah MyKad. Akan tetapi di Bintulu ini masalah lagi besar daripada MyKad. Isu ini bukan Bintulu sahaja. Di Sabah, Sarawak, dan Semenanjung mungkin ada sedikit juga. Memang ini masuk butiran juga. Masalah ini, kampung-kampung atau rumah panjang ini pun berapa orang. Macam contoh di Bintulu, kurang-kurang mungkin ada 30,000, 50,000 orang menunggu, mana dia punya kad pengenalan atau pun IC. Jangan kata MyKad lagi, sekarang, dia mahu surat beranak pun tiada. Dia mahu lain-lain punya dokumen macam contoh, sijil kematian pun tiada.

Berapa kali kita sudah bangkit dalam Dewan yang mulia ini sampai hari ini kita tiada satu jawapan yang jelas dan tulus macam mana nak selesaikan masalah ini. Ada sekali Jabatan Pendaftaran kata turun kawasan, turun padang, turun tempat ke tempat. Akan tetapi sampai hari ini, apa hasil yang didapati. Ini Jabatan Pendaftaran

Saya sudah tiga penggal di dewan yang mulia ini. Sampai hari ini tak selesai, Cuma tolong kasi jelas. Contohnya di Bintulu, berapa IC sudah bagi, berapa surat beranak sudah bagi, berapa surat kematian sudah dikeluarkan. Sampai hari ini kita bahas, tiada satu konkrit jawapan macam mana bak selesai. Berapa lama tempoh kita boleh selesai, tiada. Jawapan cuma macam kita *entertain* sahaja. Sampai hari ini saya sudah tiga penggal, kurang-kurang sudah sepuluh tak boleh selesai, macam mana, bila baru boleh selesai. Saya sudah bagi tahu di dewan yang mulia ini, kalau dalam satu, misal kata, satu rumah panjang ada terlibat apa-apa kes jenayah, bila polis datang, dia pun tidak tahu mana satu. Ada pendatang asing tanpa izin kah tidak di rumah panjang itu, dia pun tak tahu. Banyak orang tiada IC, surat beranak pun tiada. Saya minta satu penjelasan dan jawapan jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian Timbalan Menteri.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi perangkaan, berapa keluar pada MyKad, sijil beranak dan lain-lain memang saya tak adalah sebab Yang Berhormat baru bangkitkan sekarang. Akan tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini baru-baru ini Kementerian Dalam negeri telah pun menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai *task force* yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha kementerian untuk mengkaji secara mendalam dibelah semenanjung dan di sebelah Sabah dan Sarawak, macam mana kita dapat mempercepat lagi pendaftaran anak-anak yang tidak didaftarkan dan dari segi permohonan-permohonan kad sama ada *green card*, iaitu pemastautin sementara ataupun pemastautin tetap termasuk juga warganegara.

■1740

Saya percaya di negeri Sabah dan Sarawak mungkin kerja ini akan lebih sukar dilakukan memandangkan kita kena masuk kepada tempat-tempat pedalaman dan ini akan membelanjakan lebih banyak peruntukan lagi. Walau bagaimanapun kita akan cuba tengok, kita telah mulakan di Tawau tetapi pada hari itu oleh kerana bila orang-orang di Tawau tidak kira yang dilahirkan di situ ataupun orang asing, bila dia dengar berpuluh-puluh ribu datang. So, pendaftaran hari itu tidak dapat dilakukan memandangkan dia ada masalah dengan celaru oleh orang ramai.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan pengerusi, masalah ini kementerian mungkin tidak cukup sedar betul-betul mengenai masalah yang berlaku di kawasan-kawasan, macam contoh di kawasan Bintulu.

Saya bangga, pertama saya pun ada keluarkan satu cadangan, kalau kementerian atau Jabatan Pendaftaran tidak cukup peruntukkan saya akan cuba bantu yang mana saya boleh bantu. Saya ada bot sedia untuk melawat kawasan, saya boleh bagi. Boleh bagi pegawai pergi masuk ke rumah panjang dan selesaikan masalah ini, tetapi saya cukup sedih Tuan Pengerusi, pegawai kata, "Kita orang tidak larat atau kita tidak cukup tenaga. *We don't have the energy to go to long house ke long house*". So, kalau kita berfikiran macam ini, macam mana kita melaksanakan cadangan ataupun TKSU nak cadang mengkaji dalam ke dalam sampai mana-mana dalam pun tidak guna, memang tidak selesai. Saya ada lihat satu laporan cerita lain, tetapi di padang apa yang berlaku lain. Ini ialah masalahnya, tetapi kita mesti mahu lihat *this is what actually happened on the ground* dengan izin. So, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi penjelasan atas perkara ini.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu, cuma soalan ini juga hampir sama dengan apa yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat dari Silam. Beliau juga membangkit tentang betapa susahnya untuk membuat pendaftaran kanak-kanak kecil yang telah dilahirkan tanpa sebarang surat beranak dan juga permohonan untuk MyKad. Tadi saya sudah sebut selain daripada *task force* yang telah dikenal pasti ditubuhkan, baru-baru ini juga Yang

Berhormat Menteri melancarkan projek MyDaftar pada 26 November dan selepas itu pegawai-pegawai yang berada di Sabah termasuk juga pegawai-pegawai yang berada di Putrajaya akan mengadakan *exercise* ataupun tindakan sewajarnya mungkin melalui unit *mobile* akan mula masuk ke tempat-tempat pedalaman. Tetapi kita juga minta kerjasama dari Yang Berhormat kalau perlu Yang Berhormat kena ada di situlah, bila kita hendak masuk kita bagi tahu Yang Berhormat, kena jalan sekali kalau boleh, kalau betul-betul hendak bantu orang di situlah. Ini saya tidak perlu penjelasan ataupun jawapan, saya cuma bagi tahu, kalau boleh kita mintalah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak, saya mahu bagi tahu Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya bila-bila masa ada. Saya sudah bagi tahu, kalau tidak boleh selesai kita pun boleh tolong kasi selesaikan, kita bantu tetapi pegawai kata wakil rakyat tidak ada hak untuk membantu ini, tapi bila boleh selesai. Turun kawasan...

Dato' Chor Chee Heung: Itu cerita lama.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan cerita lama.

Dato' Chor Chee Heung: Cerita baru ini.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan cerita lama, cerita baru ini. Lama-lama kita semua pening.

Dato' Chor Chee Heung: Tidak apalah kita ada minta Yang Berhormat bantu lain kali. Kalau saya minta itu, tidak apalah. Tidak siapa akan berani kata Yang Berhormat tidak ada kuasa. Yang Berhormat dari Silam minta JIM mewujudkan pos imigresen di Timur Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat Silam, Silam terletak di daerah Lahad Datu iaitu Pantai Timur Sabah di kawasan Pantai Timur itu telah ada dua pintu masuk iaitu Tawau dan Sandakan. Manakala di Semporna sedang dalam proses untuk menaik taraf CIQ. Kawasan di Lahad Datu dan selepas ini saya percaya segala kemudahan untuk rakyat kita, rakyat asing yang ingin untuk memasuki negara kita lebih senang.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan beberapa perkara, iaitu kawalan di pintu-pintu kemasukan terutama di perairan Sabah. Kita mempunyai anggota keselamatan di situ, dekat Sabah itu ada 309 orang anggota keselamatan. Setakat ini masih tiada perjawatan pegawai dan anggota narkotik di situlah. Tetapi saya tahulah Yang Berhormat amat bimbang oleh kerana kita mempunyai pintu masuk itu dekat dengan negara jiran, maka masalah penyalahgunaan dadah, pengedaran dadah kian menjadi satu masalah. Walau bagaimanapun, jangan bimbang kita akan menghantar lebih ramai anggota keselamatan ke tempat yang mana Yang Berhormat Kinabatangan minta.

Yang Berhormat Pokok Sena telah pun membangkitkan beberapa perkara iaitu garis panduan menggunakan wanita sebagai simbol iklan. Sebenarnya kita mempunyai garis panduan. Garis panduan yang kita ada memang cukup berkesan dan kita akan memantau keadaan ini dari semasa ke semasa. Hanya iklan-iklan yang mempunyai wanita sebagai simbol

dalam iklan mengikut garis panduan kita barulah dibenarkan. Yang Berhormat Pokok Sena juga bertanya tentang pembinaan IPD di Pendang.

Dimaklumkan bahawa cadangan membina perumahan dan Ibu Pejabat Polis daerah Pendang dan Yan adalah projek yang disenaraikan untuk dilaksanakan di bawah senarai PFI, Kementerian Dalam Negeri. Projek ini dimasukkan sebagai keutamaan oleh Polis Diraja Malaysia dengan anggaran kos sebanyak RM45 juta setiap satu. Siling yang diperuntukkan bagi setiap satu projek ini adalah sebanyak RM45 juta dan projek pada asalnya adalah satu pakej seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena iaitu Yan, Pendang dan Kuala Muda.

Untuk makluman, di Kuala Muda telah pun siap dibina tetapi tinggal dua lagi, di Pendang hanya 25% siap dan selepas ini kerajaan dengan secepat mungkin akan menyambung balik supaya IPD di Pendang ini akan disiapkan dengan secepat mungkin. Yang Berhormat Pokok Sena juga membangkitkan mengenai dua anggota polis yang ditahan di dalam lokap kerana terdapat orang yang kena tangkap telah mati dalam tahanan polis dan alasan yang diberikan adalah mengikut arahan pegawai atasan. Kenapa pegawai tidak dikenakan tindakan? Tempat berlakunya kemungkinan Balai Sentul tetapi masa kejadian tidak pasti. Baiklah, sebagai jawapan kejadian orang yang kena tahan yang mati di dalam tahanan polis, ini adalah satu perkara yang agak serius.

■1750

Pihak polis akan membuka kertas siasatan sebagai *sudden death* dengan izin dan siasatan akan diteruskan lagi. Semua masalah ini akan dirujuk kepada timbalan pendakwa raya supaya satu keputusan dapat diadakan. Pihak polis tidak akan cuba melindungi mana-mana pihak dan segala hasil siasatan juga akan dihantar kepada pejabat timbalan pendakwa raya. Ini supaya satu keputusan dibuat sama ada satu dakwaan di mahkamah akan dibuat atau tidak.

Yang Berhormat Pokok Sena juga membangkitkan mengenai isu lima buah pesawat Cessna, dua buah helikopter yang tersadai dan tidak boleh digunakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini lima buah pesawat Cessna ini telah boleh digunakan dengan baik. Ia digunakan untuk melatih juruterbang Polis Diraja Malaysia sejak tahun 2007. Bagi dua buah helikopter, ini telah pun diserahkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat sejak tahun 2005 dan ia digunakan oleh jabatan bomba. Dalam perkataan lain pesawat-pesawat Cessna atau helikopter sekarang dapat berfungsi dengan baik dan sedang digunakan oleh jabatan-jabatan Bomba dan Polis Diraja Malaysia.

Yang Berhormat Gombak juga membangkitkan beberapa masalah iaitu *denial syndrome*. Sekali lagi saya ingin menekankan di sini bahawa pihak polis dan pihak kerajaan memang tidak dalam keadaan *denial syndrome*. Ini bermaksud kita tidak menafikan sesekali pun bahawa indeks jenayah tidak naik. Ia meningkat. Ini adalah satu pengakuan yang dibuat oleh Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

Cuma sama ada kita masih dapat mengawal atau tidak. Saya juga mempunyai perasaan yang sama dengan semua Yang Berhormat tidak kira sama ada Yang Berhormat dari pembangkang ataupun Barisan Nasional. Kalau indeks jenayah terus meningkat dan kalau tidak ada apa-apa intervensi diadakan, maka ini akan menyebabkan satu imej yang tidak baik bagi negara kita.

Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia sentiasa harus menumpukan segala perhatian untuk mencari jalan buat masa ini. Di samping itu, mencuba dengan sedaya upaya untuk mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Saya dapati...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Walaupun tindakan dan langkah-langkah dijalankan baru-baru ini dan beberapa bulan ini, nampaknya sudah menunjukkan kesannya tapi masih tidak turun lagi. Itu yang saya harus akui.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagaimana Timbalan Menteri boleh kata bahawa pihak polis tidak menghadapi masalah *denial syndrome*. Apabila *crime* indeks semakin teruk dan tadi dalam penggulungan usul tadi ada disebutkan bahawa Yang Berhormat kata ia semakin lebih baik dalam mengawal keadaan jenayah. Akan tetapi yang sebenar adalah sebaliknya iaitu semakin buruk.

Pada tahun 2003 semasa *crime* indeks 150,000 kes, ia di anggap sebagai serius. Apabila melompat kepada tahun 2005 iaitu 150,000 kes itu sangat serius, perlu dikontrol dan perlu dikurangkan. Selepas lima tahun sekarang lebih daripada 200,000 kes, ia masih dianggap sebagai bukan begitu serius. Bukankah ini satu *denial syndrome*. Macam Johor Bahru, *capital of crime*.

Tuan Pengerusi, saya baru dapat SMS daripada ADUN DAP daripada Johor Bahru. Dengan izin, "Doktor Boo, a 40 years old Chinese factory owner from Taman Universiti Industrial Park Skudai, just walk in my clinic at 4.30 pm been assaulted and robbed by two men arm with parangs sustained deep cut wound with possible bone fractures. Ini yang kerap kali berlaku. Hari ini Yang Berhormat Menteri yang patut di sini, tetapi dia lari daripada Parlimen dan cuai dalam menjalankan tugas beliau ada mengatakan bahawa polis dengan izin *were engaged an independent body to conduct a survey on crime and proposed how the authorities can effectively tackle criminal activities in the country*.

Nampaknya, pihak polis dan pihak Menteri tidak serius dalam menangani masalah *crime*. IGP main statistik. Menteri main statistik. Apa untuk kaji? Ini *international* statistik, bukan hari ini baru ada. Sudah 10 tahun atau 20 tahun. Kita boleh mengasingkan apa yang sebenarnya tak boleh di banding, tak perlu mengupah satu pasukan untuk membuat kajian yang memakan belanja separuh juta ringgit, RM500,000, RM700,000 dan tanpa apa-apa hasil pun. Kenapa mahu cari lagi satu kajian bagaimana *tackle criminal activities*. Ini semua sudah dikaji dan *recommendation* di buat oleh *Royal Police Commission of Inquiry*.

Semua ada 125 *recommendation*, kenapa tidak semua dilaksanakan? Sampai sekarang IPCMC, kenapa enggan untuk melaksanakan? Adakah kedudukan pentingnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KDN) dalam IPCMC? IGP kata bahawa polis sekarang tidak membantah kalau kerajaan mahu. Akan tetapi kerajaan tolak bola kepada polis. *They kicking the ball from right to left*. Polis kepada kementerian dan kementerian kepada polis. *Nobody is responsible*. Akan tetapi *crime* lebih endemik. Bolehkah kita mendapat satu pendirian sama ada oleh kerana *uncontrol crime graphing away...*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kerajaan dan kementerian tegas untuk melaksanakan satu *Independent Police Complaint and Misconduct Commission*, rela atau tak rela.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat, sebenarnya kita tidak pernah nafikan sesekali pun peningkatan dari segi indeks jenayah. Cuma kita sentiasa menekankan bahawa walaupun terdapat begitu banyak, saya pun sentiasa terima pada setiap hari dalam surat khabar pun saya baca juga mengenai rompak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Sekarang adalah Timbalan Menteri, *otherwise you'll be a victim*.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat, kita tak nafikan. Cuma apa yang saya ingin beritahu Dewan yang mulia ini bahawa walaupun terdapat begitu banyak jenayah, tetapi kita sedang usahakan. *You* hendak kita buat apa? *You* hendak semua polis pakai *machine gun* tembak semua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: IPCMC, tubuh IPCMC

Dato' Chor Chee Heung: IPCMC bukan satu benda yang boleh mengurangkan kadar jenayah di negara ini. IPCMC kalau kita ikut cadangan yang telah pun diberikan, kita rasa boleh pakai kita pakai. Betul tak? Akan tetapi dalam masa itu sampai sekarang berapa lama saja. So saya percaya Yang Berhormat punya niat itu adalah semua polis di tepi jalan mempunyai *machine gun*, siapa saja dia tembak. Betul atau tak betul, dia tembak, semua mati.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan *ridiculous*, ini bukan *intention* kita. Kita mahu polis yang baik dan ada sistem yang baik.

Dato' Chor Chee Heung: Ketua Polis Negara sentiasa buat satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, itu tembak-tembak, kita bukan mahu jadi *rambo-rambo*.

Dato' Chor Chee Heung: Akan tetapi saya percaya dengan kelakuan Yang Berhormat macam itu, *rambo* punya *style*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kena minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Chor Chee Heung: Cakap dulu, dia tembak dulu baru fikir. Ini adalah *style* Yang Berhormat. Saya tahu. Baiklah, pasal masa pun sudah suntuk. Saya beritahulah saya tak bagi jalan dah sekarang ni. Okey, Yang Berhormat Pokok Sena bangkitkan...

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Dua minit.

Dato' Chor Chee Heung: ...Mengenai kecurian kabel di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Biar Menteri menjawab dulu Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: PDRM sentiasa serius dalam menangani isu dengan adakan rondaan ikut zon...

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Minta penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: ...Serta tubuhkan pasukan khas, tingkatkan kawalan di kawasan berisiko.

■1800

Kita harap melalui cara ini kecurian kabel ini dapat dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali. Yang Berhormat Ranau telah pun bangkit mengenai isu pekerja asing. Secara dasarnya pekerja asing dibenarkan bertukar ke majikan lain dengan syarat mendapat terlebih dahulu kelulusan daripada kementerian dan Jabatan Imigresen dengan syarat-syarat tertentu. Pekerja asing juga dibenarkan bekerja dengan di negara ini sehingga maksimum lima tahun.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat, setengah minit pun tidak boleh, Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Selepas itu mereka perlu pulang ke negara asal.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri, setengah minit tidak bagi, Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Gelang Patah telah pun bangkit mengenai perkahwinan di bawah umur...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: ...8 hingga 21 tahun...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri tidak bagi lagi, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: ...bapa diminta hadir untuk beri persetujuan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan, habiskan, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: ...dalam JPN. Seorang ibu tidak dibenarkan memainkan peranan sebagai saksi. Ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa di bawah seksyen 12 iaitu bapa perlu memberi persetujuan kepada anaknya yang di bawah umur 18

hingga 21 secara menandatangani dokumen yang sah. Sekiranya bapa meninggal, anak tidak setaraf barulah ibu boleh menandatangani surat kebenaran tersebut.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Chor Chee Heung: Pihak jabatan telah mengutarakan cadangan pindaan dalam seksyen 12 Akta...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Mohon penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: ...164 dan kementerian sedang menilai cadangan tersebut...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan begitu, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: ...kerana ia turut melibatkan banyak agensi lain sama ada kerajaan atau NGO. Selain daripada itu juga saya ingin beralih kepada Yang Berhormat Machang, Machang telah membangkit sistem gaji dan *reward* kepada anggota penjara sama ada dikaji supaya mereka dipertingkatkan lagi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji sistem gaji dan perkhidmatan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini pasal gaji ini.

Dato' Chor Chee Heung: ...berasaskan perluasan tanggungjawab serta risiko yang dihadapi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Pasal gaji ini.

Dato' Chor Chee Heung: Oleh yang demikian dalam perkataan lain, kita sentiasa menjaga pegawai penjara dari segi gaji mereka dan elaun mereka sama ada padan atau tidak dengan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat dari Silam telah menyebut tentang...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Pasal gaji sedikit ini.

Dato' Chor Chee Heung: ...pendaftaran...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri, pasal gaji.

Dato' Chor Chee Heung: ...kad pengenalan di kalangan rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan lagi, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: JPN telah mempunyai 10 cawangan di seluruh negara dan seperti saya katakan tadi, tidak lama lagi kita akan masuk ke pedalaman di mana kita akan bantu untuk mendaftarkan semua kanak-kanak di daerah pedalaman. Kita harap Yang Berhormat-Yang Berhormat juga dapat membantu. Inilah beberapa perkara...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Hendak bantulah ini.

Dato' Chor Chee Heung: ...yang saya ingin jawab pada petang ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Hendak bantulah ini.

Dato' Chor Chee Heung: Sekali lagi saya ingin mengucapkan kepada...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, saya ada cadangan yang baik.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Segala soalan yang tidak dapat dijawab, saya akan..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak boleh lari.

Dato' Chor Chee Heung: Saya akan beri secara bertulis.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri belum jawab Kota Melaka.

Dato' Chor Chee Heung: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, menteri sudah jawab. Mana-mana yang tidak terjawab, dia akan jawab secara bertulis.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya bangkit banyak isu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia akan jawab secara bertulis Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ketua Polis Negara ada cadang larang motosikal.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, *speed trap* nanti sudah kena tangkap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sial duduk, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, cepat sangatlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri sudah habis, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Kalau Menteri tidak bagi celah, lebih baik fotostat, bagi sahajalah lain kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan buat macam itu. Menteri boleh menjawab secara bertulis.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Kita berada di sini hendak mencelah, hendak tanya soalan, Tuan Pengerusi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita mahu beri kerjasama dan cadangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kementerian ini kita bincang dari jam 11.47 pagi tadi, Yang Berhormat. Kita ada dua kementerian lagi untuk dihabiskan sebelum 11.30 malam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,149,051,600 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,149,051,600 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,102,309,000 untuk Maksud P. 62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2009 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,102,309,000 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2009.

**Maksud B.13 [Jadual] –
Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2009] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.13 dan Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ipoh Timur.

6.06 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, beberapa perkara sahaja, pendek, mengenai Hubungan Dua Hala - 020000. Tuan Pengerusi, di Myanmar ada lebih daripada 2,100 *political prisoner* dalam penjara-penjara yang dikatakan pertambahan lebih daripada 1,000 orang sejak Revolusi Safron pada September 2007 dan selepas malapetaka siklon *Nargis* itu. Dalam beberapa minggu ini kita lihat bahawa adalah peguam-peguam dan aktivis-aktivis hak asasi yang ada dipenjarakan seolah-olah oleh sebab penghinaan mahkamah yang semua tidak adil apabila mereka membela rakyat di Myanmar atas hak-hak asasi.

Penambahan *prisoner* ini semua bertentangan dengan hak asasi, khususnya ASEAN Charter yang ada dimeterai baru-baru ini oleh semua anggota ASEAN. Malaysia sebagai satu negara ASEAN, masa lalu ada buat pendirian dan juga memberi amaran kepada *military* junta khususnya pada Revolusi Safron tahun lalu untuk berhentikan *bloody crackdown* terhadap *peaceful demonstrators* yang termasuk beribu-ribu *monk* di Myanmar. Sungguhpun Malaysia dan juga ASEAN ada buat seruan supaya ada perubahan dan reformasi di Burma tetapi di Myanmar nampaknya kedudukannya lebih teruk dan bukan lebih bertambah baik, tetapi sekarang kita ada satu ASEAN Charter.

Dulu kita tidak ada ASEAN Charter yang mengikat negara-negara ASEAN perlulah menepati komitmen-komitmen mengenai hak asasi dan di sini saya mahu tanya Kementerian Luar Negeri – siapa yang bertanggungjawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ada Timbalan Menteri, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oh ya. Menjawab apa kedudukan Malaysia sekarang dalam perkara ini, khususnya pada masa itu siklon *Nargis* bahawa Myanmar *military* junta

ada mengadakan satu referendum tanpa apa-apa *check* oleh negara-negara ASEAN. Oleh kerana dunia sama ada ASEAN atau dunia masa itu menumpu perhatian mengenai malapetaka siklon itu tetapi masa itu dengan cepatnya satu referendum diadakan dan sungguhpun ada kompelin bahawa *representative* tidak adil, tidak demokratik tetapi sudah dijalankan dan satu *election* akan diadakan pada 2010 yang nampaknya satu asas yang tidak boleh diterima oleh semua, satu *international society* yang menghormati hak asasi.

Sebab itu saya mahu tanya apa pendirian Malaysia mengenai referendum itu, mengenai *election* yang akan datang, 2010 sebagai satu landasan kembalikan Burma atau Myanmar kepada *national reconciliation* dan *democratization* tetapi kalau ada kecacatan itu, bagaimana ia boleh menjadikan satu landasan kepada pendemokrasian di Myanmar.

Juga saya mahu tanya apa kedudukan bantuan ASEAN kepada Burma mengenai malapetaka ini oleh kerana ada tuduhan-tuduhan bahawa ada salah guna tabung itu oleh *military* junta dan apa *check and balance* yang dibuat.

■1810

Akhirnya baru-baru ini AIPA atau *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly* diadakan di Singapura di mana *Executive Committee AIPA* adalah bincang mengenai isu Myanmar. Akan tetapi nampaknya delegasi Malaysia di AIPA tidak mahu menerima dengan rasminya satu rombongan daripada Ahli-ahli Parlimen Myanmar.

Saya harap bahawa perkara ini boleh dibetulkan oleh kerana negara-negara yang lain termasuk Filipina, Singapura dan Indonesia mereka boleh mengiktiraf kedudukan Ahli-ahli Parlimen Myanmar. Kenapa Malaysia tidak boleh buat begitu dan saya harap bahawa Kementerian Luar Negeri kita boleh ambil bahagian dalam perkara ini supaya kita boleh memberi segala bantuan kepada aktivis-aktivis demokrasi termasuk Ahli-ahli Parlimen Myanmar supaya kita boleh beri satu *contribution* dalam kembalikan demokrasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Telok Intan.

6.11 ptg.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan pada peringkat Jawatankuasa. Saya ingin sentuh kepada Butiran 030200 - Bahagian Hak Asasi Manusia. Saya ingin tahu dari kementerian, baru-baru ini serangan di Mumbai, apakah yang dibuat oleh pihak kementerian untuk membantu seorang daripada warganegara Malaysia yang telah kembali ke tanah air dalam keadaan yang begitu sedih dan pengebumian pun telah diadakan semalam.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah bantuan yang diberi oleh kementerian kepada keluarga beliau. Saya juga ingin mengambil tahu demi hak asasi manusia; apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam negara-negara dan terus menjadi halangan kepada perkembangan dan kemajuan hak asasi manusia seperti Sri Langka dan Myanmar.

Myanmar merupakan sebuah negara yang terus menjadi cabaran kepada ASEAN khususnya dan kepada seluruh dunia pada amnya. Akan tetapi sudah beberapa tahun kita membenarkan Myanmar masuk kumpulan ASEAN ini. Saya ingat pada masa dulu apabila Myanmar dibenarkan masuk ke dalam kumpulan ASEAN, kriteria ataupun alasan yang diberi adalah kita mesti *go on engagement* basis. Jadi sudah beberapa tahun atau 10 tahun lebih kita telah *engage* dengan Myanmar tetapi tidak dapat apa-apa perkembangan dalam memaksa Myanmar untuk tukar corak pimpinan negara Myanmar, di mana kita mendapati banyak kes salah guna hak asasi manusia.

Sama juga dengan Sri Langka. Apakah pendekatan ataupun pendirian negara kita terhadap satu *Civil War* di Sri Langka yang terus menjauhi angka kematian orang seramai lebih daripada 60,000 setakat ini. Saya percaya Malaysia dengan Sri Langka ada satu hubungan yang baik, tetapi kita cuba mendiamkan diri dalam apa-apa kesusahan yang segelintir masyarakat Sri Langka alami. Sampai di Dewan ini kita hendak membangkitkan satu usul pun tidak dibenarkan. Jadi apakah Kementerian Luar Negeri boleh mengambil apa-apa langkah terhadap ini.

Mengenai isu dua hala, saya ingin tahu dari kementerian apakah langkah-langkah yang diambil untuk *harmonization of laws* di antara negara-negara ASEAN khususnya dengan apa kata *reciprocal enforcement of judgment* dan *extradition treaties*. Di mana saya mendapati bahawa baru-baru ini terdapat percanggahan di antara negara-negara ASEAN mengenai undang-undang ekstradisi dan saya harap kita mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membuat undang-undang di antara negara-negara ASEAN khususnya di dalam keadaan harmoni.

Saya juga ingin menyentuh mengenai *transborder crime*. Setakat mana ini telah mempengaruhi hubungan di antara Malaysia dengan negara-negara lain khususnya dengan Thailand dan seumpamanya. Oleh sebab saya dapat tahu bahawa di sempadan banyak *smuggling* dijalankan dan apakah ini telah mempengaruhi hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Thailand. Jadi saya pohon Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan dengan isu-isu yang saya bangkit ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

6.16 ptg.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan di peringkat Jawatankuasa perkara pokok B.13, Butiran 100000. Salah satu daripada pecahan belanjawan kita di bawah Kementerian Luar Negara ialah pusat serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan atau *Southeast Asia Regional Center for Counter-Terrorism*. Saya hendak minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri memberikan penerangan apakah sebenarnya program-program yang telah kita adakan oleh pusat ini dalam usaha kita untuk mencegah aktiviti-aktiviti pencegahan keganasan di rantau ini.

Apakah aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan kesedaran pada masyarakat umum mengenai keganasan. Kita rasa cukup sedih apa yang berlaku di Mumbai. Sebenarnya ia juga mungkin berlaku di negara kita kerana ini mungkin satu daripada kesilapan perisikan. Jadi seharusnya Akta Keselamatan Dalam Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah cukup relevan di negara kita yang berbilang kaum. Ini bagi memastikan supaya tindakan awal dapat kita buat supaya dapat memastikan kesejahteraan dan keharmonian dalam negara ini sentiasa dapat dipelihara. Dalam menjalankan tugas-tugas konsuler seperti membantu rakyat Malaysia yang ditangkap, yang bertemu kemalangan, yang terlibat dalam bencana ataupun serangan seperti yang berlaku baru-baru ini.

Adakah pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara diberikan peruntukkan yang mencukupi dalam membantu rakyat-rakyat kita. Saya sendiri Tuan Pengerusi telah berjumpa beberapa rakyat Malaysia yang tersadai di negara luar tidak mempunyai pekerjaan dan wang. Seharusnya pihak kementerian mengambil satu langkah yang tegas dan menyediakan satu peruntukan bagi memastikan supaya rakyat Malaysia tidak terus ketinggalan. Mungkin saya cadangkan satu dana khas dapat ditubuhkan bagi membantu rakyat-rakyat kita yang ditimpa musibah.

Saya pergi kepada Butiran 020000 - Jabatan Hubungan Dua Hala. Pada ketika ini Tuan Pengerusi, saya telah bangkitkan perkara ini pada sesi yang lepas. Singapura pada ketika ini menyediakan *facility* dan kemudahan untuk Tentera Laut dan juga Tentera Udara Amerika. Mereka sebenarnya mendapat keuntungan yang cukup besar. Semua kapal-kapal daripada Amerika di selenggara oleh Singapura. Selepas itu Singapura juga menjadi pengedar untuk alat-alat ganti dan dalam masa yang sama tentera-tentera Amerika memberikan latihan kepada tentera darat, tentera udara dan tentera laut Singapura.

Kita tidak mahu perkara demikian kerana kita tahu sebagai sebuah negara yang berdaulat, kita juga mempunyai tanggungjawab dan amanah untuk menentukan supaya keselamatan dalam negara kita adalah tanggungjawab kita bersama. Kita tidak perlukan kepada mereka. Akan tetapi apa yang saya hendak cadangkan kalau boleh kita mengeratkan hubungan kita dengan ketenteraan Amerika kerana kita akan dapat banyak keuntungan daripada mereka. Selain daripada geran latihan bahkan kemungkinan kita akan dapat belajar banyak ilmu daripada tentera-tentera asing.

■1820

Keduanya, adakah negara kita bercadang untuk mengadakan bentuk-bentuk perjanjian yang lain bukan semacam apa yang dibuat oleh Singapura dengan Amerika bahkan misalnya kita buat hubungan dengan tentera-tentera Perancis untuk menggunakan limbungan kita, untuk menggunakan kemudahan kita tetapi tidak ada hubung kait dengan ketenteraan atau pun menjaga keselamatan dalam negara kita.

Yang terakhirnya, saya hendak tanya tentang *Five Power Defense Agreement* atau FPDA, ini antara negara-negara UK, negara Australia, New Zealand, Malaysia dan Singapura. Kenapakah Amerika tidak dimasukkan? Kerana ini sebenarnya ada hubung kait dan menguntungkan kepada kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

6.21 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat jawatankuasa dengan merujuk kepada maksud Bekalan 13, Butiran 120000 – Pejabat Perwakilan Luar Negeri. Saya kira isu utama atau aspek utama dalam hal ini ialah isu integriti dan amanah para pegawai kita di luar negara. Saya pasti, rata-rata majoriti daripada pegawai yang bertugas melakukan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab.

Akan tetapi ada satu kes yang ingin saya bangkitkan untuk perhatian pihak kementerian dan juga untuk mendapatkan penjelasan. Dalam kita menanggung kos untuk pegawai-pegawai di Pejabat Perwakilan, kita mengharapkan agar mereka mempertahankan kedaulatan negara di samping meningkatkan hubungan baik dengan negara luar dan menjaga, mempertahankan kepentingan negara di arena antarabangsa. Itu antara lain daripada objektif kementerian.

Justeru, saya inginkan penjelasan tentang apakah tindakan yang telah kementerian ambil kepada pegawai tinggi kerajaan yang terbukti terlibat dalam skandal Jack Abramoff, pelaku jenayah dan juga merupakan pelobi Yahudi dan pengusaha judi di Amerika Syarikat. Skandal besar ini menjejaskan imej negara kita apabila perwakilan kedutaan Malaysia terbukti menggunakan khidmat Jack Abramoff dalam mendapatkan pertemuan antara bekas Perdana Menteri dan Presiden George W. Bush. Jack Abramoff mengaku bersalah atas tiga tuduhan jenayah di Mahkamah Federal Washington. Yang saya persoalkan adalah apabila telah dibuktikan bahawa Pejabat Kedutaan Malaysia membayar USD1.2 juta atau RM4.4 juta pada tahun 2002. Di mana pengesahan bayaran tersebut dibuat dalam Kongres Amerika.

Maka, yang ingin saya tanyakan, apakah tindakan yang diambil untuk mengukuhkan imej Malaysia di luar terutamanya dalam membuktikan bahawa kementerian komited dalam mengambil hanya pegawai peringkat tertinggi yang mempunyai *the highest integrity* dengan izin, sejajar dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Persoalan kedua saya adalah berkenaan dengan duta Malaysia ke Amerika Syarikat seterusnya. Saya hanya mahu pastikan Tuan Pengerusi dalam apa-apa lantikan yang dibuat, kita buat berdasarkan *track record* serta personaliti yang mempunyai integriti yang tinggi mencerminkan imej yang terbaik untuk negara. Apabila kedutaan Malaysia bersekongkol dengan seorang penjenayah maka kita perlu buktikan bahawa Malaysia tidak akan bertolak ansur dengan sebarang unsur salah guna kuasa. Saya sebutkan sumber wang tersebut yang sehingga kini kita tidak pasti datang dari mana.

Seterusnya, saya pergi ke Butiran yang kedua iaitu 040000. Sebentar tadi Yang Berhormat dari Ipoh Timur telah panjang lebar menerangkan tentang isu Myanmar. Yang saya ingin tekankan di sini adalah mungkin kurangnya kita seolah-olah tidak konsisten dalam menekankan pendirian moral menentang ketidakadilan negara-negara luar. Saya bangga, alhamdulillah dengan pendirian Malaysia, apabila kita mengiktiraf kedaulatan Kosovo sehinggakan duta kita Encik Sau Chin Hong dihalau dari negara Serbia.

Walau pun ini kita lakukan sebelum Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memutuskan status negara Kosovo tetapi apabila bandingkan dengan sikap kita yang seolah-olah acuh tidak acuh atau tidak begitu komited dalam isu Myanmar, maka saya harap pihak kementerian dapat melakukan sesuatu yang lebih tegas. Ini kerana pada tahun 2002 atau 2003 kalau tidak silap saya, telah keluar kenyataan oleh Menteri Luar, kenyataan yang jelas tentang bagaimana tahun 2003, amaran kepada Myanmar untuk dihalau atau pun digantung dari kumpulan ASEAN jikalau Myanmar terus enggan menghormati pandangan serantau dan pandangan antarabangsa. Jadi, saya mohon diberikan perhatian serius, isu berkenaan moral ini demi nama baik negara kita ini. Satu hal kita pun faham bahawa rejim tentera Myanmar tidak gemar kalau mana-mana pimpinan kerajaan terutamanya Jemaah Menteri memegang jawatan dalam Kokus Myanmar di Parlimen.

Akan tetapi saya harap janganlah sampai satu hal kita tidak komited, tidak jelas dalam pendirian terhadap Burma, terhadap Myanmar tetapi kita biarkan juga Syarikat Petronas yang terlibat sama dalam pengautan hasil yang akhirnya hanya memanfaatkan rejim tentera. Pada bulan Mac 2008, Petronas terlibat dalam perbincangan dengan *China National Petroleum Corp.* atau CNPC tentang kemungkinan memulakan eksplorasi blok-blok gas asli di Myanmar kepunyaan syarikat CNPC yang mengadakan syarikat kerjasama antara Petronas dan *Myanmar's Energy Enterprise* dipanggil Petronas Carigali Myanmar Oil termasuklah syarikat-syarikat lain, *Iris Technology*, Wah Siong dan juga *Leader Universal Holding*.

Saya tidak mahu sebut nama tetapi seorang rakyat Malaysia yang begitu terkenal memang mempunyai kepentingan dalam syarikat-syarikat sebegini. Akan tetapi, pada masa yang sama ketika itu membawa isu rundingan bersama rejim tentera Myanmar untuk membebaskan Aung San Su Kyi. Oleh sebab itu saya kira ini perlu diberikan perhatian serius dan saya pohon di dalam kita membelanjakan wang yang begitu besar untuk pihak kementerian dan sebagainya kita perlu fikir hala tuju dan pendirian kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sri Gading.

6.27 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di senja-senja yang dingin ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: TV tidak ada dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Walaupun TV tidak ada siaran langsung tetapi tuntutan keadilan saya bangun untuk memperkatakan Butiran 2020000 - Pelbagai Hala, 030000. Seorang penjenayah terbesar dunia zaman moden. Seorang penjenayah terbesar dan terzalim di dunia di zaman moden. Saya ulang sekali lagi Tuan Pengerusi. Seorang penjenayah terbesar, pembunuh paling kejam, Bush, Presiden Amerika.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Takbir!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tiga empat hari yang lalu, dia melahirkan rasa kekesalan dia menyerang Iraq. Kekesalan itu dilafazkan dengan tiga perkataan. *I'm sorry Iraq.*

Tuan Pengerusi, khazanah kebudayaan, kemanusiaan yang tertinggi tamadun manusia di Baghdad 5,000 tahun dahulu dimusnahkan dalam serangan yang kejam yang alasan konon menyerang Iraq kerana Iraq mempunyai senjata pembunuh yang paling besar. Yang telah terbukti adalah sebagai alasan pembohongan. Membunuh ratusan ribu orang-orang Islam di Iraq, membunuh ratusan ribu orang-orang Islam di Afghanistan dengan segala alasan-alasan pembohongan yang sengaja dibuat. Orang Islam di cap di seluruh dunia sebagai penjahat, penjenayah.

Saya berharap penjenayah besar, Bush ini, jangan ada kemaafan kepadanya. Tidak ada hari esok sebenarnya bagi Bush. Saya berharap Kementerian Luar Malaysia dan rakan-rakan Negara-negara Berkecuali seluruh dunia, badan-badan antarabangsa bangkit untuk mengajar manusia yang paling kejam ini, memusnahkan berbagai-bagai tamadun, memusnahkan harta benda, memusnahkan nyawa.

■1830

Saya harap Malaysia bangkit rujukkan Bush ini kepada Mahkamah Antarabangsa di atas jenayah perang yang telah dilakukannya selama ini kepada beberapa negara, Iraq, Afghanistan dan mungkin banyak negara-negara lain yang sengaja dibuli oleh Amerika, yang sengaja dibuli oleh kuasa besar ini tanpa mempedulikan perikemanusiaan. Saya berharap Kementerian Luar bawalah dalam forum-forum antarabangsa, kemukakan usul ini supaya rujukkan Bush ini ke Mahkamah Antarabangsa sebagai penjenayah perang untuk mengajar mana-mana pemimpin dunia yang melakukan kekejaman dan kezaliman kepada rakyat di dunia ini. Dengan ini, saya menyokong.

6.31 ptg.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga menyokong apa yang disuarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Sri Gading tadi sebagai satu perjuangan bersama seluruh rakyat Malaysia yang seharusnya diberikan perhatian yang lebih oleh pihak Kementerian Luar Negeri khususnya dan kerajaan negara kita ini secara keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya hanya ingin merujuk kepada perkara-perkara iaitu Hubungan Dua Hala - 020000 dan Hal Ehwal Pelbagai Hala - 030000. Sebagaimana Yang Berhormat Sri Gading juga, saya amat kecewa dengan pergolakan yang melibatkan negara Palestin. Apa yang berlaku ialah di bawah pemerintahan Bush di Amerika dan kelemahan negara-negara yang ingin memperjuangkan kes Palestin ini. Maka hari ini keadaan rakyat Palestin bertambah amat teruk keadaannya sama ada di keseluruhan bumi Palestin itu ataupun di kawasan Wilayah Gaza itu yang hingga hari ini dikepung makanan, minuman, minyak, ubat tidak diberikan.

Sehinggakan sudah menjadi cara hidup, *way of life*, dengan izin, rakyat Gaza yang berani sedikit menebuk lubang menjadikan terowong kecil untuk muat seorang budak untuk pergi ke sebelah Mesir untuk membeli barangan untuk kegunaan rakyat Gaza. Ini sudah ditunjukkan dalam akhbar-akhbar, majalah-majalah, berita TV dan sebagainya bagaimana terowong-terowong bawah tanah ini terpaksa dikorek dan dijadikan perjalanan dua hala antara Mesir dengan Gaza untuk demi kehidupan rakyat Palestin di Gaza. Ini dalam bumi Palestin.

Di luar Palestin pula, rakyat-rakyat Palestin menjadi orang-orang yang mengisi tempat-tempat perkhemahan-perkhemahan orang-orang yang tidak ada negara. Sama ada ianya di Syria, di Lubnan, Jordan ataupun di tempat-tempat yang lain, rakyat Palestin tidak terbelah dan ianya menjadi bertambah teruk dari masa ke semasa. Jadi saya amat-amat berharap bahawa Kementerian Luar kita memberi tumpuan yang lebih dan menjadi suatu agensi, kerajaan, negara di kalangan negara-negara di dunia ini yang aktif membawa isu ini supaya ianya tidak diletakkan, tidak dihilangkan dengan isu-isu lain yang ada dalam dunia ini.

Kemenangan Barrack Obama memang diduga dan kita harapkan membawa kebaikan. Akan tetapi dunia juga telah menunjukkan betapa lantikan pertama beliau ialah seorang yang merupakan anak rakyat Israel yang terlibat dalam kumpulan *terrorist* pada tahun 40-an yang dipanggil kumpulan Irgun itu. Kita tidak ingin terus menuduh bahawa Barrack Obama pun akan terpengaruh dengan *Chief of staff* baru beliau ini di *White House* tetapi kita bimbang bahawa rekod orang ini adalah tidak begitu baik, keluarganya tidak begitu baik dan bapanya telah mengeluarkan kenyataan yang menganggap dan menyindir orang Arab dengan menggunakan, saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri maklum dia kata, anaknya ini akan menjadi seorang pegawai yang penting kepada Barrack Obama. Dia bukan seorang Arab yang hanya pergi ke *White House* untuk menyapu sampah lantai di *White House* sahaja. Jadi saya harap Wisma Putra sensitif akan keadaan dan kedudukan kita ini sebagai seorang penggerak utama di dalam kes Palestin ini, saya harap.

Keduanya Tuan Pengerusi, ialah kes Selatan Thai dan Filipina. Ini negara jiran kita, ini rakyat ASEAN yang merupakan orang-orang yang penting kepada kita. Saya bimbang dan khawatir dan tidak faham mengapa Malaysia tidak mengambil peranan yang lebih aktif malah sekali lagi kita mengundur diri, kita menarik pasukan pemerhati kita daripada Filipina Selatan. Saya tidak bersetuju dengan tindakan itu. Walau apa pun yang berlaku, walau apa pun gambaran

yang wujud di Selatan Filipina itu, tidak sesekali sepatutnya tindakan Wisma Putra menarik balik pasukan pemerhati.

Kita telah mengusahakan, saya iktiraf untuk mewujudkan suatu perdamaian di antara rakyat Selatan Filipina dengan Manila. Kita berusaha untuk dijadikan Selatan Filipina itu kawasan yang autonomi tetapi ia telah dipatahkan, tidak dipersetujui oleh Manila. Itu usaha kita walaupun gagal tetapi ianya tidak seharusnya menjadi punca dan penyebab untuk kita mengambil sikap menarik diri pasukan pemerhati kita.

Ketiganya Tuan Pengerusi ialah kes Mumbai di India. Saya juga sama-sama dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan dukacita kita, kesal kita dan simpati kita dan tidak setuju kita terhadap keganasan yang membunuh manusia tanpa alasan seperti yang berlaku di Mumbai itu. Akan tetapi pada saya selain daripada usaha kita bagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi untuk perikemanusiaan dan sebagainya, ini sebenarnya seharusnya menjadi penyebab untuk kita mengambil bahagian yang lebih aktif dalam bidang medan antarabangsa sama ada di peringkat OIC, Negara-negara Komanwel atau Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyelesaikan masalahnya, puncanya, *root cause* nya yang Tony Blair pun mengiktiraf masalah Palestin adalah *root cause* kepada 11 September 2001 di New York.

Masalah misalnya bukan sahaja Palestin, masalah Kashmir mungkin menjadi punca juga apa yang berlaku di Mumbai pada 26 November itu. Jadi Malaysia seharusnya terlibat secara aktif, mengambil bahagian, menyedarkan dunia dan menekankan negara-negara yang terlibat supaya memberikan hak dan kebebasan kepada rakyat sama ada Palestin, sama ada Kashmir akan hak mereka untuk mewujudkan negara mereka yang tersendiri. Kalau itu kita lakukan dengan jayanya, ia saya yakin akan mengurangkan masalah-masalah seperti di Mumbai baru-baru ini dan seperti yang berlaku di tempat-tempat yang lain di Ghaza, di Iraq dan sebagainya.

Tuan Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat, masa habis Yang Berhormat.

Tuan Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sikit, sikit sahaja, berkaitan dengan ini Tuan Pengerusi. Pagi tadi ada jawapan apabila soalan yang sama mengenai Mumbai dibangkitkan. Pihak kerajaan mengatakan bahawa ianya tidak ada kaitan dan isu Palestin tidak ada kaitan dan isu Palestin ini ada sejarahnya sendiri. Jadi mengikut pandangan Yang Berhormat Tumpat tadi, memang inilah antara punca ketidakpuasan termasuk isu di Kashmir. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang pandangan Menteri pagi tadi?

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Krai dan memang saya sebutkan ini dengan semangat bahawa Menteri dan Wisma Putra, saya harap tidak mengambil sikap bahawa kita boleh pisah-pisahkan Mumbai ataupun Iraq, ataupun sebagainya dengan kes di Palestin tersebut.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin merujuk kepada Kosovo. Saya telah bertanya soalan tentang pengiktirafan negara kita kepada Kosovo dan saya berterima kasih kerana jawapan Menteri yang tidak dapat dijawab pada hari 27 November tetapi jawapan bertulisnya dihantar kepada saya. Menyebutkan bahawa kerajaan Malaysia telah mengiktiraf Kosovo pada 31 Oktober 2008 dan disambung lagi jawapannya, sehingga kini sebanyak 52 buah negara termasuk Malaysia telah mengiktiraf Kosovo, lapan daripada negara tersebut adalah negara OIC.

Saya setuju, saya sokong dan saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan kementerian yang saya minta ialah, kita telah dihalau keluar daripada Serbia, kedutaan kita telah dihalau daripada Serbia hanya kerana kita bersama-sama dengan 52 negara lain mengiktiraf Kosovo. Kosovo ini Tuan Pengerusi, tempat di mana lebih kurang 10 tahun yang lalu, di *Srebrenica* lapan ribu rakyat *Srebrenica*, lelaki yang beragama Islam, dikepung, ditembak oleh tentera-tentera Serbia begitu sahaja.

■1840

Hari ini kita mengambil keputusan yang kalau hendak katakan berprinsip, saya setuju untuk mengiktiraf Kosovo. Jadi, saya menyarankan kepada kementerian supaya tidak mengalah, tidak berundur atas isu ini, mengambil peranan yang lebih aktif dan kita terlibat secara langsung untuk terus membangunkan Kosovo supaya ianya tidak terus dianiayai oleh Serbia. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau.

6.40 ptg.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik Butiran 090000 – Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri. Pada hari ini *Parliamentary Diplomacy* menjadi agenda semakin penting dalam usaha untuk kita melihat satu hubungan di antara Ahli-ahli Parlimen di rantau ini. Kita dapat melihat dengan nyata bahawa aktiviti *Parliamentary Diplomacy* ini, baik di rantau Asia ataupun di peringkat Asia Pasifik. Jadi, sebarang perkembangan diplomasi yang berlaku sedemikian rupa adalah amat penting dalam usaha untuk kita mengerat hubungan dalam bentuk *multi lateral* atau pun *bilateral*.

Walaupun perlembagaan kebanyakan negara menyatakan bahawa hubungan antarabangsa atau luar negeri adalah urusan bahagian eksekutif, tetapi di sini kita melihat Parlimen boleh memainkan peranan yang penting. Walaupun dalam bentuk *informal* dan Parlimen juga boleh memainkan peranan sebagai *second track*, dengan izin institusi dalam hubungan *bilateral* dan *multi lateral* di antara kita selain daripada forum dan juga *conference* yang sedia ada seperti *Inter-Parliamentary Union* atau IPU, *ASEAN Inter-Parliamentary Organization Forum*, *Asia-Pacific Parliamentary Forum* atau APPF yang lain-lain, yang boleh membincangkan isu-isu bersama dan isu-isu serantau yang boleh dijadikan sebagai asas untuk perundingan dan sebagainya.

Jadi, objektifnya di sini Tuan Pengerusi, kita melihat dalam arus politik serantau ini amat sukar untuk pihak kerajaan untuk memantau semua perkembangan bagi memastikan kepentingan negara terjaga dan terjamin. Seterusnya, kita akan pastikan bahawa usaha yang berterusan berkesan, harus dipupuk dalam usaha kita mengambil inisiatif-inisiatif baru bagi mengeratkan hubungan kerjasama dua hala antara Parlimen-parlimen Malaysia dengan Parlimen-parlimen di negara-negara terbabit menerusi forum yang saya bangkitkan tadi.

Selain daripada itu, perubahan-perubahan soal politik dan isu keselamatan yang setiap hari memerlukan satu mekanisme, yang luas bagi memantau seluruh perkembangan sama ada situasi politik yang terlibat di mana-mana negara, yang sama ada kita perlu terlibat ataupun tidak sama ada memberi pandangan dan sebagainya. Jadi, semua ini adalah satu usaha yang amat penting dalam usaha kita membuka satu saluran baru, saluran diplomatik baru, dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dua hala, dan hubungan *bilateral* ini.

Jadi, sebab itulah kita minta soalan-soalan diplomatik alternatif antara Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan Parlimen-parlimen negara lain menjadi *second track*, dengan izin saluran diplomatik yang memberi nasihat, menyampaikan maklumat kepada pihak Wisma Putra dalam usaha kita merangka satu hubungan dua hala yang jitu dan lebih berkesan dari segi jangka panjang dan jangka pendek, yang boleh memberi manfaat kepada negara.

Jadi, dengan ini saya mencadangkan bahawa Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri dapat menjalinkan satu kursus asas diplomasi kepada semua Ahli Parlimen, supaya kita dapat memainkan peranan yang lebih baik dan lebih berkesan dan tidak hanya dibekalkan dengan bahan-bahan atau dokumen setiap kali kita diberi surat ataupun diberi tanggungjawab untuk mewakili Malaysia dalam forum-forum yang telah saya maksudkan tadi.

Seterusnya menerusi Butiran 120000 – Pejabat Perwakilan Luar Negeri. Selain daripada pembukaan sebuah bangunan kedutaan baru di Amerika Syarikat tidak lama dahulu, pembinaan bangunan kedutaan baru telah dijalankan sama ada dalam perancangan pihak kementerian saya tidak tahu. Jadi, setakat ini, bagaimanakah pihak kementerian menentukan keperluan pembinaan sebuah bangunan di kedutaan baru, yang mana kadang-kadang kita di peringkat awalnya kita mungkin terlibat dalam penyewaan dan sebagainya. Mungkin dari segi jangka panjang kita harus memiliki bangunan sendiri seperti mana di Hong Kong dan sebagainya yang secara langsung kita dapat mengurangkan sedikit kos penyelenggaraan, pengendalian urusan diplomatik di luar negara.

Butiran 140700 – Penganjuran Dialog Antarabangsa Langkawi 2009. Dialog Antarabangsa Langkawi atau Langkawi International Dialogue atau LID adalah bukti kepada negara kita yang telah melangkah jauh dari segi aspek pembangunan negara. Dengan ini dapat memperlihatkan kemampuan negara menerajui perbincangan bertaraf antarabangsa bagi memacu negara-negara membangun agar lebih progresif dalam memperoleh esok ataupun masa depan yang lebih cerah, yang lebih gemilang.

Oleh itu kita lihat di sini negara kita telah memainkan, melaksanakan tugas, tanggungjawab yang sedemikian ini dan jelas membuktikan bahawa keupayaan kita sudah terbukti berjaya terutamanya dari segi strategi pembangunan yang telah kita rancang selama ini. Jadi, setakat ini apakah pencapaian yang dicapai dalam Dialog Antarabangsa Langkawi ini yang menampakkan kejayaan penubuhan dialog ini. Jadi, Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

6.46 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya yang ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Jabatan Hal Ehwal Pelbagai Hala. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian kepada beberapa isu spesifik iaitu tentang memuktamadkan rundingan dua hala di antara Malaysia dan negara-negara luar. Salah satu contoh yang saya hendak sebut secara spesifik di sini ialah, memuktamadkan perjanjian dua hala iaitu berkenaan dengan perjanjian pengelakan cukai dua kali iaitu di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat yang sehingga pada hari ini masih belum dimuktamadkan.

Saya mendapat laporan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri, pihak berkuasa negara Amerika masih lagi mengenakan syarat persetujuan terpilih. Maksudnya mereka mempunyai dengan izin, *upper hand* untuk menentukan sesuatu kejayaan rundingan. Selain daripada itu juga ada beberapa perundingan-perundingan yang sedang berjalan yang bersangkutan dengan pelaburan-pelaburan negara di luar negara. Walaupun ia melibatkan entiti-entiti di dalam GLC seperti Telekom di Ghana, Petronas di Sudan dan beberapa tempat lain di dunia.

Perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah apabila wujudnya kes-kes di mana kehilangan hasil yang berpunca daripada kelemahan perundingan wakil-wakil kita di luar negara dan saya fikir ini adalah berhubung rapat dengan Jabatan Hal Ehwal Pelbagai Hala ataupun Pejabat Perwakilan Luar Negeri. Kes Telekom di Sudan, kita mendapat maklum bahawa kerugian sebanyak RM200 juta adalah hanya dan semata-mata kerana kelemahan kita, *monitoring* dalam isu membuat keputusan pelaburan.

Kes Petronas di Sudan pula dikaitkan dengan perubahan polisi kerajaan baru di Sudan menyebabkan kita gagal untuk memuktamadkan proses perundingan tersebut sehingga pada hari ini. Saya difahamkan kes-kes ini masih lagi dalam perundingan walaupun ia merujuk kepada kes perbicaraan undang-undang. Namun, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri atau kementerian sejauh mana kemungkinan atau *possibility* kita untuk mewujudkan elemen *recovery* atas keadaan atau kehilangan hasil yang juga begitu besar dalam dua aspek ini.

Perkara yang kedua yang saya hendak bangkitkan di sini adalah menyentuh juga berkenaan dengan isu di mana dakwaan rakyat Malaysia di luar negara menjadi agen ataupun menjadi wakil-wakil kepada *human trafficking*. Pernah kita bangkitkan dahulu dan akhbar ataupun

media cetak seluruh dunia kebanyakannya juga membawa isu yang sama termasuk CNN mengatakan Malaysia begitu aktif.

■1850

Rakyat Malaysia di luar negara begitu aktif menyeludup manusia kerana ini adalah satu aktiviti dagangan yang sungguh lumayan. 30,000 manusia yang di seludup dikatakan menjadikan kota London sebagai *one-stop-centre* untuk mengagihkan di seluruh Eropah masih lagi menjadi perbincangan. Perkara ini juga menjadi kerisauan kerana sebahagian daripada mereka dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti sampingan iaitu aktiviti penyeludupan termasuk penyeludupan kepada item-item yang terlarang atau item yang tidak dibenarkan oleh undang-undang.

Kes yang sama juga dikaitkan sedikit tentang insiden yang berlaku di Mumbai di mana dikatakan melibatkan perhubungan ataupun *connectivity* yang ada dalam sistem komunikasi dengan rakyat Malaysia mahupun dari segi alamat ataupun nombor-nombor telefon dan sebagainya. Akan tetapi satu penemuan lagi mengatakan memang wujud komunikasi yang agak rapat melalui ICT dengan kejadian-kejadian tersebut yang memang berhubung rapat dengan rakyat Malaysia. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah langkah-langkah drastik untuk kita menghuraikan ataupun untuk menyelesaikan kemelut ini agar Malaysia tidak dilihat begitu berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak baik, yang tidak mendatangkan hubungan yang baik di kalangan negara luar. Saya harap perkara ini mendapat penjelasan kemudiannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Satu perkara yang terakhir yang hendak sebutkan di sini ialah berkaitan juga dengan aktiviti-aktiviti terlarang. Kita lihat isu rampasan kapal MIC di Afrika dan juga isu penculikan di Pulau Sipadan. Saya difahamkan kita mendapat maklumat bahawa wujudnya *compensatory element* iaitu elemen membayar pampasan terhadap kedua-dua insiden ini.

Kalau boleh pihak Menteri juga atau Timbalan Menteri atau kementerian menghuraikan memberitahu secara jelas adakah benar perkara ini kerana ini juga telah menjadi isu yang dimainkan di peringkat antarabangsa, kita bersekongkol atau kita tunduk kepada tuntutan-tuntutan ini. Kalau kita lihat isu *scam 248* yang berpusat di negara Nigeria sedang giat menggunakan wakil-wakil mereka yang terdiri dari rakyat Malaysia ini seluruh merata dunia mengatakan bahawa ini merupakan satu punca pendapatan yang begitu baik kepada negara Nigeria. Sedangkan aktiviti ini adalah untuk menggunakan rakyat-rakyat tempatan di negara-negara tersebut tadi untuk menipu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: ...Dalam bentuk kewangan dan disalurkan melalui *remittances* dan ini juga dikaitkan dengan penglibatan secara *massive* di kalangan rakyat-rakyat Malaysia terutamanya yang duduk di luar negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

6.53 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk 02000 Jabatan Perhubungan Dua Hala dan 03000 - Jabatan Hal Ehwal Pelbagai Hala.

Saya juga bersama Ahli Parlimen Sri Gading dan juga Yang Berhormat Tumpat. Cuma tinggal lagi secara ringkas, saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian Luar Negeri terdapat perubahan dasar yang amat ketara, dasar luar dalam hubungan dua hala di mana saya dapati satu ketika dahulu di waktu *legacy* dasar luar Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamed, negara Malaysia walaupun sebuah negara kecil, tetapi lantang dalam mempersoalkan isu-isu sejagat membela golongan tertindas dan seumpamanya dan bersedia mengkritik negara Amerika, polis dunia ini yang membuli negara-negara kecil dan negara-negara membangun sebelum ini.

Maka sebab itulah kita lihat Tuan Pengerusi, Malaysia dipandang tinggi pada waktu itu yang menyebabkan kita dilantik menjadi Pengerusi OIC, Pengerusi NAM dan cukup dipandang tinggi. Malah kita merasa kagum, di mana sahaja kita pergi ke luar negara, mereka mengangkat tangan, tabik kepada penduduk Malaysia. Dalam soal isu Palestin kita lantang, isu serangan Amerika terhadap Iran kita lantang, isu Afghanistan, Bosnia, bantuan kemanusiaan kita ke hadapan.

Walaupun kita negara kecil, negara jumlah rakyatnya tidak ramai, sebab kita stabil, kita dipandang tinggi dan kita lantang. Akan tetapi ada perubahan yang kita lihat, kita seolah-olah menjadi bisu sekarang ini. Dahulu kita menjadi juru bicara kepada dunia ketiga, negara Amerika Latin. Jadi ini saya tengok ada perubahan yang besar yang saya harap diperbetulkan. Jadi Tuan Pengerusi, lantang sahaja tidak mencukupi. Kita menggesa, tidak mencukupi kecuali kita bertindak dan apa yang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri dahulu telah meletakkan kita menjadi negara yang cukup hebat dan dihormati di seluruh dunia. Hari ini sudah jadi berlainan. Kita macam Amerika, tetapi kita berpeluk dengan Amerika. Kita macam Australia, kita berpeluk dengan Australia, kita macam Tony Blair, kita berpeluk dengan Tony Blair dan segala laluan yang diusahakan oleh bekas Perdana Menteri dahulu terbiar begitu sahaja.

Saya menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sri Gading, masalah Amerika yang menjadi pengganas dunia. Memang usaha bekas Perdana Menteri tidak terhenti sampai sekarang. aru-baru ini dianjurkan satu konvensyen peringkat antarabangsa. *Make a war as a criminal*. Jadikan perang sebagai penjenayah dan Amerika juga merupakan penjenayah besar. Akan tetapi apa kita buat? Apakah Kementerian Luar Negeri tidak menyusuli dasar-dasar perjuangan seumpama ini dengan membisu seribu bahasa. Saya hendak tanya hubungan dua hala dengan negara-negara yang kita lihat pro aktif dengan negara kita. Saya hendak tanya dari segi ditingkatkan perhubungan dengan Libya, Sudan yang sudah memberi banyak ruang perniagaan kepada rakyat Malaysia.

Iran, tambah-tambah lagi. Saya hendak sebut lagi di sini Tuan Pengerusi, minta Kementerian Luar Negeri kalau boleh menulis surat terima kasih kepada Presiden Ahmadinejad. Saya mengikuti rombongan Yang Amat Bahagia Tun Dr. Mahathir pada 29 November baru ini sehingga 2 Disember, lawatan ke Iran. Saya cukup kagum, luar biasa apabila Tun Dr. Mahathir secara tiba-tiba diberi anugerah Gold Medal yang tertinggi di negara Iran iaitu satu anugerah dari Universiti Sahed Beheshti yang terkemuka dan ratusan pensyarah, profesor, pakar-pakar dan pelajar-pelajar serbu Tun Dr. Mahathir untuk mendapat tanda tangan.

Waktu dia berucap sejam lebih, saya ada di kalangan rakyat Iran sendiri meleleh air mata apabila dia menghurai isu krisis global ekonomi, masalah kewangan dan bagaimana negara-negara Islam, negara-negara membangun dapat menanganinya. Selepas itu, tak sampai tiga jam, Universiti Tehran pula menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dan juga dihadiri sedikit tidak cendekiawan dari negara Iran. Beliau diberi taraf tetamu negara di mana seolah-olah sebagai seorang Perdana Menteri.

Oleh itu saya hendak cadangkan kepada Kementerian Luar Negeri tulis surat terima kasih ke atas layanan yang begitu istimewa, keluar TV setiap malam, keluar surat khabar setiap hari. Apa maknanya itu? Ini sebab dia memandang tinggi kepada dasar luar negara kita dan tidak mudah hendak mendapat pengiktirafan negara Iran ini.

Iran dilihat sebagai musuh kepada negara Amerika atas isu nuklear. Akan dipandang tinggi. Oleh itu, saya hendak tanya sejauh mana hubungan kita dengan Iran? Patut hubungan dipertingkatkan lagi dengan Libya, dengan Sudan. Jangan pilih negara-negara Timur Tengah yang jenis pengampu kepada Amerika ini, tali barut kepada Amerika ini. Malah kita jaga, layan, hormat tetapi ruang untuk rakyat Malaysia mencari peniaga pun tidak sebagaimana negara-negara ini, kita tahu. Sebab itu saya mencadangkan supaya *legacy* dasar luar ini diteruskan dan ini juga boleh bukan sahaja menyebabkan negara luar menghormati kita, tetapi boleh mengambil pelancong datang ke dia sebab ada rasa hormat kepada Malaysia. Kita pergi ke mana-mana sahaja. Saya waktu di Iran Tuan Pengerusi, jenuh cari sapu tangan. Orang Iran cium sana, cium sini, Yang Berhormat Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lelaki kah perempuan?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Lelaki.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang perempuan?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Lelaki perempuanlah. Sebab Iran cukup *strict* dengan Islam. Peraturan dia cukup *strict*.

■1900

Akan tetapi dia punya hormat di lobi hotel di *airport*, kepada rakyat Malaysia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perempuan dia cantik.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi itu saya tidak ambil perhatian sangatlah. Saya pasal serius sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, masa habis Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sedikit lagi, akhir sekali Tuan Pengerusi. Akhir sekali saya hendak sebut ini yang pejabat perwakilan luar negara ini. Sekarang ini pejabat perwakilan negara ada sesetengah negara kita ada perhubungan dua hala, diplomatik. Ada sesetengah kita ada pejabat konsul tetapi tidak semua. Saya hendak cadangkan oleh sebab sekarang ini globalisasi, di mana kita tidak ada duta, kita ada duta ini *cover* negara-negara jiran tetapi paling tidak ada pejabat konsul di tiap-tiap negara ini terutamanya di Timur Tengah, di Afrika, di Latin Amerika. Sebab kita tidak tahu sekarang ini muncul macam-macam negara yang mempunyai banyak peluang.

Sebelum ini saya pergi di Djibouti contohnya, baru ini Menteri Kesihatan melawat, Timbalan Menteri Luar layan, Timbalan Menteri Kesihatan layan, cukup bagus, dua-dua Timbalan Menteri ini saya cukup... Kalau jaga Malaysia macam ini naiklah nama Malaysia, dua-dua ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Saya hendak cadangkan supaya dilantik pejabat konsul sebab Djibouti ini adalah laluan kepada Laut Aden ini, *Port of Aden*, pintu masuk ke Afrika, Ethiopia, Eritrea, Somalia. Jadi sepatutnya diadakan pejabat konsul secepat mungkin dan mendedahkan profil ini kepada rakyat Malaysia. Jadi bukan di situ sahaja di lain-lain tempat supaya kita ada pejabat konsul paling tidak. Bukan sahaja dalam bidang yang saya sebutkan tadi tetapi juga balik tadi kepada soal-soal dasar yang saya sebutkan tadi. Tuan Pengerusi, masa sudah cukup. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak.

7.02 mlm.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berhubung dengan Pejabat Perwakilan Luar Negeri, Butiran 120000. Saya ada satu, dua perkara sahaja yang saya hendak bangkitkan untuk mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali ialah dari segi keanggotaan pejabat perwakilan kita di luar negara ini. Saya mendapat maklumat dan juga aduan daripada beberapa orang daripada kakitangan kita di luar negara yang memberitahu bahawa pejabat perwakilan kita ini banyak juga mengambil orang-orang asing bekerja. Sebagai contoh umpamanya di New York, pejabat perwakilan kita mengambil orang Filipina pula bekerja sebagai staf di pejabat kita itu.

Manakala kita ada orang-orang Malaysia yang berada di sana yang boleh diambil bekerja. Jadi saya harap dapat diberi perhatian dalam perkara ini dan mungkin perhatian ini perlu diteliti siapa yang diberi kuasa untuk mengambil kakitangan ini. Adakah Ketua Perwakilan kita di sana ataupun dengan kelulusan daripada Kementerian Luar Negeri di sini? Atau pun atas pengaruh pihak-pihak tertentu. Saya ada juga diberitahu bahawa peranan orang luar mempengaruhi ketua-ketua perwakilan untuk mengambil orang-orang yang dia suka sahaja dan

kalau secara kebetulan orang itu yang bukan Malaysia pun dia ambil juga kerana sesuai dengan kehendak dia.

Jadi itu satu perkara. Kedua Yang Berhormat Menteri, peranan dan tanggungjawab ketua perwakilan kita dan juga pegawai-pegawai yang lain di pejabat-pejabat perwakilan di luar ini, bukan sekadar berhubung dengan politik. Hubungan politik antarabangsa di antara Malaysia dan negara-negara luar. Akan tetapi pada pandangan saya, dengan begitu banyaknya wang yang dibelanjakan oleh kerajaan, mengadakan kemudahan pejabat, pengangkutan dan juga pegawai-pegawai tinggi di sana dengan atase penerangan, atase imigresen, atase ekonomi dan sebagainya, banyak kerajaan berbelanja. Kalau saya lihat tadi angkanya hampir RM300 million kerajaan berbelanja setahun.

Jadi apakah pulangan yang kita peroleh daripada perbelanjaan yang begini besar, dengan begitu ramai kakitangan yang kita letakkan di sana. Saya bukanlah hendak mengatakan bahawa duta-duta kita tidak menjalankan tugas tetapi kita dapati ramai juga duta-duta yang lebih menghabiskan masa *socializing*. Pergi *dinner* parti, pergi koktel parti, pergi main golf dan sebagainya. Jadi tidak produktif.

Kita perlu juga saya rasa mengenakan KPI, *key performance index* kepada ketua perwakilan ini dan juga kakitangan kita di luar negara ini. Berapa banyak pelabur-pelabur di bawa ke negara kita daripada negara yang dia bertugas itu? Kalau di *North America*, berapa pelabur daripada Amerika dalam setahun, dalam tempoh lima tahun dan sebagainya. Dalam tempoh dia bertugas itu mesti diperiksa kejayaannya.

Janganlah kita dapati yang tidak *perform* pun naik pangkat, jadi macam mana? Banyak daripada mereka yang saya tengok, lihat juga tunggu menteri. Kalau menteri datang dia punya menjagalah daripada *airport* tunggu, bukan main lagi istimewalah. Kita yang ikut menteri ini tinggallah ke belakang, betul tidak? Menteri itu yang dijaganya dulu. Ini kita tidak mahu, bahawa tugas mereka ini hanya untuk menjaga menteri ataupun rombongan-rombongan VIP yang datang daripada kerajaan kita ini. Mereka ada tugas besar mewakili negara, mewakili kerajaan untuk mengetengahkan. meningkatkan lagi kemajuan kita dalam bidang bukan sahaja hubungan antarabangsa, diplomatik tetapi juga dalam bidang ekonomi dan sebagainya. Saya tidak mahu sebut yang politik tadi disebutkan oleh beberapa rakan.

Jadi begitu juga dari segi membuka pasaran kepada produk Malaysia. Produk Malaysia pada hari ini, di mana kita punya sasaran pasaran di *North America*, Latin Amerika, Afrika ataupun di negara-negara Timur Tengah dan sebagainya. Kenapa tidak ketua perwakilan dan juga atase-atase tertentu diberikan *assignments* yang jelas dan nyata dan mempunyai *schedule*, mempunyai *target* yang boleh kita ukur keberkesanan ataupun peranan yang dimainkan. *We can make sure their performance as it now* dengan izin, *there is no measurement you know. You have served certain years, you come back and that is diplomat.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih saya dengan itu pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya saya bagi tiga orang sahaja selepas itu Menteri menjawablah. Yang Berhormat Kuala Krai.

7.09 mlm.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga turut berbahas mengenai Jabatan Hal Ehwal, pelbagai hala ini hubungan kita dengan negara terutamanya dengan India yang baru mengalami satu serangan pengganas. Nama Malaysia terpalit kerana dikatakan sebahagian daripada pengganas ini menggunakan Malaysia sebagai tempat ataupun kawasan mereka sebelum masuk ke India yang dikatakan ada kredit kad Malaysia pada pengganas-pengganas ini. Saya tidak pasti sama ada kenyataan ini adalah kenyataan rasmi daripada pihak kuasa polis di India ataupun mana-mana pihak berkuasa. Saya ingin penjelasan sama ada Kementerian Luar Negeri mempunyai maklumat siapa yang mengeluarkan kenyataan ini kerana walaupun akhirnya tidak betul tetapi dengan izin, *the damage is done. The right thing maybe erases but the paper is charred.*

Jadi kita perlu mendapatkan penjelasan dan saya ingin bertanya sama ada Kementerian Luar Negeri sudah memanggil duta ataupun Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia untuk mendapatkan penjelasan supaya nama kita dibersihkan.

■1910

Keduanya mengenai Perkara 12000 - Pejabat Perwakilan Luar Negara. Saya ingin bertanya sama ada kedutaan-kedutaan kita, bangunan ataupun premis kedutaan kita di luar negara memainkan peranan sosial mereka terutamanya di negara-negara yang ada mempunyai sama ada pelajar Malaysia ataupun rakyat Malaysia yang bertugas dan juga umat Islam yang lain. Sama ada premis kita menyediakan tempat untuk contohnya mengadakan solat Jumaat pada tiap-tiap minggu dibuka kepada umat Islam di sekitar kedutaan tersebut dan juga tempat mengadakan majlis-majlis seperti sambutan hari-hari kebesaran, hari raya kita.

Saya sebut ini kerana saya pernah berada dua tahun yang lepas di Berlin, kita ada kedutaan tetapi untuk mengerjakan solat kita dibawa ke Kedutaan Indonesia yang menyediakan kemudahan tersebut. Jadi alangkah baiknya sebagai sebuah negara yang menerajui pembangunan umat Islam seluruh dunia ini; kedutaan-kedutaan kita juga, di mana yang belum membuka ataupun menguar-uarkan premis kita sebagai tempat untuk mengerjakan solat. Ini akan menaikkan lagi imej kita terutamanya kepada rakan-rakan kita umat Islam yang berada di negara-negara berkenaan.

Seterusnya mengenai Perkara 00100 di bawah P.13 mengenai Pejabat-pejabat Dalam Bangunan-bangunan di Seberang Laut. Oleh kerana ini adalah bangunan-bangunan baru dan peruntukkan pembangunan hampir keseluruhannya dibelanjakan untuk tempat ini, untuk pembangunan-pembangunan yang baru ini.

Saya ingin mohon penjelasan negara-negara manakah yang akan mendapat bangunan yang baru ataupun pembaikan bangunan-bangunan yang sedia. Adakah ianya termasuk negara-negara yang baru kita iktiraf seperti di Kosovo kerana saya telah membangkitkan persoalan pengiktirafan ini dan tentunyalah kita kena berani. Kalau boleh di Kosovo ini dibangunkan satu kedutaan yang gah sedikit kerana kita bukan hendak cabar Serbia yang di sebelah sana, tetapi amat malang bagi sebuah negara seperti Serbia yang menghalau duta kita semata-mata kerana kita mengiktiraf sebuah negara yang kita sokong akan kemerdekaannya.

Jadi kalau ada satu bangunan kedutaan yang sama hebat tentulah ini akan menunjukkan komitmen kita. Saya berani mengatakan bahawa Kosovo merupakan tempat yang bukan sahaja baik dari segi diplomasinya tetapi tempat untuk pertukaran perniagaan yang juga mempunyai masa depan yang baik. Tuan Pengerusi, sekian.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang.

7.13 mlm.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran di bawah Jabatan Dua Hala. Saya hendak dapat maklum balas kementerian. Tahun 2011 Selatan Sudan akan membuat referendum untuk pemerintahan sendiri sedangkan syarikat minyak kita Petronas banyak melabur di Selatan Sudan. Jadi apakah persiapan kementerian dalam menghadapi situasi ini khususnya dalam usaha untuk memastikan pelaburan Petronas yang besar di Selatan Sudan itu selamat.

Oleh kerana Petronas pernah mengalami keadaan di beberapa buah negara di sebelah Afrika sana di mana Petronas kena *booted out*, kena tendang keluar sedangkan pelaburannya itu memakan belanja ribuan juta. Supaya itu tidak terjadi, saya mohon Kementerian Luar dapat memberikan pendirian terhadap situasi menjelang 2011 di mana referendum Sudan Selatan dan diadakan.

Di bawah Butiran Pejabat Perwakilan Malaysia saya mohon penjelasan kementerian secara khusus kenapa sampai peruntukan dan perbelanjaan mengurus di beberapa pejabat perwakilan ini melebihi daripada peruntukan. Ini berlaku di Kuwait, di Abu Dhabi, di Emeriah Arab satu di Rabat - Maghribi dan di Los Angeles - Amerika. Saya mohon lebih itu belanjakan ke mana dan untuk tujuan apa? Itu juga secara khusus.

Seperkara lagi di adalah di bawah tajuk ASEAN. Sidang Menteri Pertahanan ASEAN beberapa tahun lepas melahirkan *ASEAN Security Community* atau Komuniti Sekuriti ASEAN. Di mana negara-negara ASEAN komited untuk melahirkan *ASEAN Security Community* ini. Ada dua isu, pertama tentang penarikan keluar kita punya pengaman di Filipina baru-baru ini selepas Manila mengarahkan serangan ke atas Selatan *Philippine* ke atas MILF. Sejurus selepas arahan

itu Ogos, maka kita pun tarik keluar. Kita selalu sebut tentang mangsa yang terbunuh di Selatan Thailand sudah mencecah 100 ataupun 200 ribu.

Tapi di Mindanao ini juga melebihi daripada 120 ribu. Hari ini masjid dibakar, kampung-kampung orang Islam dibakar dan ribuan orang Islam hari ini menjadi pelarian. Apa sudah jadi dengan komitmen kita dan negara ASEAN yang lain tentang *ASEAN Security Community* ini sedangkan kita tidak dapat pun hendak membantu negara-negara depan mata kita yang sedang bermasalah.

Kita juga pernah menghantar pasukan pengaman di Timor Leste. Malaysia satu-satunya negara ASEAN yang hantar pasukan pengaman. Lain dari negara ASEAN ini tidak ada hantar pun, tidak ada komitmen pun. Yang lain ialah Australia, New Zealand dan Portugal. Timbalan Perdana Menteri bila ditanya kenapa Malaysia mesti menghantar; dia bagi tiga sebab:

- (i) Mari Alkatiri minta Malaysia menghantar pengaman, Perdana Menteri Timor Leste ini minta;
- (ii) sebab negara ASEAN lain tidak hantar jadi Malaysia hantar; dan
- (iii) ini yang saya fikir lebih fundamental, dia kata dalam bahasanya "*What worries us is the state of disintegration of political structure. It is crumbling*". Negara ini katanya boleh hancur, boleh runtuh kalau kita tidak terlibat membantu.

Sekali lagi saya hendak tanya pendirian Kementerian Luar dalam komitmen ASEAN ini. Kalau kita hendak bentuk ASEAN Security Community kenapakah perkara yang paling asas membantu negara jiran tidak dapat kita tunaikan tanggungjawab yang paling berat kita tarik keluar pula.

Yang terakhir Tuan Pengerusi ialah banyak berlaku kebelakangan ini rampasan kapal seperti kapal dagang dan kapal pelancong. Semalam CNN melaporkan lanun di Somalia tawan kapal mewah pelancong, ini berlaku. Di tempat kita yang paling sibuk laluan kapalnya ialah Selat Melaka. Saya hendak tanya pendirian negara kita khususnya Kementerian Luar berkenaan dengan desakkan yang berterusan saya fikir; daripada Amerika Syarikat untuk mendapatkan penglibatan atau hak kawalan bersama ke atas Selat Melaka. Ia melalui idea penubuhan *regional maritime security initiative* seawal tahun 2004.

Sudah tentu dia akan ada banyak alasan. Katanya 80% daripada *imported strategic materials* ke Amerika Syarikat melalui laluan Selat Melaka, laluan sepanjang 800 kilometer ini. Jadi untuk melindungi kepentingan dia, dia akan terus memaksa. Satu ketika kita pernah meletakkan pendirian yang jelas bahawa tanggungjawab mengawasi Selat Melaka ini adalah tanggungjawab kita dan Indonesia dan negara-negara berhampiran.

Akan tetapi dengan trend serangan lanun dan keganasan ini sudah tentu tekanan ini, saya baca beberapa ucapan senator di Amerika Syarikat. Mereka menyentuh secara khusus dengan mengambil sebab ke atas peristiwa lanun ini untuk sekali lagi mengemukakan desakkan

mereka melalui platform *Regional Maritime Security Initiative*. Saya hendak tahu apakah pendirian semasa Kerajaan Malaysia terhadap perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kepong, selepas itu Menteri menjawab. Yang Berhormat Kepong.

7.19 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, halaman 201, Butiran 020000 - Jabatan Hubungan Dua Hala.

■1920

Tuan Pengerusi, zaman berubah, musim bertukar dan sekarang pun hubungan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat nampaknya mesti tidak serupa dengan masa dulu dengan Barack Obama sekarang jadi Presiden *elect* dan di sini saya hendak menanya kementerian apakah pendirian Malaysia terhadap Barack Obama. Di sini walaupun ada orang yang menyoalkan tindakan ataupun langkah yang diambil oleh pihak Malaysia. Semasa Tun Mahathir jadi Perdana Menteri pun dia dengan lantang menentang apa-apa langkah yang diambil oleh pihak Amerika Syarikat itu daripada segi zahir saja tapi yang penting sekali itu hubungan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat ialah daripada segi ekonomi.

Hubungan perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat setiap tahun hampir USD50 bilion dan pelaburan Amerika di Malaysia itu lebih USD10 bilion. Jadi, pelabur yang terbesar sekali di Malaysia dan juga Tuan Pengerusi, bukan saja Amerika Syarikat merupakan negara di mana ada perhubungan yang jumlah perdagangannya terbesar, negara yang terbesar. *The biggest trading partner* dan dengan demikian, saya tak tahu macam mana sikap dan pendirian kementerian terhadap Amerika Syarikat termasuklah apa yang disebutkan tadi mengenai Palestin. Kita berharap layanan ke atas Palestin itu adalah adil dan saksama. Jangan membiarkan penderitaan Gaza berterusan dan sebagainya dan apakah pendirian kementerian dan daripada segi *human trafficking*, penyeludupan manusia.

Tiap-tiap tahun berpuluh juga manusia diseludupkan termasuk 1.2 juta kanak-kanak dan Malaysia merupakan satu negara transit dan negara destinasi juga. Dia ada negara asal, negara transit dan negara destinasi dan Malaysia merupakan negara transit dan juga destinasi dan di sini saya nak tahu apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian terhadap *human trafficking* kerana masalah ini semakin hari semakin bertambah buruk kerana tiap-tiap tahun sudah melebihi kalau tak silap saya lebih RM50 bilion atau lebih. Ini menjadi satu penderitaan manusia dijadikan satu perdagangan, penyeludupan. Jadi saya pun tak terima dan saya berharap pihak kementerian dapat memberitahu bagaimana kita dapat mengatasi masalah seumpama ini dan juga Yang Berhormat Machang juga ada sebutkan mengenai lanun. Bukan sahaja di Selat Melaka bahkan juga di Teluk Aden dan juga di Afrika.

Setakat tahun ini pun ada lebih 100 serangan ke atas kapal-kapal perdagangan di kawasan itu dan apakah pendirian pihak kementerian terhadap pelanunan ini dan ada satu

perkara lagi iaitu Malaysia yang menaja *the Southeast Asia Regional Center for Counter Terrorism*. Ini memang di Malaysia. Apakah peranan kita dalam usaha untuk menentang keganasan ini dan sebab apa nama Malaysia timbul di dalam serangan keganasan di Mumbai ini. Saya pun tak fahamlah. Kita tak ada orang yang terlibat dengan *terrorism* ini tapi apakah sebab apa tiap-tiap kali ada serangan seumpama ini nama Malaysia ditimbulkan. Ini memang satu perkara pihak kementerian mesti memandang serius mengapa nama Malaysia tiap-tiap kali disebutkan.

Kita nak tahu macam mana pihak kementerian dapat mengatasi masalah nama Malaysia dicemarkan sebagai negara yang mengeksportkan keganasan kepada negara yang lain dan itulah saja untuk malam ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sila Menteri.

7.26 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah terlibat di dalam perbahasan peringkat jawatankuasa berkaitan isu-isu Kementerian Luar Negeri. Isu berkaitan dengan Myanmar yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Parlimen iaitu Ahli Parlimen Ipoh Timur, Telok Intan dan juga Lembah Pantai. Ingin saya jelaskan di sini bahawa pendirian kita berkaitan dengan isu Myanmar ini ialah kita memang mengalu-alukan satu proses pembaharuan politik di Myanmar. Kita sebenarnya memang bersetuju supaya *political prisoners* termasuk Aung San Suu Kyi dibebaskan dan satu *mission consultation* dan *democratic process* dapat dilakukan di Myanmar. Ini pendirian kita kerana apabila kita membawa masuk Myanmar ke dalam pertubuhan ASEAN pada tahun 1997, memang kita mengharapkan suatu pembaharuan yang serupa ini dapat dilakukan.

Kalau kita melihat apa yang telah berlaku akhir-akhir ini, memang ada sedikit komitmen yang telah ditunjukkan oleh kerajaan Myanmar di dalam soal pembaharuan politik. Baru-baru ini pada 31 Mei, mereka telah pun siap mengadakan satu referendum dan daripada referendum itu maka mereka telah wujudkan satu perlembagaan baru dan melalui perlembagaan baru itu juga mereka akan mengadakan satu pilihan raya pada tahun 2010. Jadi, pada pandangan kita ini adalah...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya minta celahan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: ...Sedikit sebanyak adalah merupakan satu kemajuan walaupun banyak pihak yang mempertikaikan tentang kesahihan ataupun proses yang telah dilakukan itu tapi bagaimanapun kita melihat ini sebagai satu pandangan yang positif dan sebagai anggota negara ASEAN, kita juga tertakluk kepada beberapa protokol seperti mana yang telah disebutkan Yang Berhormat Ipoh Timur tadi bahawa menyebut tentang *ASEAN Charter*. Memang di dalam *ASEAN Charter* ini telah memperuntukkan bahawa di antara prinsip yang terkandung di dalam *Asian Charter* ini ialah, "*respect for the independence, sovereignty, equality,*

territorial integrity and national identity of all ASEAN members states”, dan satu lagi prinsip di sini ialah “*non interference in the internal affairs of ASEAN members states.*”

Jadi, dalam soal ini memanglah kita mahu melihat pembaharuan ini tapi dalam masa yang sama kita juga harus praktikal bahawa Myanmar adalah sebuah negara yang berdaulat dan juga kita mempunyai hubungan diplomatik dengan negara Myanmar dan kita juga mempunyai kepentingan ekonomi daripada segi hubungan dagang melalui *framework ASEAN Free Trade Area* dan juga hubungan bilateral yang telah kita sebutkan tadi. Jadi, dalam soal ini kita haruslah berhati-hati walaupun kita mahukan perubahan tetapi dalam masa yang sama juga kita harus memberikan peluang kepada negara ini dan kita harus melihat apa perkembangan yang berlaku di Myanmar itu adalah sebagai satu perkembangan yang positif dan kita juga akan melaksanakan *process constructive engagement* untuk membolehkan mereka dapat mengadakan pembaharuan politik dan melihat satu perdamaian nasional dapat dilaksanakan di negara tersebut. Sila Yang Berhormat.

■1930

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan Myanmar saya sekarang membaca laporan daripada *The United Nations Social Humanitarian and Cultural Committee* yang pada 21 November yang lepas meluluskan satu draf resolusi berkenaan dengan keadaan hak asasi di Myanmar. Setelah dibahaskan panjang resolusi itu kemudiannya diundi. Komponen penting resolusi ini ialah mengambil pendirian yang kritikal terhadap keadaan di Myanmar khususnya tindak-tanduk pihak berkuasa yang tidak mengambil sebarang tindakan ke atas pelanggaran hak asasi. 89 buah negara bersetuju, 29 menentang, 63 berkecuali. Malaysia dan Vietnam menentang. Manakala Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand berkecuali. Maksudnya draf resolusi Bangsa-bangsa Bersatu yang mengkritik Myanmar ke atas pelanggaran hak asasi di negara itu dan tidak ada tindakan pihak berkuasa, pendirian Malaysia sebenarnya menentang resolusi ke atas Myanmar ini.

Pada masa yang sama jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah kita komited, sambil membantu Myanmar tetapi pelanggaran hak asasi kita tidak kompromi tetapi hakikatnya undi kita pada 21 November lepas kita menentang resolusi sebenarnya. Bagaimana penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih, Yang Berhormat Machang. Berkaitan dengan undi yang telah dijelaskan tadi itu sebenarnya kita harus melihat konteks hubungan negara kita dengan negara Myanmar sebagai sekutu negara ASEAN dan mempunyai hubungan bilateral yang baik. Sudah tentu sekiranya kita mengambil tindakan untuk menekan Myanmar dalam tindakan-tindakan kita sudah tentu ia akan menjejaskan hubungan bilateral di antara kita dengan negara tersebut. Perlu dijelaskan di sini bahawa soal hal hak asasi manusia ini adalah

merupakan satu soal sejagat yang bukan sahaja pelanggaran-pelanggarannya dibuat oleh negara seperti Myanmar tetapi banyak negara lain lagi.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum negara seperti Israel yang telah pun melakukan pelanggaran banyak hak asasi terhadap masyarakat Palestin tetapi apakah pendirian negara-negara kuasa besar dalam soal ini. Apa yang saya ingin nyatakan di sini bahawa pendirian kita adalah jelas bahawa kita ingin melihat satu pembaharuan politik di Myanmar dan melihat satu *respect of human rights*. Dalam masa yang sama kita juga menimbang dari segi kepentingan bilateral dan kepentingan kita sebagai negara anggota ASEAN.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang mana satu Yang Berhormat, ada dua Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Telok Intan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Seputeh dulu. Tadi kita telah dengar banyak ucapan yang menentang Amerika Syarikat dan kita tahu negara kita ada hubungan perdagangan yang begitu banyak dengan Amerika Syarikat. Akan tetapi nampaknya daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini kelihatan agak lembut terhadap Burma. Walaupun ia adalah negara jiran kita tetapi kita lihat beberapa masalah yang diakibatkan oleh pergolakan-pergolakan politik di dalam Myanmar termasuk juga pelarian Rohingya yang berada di negara kita. Kalau Yang Berhormat pernah pergi menziarahi mereka, mereka sudah ada generasi yang kedua berada di Malaysia, tidak ada kad pengenalan, tidak boleh masuk sekolah, masuk ke hospital pun lebih mahal dan tidak boleh kerja. Jadi, semua ini masalah sosial yang diakibatkan oleh pergolakan politik dalam Burma.

Ia bukan sahaja Malaysia yang menjadi mangsa di mana pelarian Burma datang ke Malaysia, kita juga lihat di negara Thailand dan negara jiran kita yang lain mereka juga menghadapi masalah yang sama. Saya rasa kesemua ini adalah kerana ASEAN ini terlalu lembut terhadap Burma. Kita biarkan mereka buat begitu sahaja, tetapi bagi isu Israel, Palestin dan Amerika Syarikat kita hentam terus sedangkan isu Burma kita berlemah lembut sahaja. Saya rasa tibalah masanya bagi negara kita mengadakan satu pendirian yang lebih tegas terhadap Burma. Kita seharusnya menjadi ketua dalam ASEAN untuk memberi tekanan terhadap Burma dalam forum antarabangsa dan juga dalam kebanyakan resolusi dan juga isu.

Saya berharap kerajaan di bawah Menteri Luar yang baru dan Timbalan Menteri yang baru dalam Kementerian Luar Negeri kita boleh menunjukkan *Malaysia take the beat*. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih, Yang Berhormat Seputeh.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Point* yang sama. Minta maaf.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tidak payahlah. *I'm going to answer your...*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *One more point, just on Myanmar. Just a clarification.* Saya ingat pada masa dahulu kita telah mengambil satu posisi bahawa kita kena *engaged* dengan Myanmar. Jadi, pendirian negara kita adalah untuk memberi peluang kepada Myanmar tetapi sehingga sehari ini kita gagal. Apakah sudah tiba masa untuk pinggirkan Myanmar dari ASEAN sebab kita tidak boleh bandingkan Myanmar dengan Israel. Myanmar *is part of the family of ASEAN country*. Jadi, saya fikir kita tidak boleh seolah-olah sokong satu rejim Junta Myanmar ini. Adakah sebab-sebab lain kita bertoleransi ini, mungkin ada orang-orang di Malaysia yang ada perniagaan-perniagaan besar di sana yang kita cuba lindungi dan terus membuat perniagaan dengan Myanmar. Mesti kita boleh *impose* sekatan. Sila beri penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat yang telah menanyakan tadi, ingin saya jelaskan di sini bahawa kita tidak percaya kepada *punitive action* terhadap isu Myanmar ini kerana kita percaya kalau kita mengambil tindakan yang *punitive* terhadap Myanmar ini akan menyebabkan ia menjadi satu perkara yang *counter productive* kerana kita harus sedar bahawa Myanmar adalah merupakan negara anggota ASEAN. Mereka adalah negara anggota Asia Tenggara. Mereka adalah jiran kita. Kalau kita meminggirkan Myanmar sudah pasti mereka boleh *survive* dengan hidup sebagai sebuah negara *in isolation* seperti mana yang berlaku sebelum ini. Akan tetapi kita kluatir sekiranya kita tidak melakukannya, kita membenarkan keadaan ini berlaku mungkin ia akan memberikan kesan yang negatif kepada Asia Tenggara bukan sahaja dari segi masalah kemiskinan rakyatnya tetapi juga masalah keselamatan yang mungkin timbul daripada perkara itu.

Oleh sebab itulah kita membawa masuk Myanmar ke dalam ASEAN pada tahun 1997 dengan harapan bukan sahaja kita dapat memberikan peluang kepada proses pembangunan Myanmar yang akan memberikan faedah kepada rakyatnya dari segi peluang ekonomi dan juga membasmi kemiskinan di negara tersebut melalui program-program ekonomi ASEAN tetapi juga ia akan dapat berinteraksi dengan Myanmar dan dapat memberikan proses-proses *constructive engagement* berlaku. Nampaknya memang mereka memberikan indikasi-indikasi yang positif. Kita harus sedar sejarah Myanmar sebuah negara yang merdeka daripada British dahulu melalui perjuangan tenteranya. Malah bapa kepada Aung Sun Suu Kyi iaitu Jeneral Aung Sun sendiri adalah seorang jeneral yang berjuang untuk membebaskan negara Myanmar daripada British.

Untuk mengubah *politic landscape* Myanmar itu secepat mungkin bukanlah sesuatu yang mudah, mengambil berdekad-dekad lamanya bagi Indonesia misalnya untuk membebaskan mereka daripada pemerintahan yang disokong oleh tentera. Sudah tentu apa yang berlaku di Myanmar ini adalah lebih sukar dan kita masih mengharapka ia mengalami satu perubahan dan kita tidak bersendirian dalam soal ini kerana *United Nations* juga melalui *special envoy* yang diketuai oleh Ambassador Ibrahim Gambari yang mewakili *Secretary General of UN* telah memainkan peranan yang penting untuk membawa Myanmar ini kepada satu proses dan juga meminta mereka untuk mengadakan pembaharuan-pembaharuan politik.

■1940

Seterusnya seperti mana...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan Tuan Pengerusi.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, kita...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat berkata terdapatnya kesan-kesan positif, perkembangan positif di dalam Myanmar. Apa kesan positif yang ada di Myanmar? Aung San Suu Kyi yang dipilih oleh partinya yang menang pilihan raya, dia masih dalam *solitary confinement*, pengurungan persendirian dalam rumahnya dan lebih ramai *descendent* politik itu telah pun diputus dan dihantar masuk ke penjara. Tidak ada perubahan langsung. Keadaan ekonominya semakin teruk, yang berlakunya taufan siklon itu, semua wang derma daripada masyarakat antarabangsa disapu oleh pihak tentera. Apakah perkara positif?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya rasa kalau kita boleh begitu tegas dalam isu Palestinian, kenapa kami tidak tutup sebelah mata atas Burma?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, saya fikir kita tidak mengambil tindakan menutup sebelah mata dalam kes Myanmar ini, kerana kita juga telah melakukan apa yang terbaik untuk memberikan cadangan-cadangan kepada mereka. Akan tetapi yang penting di sini ialah kalau dikatakan tidak ada perkembangan positif, maka ia tidak benar. Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa telah pun ada referendum dibuat. Telah pun diwujudkan satu perlembagaan baru yang telah diluluskan pada bulan Mei tahun 2008 ini dan akan ada satu pilihan raya pada tahun 2010. Kita masih mengharap, kita berharap bahawa apa janji yang telah diberikan oleh kerajaan junta Myanmar ini akan dapat ditunaikan dan kita berharap bahawa satu perdamaian nasional itu dapat berlaku di dalam negara tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat boleh percaya cerita itu kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat... [Disampuk] Yang Berhormat, Yang Berhormat, dengar Yang Berhormat. Kementerian beri penjelasan. Yang Berhormat *insist on your idea*. Mana ada perkara semacam ini berlaku?

Seorang Ahli: Bodoh!!

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Okey, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dan Telok Intan, iaitu bantuan Siklon Nargis di Myanmar. Selepas taufan Nargis, memang ASEAN telah memainkan peranan yang penting untuk menghantar pasukan bantuan kemanusiaan. Sebenarnya Asean telah bertindak sebagai sekretariat bagi pihak Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyalurkan bantuan di Myanmar. TCG ataupun *Tripartite Core Group* yang telah ditubuhkan itu telah pun menyelaras dan memantau bantuan kemanusiaan antarabangsa ke Myanmar.

Asean telah bersetuju untuk melanjutkan pasukan ini hingga tahun hadapan iaitu tahun 2009. Malaysia juga telah menyalurkan bantuan kewangan, perubatan dan kemanusiaan kepada Myanmar untuk membantu mangsa-mangsa Siklon Nargis. Bantuan kita kepada Myanmar ialah pada 12 Mei 2008 menyumbangkan bantuan berupa peralatan seperti khemah, makanan kering, ubat-ubatan dan selimut bernilai RM740,952. Pada 19 Mei 2008 sebanyak USD1 juta iaitu bantuan kewangan kepada Myanmar dan pada 25 Jun 2008 menghantar pasukan perubatan yang dianggotai oleh 25 orang iaitu dengan nilai ubatan dan peralatan sebanyak RM1.3 juta.

Tuan Pengerusi, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Intan sebentar tadi, iaitu apakah usaha kerajaan ataupun pejabat kedutaan kita di Mumbai dalam membantu seorang wanita rakyat Malaysia, Hema Kasipillay yang telah terkorban di dalam krisis tersebut. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Pejabat Konsul Jeneral kita di Myanmar, telah pun memberikan bantuan yang secukupnya kepada pihak yang terlibat dan sepanjang krisis tersebut Pejabat Konsul Jeneral memang telah pun mengambil pelbagai langkah untuk memberikan bantuan kepada rakyat Malaysia yang lebih kurang 150 orang yang berada di Mumbai dan bukan sahaja memberikan maklumat kepada keluarga mereka di Malaysia, tetapi juga memberikan bantuan dari segi pengurusan jenazah yang meninggal iaitu Hema Kasipillay dan ia sehingga berlepas pulang ke negara ini.

Berkaitan dengan konflik di Sri Langka seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita sebenarnya melihat bahawa konflik yang berlaku di Sri Langka ini adalah merupakan isu dalaman negara tersebut. Sebagai sebuah negara yang merdeka, kita tidak mahu mencampuri urusan negara orang lain seperti mana kita tidak mahu orang lain mencampuri urusan negara kita.

Apa yang berlaku di Sri Langka ialah pertikaian daripada kumpulan kerajaan dan *separatist* dan kita menganggap ia adalah merupakan isu dalaman dan sekiranya ada pencabulan hak asasi manusia, maka pihak yang berwajib khususnya Bangsa-bangsa Bersatu melalui *United Nations on Human Rights Commission*, akan dapat membantu untuk memantaunya. Apatah lagi Sri Langka ini adalah sebuah negara *South Asian* yang saya percaya mereka mempunyai mekanisme tersendiri dan dalam usaha untuk menyelesaikan krisis dan permasalahan di Sri Langka ini melalui kerjasama serantau yang mereka miliki.

Jadi pendirian kita di sini ialah, kita menyokong usaha-usaha menyelesaikan konflik di negara tersebut melalui proses perundingan dan mengelakkan dari sebarang perkara-perkara yang boleh menyebabkan kerosakan dan juga khususnya kematian dan pembunuhan terhadap orang-orang yang tidak berdosa.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin iaitu berkaitan dengan program SEARCCT. SEARCCT ataupun *South East Asia Centre for Counter Terrorism* adalah merupakan satu bahagian yang diwujudkan di bawah Kementerian Luar Negeri iaitu untuk

mengadakan kursus, seminar dan bengkel kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab menjaga keselamatan negeri dalam Malaysia dan lain-lain di Asia Tenggara.

Program-program tersebut ialah berkaitan dengan teknik-teknik dan kepakaran terbaru di dalam bidang pencegahan, penyiasatan, penyelidikan dan kemahiran teknikal untuk mengenal pasti teknik-teknik yang digunakan oleh pegganas dan cara-cara mengatasinya. Banyak daripada mereka yang terlibat ini adalah daripada pasukan polis, *intelligence* ataupun kastam dan beberapa jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain. SEARCCT juga menerbitkan jurnal yang mengupas isu-isu yang berkaitan dengan keganasan untuk masyarakat umum. Dalam perancangan SEARCCT bercadang bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan juga jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dalam program-program yang dianjurkan untuk masyarakat belia dan lepasan sekolah untuk menyedarkan mereka tentang isu keganasan dan bagaimana isu-isu tersebut boleh difahami dan ditangani sebaiknya.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin juga tentang kerjasama dalam bidang ketenteraan dengan Amerika Syarikat, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertahanan. Biarlah pihak Kementerian Pertahanan menimbangkannya sekiranya ada keperluan untuk melihat perkara itu. Isu yang seterusnya ialah isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai membangkitkan isu mengenai pelantikan ketua perwakilan yang mempunyai *track record* yang baik.

■1950

Sukacita saya ingin jelaskan di sini bahawa skandal Jack Abramoff dan juga beberapa isu-su yang berkaitan dengannya. Yang Berhormat Lembah Pantai, sebenarnya perkara ini telah pun kita jawab. Bekas Menteri Luar Negeri dahulu Dato' Seri Syed Hamid Albar telah pun menjawab di Dewan yang mulia ini pada 29 Mac 2006 berkaitan dengan kes tersebut. Jadi ia semua tercatat dalam Hansard tetapi apa yang saya ingin jelaskan di sini bahawa seorang ketua perwakilan atau pun seorang duta yang kita lantik tersebut mestilah seorang yang mempunyai kriteria dan ciri-ciri utama dari segi pengetahuan, pengalaman yang luas dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa termasuklah berintegriti amanah dan mempunyai *track record* yang baik.

Jadi saya fikir perkara tersebut sekiranya ingin penjelasan tentang seperti yang saya sebutkan tadi, bolehlah merujuk kepada Hansard yang terdapat pada 29 Mac 2006. Satu isu lagi...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Mohon penjelasan Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi peluang untuk penjelasan. Ini mengenai dengan perwakilan Malaysia di luar negara seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sepanjang masa saya ingat Tuan Pengerusi, negeri Sabah hanya mendapat peluang untuk menjawat sebagai duta besar Malaysia pada tahun 70-an dan 80-an iaitu pertama dengan izin, *the late* Toh Puan Rahimah Stephens sebagai Duta Besar Malaysia ke

Australia. Yang kedua ialah Tan Sri Jaya Suria sebagai Duta Besar Malaysia ke Kanada. Selepas itu tidak da lagi. Selepas itu sehingga sekarang tidak ada lagi seorang yang telah dilantik sebagai duta besar daripada Sabah.

Sekurang-kurangnya hari ini, Timbalan Menteri Luar Negeri daripada Sabah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasihlah, saya memang berbangga tapi ini bukan bererti diberi betis hendakkan paha Tuan Pengerusi. Adakah ini mencerminkan bahawa tidak ada lagi yang layak untuk dilantik sebagai duta besar daripada Sabah ataupun sengaja tidak diberi peluang. Ada juga yang saya dengar daripada Sarawak, sama juga keadaannya. Jadi mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat tentang isu ini. Sebenarnya seperti mana yang telah Yang Berhormat jelaskan tadi bahawa sebelum ini memang ada rakyat Malaysia dari Sabah yang telah diberikan peluang untuk menjadi duta besar dan mereka ini dilantik atas lantikan politik, seperti mana yang Yang Berhormat sebutkan tadi, Yang Berhormat Toh Puan Rahimah Stephens dan juga Tan Sri Jaya Suria dan termasuklah saya sendiri yang pernah dilantik pada tahun 2000 sehingga tahun 2004.

Berkaitan dengan pelantikan-pelantikan yang lain, saya ingin nyatakan di sini bahawa sebenarnya kalau kita mengambil kira seorang yang lahir di negeri Sabah yang bernama Puan Rosmida Zahid yang berada di Poland sekarang ini, yang menjadi Duta Besar di Poland, beliau ini adalah seorang yang berasal dari sini, dilahirkan di Sabah, di atas perkhidmatan keluarganya di Sabah, dan beliau sekarang menjadi Duta di Poland. Kita juga mempunyai beberapa pegawai-pegawai kanan yang dijangka akan berpeluang untuk menjadi duta dalam masa yang terdekat ini kerana untuk seseorang dilantik menjadi duta, beliau haruslah sekurang-kurangnya berkhidmat tidak kurang daripada 20 tahun dan menjawat jawatan sekurang-kurangnya M54 ataupun *acting* M54.

Beliau itu adalah seorang yang mempunyai pengalaman dan juga terlatih dalam pelbagai bidang sama ada di dalam dan di luar negara. Bagi Sarawak pula, sukacita saya ingin nyatakan di sini bahawa baru-baru ini kita telah melantik seorang duta yang akan pergi ke *South Africa* namanya *Excellency Ambassador Kennedy Jawan*. Beliau adalah duta berbangsa Iban yang pertama daripada Sarawak. Sebelum ini ada seorang yang berbangsa Bidayuh yang pernah berkhidmat sebagai duta di Venezuela yang bernama *Ambassador John Thana Weng Wek* yang telah pun bersara.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat ialah berkaitan dengan masalah yang berlaku di Palestin iaitu tindakan Israel mengepung satu 1.5 juta penduduk Gaza yang pada ketika ini Gaza adalah ditadbir oleh *faction* Hamas daripada pejuang-pejuang Palestin. Saya ingin menyatakan di sini bahawa pendirian kita terhadap isu Palestin ini adalah jelas bahawa kita merupakan negara yang menyokong kuat perjuangan Palestin. Semenjak

Palestin ditubuhkan pada tahun 1984 melalui *Balfour Declaration* dan semenjak kita mencapai kemerdekaan apatah lagi semenjak Tunku Abdul Rahman menjadi Setiausaha Agung OIC, kita adalah antara negara yang sentiasa konsisten dalam usaha untuk menengahkan masalah masyarakat Palestin.

Bukan sahaja kerana masyarakat Palestin ini beragama Islam, tetapi pada pandangan kita ia merupakan satu *humanitarian disaster* ataupun *occupation* yang dilakukan oleh pihak Israel. Ini konsisten dengan dasar kita. Kita pernah mengutuk dasar *apartheid* di Afrika Selatan dan juga kita mengutuk dasar etnik *cleansing* yang dilakukan oleh Serbia di Bosnia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, berapa lama lagi?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang penting di sini saya ingin nyatakan di sini bahawa kita adalah konsisten dalam soal untuk memperjuangkan hak-hak kemanusiaan. Kita baru-baru ini semasa *stand-off* yang berlaku di Gaza yang kononnya sebenarnya sebelum ini mereka ada perjanjian damai atau pun gencatan senjata. Akan tetapi gencatan senjata itu telah dicabuli di atas sebab-sebab kononnya mengikut dakwaan Israel bahawa pihak Hamas telah membuat satu terowong yang tujuannya untuk menculik askar-askar Israel. Disebabkan itu, menyebabkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya nak tanya dulu, berapa lama lagi Yang Berhormat ni?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tak lama lagi, sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sedikit saja?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya. Disebabkan itu, kita melihat bahawa misalnya baru-baru ini Perdana Menteri kita dalam 27 hari bulan yang lalu, satu kenyataan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri kita di dalam *International Day of Solidarity with the Palestinian People*, kita dengan jelas mengutuk tindakan Israel. Cuma dalam soal penyelesaian masalah Israel ini, kita tidak dapat melakukannya secara bersendirian. Kita harus menggunakan forum-forum antarabangsa dan juga penglibatan masyarakat antarabangsa khususnya melalui forum-forum antarabangsa seperti *United Nations*, OIC dan juga NAM yang kita memainkan peranan penting untuk membawa isu masyarakat Palestin ini.

■2000

Jadi tidak benar kalau kita tidak sensitif dengan isu Palestin sedangkan isu Palestin ini adalah sebahagian daripada isu yang paling kita berikan perhatian.

Berkaitan dengan isu Filipina yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat, kita sebenarnya mengambil tindakan untuk mengeluarkan *International Monitoring Team* atau IMT yang kita telah pun terlibat di Selatan Filipina semenjak tahun 2004, sudah empat tahun IMT itu beroperasi di Filipina kerana ada usaha-usaha untuk kedua-dua pihak *Government of the Republic of Philippine* atau GRP dengan MILF untuk mengadakan satu penyelesaian politik. Namun, disebabkan satu perkara yang berlaku baru-baru ini iaitu satu keputusan mahkamah

Filipina yang telah menyetujui permohonan masyarakat Islam untuk mengadakan *Memorandum of Agreement on the Ancestral Domain* yang sepatutnya ditandatangani, diratifikasi di Putrajaya. Maka satu pergaduhan telah berlaku menyebabkan *peace panel* yang telah di institut oleh kerajaan Filipina itu *disbanded* dan disebabkan itu kita tidak mempunyai apa-apa mandat lagi di dalam membantu menyelesaikan melihat gencatan senjata yang berlaku di antara kedua-dua belah pihak itu.

Sebenarnya bukan Malaysia sahaja yang berada di situ tetapi juga Brunei dan Libya dan keputusan kita ini sebenarnya kita buat kerana kita berharap sekiranya ada perkembangan-perkembangan yang lebih positif dan kita dikehendaki datang kembali mungkin kita akan mempertimbangkannya untuk masa-masa yang akan datang.

Saya juga bersetuju Yang Berhormat Tumpat berkaitan dengan *root cause of the problems of the terrorism* yang berlaku di seluruh dunia hari ini dan ini seharusnya harus di ambil perhatian oleh masyarakat antarabangsa iaitu berkaitan dengan *root cause of the terrorism* yang sama ada ianya berpunca daripada penindasan yang berlaku terhadap rakyat Palestin, isu Kashmir ataupun isu-isu lain yang berkaitan dengannya.

Berkaitan dengan isu Kosovo. Kita memang telah pun mengiktiraf Kosovo pada 31 Oktober 2008 dan kita adalah antara lapan negara OIC yang terlibat dalam pengiktirafan itu dan tindakan kita telah di ambil negatif oleh pihak Serbia dan mereka telah mengambil tindakan *persona non grata* kepada Datuk Saw Chin Hong, duta kita yang sekarang ini kita akan menghantar beliau ke kedutaan lain. Tindakan itu pada pendapat kita merupakan reaksi yang dibuat oleh Serbia bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga kepada negara-negara lain yang mengiktiraf Kosovo.

Sebenarnya pada tahun 1992 kita telah pun menutup kedutaan Yugoslavia di Kuala Lumpur pada masa itu di atas reaksi kita terhadap tindakan *ethnic cleansing* yang berlaku di Bosnia. Jadi oleh sebab itu, memang ada percubaan daripada pihak Serbia untuk menghantar *accreditation* duta mereka yang berada di Indonesia ke Malaysia tetapi setakat ini kita belum mempertimbangkannya lagi. Kita sedang melihat perkembangan-perkembangan semasa terhadap hubungan kita dengan Serbia ini kerana kita juga mempunyai hubungan ekonomi yang baik, perdagangan dua hala kita adalah sebanyak RM350 juta yang mempunyai potensi yang besar untuk dikembangkan.

Berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau iaitu berkaitan dengan peranan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara atau IDFR untuk mengadakan kursus asas diplomasi bagi Ahli Parlimen, saya menganggapnya adalah satu cadangan yang baik dan program-program akan dirangka bagi tahun-tahun akan datang. Sebenarnya kita juga bercadang untuk peringkat awal memberikan kursus ataupun kursus asas kepada mereka-mereka yang akan pergi ke *United Nations General Assembly*.

Berkaitan dengan pertanyaan Yang Berhormat Arau tentang kejayaan-kejayaan LID. LID adalah satu forum berkongsi pengalaman dengan negara-negara membangun dan ianya adalah bertujuan untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara peserta dan ini merupakan satu *Langkawi International Dialogue* ini memang memberikan faedah kepada negara kita khususnya untuk menjalin hubungan dengan negara-negara yang negara-negara Eropah dan negara-negara Afrika.

Berkaitan dengan juga cadangan beliau untuk kita mendirikan bangunan sendiri bagi pejabat-pejabat perwakilan luar negara ini memang saya bersetuju dengan pendapat beliau cuma ianya bergantung kepada keupayaan dan kemampuan kita untuk melaksanakannya.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota iaitu berkaitan dengan *human trafficking* iaitu penglibatan rakyat Malaysia dalam perkara ini. Suka saya ingin jelaskan di sini dari jumlah terkumpul sehingga 11 November 2008, cuma 2.8% dari rakyat Malaysia yang di penjara di luar negara terlibat dengan kegiatan perdagangan manusia ataupun *human trafficking*. Kementerian sedang bekerjasama dengan pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya Interpol dalam usaha pencegahan jenayah berkenaan. Selain daripada itu usaha untuk mewujudkan kesedaran awam perlulah diutamakan khususnya melalui kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan yang penting ialah saluran media seperti RTM untuk mengadakan program-program *talk show* dan juga program-program kesedaran dan bantuan daripada pihak media di Malaysia untuk membantu menyelesaikan masalah ini.

Selanjutnya ialah isu yang dikaitkan dengan rampasan kapal di Somalia, perlu saya jelaskan di sini bahawa perundingan yang dilakukan berkaitan dengan rampasan kapal di Somalia yang dilakukan baru-baru ini adalah dibuat oleh MISC dan dengan bantuan Majlis Keselamatan Negara. Jadi dalam soal ini perundingan itu tidak melibatkan kita dan ianya adalah merupakan melibatkan pihak-pihak yang terlibat sama ada mereka membayar atau tidak itu saya tidak begitu pasti.

Demikian apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas iaitu beliau mengatakan bahawa terdapat perubahan dalam dasar luar negara kita. Sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat memang kita tidak mengakui bahawa peranan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir berkhidmat selama 22 tahun memanglah telah menyerlahkan nama Malaysia di seantero dunia dan Malaysia dikenali pada ketika itu atas kebolehan beliau bukan sahaja membawa pembangunan kepada negara kita tetapi juga penglibatan beliau di dalam forum-forum antarabangsa yang berkaitan dengan soal-soal antarabangsa dan juga kemanusiaan sejagat. Akan tetapi ini tidak bererti bahawa kita telah mengubah Dasar Luar Negara kita dengan begitu drastik memang *adjustment* dibuat pada masa ke semasa perlu menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Apa yang penting di sini walaupun kita tidak retorik tetapi usaha-usaha kita untuk menjalin hubungan bukan sahaja hubungan dua hala dengan negara-negara jiran tetapi juga

melalui hubungan multi-literal dengan negara-negara ASEAN, OIC, NAM dan juga negara-negara yang sedia bersahabat dengan kita. Segala-gala ini adalah merupakan sesuatu yang telah kita teruskan daripada zaman sejak kemerdekaan sehinggalah hari ini.

■2010

Perkara yang dibangkitkan oleh beliau tentang keperluan untuk kita mengadakan satu Pejabat Konsul di Djibouti sebagai sebuah negara yang berpotensi serta menjadi pintu masuk di Afrika Timur. Saya akan membawa perkara ini kepada pengetahuan pihak kementerian seperti mana Yang Berhormat tahu bahawa urusan mengenai *accreditation* Djibouti ini dibuat dari Yeman dan Sana'a. Sekiranya kita dapat melihat peluang-peluang yang dapat diwujudkan melalui perniagaan dan juga peluang-peluang ekonomi yang dapat kita lihat. Saya juga percaya kita tidak ada alasan untuk tidak melihat perkara tersebut.

Yang Berhormat Pasir Salak ada membangkitkan tentang pengambilan kakitanganambilan tempatan yang dilakukan terhadap beberapa kakitangan kita di kedutaan luar negara. Ini adalah merupakan satu amalan biasa bagi semua kedutaan-kedutaan untuk membawa bukan sahaja *home-based staff* ataupun pegawai-pegawai yang datangnya dari negara ini. Akan tetapi kita juga mengambil pegawai-pegawai ataupun kakitanganambilan tempatan atau *locally recruited staff*. Ia diambil di atas keperluan kedutaan tersebut, ada juga mereka itu sebenarnya adalah diambil daripada rakyat Malaysia yang belajar di negara tersebut dan diambil untuk berkhidmat di pejabat-pejabat kedutaan kita.

Di samping itu, kita juga ada mengambil rakyat-rakyat asing atas keperluan-keperluan tertentu sama ada untuk menjadi *interpreter* ataupun untuk memudahkan urusan-urusan pentadbiran kedutaan kita di luar negara. Soal pengaruh pihak luar itu saya tidak pasti sama ada ia berlaku. Akan tetapi saya fikir pegawai-pegawai dan duta-duta kita adalah duta-duta yang kompeten serta mampu mengurus *mission* mereka dengan cara yang profesional dan baik.

Berkaitan dengan soalan beliau adakah kita membelanjakan wang yang banyak dengan mendirikan pejabat-pejabat kedutaan di luar negara hampir 150 buah dan menelan wang belanja hampir RM300 juta setahun. Ini sebenarnya, saya ingin jelaskan di sini bahawa kejayaan kita sebagai sebuah negara hari ini adalah juga berpunca daripada kejayaan yang telah dilakukan oleh pejabat-pejabat perwakilan kita di luar negara.

Sebagai contoh, pejabat kita menjalin hubungan diplomasi dengan kebanyakan negara-negara Afrika. Daripada hubungan diplomasi yang baik itulah yang telah membuka peluang kepada banyak syarikat-syarikat GLC kita seperti Petronas untuk mendapat peluang untuk mengadakan perniagaan di negara tersebut. Begitu juga dengan Telekom dan ahli-ahli perniagaan Malaysia yang telah mengadakan bank ataupun perniagaan-perniagaan pembinaan di negara-negara luar.

Baru-baru ini saya berada di Abu Dhabi sebanyak lima syarikat besar dari Malaysia yang terlibat secara besar-besaran di negara tersebut. Kita sekarang sudah pun menjadi *17 largest*

trading country in the country. Saya percaya ia adalah daripada khidmat yang telah diberikan oleh MATRADE dan juga MIDA yang telah bertanggungjawab membawa pelabur-pelabur asing masuk ke dalam negara. Di samping membantu, menjual ataupun memperkenalkan barang-barang kita di luar negara melalui program-program ekspo dan juga program-program yang dibuat untuk memasarkan barangan kita di luar negara.

Demikian juga kalau kita lihat kemajuan kita dalam bidang pelancongan hari ini adalah berpunca daripada tindakan ataupun segala usaha-usaha yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai kita di luar negara. Jadi, saya percaya Kementerian Luar Negeri sendiri memang mempunyai *key performance index* untuk melihat pegawai-pegawainya. Kita juga sentiasa memerhati dan juga melihat prestasi pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di luar negara. Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai iaitu berkaitan dengan membayar *tax* juga. Sebenarnya apa yang dijelaskan berkaitan dengan rakyat Malaysia dalam kejadian ini. Ia merupakan satu spekulasi dan juga dilakukan oleh pihak media.

Saya tidak percaya kerajaan ataupun pihak-pihak berwajib di negara tersebut mempunyai apa-apa bukti dan sekiranya mereka ada bukti, maka mereka boleh menyerahkan kepada negara ini. Sekiranya kita dapat melihat ada kebenaran di dalam dakwaan-dakwaan tersebut maka kita boleh mengambil tindakan ataupun memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan tersebut. Akan tetapi saya percaya ini hanyalah merupakan dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh media-media.

Berkenaan premis kedutaan yang menyediakan solat Jumaat, memang ada beberapa kedutaan kita. Khususnya kedutaan kita yang mempunyai *space* yang mencukupi mereka mengadakan kegiatan-kegiatan yang dapat di dalam soal ini misalnya solat Jumaat dan sebagainya. Suka juga saya ingin menyatakan di sini bahawa selain daripada program-program begini. Kita juga mengadakan apa yang dipanggil Program Mendampingi Rakyat Malaysia.

Program Mendampingi Rakyat Malaysia yang dilaksanakan melalui Kementerian Luar Negeri dan pejabat perwakilan kita di luar negara ialah program yang mengadakan majlis-majlis seperti majlis Hari Raya Haji, menyambut hari kebangsaan dan menyambut kelahiran Agong. Ia adalah merupakan program-program yang *official* atau di rasmi dibuat oleh kerajaan untuk mendampingi rakyat Malaysia yang berada di luar negara sama ada mereka ini ekspatriat ataupun ahli perniagaan. Mahupun mereka itu adalah pelajar-pelajar kita yang ada di sana.

Berkenaan tentang cadangan bangunan di Kosovo ini kita belum dapat mempertimbangkannya kerana kita belum pun menjalinkan hubungan diplomasi negara tersebut kerana pengiktirafan bari sahaja kita buat baru-baru ini.

Berkaitan dengan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang tentang referendum yang diadakan di Selatan Sudan pada tahun 2011. Sememangnya benar Selatan Sudan yang mempunyai hasil kekayaan minyak iaitu hampir 70% daripada deposit minyak Sudan berada di selatan. Mereka akan mengadakan referendum pada 2011 ini.

Sebenarnya di dalam referendum ini apa yang telah saya dijelaskan oleh pihak Sudan. Mereka menyatakan bahawa ia tidak semestinya akan mewujudkan *separate states*. Mungkin ia akan membawa juga kalau sekiranya rakyat di kawasan tersebut bersetuju mungkin ia akan membawa kepada pembentukan persekutuan ataupun *federation* bagi negara Sudan tersebut.

Akan tetapi dalam soal ini memang banyak pihak yang telah pun mengambil langkah-langkah ke hadapan dan pihak Petronas pun saya percaya mempunyai perancangan-perancangan tertentu untuk memastikan bahawa pelaburan mereka di luar negara akan terjamin. Pihak Kementerian Luar Negeri juga akan sentiasa memberikan bantuan dan sokongan kepada pihak Petronas dan pelabur-pelabur dari luar negara untuk memastikan kepentingan mereka tidak terjejas akibat daripada perubahan-perubahan iklim politik di kawasan tersebut.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang juga berkaitan dengan *communities security*. Sepatutnya pada 15 Disember ini kita akan mengadakan satu ASEAN Summit di Bangkok untuk meratifikasikan iaitu sebahagian daripada piagam itu iaitu *ASEAN Political and Security Cooperation* yang *blueprint* nya telah pun disediakan untuk diratifikasi ataupun dipersetujui dalam ASEAN Summit yang akan diadakan sepatutnya pada 15 Disember ini. Akan tetapi ia telah ditangguhkan dan satu Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN akan diadakan pada 15 Disember di Jakarta.

■2020

Antara lain mungkin juga akan membincangkan tentang perkara-perkara yang akan melihat perkara-perkara ini. Jadi tentang soal yang dibangkitkan, IMT saya sudah menjawab tadi dan soal selatan Thailand, seperti mana yang saya jelaskan sebelum ini, memang kita mengharapkan satu keadaan keselamatan yang lebih baik dan juga keamanan yang dapat diwujudkan di selatan Thailand kerana kita sedar sekiranya pergaduhan ataupun pertelingkahan tersebut menjadi lebih besar ianya akan merebak ke negara kita dan sedikit sebanyak akan memberikan kesan sekuriti dan juga pelbagai kesan negatif yang lain, tetapi kita menggunakan saluran sekiranya kita seperti mana yang saya jelaskan tadi, yang menjadi prinsip asas negara kita ialah kita tidak mencampuri urusan negara lain dan kita menganggap bahawa perkara tersebut adalah urusan negara tersebut dan kita berharap kalau sekiranya kita diminta untuk terlibat dalam usaha untuk menyelesaikan pertelingkahan ataupun membantu kita bersedia untuk memberikan bantuan seperti mana yang kita telah lakukan dalam usaha-usaha kita di selatan Filipina walaupun nampaknya perdamaian di selatan Filipina masih lagi belum menampakkan kejayaan.

Berkaitan dengan isu Selat Melaka, setakat ini pendirian kita ialah tegas bahawa usaha untuk mengurus Selat Melaka ini adalah dilakukan oleh *lateral states*, iaitu melibatkan negara Indonesia dan Malaysia dan kita masih berpandangan bahawa kita tidak mahu melihat penglibatan pihak-pihak luar yang akhirnya boleh mencabul kedaulatan negara kita tetapi memang kita sedar bahawa terdapat tekanan-tekanan yang dibuat kerana masalah yang berlaku

di Somalia sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada kita tetapi setakat ini kita tidak ada niat untuk mengubah pendirian kita untuk mengurus Selat Melaka ini berdasarkan kepada perhubungan kita dengan Indonesia.

Berkaitan dengan Timor Leste, kita telah pun menjalin hubungan diplomatik dengan Timor Leste dan memang apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa penyertaan Malaysia di dalam United Nation *mission* di Timor Leste itu disertai oleh Malaysia tetapi kita memang tidak boleh memaksa negara-negara ASEAN yang lain, mungkin atas pertimbangan-pertimbangan lain yang kita tidak ketahui tetapi yang penting Malaysia sebagai sebuah negara yang prihatin terhadap negara-negara yang lemah seperti Timor Leste yang telah mencapai kemerdekaan dalam keadaan yang lemah kita memberikan pelbagai bantuan, bukan sahaja dari segi bantuan diplomasi dan politik tetapi juga memberikan bantuan dari segi melatih pegawai-pegawai melalui Program MTCP ataupun *Malaysian Tactical Corporation Program* yang kita adakan di negara ini di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri.

Yang Berhormat Kepong ada membangkitkan terhadap sama ada *human trafficking* yang kita sudah jawab sebentar tadi dan demikian juga beliau menyatakan bahawa pendirian kita terhadap apakah pendirian kita terhadap Presiden Amerika yang baru iaitu Barrack Obama, memanglah pendirian kita menyambut baik kemenangan beliau dan kita berharap satu *paradigm shift* di dalam dasar luar negara Amerika di dalam pentadbiran yang baru ini dan biasanya bagi pentadbiran Demokrat, mereka lebih *multilateralism* berbanding dengan Republikan dalam soal melaksanakan dasar luar negaranya.

Kita berharap pentadbiran baru ini yang mempunyai latar belakang yang begitu *illustrious* kerana beliau juga seorang *yang American African* dan pernah tinggal di Asia Tenggara, pada pendapat saya sedikit sebanyak beliau mempunyai pengalaman dan juga bukanlah seorang yang tidak mengetahui tentang perihal negara lain melainkan Amerika berbanding dengan *predecessor* beliau yang semasa beliau diangkat menjadi presiden, beliau tidak mempunyai latar belakang yang begitu luas di dalam bidang antarabangsa.

Isu yang dibangkitkan sebentar tadi, satu lagi isu mengenai tahanan di Somalia iaitu seperti mana saya jelaskan juga bahawa baru-baru ini di *United Nations*, satu Resolusi 18/16 telah pun diluluskan di *United Nations* iaitu untuk membenarkan negara-negara menghantar mereka yang menggunakan selat di perairan Somalia itu dibenarkan untuk menghantar kapal-kapal perang mereka untuk sama ada melindungi atau mengiringi kapal-kapal dagang yang dimiliki oleh negara tersebut.

Baru-baru ini juga satu cadangan yang telah dikemukakan di dalam Persidangan APEC yang telah dilangsungkan di Lima. Dalam persidangan tersebut satu cadangan yang akan dibawa ke Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu berkaitan dengan mewujudkan satu *peacekeeping force* untuk memantau perairan Somalia dan Teluk Aden untuk membolehkan kawasan tersebut dapat lebih selamat, tetapi apa yang penting dalam pandangan kita ialah kita mahu supaya satu kerajaan

yang benar-benar berdaulat dapat diwujudkan di Somalia kerana kalau sekiranya ianya terdapat satu kerajaan yang berdaulat, sudah pasti *lateral states* ataupun negara-negara pesisir di kawasan tersebut boleh dibantu oleh masyarakat antarabangsa untuk mewujudkan kerjasama bagi memantau kegiatan pelanpunan yang diadakan di kawasan tersebut.

Yang *last* sekali, saya sentuh berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Sri Gading. Isu yang beliau bangkitkan ini memanglah isu yang begitu menarik kerana di atas respons terhadap apa yang telah dilaporkan bahawa Presiden Amerika tersebut memang menyesali apa yang berlaku di Iraq. Saya tidak bercadang untuk mengambil apa-apa *position* dalam soal ini kerana kita juga harus melihatnya dari sudut multilateral ataupun *national interest* kita. Kita akan melihat dari sudut itu dan kita akan membuat pendirian sekiranya perlu tetapi yang penting di sini ialah kita tidak membenarkan apa juga bentuk penjajahan ataupun *occupation* yang boleh menyebabkan *humanitarian suffering* seperti mana yang berlaku di Iraq.

Ini adalah merupakan sesuatu yang kita tidak ingini dan pendirian Malaysia selama ini pun memang jelas bahawa kita menentang *occupation* yang dilakukan terhadap negara-negara yang berdaulat termasuk Iraq dan kita berharap ianya tidak akan dilakukan pada masa-masa akan datang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tidak jawab mengenai Malaysia yang menaja *South East Asia Regional Center for Counter Terrorism*. Ini memang penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, tolong jawab *centre* apa itu.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: *South East Asia Center for Counter Terrorism* memang telah pun diwujudkan di dalam negara kita dan saya telah pun menjawab tadi bahawa memang *center* itu telah pun diwujudkan bertujuan untuk melatih kakitangan dan pegawai-pegawai yang berkaitan, khususnya daripada negara-negara Asia Tenggara. Ianya diwujudkan selepas berlakunya *wave of terrorism* yang berlaku di *South East Asia* baru-baru ini, beberapa tahun yang lalu dan *center* ini telah pun kita tubuhkan bertujuan untuk melatih *intelligent*, melatih pegawai-pegawai polis, melatih pihak-pihak yang terlibat daripada Jabatan Kesihatan, melatih daripada kastam, imigresen dan sebagainya.

Ianya adalah untuk membolehkan mereka menjadi seorang pegawai yang *equipped* dalam usaha untuk membolehkan mereka mengesan apa juga kegiatan *terrorism* selain daripada *awareness program* yang sepatunya menjadi tanggungjawab mereka untuk mengadakannya iaitu memberikan *awareness program* melalui simposium media, kegiatan-kegiatan sebaran media dan sebagainya. Terima kasih.

■2030

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM509,582,100 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM509,582,100 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM262,494,000 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2009 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM262,494,000 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2009.

**Maksud B.31 [Jadual] –
Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan 2009] –**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.31, dan Kepala Pembangunan P.31, di bawah Kementerian Pelancongan terbuka untuk dibahaskan...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Mambong.

8.31 mlm.

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya terus menjurus kepada Butiran B, 01100 yang berkaitan dengan program Penyediaan dan Peningkatan Kemudahan Pelancongan, memang perlu program-program Penyediaan dan Peningkatan kemudahan Pelancongan dinaiktarafkan di negara kita, tetapi apakah program-program yang akan disediakan lagi bagi pelancong-pelancong dan apakah kemudahan-kemudahan lain lagi yang perlu disediakan.

Namun kalau kita lihat daripada kemudahan-kemudahan sedia ada, lebih-lebih lagi tandas awam, ini adalah satu perkara yang harus dinaiktarafkan dan diselenggarakan. Pelancong-pelancong dari luar negara, lebih-lebih lagi pelancong-pelancong dari Eropah dan dari negara Arab dan sebagainya. Mereka sering datang dan *complain*, utama daripada mereka ialah kebersihan tandas awam.

Begitu juga tandas-tandas di kedai makan dan di kedai kopi, ianya harus diselenggarakan, tetapi kalau saya lihat peruntukkan begitu banyak RM142,341,000, adakah ini juga akan diagihkan kepada pembangunan sumber insan dalam Industri Pelancongan. Ini adalah perlu kerana kalau kita teliti pemandu-pemandu pelancong ataupun *tourist guide*, mereka

ini kadang-kadang tidak tahu subjek mereka, mereka tidak tahu sejarah negara dan geografi tentang negara kita.

Apabila pelancong-pelancong bertanya kepada mereka, mereka mengatakan mereka tak tahu ataupun memberi fakta-fakta yang tidak betul. Inilah yang paling penting kerana pemandu-pemandu pelancong ini adalah orang yang berinteraksi dengan pelancong dan reputasi negara kita bergantung juga kepada mereka, kalau mereka orang yang berpengetahuan, maka negara kita akan diberi gambaran yang baik oleh pelancong-pelancong asing dan mereka ingin juga datang lagi.

Begitu juga dengan mereka yang bertugas di kedai-kedai membeli belah, mereka seharusnya bersopan santun dan yang paling penting adalah untuk mengucapkan terima kasih, dan selamat pagi ataupun selamat tengah hari, selamat petang, inilah yang menarik hati pelancong dan senyuman seharusnya ada kepada mereka kerana negara kita digambarkan sebagai di mana rakyatnya amat peramah dan *very friendly*, dengan izin.

Saya sering mendengar perkataan begitu dari pelancong asing. Oleh yang demikian, latihan pemandu-pemandu pelancong adalah amat penting dan saya harap peruntukan besar boleh diagihkan kepada pembangunan sumber insan dalam industri ini. kedua, saya ingin menyentuh Butiran P. 01900, Pembangunan *eco-tourism*.

Negara kita memang banyak kemudahan-kemudahan *eco-tourism*, seperti taman-taman negara, bukan taman negara yang spesifik di Pahang, tetapi taman-taman negara di negeri-negeri yang lain, kadangkala kemudahan seperti chalet, hostel dan lain-lain di taman-taman negara di negara kita, tidak begitu sesuai untuk mereka ini.

Oleh yang demikian, kemudahan seperti itu haruslah dinaiktarafkan agar ia nya selesa bagi pelancong-pelancong, bukan saja untuk pelancong-pelancong asing tetapi untuk pelancong-pelancong tempatan, untuk kita sendiri

Terakhir Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Butiran 02800 - Program Peningkatan Kemudahan *Homestay*, Program Peningkatan Kemudahan *Homestay* ataupun *homestay* ini adalah satu tarikan kepada pelancong-pelancong asing kerana mereka boleh menghayati kebudayaan kita, kebudayaan penduduk-penduduk tempatan seperti di rumah panjang, mereka boleh melihat dan menghayati sendiri mereka, bagaimanakah *culture* orang-orang Iban dan orang Bidayuh di rumah panjang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Bagaimanakah kehidupan harian mereka di rumah panjang, oleh yang demikian saya ingin menyeru kementerian ini untuk menaikkan taraf juga kemudahan di rumah panjang untuk *homestay* dan di kampung-kampung yang lain, lebih-lebih lagi juga naik taraf bilik tidur dan tandas, ini adalah satu kemudahan yang amat penting jika kita ingin mempromosi *homestay*. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Bandar Kuching.

■2040

8.41 mlm.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara sahaja, saya nak tanya, saya nak bangkit mengenai syarikat Pempena yang kebelakangan ini telah terlibat dalam skandal-skandal *financial*, dan ada beberapa soalan saya nak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berada di sini hari ini, selepas itu skandal Pempena dilaporkan dalam *The Sun*.

Yang Berhormat Ipoh Timur ada minta Yang Berhormat Menteri membekalkan laporan audit mengenai skandal ini. Walaupun satu laporan audit dibekalkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur, tetapi audit yang dibekalkan, ini hanya merupakan satu *external audit* yang dijalankan oleh *PricewaterhouseCoopers* dan audit itu bukanlah satu audit terhadap skandal-skandal yang dirujuk dalam *The Sun reports*.

Audit ini hanya adalah, saya akan memetik *the scope of the audit* yang telah ditulis dalam *report* ini. *High level for high level business review*. Ia adalah *specifically does not include any investigative audit or forensic work*. Saya ingin tanya kalau Yang Berhormat Menteri benar-benar mempraktikkan, mengamalkan satu amalan ketelusan, kenapa Yang Berhormat Menteri tidak sudi membekalkan laporan audit dalaman mengenai skandal-skandal yang telah dilaporkan di *The Sun*. Ada apa-apa yang Yang Berhormat hendak sembunyi daripada rakyat jelata mengenai skandal Pempena.

Oleh itu, saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri akan membekalkan kepada kita laporan audit yang dijalankan mengenai spesifik skandal-skandal yang disebutkan dalam *The Sun*.

Perkara kedua mengenai Pempena adalah, saya akan merujuk kepada *the PricewaterhouseCoopers audit reports*, walaupun ini hanya satu *external audit* bukan *internal audit*. Daripada siasatan yang dijalankan oleh *PricewaterhouseCoopers*, satu komen yang telah dibuat oleh *PricewaterhouseCoopers*, *the auditing* adalah bahawa nampaknya Syarikat Pempena tidak berapa koperatif untuk membekalkan maklumat-maklumat kepada audit-audit, *auditor* dari *Pricewaterhouse Coopers*. Ini kerana di dalam laporan audit *PricewaterhouseCoopers* terdapat enam Syarikat Pempena tidak ada langsung apa-apa maklumat kewangannya. Terdapat tiga anak syarikat, hanya setengah maklumat dibekalkan.

14 daripada 24 syarikat *investment* yang dibuat oleh Pempena, mendapati sejumlah RM54.4 *million* telah di *invest* atau dilabur dalam 24 syarikat. Dari cadangan *auditor PricewaterhouseCoopers* ia bercadang bahawa ada lima syarikat, di mana Pempena seharusnya segera keluar daripada pelaburan itu walaupun ia akan mengalami kerugian RM20 *million*. Walaupun RM20 *million* kerugian akan dialami, tetapi lebih baik dia keluar. Kenapa ini boleh berlaku? Sama ada sebelum sesuatu pelaburan dijalankan, dibuat satu keputusan untuk melabur dalam satu *investment company* anak syarikat ini ada *profit and lost study, profit and lost*

analysis dijalankan. Apakah prosedur-prosedur yang diamalkan oleh Syarikat Pempena untuk membuat keputusan melabur dalam sesebuah anak syarikat.

Saya mendapati bahawa antara satu faktor kerugian besar yang dialami oleh Pempena adalah kerana pinjaman wang diberi kepada rakan kongsi. Salah satu rakan kongsi adalah Ummi Hafilda. Sejumlah RM300,000 pinjaman diberi kepada dia, dia mengeluarkan tiga cek, tetapi semua cek ini pada masa *presentation* telah ditendang. Tidak ada apa-apa *legal action* diambil terhadap Ummi untuk mengambil balik duit ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya juga kluatir tentang sama ada Pempena ada menjalankan apa-apa siasatan tentang latar belakang rakan-rakan kongsi sebelum mereka berusaha sama dengan rakan kongsi ini. Ini kerana terdapat ramai daripada rakan kongsi ada yang disenarai hitam oleh bank, ada yang tidak dapat bayar duit untuk ekuitinya dan ada juga yang meminjam duit daripada Pempena tanpa apa-apa dokumentasi.

Akhir sekali yang ingin saya tahu adalah, adakah Pempena digunakan untuk menjadi satu jaringan keselamatan, a *safety net* untuk ahli politik MCA. Dahulu nampaknya *executive chairman* nya adalah Dato' Chor Chee Heung, sebelum dia menjadi Timbalan Menteri. Sekarang *executive chairman* nya adalah Dato' Chew Mei Fun.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Takkan hendak bagi pada *you kot*?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dahulu adalah Setiausaha Parlimen, sekarang sudah kalah dalam *election*. Oleh itu dia diupah. Adakah ini wang rakyat?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Digunakan untuk memberi a *safety net* untuk ahli politik, pemimpin-pemimpin MCA?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Habiskan Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya minta penjelasan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Aman.

8.49 mlm.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua isu dalam Butiran 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancong. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Mambong tadi, saya pun setuju dengan apa yang beliau utarakan, tetapi yang saya hendak sentuh ialah mengenai isu peninggalan sejarah di Sri Aman, iaitu mengenai Restorasi Kubu Alice di Sri Aman.

Tuan Pengerusi, pada masa ini banyak perbincangan telah pun dibuat di peringkat pejabat residen dan juga agensi-agensis yang berkaitan mengenai pemulihan ataupun baik pulih Kubu Alice sebagai satu tarikan pelancong di Sri Aman. Sebagai tambahan kepada mercu-mercu tanda di Sri Aman selain daripada projek yang sekarang telah dibina iaitu *Tidal Bore Watch*

Tower, dengan izin. Pemulihan Kubu Alice ini kalau dapat dilaksanakan pada masa akan datang, akan meningkatkan lagi daya usaha penarikan pelancong ke Sri Aman.

■2050

Saya menyeru agar Kementerian Pelancongan dapat menyalurkan peruntukan yang mencukupi dan saya faham pada tahun hadapan banyak peruntukan akan diagihkan. Saya harap kementerian jangan lupa untuk mengagihkan sebahagian peruntukan kepada restorasi ataupun membaik pulih Kubu Alice seperti yang saya katakan tadi.

Satu lagi isu ialah mengenai projek naik taraf tebing sungai Sri Aman ataupun Sri Aman *water front* projek yang juga sedang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Sri Aman dengan ongkos sebanyak RM3 juta. Akan tetapi malangnya selepas skop kerja diubahsuai dan dipersetujui oleh konsultan, maka jarak yang sepatutnya dibuat atau disediakan hanya dapat dilaksanakan pada peringkat ataupun hanya separuh sahaja yang dapat dilaksanakan pada tahun ini. Mereka pun telah membuat peruntukan ataupun memohon untuk pertambahan peruntukan kepada Kementerian Pelancongan Sarawak. Saya harap permohonan ini ataupun permohonan tambahan sebanyak RM3 juta lagi dapat dipanjangkan kepada Majlis Daerah Sri Aman untuk memenuhi kehendak projek yang telah dicadangkan pada awalnya.

Pihak majlis juga telah sedaya upaya untuk memajukan atau mengadakan pesta yang tiap-tiap tahun telah dipersetujui di peringkat *calendar of event, Tourism Malaysia* iaitu Pesta Benak. Untuk makluman Tuan Pengerusi, Pesta Benak pada dua tahun yang lepas tidak dapat diadakan secara tahunan sebab projek yang masih berjalan masih menghalang kita mengadakan Pesta Benak.

Jadi saya harap Pesta Benak ini akan diadakan selepas siapnya dua projek ini dan juga sebagai sampingan Kubu Alice sekiranya restorasi ini dibuat nanti akan menarik lebih ramai lagi pelancong ke kawasan ini dari luar ataupun dalam negeri kita. Sebab semasa kita mengadakan Pesta Benak pada tahun-tahun yang lepas, ramai pelancong daripada luar negeri dan dalam negeri membanjiri Sri Aman dalam pesta dua hari yang diadakan tiap-tiap tahun sebelum ini.

Jadi saya harap dengan isu yang saya bangkitkan ini, Kementerian Pelancongan akan dapat meluluskan peruntukan seperti yang diminta oleh Majlis Daerah Sri Aman melalui Kementerian Pelancongan Negeri Sarawak. Saya ingat itu sahaja, saya menyokong. Terima kasih.

8.53 mlm.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap beberapa perkara berkaitan dengan Maksud Bekalan dan Pembangunan 31 - Kementerian Pelancongan. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040900 dan juga 050500 berkaitan dengan Lembaga Penggalakan Pelancongan dan juga 020800 – Program Peningkatan Kemudahan Homestay.

Berkaitan dengan pelancongan dan Lembaga Penggalakan Pelancongan, saya mendengar dan membaca apa Yang Berhormat Menteri sebutkan beberapa hari yang lalu mungkin, malah semalam dalam laporan berkaitan dengan unjuran pelancong ke negara kita akan berkurangan kerana masalah ekonomi dunia. Itu saya fikir suatu andaian yang amat munasabah.

Oleh itu saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan-tindakan yang akan dilakukan lagi untuk meningkatkan pelancongan atau sekurang-kurangnya untuk memastikan bahawa kadar penurunan jumlah pelancong ke negara kita ini tidaklah begitu besar jumlahnya sehingga ianya menambah burukkan lagi masa depan ekonomi negara kita untuk tahun 2009 dan 2010 yang akan datang.

Khususnya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri suatu perkara Yang Berhormat Menteri pernah sebutkan dalam Dewan ini berkaitan dengan kejayaan kita memastikan bahawa Kuala Lumpur ini menjadi *regional hub* bagi pengangkutan udara. Kita lihat bahawa peranan kita untuk menjadi *regional hub* ini tidaklah berjaya sebagaimana yang kita rancangkan beberapa tahun yang lalu. Kalau kita lihat KLIA dikunjungi ataupun menerima *airlines*, syarikat-syarikat udara antarabangsa yang amat kecil sekali berbanding masa-masa yang lampau. Saya ingat syarikat-syarikat besar gergasi antarabangsa penerbangan amat sedikit yang mendarat dan menggunakan KLIA, sebaliknya menggunakan sama ada Singapura ataupun Bangkok untuk tujuan tersebut.

Jadi bagaimanakah yang kementerian akan lakukan? Mungkin langkah yang pertama ialah untuk memastikan bahawa syarikat penerbangan negara kita sendiri, MAS untuk menurunkan harga dan membuat tarikan yang lebih untuk memastikan bahawa kita mempunyai penumpang yang cukup untuk menggalakkan penerbangan ke negara kita ataupun melalui KLIA kita. Jika itu berjaya, saya fikir ianya juga akan menarik syarikat-syarikat penerbangan lain.

Khusus juga berkaitan dengan penggalakan pelancongan itu ialah setakat mana pelancong-pelancong Arab datang ke Malaysia? Saya mendapat maklumat daripada kawan-kawan dari dunia pelancongan ini bahawa pelancong-pelancong Arab meningkat ke Malaysia ini. Mereka bukan sekadar kenal dan datang ke Kuala Lumpur, mereka telah juga sekarang ini berminat ke Pulau Pinang, dan berminat juga ke Langkawi mengikut maklumat yang saya peroleh. Jika ini berlaku dan jika pelancong-pelancong Arab ini memang bertambah dan kawasan-kawasan yang mereka melancong itu meningkat.

Maka ini mungkin memerlukan dan memaksa kementerian untuk memikirkan bahawa tanda-tanda arah, tanda-tanda jalan, nama-nama jalan mungkin dapat dilakukan dalam bahasa atau tulisan jawi pula untuk memastikan bahawa di seluruh negara kita apabila pelancong-pelancong melawat, ia tidak menghadapi kesulitan untuk mengetahui nama-nama tempat ataupun nama-nama jalan yang ada dalam seluruh negara kita.

Seterusnya, saya ingin merujuk butiran yang sama berkaitan dengan Hotel Seri Malaysia. Saya mendapat maklumat juga dalam soalan semalam rasanya bahawa perkembangan program projek Hotel Seri Malaysia ini agak muram juga akhir-akhir ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang akan dilakukan untuk memastikan bahawa Seri Malaysia ini bukan sahaja balik ke keadaan asalnya, malah lebih baik keadaannya.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri secara khususnya, adakah Hotel Seri Malaysia ini ada di Kelantan? Jika ianya tidak ada, saya mencadangkan supaya ianya diadakan. Kalau tidak ada tempat yang sesuai, saya menawarkan bahawa Tumpat misalnya sebagai suatu tempat yang pelancong antarabangsa berminat kerana ianya mempunyai kecantikan, keindahan tersendiri dan juga keindahan buatan seperti kuil-kuil Buddha dan sebagainya yang amat banyak di kawasan saya itu. Mungkin itu menjadi satu daripada alasan oleh kementerian untuk mencadangkan penubuhan ataupun kewujudan Hotel Seri Malaysia di Tumpat, Kelantan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang butiran yang sama berkaitan dengan Langkawi. Langkawi ini dibesarkan, dibangunkan, tidak lain tidak bukan tujuannya untuk tarikan pelancong antarabangsa yang berkelas tinggi, bertaraf tinggi. Akhir-akhir ini daripada sumber pimpinan Kerajaan Negeri Kedah, saya mendapat maklumat bahawa nampaknya Kerajaan Negeri Kedah dengan LADA, hubungannya tidaklah begitu akrab dan masa depannya tidak menentu. Saya dimaklumkan LADA akan tamat kontrak ataupun perjanjiannya dengan Kerajaan Negeri Kedah sama ada dalam tahun 2009 ataupun 2010 begitu, sebagai suatu hubungan antara kerajaan pusat dan negeri yang penting dan besar, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri memastikan bahawa pihak LADA dengan kadar yang segera berhubung dengan pihak Kerajaan Negeri Kedah dan memastikan bahawa masa depan LADA, peranannya di Langkawi dan hubungannya dengan Kerajaan Negeri Kedah dipastikan berjalan dengan baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana ini adalah penting bagi pelancongan bukan sahaja untuk Langkawi tetapi untuk seluruh negara. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya ucap terima kasih.

■2100

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau.

9.00 mlm.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin terus kepada Butiran 040900, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Secara umumnya Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan 12% bagi ketibaan pelancong-pelancong asing iaitu pada bulan lepas,

khususnya daripada negara Eropah, Amerika Syarikat dengan kenaikan 70% pelancong daripada Kanada, UK, Rusia, Perancis, berbanding dengan Julai sebanyak 12.5%.

Sebagai fokus kepada promosi sektor ini, saya ingin tahu usaha pihak kementerian menggalakkan pelancongan *intra* ASEAN, iaitu di kalangan negara-negara ASEAN sendiri, kerana Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN telah pun sepakat bahawa lebih sepadu di antara ASEAN dan negara-negara lain termasuk agensi-agensi swasta adalah sangat penting dalam usaha kita nak meningkatkan kepercayaan serta menjamin pertumbuhan sektor pelancongan ini di kalangan negara ASEAN ini dapat dilaksanakan bukan saja dalam jangka masa pendek, bahkan dalam jangka masa panjang.

Jadi dalam mesyuarat berkenaan kita melihat beberapa kerjasama dalam usaha kita nak meningkatkan pelancongan ASEAN ini melalui kempen-kempen, promosi-promosi bersama seperti mengeluarkan video promosi ASEAN serta pameran-pameran pelancongan yang dibuat secara bersama dengan negara-negara tersebut. Jadi saya ingin tahu bagaimanakah pihak kementerian bekerjasama dengan negara ASEAN yang lain dalam membuat promosi keseluruhan rantau ini, secara am dan juga secara khusus bagi melihat kejayaan pelancongan *intra* ASEAN ini.

Bagi Butiran 60000 PEMPENA - Program *Malaysian Kitchen*. Adakah Kementerian Pelancongan masih memperluaskan program *Malaysia Kitchen* dengan izin, yang berkonsepkan restoran hidangan mewah bertaraf lima bintang ke seluruh dunia setelah mendapati restoran perintisnya, Awana Chelsea yang telah mendapat sambutan yang begitu hebat di kalangan penduduk-penduduk tempatan dan juga pelancong asing.

Tuan Pengerusi, kita harus mencontohi apa yang dibuat di Thailand, apabila mereka menghantar sebahagian besar daripada pelajar-pelajar mereka ke semua hotel lima bintang di seluruh dunia bagi memperkenalkan makanan-makanan tempatan mereka dan hasilnya kita lihat sekarang, boleh dikatakan hampir seluruh bandar raya di dunia ini dapat mengetahui masakan-masakan daripada negara Thailand ini.

Ini adalah kerana pengurusan PEMPENA yang sekarang ini dilihat menghadapi masalah kewangan dan masalah kepincangan dalam pengurusan syarikat yang memerlukan keseriusan pihak kementerian menangani perkara ini dengan kadar yang segera sebelum ianya lebih parah.

Butiran 011100 Program Penyediaan Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Di sini saya ingin bertanya pihak kementerian berhubung dengan penyertaan bumiputera dalam industri pelancongan ini, khasnya kepada pemandu pelancong seperti yang dibangkitkan oleh salah seorang rakan saya tadi tentang seorang pemandu pelancong yang berpengetahuan, *knowledgeable* dalam semua aspek negara.

Saya kagum bila kami di Hong Kong, di Taiwan baru-baru ini, ini benda betul, benda betul, yang baik itu kita jadikan contoh sebenarnya apabila pemandu pelancong di Taiwan, saya lihat dia mengetahui segala-galanya yang berlaku dalam negara, tentang politik, tentang

perjalanan pentadbiran negara, menguasai subjek ekonomi, *economic growth* pun dia tahu, dia boleh bercerita dengan mendalam setiap satu yang berlaku di dalam negara yang berkenaan.

Jadi adakah pemandu pelancong kita ini, dalam usaha kita membentuk industri pelancongan tempatan tak kiralah bumiputera ke bukan bumiputera, mereka menguasai seluruh keadaan di Malaysia, menceritakan bagaimana Malaysia mempunyai Parlimen, berapa anggota Parlimen, bagaimana kerajaan terbentuk, bagaimana proses demokrasi berjalan, bagaimana ekonomi ditegakkan dan segala-galanya yang berlaku dalam negara kita mereka menguasai perkara-perkara ini, barulah dapat didedahkan kepada pelancong. Pengetahuan yang sebenarnya yang membolehkan mereka menceritakan tentang negara kita yang secara langsung kita telah mempromosikan negara ini.

Jadi saya ingin tanya dari segi ekuiti pemilikan penyertaan keusahawanan bumiputera ini sejajar dengan wawasan negara ingin membentuk masyarakat perdagangan perindustrian bumiputera dan bukan bumiputera, lebih mantap, berdaya saing dan mampan. Apakah tindakan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam memajukan industri yang amat berpotensi di negara kita ini. Ini kerana saya mahu melihat bumiputera dan bukan bumiputera di Malaysia ini seimbang dari segi sektor pelancongan ini kerana bidang ini adalah bidang yang kalau kita beri perhatian dia merupakan di antara bidang yang dapat meningkatkan pendapatan negara yang lebih besar seperti kebergantungan yang berlaku oleh kebanyakan negara di dunia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya habiskan Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Oleh demikian kerangka strategi pihak kementerian, bagaimana hendak membanyakkan penglibatan pemandu-pemandu pelancong yang berkebolehan dan berketerampilan ini.

Jadi sikit lagi, lebih kurang setengah minit, sedikit sahaja Tuan Pengerusi. 01900 Pembangunan *eco-tourism*. Saya ingin melihat pada Sarawak dalam hal ini haruslah diambil kesempatan oleh pihak kementerian tentang *culture, adventure and nature* atau CAN yang ada di Sarawak ini, terutama di kawasan pedalaman yang dibangkitkan oleh rakan-rakan dan sahabat-sahabat saya tadi. Sarawak boleh memiliki satu khazanah hutan tropika, flora fauna, kehidupan masyarakatnya elok yang merupakan aset utama yang belum lagi kita sentuh dan belum lagi kita bagi fokus untuk kita pastikan ianya menjadi tarikan yang cukup luar biasa kepada kemajuan pelancongan di negara kita. terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

9.06 mlm.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak membangkitkan dua perkara yang paling ringkas di bawah Butiran 20000 iaitu berkenaan pelancongan. Oleh sebab kita membincangkan tentang anggaran belanjawan untuk tahun hadapan, saya nak bertanya kepada pihak kementerian atau pihak Menteri yang hadir pada malam ini berkenaan dengan dua fakta unjuran.

Pertama, seperti yang dilaporkan oleh Berita Harian hari ini mengatakan unjuran pelancongan pada tahun hadapan itu RM40 bilion dan jumlah kedatangan pelancong ke negara kita diunjurkan juga seramai 22 juta orang. Saya nak pastikan fakta unjuran yang dikeluarkan oleh pihak kementerian, perkara pertama, sekiranya fakta ini benar atau unjuran ini mempunyai *probability* ketepatan. Ini bermakna setiap satu pelancong yang datang ke negara kita akan mendatangkan *income* ataupun *revenue* sebanyak RM1,810 setiap orang pelancong.

Perkara yang kedua sekiranya pendapatan yang diunjurkan tidak meleset iaitu RM40 bilion dengan peruntukkan sebanyak RM935 hampir RM1 bilion. Ini bermakna keuntungan atas pelaburan mencecah 4,000%, betul ke Yang Berhormat menteri? Ini bermakna setiap ringgit yang kita belanjakan untuk Kementerian Pelancongan membawa *revenue* ataupun keuntungan sebanyak RM40, RM1 *over* RM40 dengan izin. Kalau betul ini fakta ataupun unjuran yang benar, saya juga merasa teruja, merasa *excited* kalau benar *income* sebegini besar dibawa oleh pelancongan dengan hanya pelaburan yang sedikit, RM1 membawa RM40. Ini satu kejayaan besar saya kira.

Sebab itu saya kata dalam perbahasan ini saya menaruh harapan sekiranya banyak fakta-fakta lain yang boleh di bincang secara jelas kerana potensi untuk membawa *revenue* cukup besar.

Perkara 40000 dan 50000, semuanya berkenaan Dasar Baru dan *One-Off*, dan ini adalah jumlah di antara yang tertinggi yang diperuntukkan di bawah Kementerian Pelancongan yang memerlukan satu pendetailan atau penjelasan yang saya fikir tiada butir-butir lengkap kerana ini dasar baru dan saya lihat di sini berkenaan dengan Bahagian Perkhidmatan Pelancongan diperuntukkan sebanyak RM52 juta lebih. Ini butiran paling besar di bawah dasar baru, kalau boleh pihak Menteri cubalah memberi penerangan yang kalau boleh sebegitu jelas sedikit.

Terakhir Tuan Pengerusi, hari ini juga dimaklumkan bahawa satu biro konvensyen dan pameran Malaysia iaitu MyCeb telah pun dilancarkan dan peruntukkan awal sebanyak RM5 juta telah pun diumumkan. Saya nak tanya kepada pihak Menteri dan kementerian, berapakah peruntukan keseluruhan untuk MyCEB ini dan di bahagian mana perkara ini dinyatakan sebab di dalam peruntukan anggaran tidak disebut berkenaan dengan MyCEB. Kalau boleh pihak menteri minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■2110

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenggara.

9.11 mlm.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Lenguh saya berdiri duduk, berdiri duduk. Saya ingin terus merujuk kepada Butiran 02000 - Pelancongan. Untuk makluman menteri, bagi tempoh Januari hingga Jun 2008, jumlah kemasukan pelancong ke negeri Johor ialah sebanyak 1.97 juta pada tahun 2007 dan 2008 ialah

2.022 juta. Perbandingan peningkatan sebanyak 2.36% dan pecahan pelancong tempatan dan luar negara ke Negeri Johor berdasarkan maklumat tahun 2007 - 1.285 juta, tahun 2008 - 1.311 juta perbandingan 2.02% dan pelancong dari luar negara perbandingan antara tahun 2007 dan 2008 ialah 2.9%.

Walaupun bagaimanapun, saya perhatikan dengan kadar jumlah pelancong yang datang ke negeri Johor ini mencatatkan 61.5% dengan purata lama mereka tinggal di Johor ialah selama satu malam. Saya perhatikan pintu-pintu masuk ke negeri Johor masih lagi kurang mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Pelancongan Malaysia. Walaupun negeri Johor merupakan pintu masuk utama ke selatan di negara Malaysia.

Selain daripada itu, sambutan budaya mesra Malaysia terhadap pelancong dan pelawat daripada luar negara hampir tidak kelihatan di pintu-pintu masuk di negeri Johor ini. Sebagai sebuah negeri mempunyai *accessibility* terhadap dua negara jiran iaitu Singapura dan Indonesia; Johor menyediakan sebanyak 14 pintu masuk utama pelancong yang datang ke Malaysia. Jadi saya berharap kepada pihak menteri supaya Kementerian akan mengambil tindakan segera untuk memastikan setiap pintu masuk di negeri Johor ini diberikan keutamaan bagi pembangunan promosi pelancongan sebagai pintu masuk ke Iskandar Malaysia.

Seterusnya bagi Butiran 02800 - Program Peningkatan Kemudahan Homestay. Kita tahu program *homestay* ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan. Saya ingin mencadangkan selain daripada kita membangunkan kampung-kampung yang berpotensi bagi kawasan *homestay*, kampung-kampung Orang Asli yang berpotensi juga perlu dibangunkan.

Kita tahu bahawa program *homestay* ini pelbagai usaha telah pun dilakukan oleh pengusaha-pengusaha di setiap *homestay*. Antara usaha yang dilakukan oleh pengusaha *homestay* melalui strategi pemasaran dan promosi termasuklah menaik taraf kemudahan seperti bilik air, bagi pelancong yang datang menginap dan yang selesa dan hiasan di setiap kawasan rumah ataupun kampung mereka.

Bagi Rancangan Malaysia Kesembilan, negeri Johor mendapat peruntukan sebanyak RM40.5 juta. Sebagai contoh, bagi melaksanakan projek naik taraf kemudahan *homestay*, di sebanyak 16 buah *homestay* yang menjana pendapatan bagi tahun 2008; sehingga September 2008, RM221,410. Saya ucapkan tahniah kepada menteri di atas kemudahan yang telah diberikan oleh menteri kepada kami semua. Akan tetapi masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menjayakan program *homestay* ini seperti kejayaan-kejayaan *homestay* yang telah pun dicipta di negara Taiwan yang telah pun kami lawati.

Seterusnya bagi Butiran 020000 - Pelancongan. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat menteri, kita dimaklumkan media pada 6 Oktober 2008, telah pun melaporkan pemansuhan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri-negeri dan diganti dengan pejabat Kementerian Pelancongan cawangan negeri mulai Jun 2009. Implikasi daripada pemansuhan ini

seramai 170 kakitangan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri-negeri akan ditamatkan kontrak mereka dan mereka akan kehilangan pekerjaan.

Jadi saya hendak tanya apakah cadangan Kementerian Pelancongan di dalam memastikan sumber-sumber tenaga kerja mahir yang terdiri daripada kakitangan-kakitangan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri-negeri ini di dalam bidang pelancongan akan terus dapat memberikan sumbangan tanpa menjejaskan sumber pendapatan mereka dan dalam kerancakan industri pelancongan negara, dan apakah perbezaan peranan agensi baru ini dengan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri.

Saya juga ingin tahu apakah status kakitangan-kakitangan *contract of service* COS dan apakah langkah-langkah baru yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan bagi mewujudkan suasana mesra bagi meningkatkan lagi pelancongan negara di peringkat negeri-negeri. Seterusnya bagi kepala yang sama juga, saya ingin tahu tentang kedudukan Tabung Khas Pelancongan yang diwujudkan untuk menyokong usaha kerajaan untuk membangunkan industri pelancongan dengan peruntukan RM400 juta dan juga kedudukan Tabung Infrastruktur pelancongan yang melibatkan pihak swasta untuk pembangunan pelancongan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM700 juta.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 020000 - Pelancongan juga. Saya hendak tanyalah Dewan Negara Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan kementerian untuk tentukan bahawa majalah-majalah *travel guide* seperti *Lonely Planet* dan juga lain-lain majalah *travel guide*. Ini supaya mereka ini tidak mengambil kesempatan dengan niat yang jahat memberikan gambaran buruk tentang Malaysia.

Sebagai contoh seperti yang telah dilaporkan dalam akhbar *News Straits Times* baru-baru ini. Bawah majalah Popular *Travel Guide Lonely Planet* menyatakan bahawa *Travel Warning* dengan izin, "*Don't Go to Eastern Sabah - due to the risk of being kidnapped by terrorists*". Jadi saya harap mudah-mudahan kementerian akan memantau majalah-majalah ini dalam pada usaha untuk kita mempromosikan negara supaya majalah-majalah ini tidak ada kepentingan niat jahat untuk memburukkan lagi gambaran yang berkaitan dengan Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Bintang.

9.17 mlm.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merujuk Butiran 60000 - Membina *Malaysia Kitchen* yang menerima peruntukan RM10,000. Tuan Pengerusi, negara sekali lagi digegarkan dengan skandal Pempena Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat di bawah Kementerian Pelancongan yang menerima pelaburan RM50 juta.

Akan tetapi apa yang berlaku ke atas pelaburan itu hanya bekas Pengerusi ialah Dato' Chor Chee Heung boleh menjawab. Ini kerana pengerusi baru Datin Paduka Datuk Chew Mei

Fun yang menyatakan tidak bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku sebelum itu. Beliau hanya boleh menceritakan bagaimana hendak memulihkannya.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa menteri bertanggungjawab memberikan penjelasan yang penuh apakah yang sebenarnya yang berlaku ke atas pelaburan tersebut yang melibatkan pelaburan yang merugikan jenayah pecah amanah dan kewangan yang bercelaru.

Yang Berhormat Menteri perlu menjelaskan berapa ramai pihak yang terlibat dalam skandal pembinaan RM50 juta. Yang mana sehingga sekarang tidak ada tindakan disiplin dan tindakan undang-undang ke atas penyangak-penyangak tersebut. Terutamanya kenapa tidak ada tindakan ke atas pegawai-pegawai Pempena ini yang memalsukan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Pempena termasuk pelantikan kontraktor-kontraktor dan juga termasuk ke mana perginya pelaburan RM11 juta dalam syarikat teksi, pembinaan eksekutif teksi sehingga pembayaran ansuran pinjaman bank untuk teksi tersebut gagal dibayar. Sekarang, apakah maknanya memohon peruntukan RM10, 000 sahaja untuk Malaysia Kitchen Program.

Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Menteri tidak melakukan *cover up* malah berani mendedahkan kerana ia melibatkan wang rakyat. Mengenai rancangan mempromosikan Kuala Lumpur sebagai sebuah destinasi pelancong bandar raya. Saya dapati kementerian kurang memberikan kerjasama atau bantuan kepada para peniaga Kuala Lumpur untuk menjayakan usaha untuk menarik pelancong-pelancong asing tinggal lebih lama di Kuala Lumpur serta mendatangi kedai-kedai mereka.

■2120

Selama ini hanya para peniaga persendirian yang berusaha untuk menarik pelancong datang ke tempat mereka. Apakah insentif tertentu yang diberikan kepada mereka selama ini? Masyarakat peniaga di Kuala Lumpur tidak diajak berbincang untuk memajukan industri pelancongan dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Kita merujuk kepada Butiran 02600 – Program Pembangunan Papan Tanda dan Papan Penerangan Pelancongan. Peruntukan sebanyak RM7 juta, mengenai papan tanda jalan, saya suka merujuk Jalan Bukit Bintang dan Jalan Beranang yang terdapat tulisan Arab bersama tulisan rumi. Mengapakah di kawasan ini sahaja ada tulisan Arab kerana DBKL hendak mempromosikan kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan kerana Bukit Bintang dan sekitarnya merupakan destinasi pelancong dari pelbagai bangsa dan negara.

Mengapa memilih bahasa Arab sahaja? Mengapa tidak dipelbagaikan sahaja untuk kemudahan para pelancong asing. Langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menulis nama jalan dalam pelbagai bahasa adalah langkah terbaik untuk mempromosikan pelancong di negeri tersebut. Mengapa kita harus membandarkan. Perkara yang sama haruslah dilakukan di jalan-jalan utama di ibu negara bagi memberi kemudahan kepada pelancong dan orang tempatan sendiri. Mengenai papan tanda, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Sepanjang jalan di

Lebuh Raya Utara-Selatan, kita boleh nampak papan tanda terbesar ini hanya boleh nampak pemimpin-pemimpin negara kita. Gambar Yang Berhormat Menteri pun ada di papan tanda ini. Adakah ini satu cara untuk mempromosikan pelancong di Malaysia ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya minta satu penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

9.23 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri oleh sebab menyampaikan Laporan *PricewaterhouseCoopers High Level Business Review, Pempena Group of Companies Summary Report* tetapi saya rasa sangat malang bahawa apa yang saya minta daripada beliau *full report* daripada *PricewaterhouseCoopers*, dia enggan beri dan pun satu salinan *internal audit* yang dibuat oleh kementerian beliau mengenai penyelewengan-penyelewengan dalam *Pempena Group of Companies*, nampaknya dia pun enggan beri dan inilah tentu melanggar *accountability transparency* yang nampaknya menjadi prinsip pentadbiran, seolah-olahnya.

Akan tetapi saya akan cepat dalam masa yang pendek, sekurang-kurangnya enam soalan saya akan kemukakan. Pertama, apabila *PricewaterhouseCoopers* diengage untuk mengadakan satu kajian untuk semua syarikat-syarikat *Pempena Group of Companies* tetapi kenapa *terms of reference* untuk 14 syarikat sahaja dan bukan untuk semua 10? Atau adakah kementerian sudah tahu bahawa 10 syarikat itu semua *gone case* dan kalau begitu apa kerugian kesemuanya akan dihadapi apabila ini diambil kira? Soalan kedua ialah kenapa dengan izin, *placement of fund in the money market and the Unit Trust* menjadi satu *tricky activities* untuk Pempena? Apabila tugas Pempena ialah untuk menggalakkan pelancong-pelancong dan bukan untuk ambil bahagian dalam *money market*? Bukankah ini salah guna wang?

Ketiga kenapa, ya tadi saya sudah sebut kenapa tidak ada mengikut ketelusan mengadakan, kemukakan laporan-laporan, *full report PricewaterhouseCoopers*. Relakah datang ke Parlimen atau beri satu salinan kepada saya dan pun *internal audit*? Keempat, bukankah benar bahawa pada 15 Oktober 2008, Yang Berhormat Menteri mendapat satu permohonan daripada CEO Pempena, *Executive Chairman* - Chew Mei Fun dan CEO - Datuk Idrus Mohamad untuk RM1.5 juta *funds* supaya *Pempena Group of Companies* boleh terus *survive* dan apa pendirian kementerian dalam perkara ini? Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa kalau gagal, gagal, *fail ready fail*, rela untuk tengok Pempena ditutup? Apa keputusan itu?

Kelima, dua minggu lalu Yang Berhormat kata bahawa tidak akan adakan apa-apa *cover up*. *There will be no cover ups of the goings on in Pempena and those who cheated the government in any way will be severely dealt with*. RM50 juta. RM50 juta, berapa orang ada pergi ke mahkamah dan tindakan diambil terhadap mereka? Antara penyelewengan adalah

tukaran minit-minit mesyuarat di mana mengikut laporan audit *internal*, adalah cadangan bahawa tatatertib disiplin diambil. Adakah tatatertib disiplin diambil dan berapa orang yang kena? Keenam, Yang Berhormat Menteri pun ada dilaporkan bahawa sangat *shock* mengenai dengan izin, *so much money has been invested in Pempena but the company that promised profits, cannot do so, where RM11 million invested in Pempena executive taxi went, nobody knows.*

Di sini bukankah perlu satu siasatan semua, *executive chairman*. Sekarang Chew Mei Fun, sebelum dia ialah Chor Chee Heung, sebelum dia ialah Datuk Kee Peck Chin dan pun menteri-menteri yang berkenaan sebelum Yang Berhormat ialah Tengku Adnan. Semua peranan mereka perlu ada satu siasatan mengenai tanggungjawab mereka. Di sini saya mahu tahu, khasnya mengenai kenapa boleh berlaku? Mengikut siasatan laporan audit mengenai baki wang tunai di simpanan tetap Pempena, sehingga 31 Julai 2008 adalah RM3.5 juta walhal untuk tiga projek yang tidak diperuntukkan, yang diberi tetapi tidak dibelanjakan ialah RM6.6 juta. Ada RM6.3 juta tetapi dalam tangan Pempena ialah RM3.5 juta. Ini bukan saya kata, *internal audit* kata, ini menunjukkan bahawa Pempena telah menggunakan wang peruntukan dari ketiga-tiga projek ini untuk lain-lain perbelanjaan Pempena.

Apa kedudukan yang sebenarnya? Lagi satu ialah bahawa mengikut audit itu bahawa Awana Chelsea yang dikatakan sebagai jual *Pempena Group of Companies* oleh sebab boleh dapat keuntungan, tetapi mengikut penyata kewangan bagi suku tahun pertama sehingga 2008, Awana Chelsea hanya mendapat keuntungan bersih sebanyak 10,680 *Pounds* berbanding dengan jangkaan keuntungan bagi tempoh yang sama iaitu sebanyak 169,477 *Pounds* secara purata, kenapa ini boleh berlaku? Satu perkara yang sama, sebut hari ini kita baca dalam *The Sun*. "*Antics become antics in tourism*", di mana kita dapati bahawa adalah...

Seorang Ahli: Huh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Huh, apa huh itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Antics* itu menunjukkan bahawa kita perlu kementerian-kementerian bersama Menteri-menteri ada satu *good example*, jangan belanja wang. Mengikut laporan ini bahawa dalam satu... Yang Berhormat Menteri ada lawatan ke *Malacca Tourism Office* membeli dua *souvenir* yang bernilai RM105 ribu, itu ialah satu *copper vase* dengan ayat-ayat suci Al-Quran. RM105 ribu untuk apa? Untuk dihadiahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kenapa perlu Yang Berhormat Menteri buat hadiah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dengan wang rakyat, RM105 ribu.

■2130

Souvenir yang kedua, akhirnya ialah satu keris, ialah RM25 ribu untuk hadiah kepada Timbalan Menteri Perdana Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menafikan, tidak boleh nafi oleh kerana butir-butir ada di sini. *Voucher* semua ada di sini, tidak boleh nafi. Kenapa? Inilah contoh tunjuk, kenapa beli antik? Yang Berhormat Menteri jawab ialah untuk menggalakkan

pelancong-pelancong bukan untuk belanja wang rakyat dan beri hadiah kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Ini salah guna wang dan kalau begitu tentulah semua syarikat-syarikat di dalam Kementerian Pelancongan tidak boleh lihat Menteri...., yang baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat masa habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akhirnya bolehkah ada satu senarai mengenai 20 orang yang digaji di dalam Kementerian Pelancongan dan Pempena apabila Yang Berhormat menjadi Menteri, antara lain ialah Datin Paduka Chew Mei Fun, RM10 ribu satu bulan. Kerja untuk apa? Apabila beliau kata dia bertanggungjawab berkenaan dengan apa yang berlaku. Kalau begitu kenapa ada seorang CEO, pecat beliau.

Dia perlu bertanggungjawab, bukan dia sendiri bertanggungjawab tetapi dia ada tanggungjawab mengenai *accountability*, mengenai *transparency*, mengenai *integrity*. Mana boleh kata dia tidak mahu jawab apa-apa soalan mengenai sebelum itu. Kalau tidak, Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibuti.

9.32 mlm.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi ke Butiran 02800 Program Peningkatan Kemudahan Homestay. *Homestay* di kawasan saya ialah Rumah Panjang... adalah rumah panjang yang paling popular di kawasan saya. Ini kerana rumah panjang ini yang paling unik, lebih kurang 108 pintu daripada kawasan-kawasan rumah panjang lain yang hanya 20, 40 dan 30. Rumah panjang ini selalu dikunjungi oleh pelancong-pelancong akan tetapi kemudahan yang ada di sekitar rumah panjang ini belum memuaskan, belum mencukupi sebab itu di dalam peningkatan kemudahan ini seperti apa yang dikatakan Yang Berhormat Mambong tadi rumah ini yang paling canggih disebabkan semua biliknya dibuat *tile* seramik, daripada lantai sehingga ke siling rumah itu tetapi kurangnya ialah tandas-tandas yang tidak memuaskan dan juga bekalan air bersih belum ada di kawasan ini.

Mereka menggunakan dan mandi air sungai dan menggunakan tangki-tangki air untuk menyalurkan air hujan yang bersih. Pada tahun ini sahaja Tuan Pengerusi, rumah panjang ini dilawati oleh peserta-peserta yang mengikuti Pesta Hutan Tropika yang belum lama tadi, tidak kurang daripada beberapa buah negara yang datang melawat rumah ini. Mereka suka melihat kebudayaan dan kemesraan penduduk-penduduk daripada 108 buah rumah panjang. Sebab itu saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Pelancongan pergilah ke kawasan ini lihat apa yang dapat dibantu, ditolong untuk memberi kemudahan kepada *homestay* di rumah-rumah panjang ini.

Kedua ialah Pesta Puisi Antarabangsa juga membawa peserta-peserta dari luar negara seperti Thailand, Myanmar, daripada UK, daripada Australia. Jadi mereka ini berdekatan dengan

Gua Niah National Park, mereka suka datang ke rumah panjang ini. Sebab kebudayaan mereka, kemesraan mereka dan walaupun kemudahan untuk tempat mandi tadi adalah di sungai-sungai. Nasib sungai itu tidak seperti sungai Batang Sadong banyak buaya... [Ketawa] Ketiga, lawatan baru-baru ini adalah daripada pelajar-pelajar Curtin University yang dipelopori oleh pelajar-pelajar dari luar negara seperti UK, Afrika, Australia dan pelajar-pelajar tempatan yang suka untuk melihat dan menari bersama-sama penduduk rumah panjang dalam kebudayaan Iban seperti ngajat, dan kebudayaan Orang Ulu menari lilin dan juga tarian-tarian orang-orang Kedayan yang tidak pernah mereka lihat.

Oleh yang demikian saya mengharapkan sangat Kementerian Pelancongan ini tidak mengambil ringan untuk menaik tarafkan jalan raya, air bersih, elektrik sebab sekarang mereka menggunakan *generator set* untuk mempunyai elektrik hanya berfungsi daripada pukul 6 sampai pukul 12 pagi. Oleh yang demikian kita mengharapkan menteri yang berkenaan ataupun Timbalan Menteri yang berkenaan datanglah ke kawasan rumah panjang ini dan terus pergi melawat Gua Niah untuk lebih mendekati lagi, melihat dengan sendirinya berapa indah, berapa canggihnya rumah panjang di kawasan saya Sibuti. Sekian, terima kasih saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

9.37 mlm.

Datuk Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Kementerian Pelancongan di peringkat jawatankuasa. Saya terus menjurus kepada kepala 020400 iaitu Bahagian Pendaftaran, Perlesenan dan Penguatkuasaan. Saya ingin bertanya kepada kementerian berapa banyakkah lesen ataupun permit bas pelancongan yang telah dikeluarkan oleh kementerian dan daripada jumlah yang dikeluarkan itu berapa banyakkah ianya telah dikeluarkan kepada bumiputera secara individu ataupun kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Juga saya ingin bertanya kepada kementerian adakah kementerian mempunyai pegawai-pegawai penguat kuasa kepada pengeluaran permit bas ini. Ini kerana bas-bas yang dikeluarkan ini kita dapati bahawa kementerian tidak mempunyai pegawai penguat kuasa dan hanya melepaskan kepada sama ada kepada Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun pihak polis untuk menguatkuasakan bas-bas pelancongan ini. Jadi ada di antara bas-bas ini yang telah banyak disalahgunakan terutamanya di musim-musim perayaan di mana bas tersebut digunakan untuk membawa penumpang-penumpang dalam bentuk bas ekspres semasa musim perayaan dan ini tentunya bercanggah dengan Kementerian Pembangunan Usahawan yang mengeluarkan lesen-lesen bas ekspres ini.

Saya banyak menerima pertanyaan daripada pengusaha-pengusaha bas-bas ekspres ini kenapa kementerian mengeluarkan, kadang-kadang mengeluarkan surat membenarkan bas pelancongan ini digunakan untuk membawa penumpang secara bas ekspres.

■2140

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020200 iaitu Pusat Pelancongan Malaysia. Saya ingin tahu sejauh manakah terjejasnya kemasukan pelancong ke dalam negara ini akibat daripada adanya dikhabarkan negara kita ini tidak selamat bagi pelancong, kerana adanya kejadian-kejadian kes ragut dan mencuri barang-barang pelancong ini, yang mana pelancong-pelancong yang terlibat dalam kes-kes ini telah menyebarkan khabar-khabar ini sama ada dalam bentuk telefon selular ataupun *internet* dan sebagainya, yang mana ini tentunya akan memburukkan lagi keadaan dalam negara ini.

Saya ingin bertanya, apakah tindakan oleh kementerian bersama dengan pihak polis supaya kejadian-kejadian ragut ataupun mencuri barang-barang pelancong ini tidak begitu berleluasa berlaku di dalam negara kita ini, kerana dengan adanya perkara-perkara yang sebegini, saya percaya ianya sedikit sebanyak akan menjejaskan kedatangan pelancong ke negara ini, kerana kita pada masa

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan, sikit saja. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat apabila kita dimaklumkan oleh wakil pelancongan kita di Hong Kong, yang memaklumkan bahawa disebar luas peristiwa pelancong-pelancong Hong Kong yang bila mereka tidur di *resort* ataupun hotel di kawasan peranginan berhampiran dengan pantai, mereka telah mengalami keadaan diragut dan dicuri semua barangan mereka dan ada di antaranya yang telah dirogol. Jadi, menunjukkan tanda-tanda keselamatan di tempat-tempat peranginan adalah tidak terkawal. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih kepada sahabat saya daripada Arau. Itulah sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa pelancong-pelancong merasakan diri mereka tidak selamat untuk datang ke Malaysia ini bukan saja daripada Hong Kong, bahkan pelancong-pelancong daripada Arab ataupun dari Timur Tengah yang datang berkunjung ke negara ini telah menjadi sasaran kepada peragut-peragut ini. Secara kebetulannya pada tengah hari tadi semasa saya makan tengah hari di Bangsar, di depan mata saya sendiri berlakunya kejadian ragut kepada empat orang pelancong asing ini, apabila mereka pergi ke tandas, diekori oleh peragut ini dan akhirnya mereka meragut barang-barang, *handbag* kepunyaan pelancong ini dan membawa lari.

Apabila saya bercakap dengan pelancong asing ini, dia merasakan bahawa kedatangan mereka ke negara ini nampaknya tidak berapa selamat bagi mereka dan ini dia kata kalau disebarkan ke seluruh dunia, maka akan menjejaskan kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini. Jadi saya ingin tahu apakah tindakan yang telah dibuat oleh kementerian bersama dengan pihak polis ataupun pihak-pihak lain supaya perkara-perkara sebegini tidak berlaku di dalam negara kita ini, dan kita ingin menjadikan bahawa Malaysia ini tempat pelancongan yang terbaik, bukan saja di Asia Tenggara ini bahkan di peringkat dunia sekalipun. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kelana Jaya.

9.44 mlm.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi keizinan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Saya ingin merujuk kepada Butiran 050400. Saya

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang, *microphone*. Yang Berhormat Sekijang, *microphone*. Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Saya ingin menarik perhatian menteri di dalam Bajet 2009 yang dibentangkan daripada Kementerian Pelancongan yang tidak berapa mengikutsertakan budaya seni. Sungguh mendukacitakan pemerintah tidak melihat seni dalam aspek yang lebih luas. Seni sekarang dianggap sebagai produk yang lebih kepada material bukannya daripada aspek budaya itu sendiri. Seni bagi mereka dilihat dalam pemahaman yang sempit daripada semua peringkat umur, kelas, bangsa dan kepercayaan.

Tuan Pengerusi, seni sebenarnya mampu untuk melukis idea. Ia mampu mengetengahkan isu, memberi pandangan politik dan juga mendokumentasikan zaman. Bukan menjadi hasil seni sebagai penghasilan semata-mata. Punca negara kita jauh terkebelakang daripada kesenian kerana kita tidak mempunyai pendekatan yang meluas mengenainya. Kita juga gagal dalam mengikut contoh pembangunan tamadun dunia yang mana bertitik tolak daripada kefahaman seni. Saya memberi contoh seperti pembawaan seni yang dikembangkan oleh China, Jerman dan Jepun. Tuan Pengerusi, kita perlu sedar bahawa seni sebenarnya merupakan aspek penting dalam pembangunan, perniagaan, pendidikan dan politik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, seni dikaitkan dengan pelancongan.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Nanti seni itu di bawah kementerian....

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Akibat daripada sikap ego, Malaysia terkebelakang dari aspek seni. Kerajaan sepatutnya mengutamakan peruntukan terhadap artis dengan kelebihan menyeluruh bermula daripada akar umbi. Kementerian Pelancongan sepatutnya bekerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Pelajaran untuk memberi minat kepada rakyat dalam menghayati seni.

Di dalam sektor pelancongan negara kita hanya menganggap nyanyian dan kraf tangan sebagai produk pelancongan. Kerajaan khususnya di bawah Kementerian Pelancongan sebenarnya mampu memberi penghargaan dan nilai daripada seni yang dihasilkan sebagai produk dan identiti kepada pelancongan yang akan memperkayakan dan meluaskan industri pelancongan negara kita.

Artis juga sebenarnya mampu menyumbangkan pendapatan kepada negara kita sekiranya dijalankan dalam pendekatan yang betul, contohnya kita letakkan artis dan pameran lukisan dalam promosi pelancongan, promosikan artis dan lukisan-lukisan yang mereka hasilkan.

Tuan Pengerusi, bagaimana usaha kerajaan dalam memasyhurkan produk seni dan generasi lama seperti Ibrahim Hussein, Datuk Syed Ahmad Jamal, Latiff Mohidin, Yusof Ghani, Sharifah Fatimah Zubir, Awang Damit Ahmad dan daripada generasi pertengahan seperti Jailani Abu Hassan, Wong Hoy Cheong, Amron Omar dan apakah usaha kita dalam mendukung inspirasi produk seni daripada generasi muda seperti Kumpulan Mata Hati, Kumpulan Colour Jingga, Rosli Syam dan Saiful Razan dan lain-lain sebagai untuk menarik para pelancong ke negara kita.

Kesimpulannya, secara peribadi saya merasakan bahawa pembentangan Bajet 2009 daripada Kementerian Pelancongan tidak menitikberatkan seni tampak daripada budaya utama rakyat Malaysia bagi membentuk identiti bangsa Malaysia yang akan memperkayakan industri pelancongan negara kita.

Akhirnya, saya harap tahun depan bila membeli cenderamata untuk Perdana Menteri, sila menimbang menggunakan seni daripada negara kita. Kebanyakan seni negara kita masih amat murah sekali. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak boleh panggil semua Ahli Yang Berhormat. Kita cuma ada lebih kurang satu jam empat puluh minit dan saya ingin memberi ruang yang lebih sedikit bagi kementerian untuk menjawab. Saya akan panggil Yang Berhormat Ranau, kemudian saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

■2150

9.50 mlm.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bertuahlah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk Butiran 01100 - Program Penyediaan Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Ada dua perkara sahaja saya ringkaskan. Semasa lawatan Yang Berhormat Menteri ke Sabah baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri mencadangkan dua perkara yang paling cantik, menarik dan menaruh harapan yang tinggi kepada orang Malaysia di Sabah.

Saya juga menyambut baik usaha baik dan keprihatinan Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali cadangan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menganjurkan *Monsoon Cup* ke Sabah bermula pada tahun hadapan. Kalau saya salah, tolong betulkan. Malangnya cadangan ini seakan-akan tidak kesampaian kerana negeri Terengganu tidak bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Menteri. Adakah cadangan tersebut berakhir begitu sahaja atau masih ada harapan lagi kah penganjuran ini ke Sabah pada masa akan datang.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri juga membuat kenyataan, ini pun sila perbetulkan kalau saya tidak betul, bahawa hasil pendapatan industri pelancongan sebelum ini semuanya

pergi kepada Kerajaan Pusat. Yang Berhormat Menteri telah membuat kenyataan yang hasil industri pelancongan ini dikembalikan kepada kerajaan negeri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah agaknya pelaksanaan sebenarnya. Saya takut ini pun tidak menjadi kenyataan. Memang ini harapan yang tinggi untuk kewangan negeri juga. Saya harap ini menjadi kenyataan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

9.53 mlm.

Menteri Pelancongan [Datuk Seri Azalina binti Othman Said]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah menimbulkan soalan-soalan untuk dibahaskan dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Izinkan saya menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan berdasarkan kepada soalan-soalan dan jikalau apa-apa yang ditimbulkan itu dilihat sebagai sesuatu yang bersama, saya akan menjawabnya bersama.

Yang Berhormat Mambong telah menimbulkan isu perbelanjaan penyediaan kemudahan-kemudahan *ecotourism* dan juga *homestay*, dengan izin. Sebenarnya bagi pihak Kementerian Pelancongan, bila kita bercakap tentang peningkatan kemudahan pelancongan, kita memang melihat ia memasukkan komponen-komponen yang dapat memberi keselesaan kepada pelancong. Kalau kita lihat secara umum definisi kemudahan di kawasan pelancongan ialah penyediaan laluan pejalan kaki, wakaf, landskap, pencahayaan ataupun *lighting* dengan izin, dan lain-lain lagi. Ini termasuk untuk meningkatkan juga tahap tandas-tandas awam.

Bagi soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Mambong, sebenarnya tandas awam kalau dilihat secara menyeluruh, memang kita pun dapat mendengar berita pelancong-pelancong kadang-kadang tidak bersetuju dan tidak berpuas hati. Sebenarnya kalau kita lihat ia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Baru-baru ini saya masih ingat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memohon untuk menghadiri beberapa seminar berkenaan dengan tandas-tandas di peringkat bandar-bandar. Oleh itu bagi pihak Kementerian Pelancongan, memang tanggungjawab kita adalah untuk bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terutama sekali dalam isu keselesaan dari segi aspek pelancong.

Berkenaan dengan pemandu pelancong, Yang Berhormat telah menimbulkan isu berkenaan dengan pemandu pelancong tidak mempunyai pengetahuan ataupun kita takut bila mereka bertemu dengan pelancong, kadang-kadang mereka tidak dapat menunjukkan sifat pengetahuan yang banyak yang dapat memberikan dengan izin, *impression* kepada pelancong-pelancong. Kalau kita lihat dari segi umumnya apa yang berlaku di Kementerian Pelancongan, kalau kita lihat dari segi pemandu pelancong memang Kementerian Pelancongan yang bertanggungjawab untuk memberikan kursus. Kita tengok dari segi lesen sebagai pemandu pelancong itu, memang antara kursus-kursus dan juga *syllabus*, dengan izin, kepada kursus-

kursus itu memanglah kursus-kursus yang ditekankan kepada isu sejarah, destinasi pelancongan, kebudayaan dan lain-lain.

Jika Yang Berhormat mempunyai mana-mana pengetahuan tentang pemandu pelancong dalam negara kita yang tidak dapat memberikan panduan kepada pelancong dengan cara yang betul, kalau Yang Berhormat tahu daripada mana-mana pelancong, silalah maklumkan kepada Kementerian Pelancongan kerana kita boleh menjalankan siasatan dan melaksanakan tindakan. Jumlah pemandu pelancong pada hari ini, kita mempunyai 4,557 orang. Daripada jumlah tersebut pemandu pelancong alam semula jadi adalah seramai 1,170 orang. Kursus yang kita tekankan kepada setiap pemandu pelancong ialah tiga jenis kursus di bawah tajuk CTRE, dengan izin, iaitu *Continuous Tourism Related Education* bagi memastikan pengetahuan pemandu pelancong sentiasa dikemaskinikan.

Bagi pihak Kementerian Pelancongan saya telah mencadangkan bahawa pada tahun hadapan, perlu Kementerian Pelancongan melihat dalam aspek bahasa sebab kalau pemandu pelancong mempunyai bahasa yang lebih, ia akan membantu sektor pelancongan dalam negara. Ini kita lihat mungkin dapat dijalankan kalau dapat kita mewujudkan pendekatan untuk membantu pemandu pelancong itu menguasai bahasa-bahasa yang dilihat sebagai bahasa yang dapat membantu dari aspek pelancongan. Ini perlu dilihat dalam kajian *syllabus* dan saya dapat melihat antara isu yang mungkin kita dengar dalam aspek penambahan bahasa ini memang dari segi kos. Mungkin itu dapat kita rujuk dalam aspek berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Teluk Intan?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Hendak bagi jalan kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tanya Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tidak payahlah sebab biar saya jawab ini semua dan kemudian dia boleh soal kalau saya tidak menjawab secara menyeluruh.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terserah kepada Yang Berhormat Menteri. Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tidak payahlah bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, nanti bangun kemudian.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Dengan izin, biarlah saya habis dulu bahas dan Yang Berhormat boleh tambah kepada perbincangan tersebut, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, banyak soalan telah ditimbulkan terutama sekali Yang Berhormat Bandar Kuching menimbulkan tentang isu Pempena dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur akan saya jawab bersama. Akan tetapi biarlah saya jawab dari segi isu-isu yang secara am. Saya dapat lihat daripada muka Yang Berhormat Ipoh Timur tidak sabar kepada jawapan saya. Kita sabar sebentar, ya.

Yang Berhormat Sri Aman berkenaan dengan kemudahan pelancongan dan Yang Berhormat Tumpat menimbulkan isu-isu berkenaan dengan tindakan meningkatkan kehadiran pelancong, Kuala Lumpur gagal menjadi *regional hub* kepada pengangkutan udara, tentang pelancong Arab dari segi penurunan, adakah mereka turun ataupun tidak ke dalam negara kita, Pulau Pinang dan Langkawi menjadi satu tarikan yang baru bagi mereka, tanda-tanda arah Hotel Sri Malaysia dan juga dari segi hubungan LADA Langkawi dengan kerajaan negeri.

Bagi soalan daripada Yang Berhormat Tumpat, kalau kita tengok dari segi kehadiran pelancong pada Januari hingga Oktober 2008, kita melihat kenaikan sebanyak 4.8% berbanding dengan tahun 2007. Walaupun dalam keadaan ekonomi tergugat pun, jumlah kehadiran pelancong kita pun alhamdulillah dalam keadaan yang naik walaupun naiknya sedikit. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran, memang boleh dilihat kehadiran bagi negara kita lebih baik daripada negara jiran. Kalau kita tanya dari segi kegagalan Kuala Lumpur menjadi *regional hub*, semalam dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pelancongan, *Malaysia Airlines System* telah membentangkan pembentangan perniagaan mereka.

■2200

Mereka telah memaklumkan kepada Jawatankuasa Kabinet bahawa mereka mempunyai kepercayaan bahawa kehadiran pelancong tidak tergugat dengan pendekatan perniagaan baru mereka. Ini kerana kalau mereka mengatakan bila dikaji kehadiran pelancong adalah kehadirannya adalah lebih, dia tidak jatuh. Kalau kita lihat secara umum mereka telah memaklumkan bahawa mereka telah mewujudkan satu perhubungan yang positif dengan perkhidmatan syarikat-syarikat penerbangan negara-negara lain.

Kita boleh lihat negara Singapura dan juga Thailand, *Bangkok Airport* dan *Changi Airport* menjadi satu *airport* yang mewujudkan destinasi perhubungan antara *Malaysia Airlines* dengan *region-region* yang lain. Kalau kita tengok di Amerika Utara, Amerika Selatan, di Eropah, di Oceania iaitu Australia dan New Zealand, memang kita lihat daripada pembentangnya memang wujudnya satu perhubungan dua hala.

Kalau kita lihat, saya dimaklumkan oleh *Malaysia Airlines System* sebanyak 46 syarikat penerbangan dunia telah tutup sejak kebelakangan ini disebabkan oleh isu ekonomi di Amerika Syarikat. *Malaysia Airlines* telah memaklumkan kepada Jawatankuasa Kabinet Pelancongan bahawa dalam keadaan tersebut juga *Malaysia Airlines* telah dapat menimbulkan keselesaan kepada pelanggan-pelanggan.

Kalau kita tengok secara menyeluruh Yang Berhormat, kita mempunyai hubungan di mana dari segi AirAsia sebagai contoh yang mana penerbangan antarabangsa *AirAsia X's*. Saya tidak bersetujulah dengan kenyataan Yang Berhormat daripada Tumpat bahawa kononnya Kuala Lumpur boleh dilihat sebagai gagal menjadi satu *regional hub*. Kenyataan saya mungkin kita tidak tengok dalam aspek *regional hub* tetapi kita tengok dari aspek Kuala Lumpur boleh menjadi

satu tempat penerbangan bagi mereka yang hendak datang ke negara-negara kita dan juga bagi mereka-mereka pelancong yang hendak pergi ke negara lain.

Daripada syarikat penerbangan MAS dan juga AirAsia kita lihat di segi aspek bahawa sistem pengangkutan yang dapat memberikan kepuasan kepada Kementerian Pelancongan kerana kehadiran pelancong itu sudah mempunyai kehadiran yang tinggi, bukannya yang rendah.

Kemudiannya berkenaan dengan Hotel Seri Malaysia. Betul Yang Berhormat, sememangnya kita tidak ada Hotel Seri Malaysia di Tumpat. Kalau Yang Berhormat ingin menulis kepada Kementerian Pelancongan, kita boleh menerima.

Kalau kita tengok hubungan di LADA yang mana Yang Berhormat mengatakan adanya masalah antara LADA dan juga Kerajaan Negeri Kedah. Sebenarnya tidak di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan. Akan tetapi Kementerian Pelancongan boleh memaklumkan kepada Kementerian Kewangan di mana LADA adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Secara menyeluruh kalau kita tengok bagi Kementerian Pelancongan, Langkawi adalah satu produk pelancongan yang kita perlu mempromosikan dengan lebih hebat. Ini kerana kalau kita tengok Langkawi ini memang menjadi sebuah destinasi yang terkenal di dunia.

Bagi Kementerian Pelancongan, kalau hubungan tidak baik antara LADA dan juga kerajaan negeri, Kementerian Pelancongan memang cukup yakin dalam aspek pelancongan adanya wakil iaitu Jabatan Pelancongan Negeri ataupun *State Tourism Office* yang berada di negeri Kedah dan dapat menjalankan tugas-tugas yang dilaksanakan untuk mempromosi bagi aspek pelancongan di negeri kedah.

Memang kalau kita tengok dari segi kenaikan jumlah pelancong itu, di negara Timur Tengah itu memang kita lihat. Kadang-kadang bila kita bercakap tentang kehadiran pelancong, kehadiran pelancong mungkin di Timur Tengah ini turun daripada negeri Arab Saudi tetapi naik daripada kehadiran pelancong daripada Iran. Itu adalah penggantian bagi pelancong daripada Timur Tengah. Bagi tahun hadapan, program-program promosi, kita merujuk secara agresif dalam misi jualan keluar negara, penyertaan pameran pelancongan antarabangsa, aktiviti promosi secara agresif dan juga kempen pengiklanan.

Kalau kita lihat dari segi aspek pengiklanan kita Yang Berhormat, kita tahu contohnya masyarakat daripada Timur Tengah, mereka suka datang ke Malaysia bukan sahaja kerana Malaysia sebuah negara Islam, pemakanan yang halal, tetapi mereka lebih suka kepada hujan di dalam negara kita. Itu sebabnya baru-baru ini dalam pengiklanan Kementerian Pelancongan, kita telah merujuk kepada menggunakan aspek hujan yang turun supaya masyarakat-masyarakat daripada Timur Tengah merasa bahawa negara Malaysia akan menjadi destinasi pelancongan utama mereka.

Kalau kita tengok dalam aspek ekopelancongan, generasi muda daripada Timur Tengah mula menunjukkan minat kepada aspek ekopelancongan. Dahulu generasi yang ada itu bila

datang ke Malaysia dia lebih berminat kepada di bandar-bandar, pusat membeli-belah sahaja. Akan tetapi generasi muda yang ada berminat kepada aspek ekopelancongan.

Kemudiannya Yang Berhormat daripada Arau pula bertanyakan tentang hubungan...

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Sri Aman lupa dijawab Tuan Pengerusi. Hanya sekali disebut Sri Aman, tetapi langsung tidak ada menyebut tentang restorasi...

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Sri Aman, sabarlah. Saya tak akan lupa Sri Aman. Ada jawapan juga. Sabar Yang Berhormat, sabar... *[Ketawa]* Terutama sekali kalau kita sudah berumur.

Yang Berhormat daripada Arau menimbulkan isu berkenaan dengan kerjasama dalam rantau Asean. Memang hubungan Kementerian Pelancongan Malaysia dengan negara-negara ASEAN khasnya dalam segi jenis kerjasama serantau dalam bidang pelancong, ASEAN dalam *ASEAN Tourism Ministers Meeting, ASEAN Travel Forum, BIMP-EAGA, ASEAN+3, IMT-GT, MSTC* dan sebagainya. Jadi hendak mengatakan tidak adanya hubungan bersama itu adalah tidak dan memang kita mewujudkan. Antara pendekatan yang penting Kementerian Pelancongan sekarang kita melihat dalam kegawatan ekonomi dunia. Fokus kepada negara ASEAN ini adalah satu pendekatan yang begitu penting.

Ini adalah kerana masyarakat-masyarakat di negara ASEAN sebagai jiran yang terdekat boleh mengulangi kehadiran mereka kepada negara kita disebabkan jarak yang dekat dan juga kita melihat di segi budaya mereka dia punya kesamaan itu adalah banyak. Itulah sebab bagi Malaysia, memang kehadiran paling banyak negara ASEAN ialah daripada Singapura. Kementerian Pelancongan juga melihat pendekatan kita bagi tahun hadapan dalam kegawatan ini yang mewujudkan dua destinasi, dua negara, satu destinasi. Contohnya sama-sama dengan negara Singapura, Thailand dan juga Indonesia untuk sama-sama dapat menggunakan aspek pelancongan dari segi dengan izin, *sharing* antara pelancong yang pergi kepada negara mereka dan juga kepada negara kita. Ini selalunya adalah pendekatan yang kita pakai bagi pelancong-pelancong yang datang daripada jauh. Terminologinya Yang Berhormat ialah *long haul tourist*.

Berkenaan Yang Berhormat daripada Arau juga telah bertanya tentang Malaysia Kitchen. Saya akan jawab *Malaysia Kitchen* ini di dalam soalan Yang Berhormat Ipoh Timur dan juga Yang Berhormat daripada Bandar Kuching.

Berkenaan dengan *eco tourism* yang mana Yang Berhormat telah menimbulkan pendekatan. Kalau kita tengok visual kita di peringkat antarabangsa, contohnya CNN, CNBC, BBC, Yang Berhormat pada tahun 2008 ini Kementerian Pelancongan telah mewujudkan pendekatan yang lebih agresif kepada arah ekopelancongan. Ini adalah kerana bagi Kementerian Pelancongan, kita lihat bila bercakap tentang aspek ekopelancongan, Malaysia sentiasa menjadi destinasi utama pelancong-pelancong.

Akan tetapi kadang-kadang bila kita menjual Malaysia ekopelancongan, selalunya kita menjual produk yang sama. Produk-produk tersebut kalau kita lihat, bila bercakap tentang Sabah

selalunya Gunung Kinabalu. Kita tidak melihat kepada produk yang lain di Sabah yang sedang menaik contohnya *Rainforest Discovery* di Sepilok ataupun *Danum Valley, The Lost City*. Kalau kita tengok dari segi sukan *diving* dengan izin, kita selalu melihat bila bercakap tentang Sabah ini hanya Sipadan tetapi tidak, terdapatnya banyak pulau-pulau yang begitu cantik yang ada. Yang mana bagi Kementerian Pelancongan pendekatan kita bagi tahun 2008 dan 2009 ialah mempromosikan aspek-aspek pelancongan yang ada di dalam negara kita yang tidak begitu kenal.

Ini kerana Kementerian Pelancongan memang yakin kalau kita dapat mewujudkan dengan izin, *excitement* kepada pelancong-pelancong yang datang kepada negara kita, insya-Allah kita akan dapat secara tidak langsung tidak begitu tergugat dalam isu ekonomi tahun hadapan. Itulah sebabnya bagi Kementerian Pelancongan, pendekatan yang penting berhadapan tahun hadapan adalah *domestic tourism* dengan izin, pelancongan domestik. Di mana kita melihat aspek pelancongan domestik boleh menjadi sistem *buffer* kepada ekonomi yang berlaku.

Baru-baru ini saya kembali kepada mesyuarat menteri-menteri pelancongan negara-negara Komanwel. Kesemua menteri-menteri negara Komanwel, Menteri Pelancongan telah berkata bahawa mereka sendiri menyedari antara pendekatan yang baru perlu mereka lakukan dalam isu kegawatan ekonomi dunia adalah meletakkan secara agresif pelancongan domestik dalam negara mereka yang mana bagi Kementerian pelancongan pada 14 Mei 2008 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merasmikan Kempen Zoom sebagai pendekatan baru kepada aspek pelancongan domestik.

Yang Berhormat daripada Indera Mahkota pula bertanyakan tentang soalan kehadiran pelancong di mana 2009 dianggarkan 20 juta di mana dari segi *tourism visit* ialah 40 bilion. 2008 adalah sebanyak 22 juta. Memang Yang Berhormat kalau bercakap tentang pelancong perbelanjaan kita bagi satu pelancong yang hadir kepada negara kita adalah RM2,166. Itulah harga setiap pelancong yang datang kepada Malaysia di segi jumlah perbelanjaan yang akan diturunkan. Bererti daripada kempen promosi yang kita lakukan setiap RM1 yang kita belanjakan, kita mendapat pulangan sebanyak RM118.69.

Kita memang melihat *target* Kementerian Pelancongan pada tahun hadapan iaitu RM20 juta adalah berdasarkan potensi-potensi dan pendekatan baru yang akan kita lakukan.

■2210

Memang tidak dinafikan antara strategi yang perlu kita tekankan ialah pertama dalam aspek pasaran mesyuarat dan konvensyen. Kedua dalam aspek *health tourism* atau pun pelancongan kesihatan dan ketiga dalam aspek *ecotourism* iaitu pelancongan alam sekitar. Bagi Kementerian Pelancongan, kita melihat bagi 2009 ini, apabila bercakap tentang perkhidmatan pelancongan bagi Kementerian Pelancongan memang kita berpegang kepada aspek bahawa *service* atau pun perkhidmatan yang diberi mestilah perkhidmatan yang memuaskan hati kepada

pelancong. Ini supaya mereka tidak mempunyai pengalaman yang tidak baik apabila mereka datang kepada negara kita.

Itu sebabnya apabila Yang Berhormat tanya tentang *Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB)*. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju memberikan perbelanjaan sebanyak RM5 juta sebagai *startup cost*. Di mana daripada pembentangan semalam kita melihat daripada aspek konvensyen biro ini, kita melihat ia dapat membawa pulangan bagi tahun depan. Kalaulah secara agresif kita gerakkan pulangan sebanyak RM500 juta dari segi aspek konvensyen-konvensyen yang hendak diadakan.

Kita tengok dari segi Malaysia, dari segi negara jiran, Singapura, Indonesia dan juga Thailand. Kita mempunyai antara tawaran yang terhebat berbanding dengan negara mereka. Akan tetapi, tuan-tuan dan Yang Berhormat sekalian mungkin berkata, Singapura memang dilihat sebagai pasaran nombor satu dari segi mesyuarat konvensyen dan juga *exhibition*. Saya tidak menafikan tetapi pelancong-pelancong yang pergi ke Singapura untuk mesyuarat itu, bagi Kementerian Pelancongan mempunyai juga potensi untuk ditarik kepada negara Malaysia dalam *pre* dan *post conference tour* dengan izin.

Ini kerana bagi Kementerian Pelancongan kita melihat pendekatan bekerjasama dengan jiran bagi tahun hadapan dilihat sebagai pendekatan yang dapat membantu ekonomi negara. Kalau kita tengok Kementerian Pelancongan diharap daripada konvensyen biro mesyuarat dan juga *exhibition* ini kita dapat secara menyeluruh. Dahulunya kita hanya wujudkan sebuah pendekatan yang secara *ad hoc* dalam aspek konvensyen. Ia tidak adanya mana-mana biro.

Apa yang berlaku sekarang ini kita hendak wujudkan satu *one stop centre* supaya isu-isu, mesyuarat-mesyuarat antarabangsa yang diatur oleh kementerian-kementerian lain, atau pun pihak swasta atau pihak-pihak GLC, pihak-pihak kerajaan itu dapat diatur bersama terutama sekali dalam aspek yang kita hendak sangat ini iaitu *pre and post konvensyen tour*. Itu yang sebenarnya yang kita hendak.

Saya dimaklumkan secara amnya, jumlah pelancong yang datang pada setiap mesyuarat konvensyen yang kita buat *bidding* itu selalunya lebih kurang dalam minimum 2,000 orang. Ini kalau kita darab dengan jumlah kehadiran pelancong dari segi perbelanjaan mereka. Saya dimaklumkan dalam pembentangan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet, perbezaan pelancong konvensyen dan mesyuarat punya pelancong dengan pelancong yang secara sosial - pelancong yang suka sahaja datang melancong. Pelancong yang secara sosial saya telah membentangkan lebih RM2,000 perbelanjaan satu pelancong.

Akan tetapi pelancong dalam aspek mesyuarat, konvensyen dan *exhibition* yang datang, perbelanjaan satu kepala ialah lebih kurang RM7,000 lebih. Begitulah bezanya antara pelancong secara sosial dan juga pelancong dalam aspek menghadiri mana-mana mesyuarat antarabangsa. Itu sebabnya bagi Jawatankuasa Kabinet Pelancongan semalam dipengerusikan

dan diterima sebagai pendekatan yang baru yang akan dapat membantu secara agresif pendekatan promosi galakan pelancongan bagi tahun hadapan.

Yang Berhormat dari Tenggara pula bercakap tentang pintu masuk. Yang Berhormat saya memang cukup setuju.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri. Saya setuju, cuma saya tanya tadi di bawah peruntukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bagi Menteri jawab dahulu Yang Berhormat.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, saya jawab dahulu. Yang Berhormat tanya soalan, kita buat secara kemudian.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sedikit sahaja. Mana yang MyCEB itu? Sebab tidak ada dalam ini.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Itu bukan perbelanjaan dalam ini. Itu adalah perbelanjaan tambahan yang kita pohon dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan. Permohonan tambahan ya.

Yang Berhormat dari Tenggara menimbulkan isu berkenaan dengan Johor. Memang bagi Kementerian Pelancongan, kita memang cukup setuju. Namun di kawasan saya sendiri, Desaru sebagai contoh. Memang dia nakal, sabar sahajalah. Sebenarnya Yang Berhormat, dari segi Desaru pula dahulunya dalam tahun 80-an Desaru begitu berkembang maju disebabkan oleh kehadiran pelancong Singapura melalui feri pengangkutan. Akan tetapi pada tahun 90-an feri pengangkutan tersebut telah ditutup. Jadi, yang hanya datang melalui pintu laut ialah feri penumpang yang menyebabkan ekonomi pelancongan di Desaru sebagai contoh memang turun.

Kita memang menyedari, sekarang ini dengan adanya pembinaan Desaru - Senai *highway*, dengan adanya *highway* dari *East Coast Highway* dengan izin. Kita memang tahu kemasukan pelancong daripada jalan Johor memang satu kemasukan yang perlu kita ambil kira. Alhamdulillah, pada hari Isnin lepasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan telah melancarkan dan merasmikan CIQ yang baru. Saya telah maklumkan, saya telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bahawa perlunya kita wujudnya promosi yang agresif di CIQ baru itu yang dilihat sebagai satu CIQ yang begitu moden, dan begitu menyerlah. Insya-Allah memang Kementerian Pelancongan akan mengambil kira yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Berkenaan dengan *homestay* Yang Berhormat, kalau kita lihat dari segi Johor, kita lihat di *homestay* itu selalunya apabila bercakap tentang menaik taraf *homestay*, selalunya secara automatik yang kita naiktarafkan itu selalunya adalah bilik airlah. Sebab apabila kita bercakap tentang rumah-rumah Yang Berhormat, selalunya pelancong dia hendak rumah-rumah yang lebih

tradisional daripada rumah-rumah yang baru. Itu sebabnya antara hanya kritikan para pelancong apabila bercakap tentang *homestay*, sudah tentu kita bercakap tentang isu bilik air.

Sebab itu, dari segi perbelanjaan, kita telah memberikan perbelanjaan sebanyak RM5,000 satu rumah. Di negeri Johor adalah sebanyak 85 buah rumah berjumlah RM425,000. Bagi Kementerian Pelancongan pula kita memang melihat perlu banyak juga ia diadakan *homestay*. Itu sebabnya Kementerian Pelancongan telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri - Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dengan Kementerian Pelancongan mewujudkan jawatankuasa bersama.

Ini kerana kita bersetuju contohnya pelancong dari Singapura, kita perlu mengambil kesempatan dalam Program Korban dan Program Akikah sebagai contohnya. Di mana kita melihat aspek menggunakan produk *homestay* ialah pendekatan yang terbaik, terutama sekali bagi mereka-mereka yang duduk di Singapura. Jumlah rakyat Islam di Singapura yang berjumlah lebih kurang lima juta orang. Jumlah rakyat Islam adalah lebih kurang 40% daripada jumlah. Saya dimaklumkan di negeri Singapura mereka tidak membenarkan Program Korban.

Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah bersetuju dengan Kementerian Pelancongan. Antara pendekatan yang dapat diwujudkan secara agresif menolak program *homestay* ialah sudah tentu produk pelancongan ibadah dalam aspek korban, akikah dan juga khatan beramai-ramai.

Kalau kita tengok Yang Berhormat berkenaan dengan soalan Yang Berhormat tanya Majlis MTPN. Sebenarnya Yang Berhormat, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri ditutup bukan kerana apa-apa sebab tetapi lebih kepada sebab kebajikan pekerja. Apa yang berlaku, mereka telah dilantik sebagai kontraktor Kementerian Pelancongan. Bayaran mereka, mereka tidak mempunyai kenaikan pangkat, kemudahan cuti dan seterusnya kemudahan-kemudahan yang ada.

Jadi, Kementerian Pelancongan telah membentangkan di Mesyuarat Kabinet supaya Majlis Tindakan Pelancongan Negeri dibubarkan dan diwujudkan Jabatan Tindakan Pelancongan Negeri yang dipimpin seorang pengarah. Tugas dan tanggungjawabnya adalah untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab Kementerian Pelancongan terutama sekali dalam aspek perkhidmatan pelancongan iaitu pelesenan, pengurusan dan juga dana pinjaman.

Kementerian Pelancongan yakin dengan pendekatan ini. Tahap keberkesanan, penerangan, pelaksanaan dan pemantauan produk-produk pelancongan dapat dijalankan dengan lebih agresif. Dari segi manfaat pada kakitangan, keseragaman, kenaikan pangkat dan kemudahan-kemudahan lain yang akan dapat diberikan.

Soalan Yang Berhormat tanya tentang pekerja-pekerja memang kita akan meletakkan prioriti kepada pekerja-pekerja ini supaya mereka diambil di dalam jabatan ini, kecuali mereka-mereka yang mungkin alam umur pencen dan seterusnya. Oleh itu, Yang Berhormat berkenaan Tabung Khas Pelancongan dan Infrastruktur Pelancongan. Sekarang ini, kementerian mulai 1

November 2008, kementerian telah bersetuju supaya permohonan dana boleh dibuat terus pada SME Bank dan juga Bank Pembangunan Berhad untuk mempercepatkan proses penimbangan, permohonan tersebut. Kementerian sentiasa memantau perjalanan dana pelancongan tersebut.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat, berkenaan dengan imej Malaysia dan kita tidak mahu adanya niat-niat jahat. Yang Berhormat apa yang berlaku ialah kalau ketai lihat secara menyeluruh Malaysia mempunyai hubungan yang begitu baik dengan banyak majalah-majalah antarabangsa.

■2220

Tidak dinafikan kadang-kadang isunya negatif persepsi kepada Malaysia iaitu majalah *Travel Guide - Lonely Planet* sebagai contoh ya. Baru-baru ini dalam majalah *National Geographic* di mana mereka telah meletakkan 10 muka surat berkenaan dengan kes penanaman kelapa sawit dan juga penarikan pokok-pokok balak di Borneo yang juga dilibatkan Sabah dan juga Sarawak.

Bagi Kementerian Pelancongan, memang ini sentiasa berlaku di mana perlu adanya negatif-negatif promosi terhadap Malaysia terutama sekali dalam aspek alam sekitar dan aspek keselamatan. Jadi apa yang dilakukan oleh Kementerian Pelancongan ialah kita dalam separuh tahun ini dan juga tahun hadapan, kita memang meletakkan keutamaan kita kepada negara-negara Eropah dan juga Amerika Syarikat. Dan saya yakin *Lonely Planet* ini datang daripada negara Amerika Syarikat.

Bagi Kementerian Pelancongan, dari segi aktiviti promosi, kita mahu mempromosikan aktiviti ekopelancongan sebagai tajuk utama. Ini sebabnya bagi Kementerian Pelancongan, itu yang akan menjahanamkan imej Malaysia dan itu juga yang akan menaikkan imej Malaysia. Kadang-kadang bila pelancong luar datang ke Malaysia, *expectation* mereka dengan izin, kepada dasar-dasar polisi kita kepada alam sekitar adalah menjadi aspek mereka yang utama. Dalam aspek ini memang apa yang dilakukan, kita akan memaklumkan kepada syarikat-syarikat media yang berkontrak dengan Malaysia. Dalam isu-isu sedemikian perlu diadakan pemantauan dan perlu diadakan pembetulan.

Baru-baru ini di *World Travel Market* di London di mana kita telah mengambil bahagian. Kementerian Pelancongan dalam semua temu duga-temu duga dengan surat khabar-surat khabar, dengan media-media dalam negara-negara tersebut, apabila ditanya tentang pendekatan baru Malaysia, kita akan terangkan secara khusus bahawa Malaysia mengamalkan satu dasar yang menggalakkan aspek ekopelancongan dan mana-mana soalan yang ditanya secara spesifik tentang tuduhan demi tuduhan sama ada dalam pencabulan alam sekitar ataupun dalam aspek keselamatan pelancongan, akan kita jawab pada soalan-soalan yang dilakukan oleh mereka-mereka dalam media-media antarabangsa.

Jadi itu sentiasa menjadi amalan Kementerian Pelancongan daripada berkontrak dengan media-media seluruh dunia. Secara umum perlulah kita secara komprehensif, perlu peka kepada

pandangan. Jadi apa yang berlaku di Mumbai contohnya soalan Yang Berhormat tanya kepada Kementerian Luar. Pejabat Kementerian Pelancongan Tourism Malaysia di Mumbai, kita telah berhubung dan memaklumkan pada mereka dan mereka telah memaklumkan bahawa Pejabat Tourism Malaysia ada antara Hotel Oberoi dan Hotel Taj ya, tetapi dimaklumkan tidak apa yang berlaku.

Kita sentiasa memanggil dan mengharapkan pegawai-pegawai, pengarah di luar negara supaya memaklumkan dalam apa-apa keadaan negatif berlaku. Dan sentiasa itu menjadi tanggungjawab pengarah-pengarah *region* dan juga Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Tourism Malaysia yang sentiasa memantau isu-isu ataupun apa-apa persepsi negatif yang berlaku.

Secara umum kalau kita lihat dari segi pengalaman pahit pelancong, dari segi menyeluruh Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, peratusan pengalaman pahit itu adalah sedikit berbanding dengan pengalaman yang menggembirakan. Kementerian Pelancongan memang mengambil langkah bahawa itu adalah antara faktor yang kata orang lima hari bercuti, satu hari *experience* yang tidak elok, empat hari dia seronok itu dia akan lupa. Itu sebabnya dalam aspek ini, bila pelancong datang ke negara kita, antara tanggungjawab Kementerian Pelancongan Tourism Malaysia dengan industri-industri *travel trade industry* dengan izin, ialah sentiasa mengingatkan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita secara menyeluruhnya isu-isu keselamatan.

Dan kadang-kadang apabila kita melancong ke negara lain juga, kita juga akan berhadapan dengan isu keselamatan kalau kita tidak berjaga diri. Itu sebabnya, kita tidak ada *riot* seperti yang berlaku di Thailand, kita tidak adanya *social unrest*, tidaklah begitu keadaan kita. Itu sebabnya dari segi Thailand sebagai contoh, pada 11 hari bulan ini kita akan menggerakkan pegawai-pegawai kita di peringkat atasan untuk bergerak ke Eropah supaya kita hendak maklumkan kepada mereka dalam perniagaan *travel trade*, jangan berhenti bercuti bulan 12, Krismas *holiday* di Asia, datanglah ke Malaysia walaupun mereka tak nak pergi ke negara Thailand. Itu akan menjadi pendekatan agresif dalam masa seminggu dua ini supaya kita dapat menarik pelancong-pelancong yang hendak terbang, nak duduk bercuti di Thailand supaya mereka mengambil kira bercuti dalam negara kita.

Yang Berhormat daripada Bukit Bintang, Yang Berhormat daripada Ipoh Timur dan Yang Berhormat daripada Bandar Kuching bertanya tentang soalan kepada isu Pempena. Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi Kementerian Pelancongan kita tidak menyembunyikan apa-apa fakta. Apa yang berlaku ialah kita telah wujudkan satu audit dalaman dan audit dalaman tersebut masih dalam perjalanan dan kemas kini. Pada masa yang sama, masa yang serentak kita wujudkan *business review* dengan PricewaterhouseCoopers. Yang Berhormat-Yang Berhormat ada bertanya kenapa hanya 24 syarikat, kita hanya *review* kepada 14 syarikat dan tidak pada semua. Sebenarnya 14 syarikat itulah yang mempunyai masalah.

Secara umum, Yang Berhormat-Yang Berhormat tanya tentang tindakan undang-undang. Saya ingin memaklumkan, laporan polis, Yang Berhormat Ipoh Timur sendiri telah membuat laporan polis. BPR telah datang ke syarikat Pempena untuk mengambil fail-fail bagi syarikat-syarikat tertentu dan juga Audit Negara akan melakukan forensik audit kepada semua keputusan-keputusan yang telah dibuat. Dan juga PAC, *Public Accounts Committee* yang dipengerusikan, yang juga dihadiri oleh Yang Berhormat wakil daripada parti pembangkang telah memanggil ketua setiausaha kementerian dan juga pemangku ketua pengarah.

Saya dimaklumkan pada 10 hari bulan, CEO Pempena, Yang Berhormat Ipoh Timur yang sentiasa menyebut nama Datin Paduka Chew Mei Fun, akan menghadiri dalam PAC tersebut. Saya ingin memberi jaminan sekali lagi bahawa kita tidak akan menyembunyikan mana-mana fakta. Dan apa Yang Berhormat baca tadi pun, Yang Berhormat tanya, Yang Berhormat Bukit Bintang tanya, Yang Berhormat Bandar Kuching tanya, Yang Berhormat Ipoh Timur tanya, semuanya daripada laporan yang kita bagi.

Bererti bahawa memang kita sentiasa mengamalkan dasar ketelusan tetapi yang menjadi masalah hari ini ialah bukan sahaja daripada kerugian yang berlaku yang perlu kita mengambil kembali keuntungan yang menyebabkan syarikat-syarikat yang terlibat telah dipanggil satu persatu untuk memberikan penerangan. Contohnya macam kes "Ummi Afida" Yang Berhormat tanya, saya telah dimaklumkan oleh Pengarah Pempena, memaklumkan kepada saya bahawa beliau telah telefon Pempena dan jumpa Datuk Idrus, salah seorang daripada pengarah dan telah menawarkan diri untuk membayar RM100 ribu. Akan tetapi tunggu punya tunggu, dia tak bayar RM100 ribu, tetapi dia hanya bayar USD10 ribu tetapi dijanjikan dalam masa terdekat hingga bulan Januari, Februari dan Mac, seluruh RM300 itu akan dibayar balik.

Jadi itu sebagai satu contoh tetapi secara menyeluruh bagi Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia yang paling penting pendekatan ialah untuk mendapat balik hasil-hasil yang telah dilaburkan. Itu menjadi objektif utama. Dan apabila agensi-agensi, BPR dan polis ingin menjalankan siasatan, silakan, tak akan kita mempertahankan, melindungi mana-mana pihak. Bagaimanapun saya tidak boleh bercakap lebih kerana siasatan dilakukan dan saya tidak mahu memburukkan mana-mana pihak dan biarlah pihak berkuasa menjalankan siasatan mereka. Tetapi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada yang disembunyikan dan wakil daripada PAC pun ada, dan telah memanggil supaya lebih banyak siasatan akan dilakukan dan supaya tindakan dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Ipoh Timur bertanya tentang hadiah, bawa bukti, ada resit. Yang Berhormat, memang saya mengaku saya pergi ke Melaka nak tengok pada produk tapi sebenarnya kerajaan tidak membayar. Ia telah di *sponsor* kan oleh satu syarikat dan ini telah diberikan satu vase, yang ada ukiran-ukiran ayat Al-Quran untuk digunakan untuk tahlil telah diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pelancaran Program Zoom

pada 14 Mei. Akan tetapi dari segi Tourism Malaysia, kita tidak membayar kepada syarikat tersebut, ia telah diberikan sebagai hadiah dan kita telah memberikan sebagai hadiah.

Jadi Yang Berhormat kalau ada apa-apa butir mengatakan Tourism Malaysia bayar, tunjukkanlah. Masalah dengan Yang Berhormat kadang-kadang kena petik sikit, Yang Berhormat melatah, Yang Berhormat perlulah memberi *right to be heard* untuk kita memberikan penerangan. Terima kasihlah Yang Berhormat memberikan saya hak untuk memberi penerangan tetapi yakinlah Yang Berhormat bahawa kita tidak akan membelanjakan wang Tourism Malaysia untuk memberikan hadiah secara *direct*.

Berkenaan dengan keris, keris yang disebut oleh Yang Berhormat ya. Sebenarnya, saya pun dah tanya pegawai-pegawai saya, apa yang berlaku dengan keris? Mereka berkata tidak adanya pembelian keris daripada Tourism Malaysia. Kalau syarikat yang sama beli keris tersebut, mungkinlah itu yang berlaku tetapi tidak ada dan kita tidak memberikan keris itu pada sesiapa. Akan tetapi kalau Yang Berhormat nak, saya boleh minta pegawai saya cari, dan saya boleh beri kepada Yang Berhormat keris itulah, kalau itu Yang Berhormat nak. Saya boleh bagilah tapi sebenarnya memang itu, kalau Yang Berhormat nak keris, terpulanglah kepada Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tapi sebenarnya Yang Berhormat, orang berbudi, kita berbalas. Dan bila syarikat kata kita nak hadiahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, so kita hadiahkanlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

■2230

Yang Berhormat saya berharap pada masa-masa yang kelak biarlah siasatan dilakukan oleh pihak berkuasa. Pihak-pihak terlibat saya telah kata banyak kali antara dua keputusan yang perlu disiasat, satu mungkin dia tak tahu berniaga. Iaitu dia tak tahu berniaga, tapi dia tahu berniaga tapi dia tak berniaga, itulah yang salah yang kita tangkap, tapi yang betul-betul tak tahu berniaga, kita bagi dia berniaga, itu satu yang perlu kita siasat dari segi forensik kenapa kita tidak melakukan seperti Yang Berhormat katakan, kenapa *due diligence report* tidak dilakukan, kenapa tidak ada *profit account losses* dibuat, kenapa syarikat yang kita bagi duit, kita tak siasat.

Ahli-ahli *director* syarikat memang itu pun jawapan yang kita nak cari, kenapakah mereka diberi bantuan, diberinya geran, diberinya pelaburan dan tidak mendambakan hasil, saya nak bercakap kepada Yang Berhormat Ipoh Timur yang memberi supaya diwujudkan mereka memulangkan balik apa yang telah mereka ambil.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Penjelasan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Menteri tidak bagi peluang Yang Berhormat

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Oleh kepimpinan Datin Paduka Chew Mei Fun, dan saya rasa Yang Berhormat tak boleh hanya memperlekehkan kerana dia ahli politik MCA, itu

satu kenyataan yang tidak adil. Dia menjalankan tugasnya secara profesional dan kalaulah jawatan itu dipengerusikan oleh individu-individu yang menjadi ahli parti itu dengan izin, bahasa orang putih Tuan Pengerusi, *coincidence*. Akan tetapi tak bolehlah Yang Berhormat perlekehkan dia kerana dia Ketua Wanita MCA.

Ini seolah-olah niat Yang Berhormat itu niat politik, dia sendirilah yang bertanggungjawab untuk menentukan supaya syarikat-syarikat tersebut membayar balik hutang-hutang dan bersama *Pricewaterhouse* untuk menyasat dan perlulah kita memberikan beliau, Datin Paduka Chew Mei Fun peluang supaya dapat mengemaskan kini syarikat Pempena.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Laluan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Biar saya habiskan dulu, silakan laluan sebanyak Yang Berhormat nak ya? Saya juga nak menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sibuti berkenaan dengan *Homestay* Orang Asli. Memang kementerian Pelancongan memang menerima hakikat bahwa pendekatan *Homestay* Orang Asli adalah pendekatan baru yang perlu kita lakukan dan kementerian pelancongan telah mengarahkan pegawai di Kementerian Pelancongan untuk mewujudkan kerja, untuk mewujudkan *Homestay* supaya *Tourism* Malaysia, dengan izin, dapat mempromosikan.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Tuan Pengerusi adakah Menteri akan memberi laluan oleh sebab subjek ..

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Boleh, boleh, biar saya habiskan Yang Berhormat

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang saya takut Yang Berhormat akan lalu pada subjek *matter* yang ..

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Pengerusi ada, saya jamin saya akan jawab

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Okey, terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Sekijang, berkenaan dengan lesen bas. Kita setakat ini mempunyai jumlah lesen, saya ada jumlah lesen tetapi saya tidak ada peratusan. Lesen bas, kejap, saya tak ada dari segi peratusan bumiputera tapi saya ada secara menyeluruh lesen bas. Akan tetapi dari segi pelesenan penguatkuasaan itu dijalankan soalan Yang Berhormat tanya itu dijalankan oleh JPJ dari segi pelaksanaan. Dari segi menyeluruh memang mengeluarkan pelesenan bas ekspres kita ada setakat ini, saya masih mencari, setakat ini kita mempunyai pelesenan bas persiaran sebanyak jumlah mengikut negeri sebanyak 7091 ribu.

Dari segi bumiputera saya tidak mempunyai pecahan Tuan Pengerusi, untuk bumiputera, berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Sekijang berkenaan bas dan memang kementerian juga bersetuju berkenaan dengan isu keselamatan pelancong-pelancong. Yang Berhormat Kelana Jaya bertanya tentang soalan seni, sebenarnya secara umum soalan itu perlu

ditumpukan kepada Kementerian Kesenian dan Warisan, tetapi bagi Kementerian Pelancongan memang kita mengakui bahawa kita tidak boleh lari dari seni.

Kalau kita lihat secara umum, bila *Tourism* Malaysia dulu dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan dan juga Pelancongan, tetapi sekarang ini telah dipecahkan dan kalau kita lihat dari segi aspek promosi seni itu, kita hanya mempromosikan produk-produk pelancongan dan kita belum lagi melihat promosi lukisan sebagai produk pelancongan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya nak tanya Menteri, berapa lama lagi boleh habis?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Lagi Yang Berhormat Ranau yang saya nak jawab itu dan saya akan habis supaya mereka boleh tanya soalan tambahan. Yang Berhormat tanya pasal Monsun Cup di Sabah, sebenarnya Yang Berhormat Ranau, saya telah berkata dalam kenyataan akhbar, bahawa saya akan berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah maklumkan saya semalam, dua hari lepas bahawa perlulah saya berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu.

Bagi Kementerian Pelancongan, kita melihat sukan Monsun Cup ini sukan pelancongan yang akan dapat membantu mana-mana negeri yang secara agresif mempunyai aspek pelancongan pelayaran dalam negeri-negeri tersebut. Kalau kita tengok di Sabah, contohnya di Kota Kinabalu, memang boleh dilihat sebagai satu produk pelancongan yang dapat digerakkan secara eksklusif terutama sekali dalam persekitaran sukan-sukan *sailing*, dengan izin. Apa yang berlaku saya bercakap kerana kita mahu lihat supaya negeri-negeri yang dapat menjalankan aktiviti-aktiviti pelayaran ini dapat sebahagian daripada Monsun Cup dan tahunan yang dijalankan Monsun Cup ini saya dimaklumkan akan dijalankan selama lima tahun.

Itu sebabnya saya mencadangkan kalau dilakukan di negeri Sabah dan kemudian ditolak ke Johor ke Port Klang ke Langkawi dan kemudian balik ke Terengganu. Saya mencadangkan bahawa dia akan dapat secara tidak langsung mempromosikan aspek pelayaran. Kalau kita tengok bercakap tentang pendekatan pelancongan, ini adalah *niche* market ataupun *high-class tourists*, Tuan Pengerusi, dan mereka ini kadang-kadang belayar atas kapal, duduk dalam mana-mana pangkalan itu dalam masa sebulan, dua bulan dan kita tengok dari segi Singapura sebagai contoh.

Ini dilihat sebagai satu produk pelancongan yang dapat dipengerusikan secara agresif, itu sebab dicadangkan, tetapi keputusannya saya perlu berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 7 hari bulan dan saya telah menjemput Menteri Pelancongan Sabah untuk bersama-sama saya ke Kuala Terengganu supaya kita dapat bersama mengambil Monsun Cup pada tahun depan di negeri Sabah, kemudian boleh dipulangkan pada tahun 2010 ke Terengganu sebagai contoh.

Berkenaan dengan hasil pelancongan negeri, saya telah cakap atas kapasiti peribadi dan bukan kerana pandangan Kementerian Pelancongan, saya telah berkata dalam temu ramah surat khabar tersebut bahawa di negeri Hawaii sebagai contoh, apabila kerajaan negeri mendapat sebahagian daripada hasil pelancongan dalam peratusan 20%, pendekatan promosi pelancongan negeri tersebut, Hawaii sebagai contoh telah digerakkan secara agresif.

Jadi saya telah berkata bahawa alangkah eloknya tidak hanya kerajaan negeri yang mengambil secara menyeluruh sebagai satu koleksi, tetapi dapat dibahagikan peratusan kepada kerajaan negeri supaya kerajaan negeri dapat mempunyai kewangan yang besar dalam aspek promosi, menaikkan taraf kemudahan dan semua aspek pelancongan di negeri-negeri.

Itu adalah cadangan yang saya buat secara peribadi, itu saja, jadi saya berharap Yang Berhormat mungkin boleh memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar negeri supaya dapat berbincang dengan Kementerian Kewangan, silakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh sebab mengenai hadiah, sebelum itu saya ada kemukakan enam soalan, semua tidak dijawab, mengenai Pempena, khasnya sama ada benar bahawa adalah satu permohonan untuk RM5 juta supaya Pempena boleh terus beroperasi dan tidak tenggelam dan lain-lain. Saya berharap enam soalan, Yang Berhormat pun ada catat, kenapa tidak ada jawapan? Akan tetapi mengenai hadiah itu, Yang Berhormat kata bahawa inilah tidak dibayar oleh kementerian, itu kita tak tahulah, tapi mengikut rekod benar bahawa ini tajuk ialah, Pembayaran Barang-barang Antik yang dibeli oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan,.

Kalau ini tidak dibayar oleh Kementerian Pelancongan dan orang yang luar yang lain, bukankah ini menunjukkan ada perkara yang perlu disiasat sama ada berlaku apa-apa yang tidak diketahui dan sebenarnya di sini dibayar oleh Menteri tetapi sebenarnya bukan ini berlaku dan dalam rekod ini adalah latar belakang dan sebab justifikasi untuk pembayaran oleh Yang Berhormat Menteri, justifikasi yang diberikan ialah Pengarah *Tourism* Malaysia Melaka yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah *Tourism* Malaysia antara satu ingin menghadihkan barang tersebut kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri itu dalam catatan rasmi.

Kedua, menyokong industri pelancongan yang terlibat dalam industri pelancongan agar lebih giat di dalam memajukan industri pelancongan negara. Ketiga, pada barang-barang antik ini yang langsung boleh dikategorikan sebagai harta negara di negara akibat dijual dan ia dijual oleh penjual-penjual barang, mengaut keuntungan lebih.

■2240

Keempat, membantu peniaga-peniaga bumiputera di dalam penjualan barang-barang antik bergiat aktif.

Kelima, menyokong industri penjualan barang-barang antik secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pelancong asing datang ke Malaysia. Ini adalah rekod sebab justifikasi dibayar oleh kementerian dan implikasi kewangan, kos yang terlibat untuk pembelian dua barang itu RM105,000 satu unit *copper pot*, dengan tulisan ayat-ayat Al-Quran, satu unit pedang lama

RM25,000 yang sudah hilang sekarang. Yang Berhormat kata sudah hilang, tetapi dalam rekod dibayar oleh kementerian. Sekarang hilang pergi mana? Yang Berhormat kata beri hadiah kepada saya, saya tidak mahu. Kenapa saya mahu? Saya tolak langsung, ini wang rakyat tidak boleh langsung digunakan untuk mereka yang perlu. Tetapi bolehkah kita dapat satu jawapan yang benar?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Satu, satu Yang Berhormat.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, saya sudah jawab bahawa Kementerian Pelancongan tidak membayar. Bagaimana kita hendak jawab kalau kita tidak bayar? Jadi Yang Berhormat, saya sudah cakap syarikat yang bayar. Tetapi Yang Berhormat hendak menuduh kerajaan, kerajaan tidak bayar. Kenapa Yang Berhormat hendak marah? Kalau kerajaan bayar, boleh Yang Berhormat marah, kalau kerajaan tidak bayar, tidakkan itu pun Yang Berhormat tidak faham?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Kerajaan tidak bayar. Jadi, duduklah, jangan tanya soalan, kalau kerajaan bayar Yang Berhormat ada hak hendak bertanya saya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Resit palsuakah itu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam rekod... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Itu rekod, mungkin rekod, tetapi tidak bayar. Yang Berhormat, tunjuk resit bayaran ataupun bukti bayaran. Kalau Yang Berhormat ada bukti bayaran, Yang Berhormat tanya saya, Yang Berhormat tidak ada bukti bayaran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Kementerian Pelancongan tidak bayar, tidakkan itu pun Yang Berhormat tidak faham? Tunjukkan bukti bayaran. Tidak ada bukti bayaran Tuan Pengerusi, tidakkan hendak tanya soalan ini dua kali.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tidak ada bukti bayaran, tidak dibayar. Macam mana duit kerajaan dibayar kalau tidak dibayar? Tuan Pengerusi, tidak bolehlah kalau Yang Berhormat Ipoh Timur tanya soalan yang dia tidak ada bukti. Kerajaan tidak bayar. Jadi macam mana hendak suruh Kementerian Pelancongan jawab kalau duit kerajaan tidak dikeluarkan untuk dibelanjakan untuk bayar. Jadi apa isu yang Yang Berhormat marah sangat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Soalan tambahan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Mana *Tourism* Malaysia ada bayar Yang Berhormat Ipoh Timur? Buktikanlah, jangan cakap kerana orang bagi borang. Tanya, siasat,

tanya kedai itu siapa yang bayar. Tanya kedai siapa yang bayar, tanya kedai siapa yang bayar. Tanya kedai, Yang Berhormat tanyalah kedai, siapa yang bayar Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Soalan tambahan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Kalau Yang Berhormat hendak tuduh, tuduhlah ada bukti. Kerajaan tidak bayar takkanlah itu pun Yang Berhormat hendak marah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Kalau betul Kementerian Pelancongan tidak membayar hadiah itu, adakah etika atau patut Perdana Menteri menerima satu hadiah RM100,000 daripada sebuah syarikat persendirian, apakah pulangan kepada syarikat tersebut? Jadi saya hendak tanya adakah etika? Kalau itu betul-betul telah diterima oleh Perdana Menteri, itu patut dipulangkan, tidak patut diterima oleh Perdana Menteri kerana hadiah daripada syarikat persendirian. Apakah pulangan yang akan didapati oleh syarikat tersebut?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kerajaan Pulau Pinang pun ada orang *sponsor* buat *trip* ke Taiwan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Delivery order, delivery order...*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Itu lain...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...*Tourism Malaysia Melaka, ini delivery order. Adakah ini delivery order palsu?*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, *delivery order* itu lain dengan cek bayar. Kalau *Tourism Malaysia* bayar cek itu, bolehlah Yang Berhormat bising. Yang Berhormat ini tidak fahamkah antara *invois* dengan bayaran? Masalahnya Yang Berhormat, apa pasal kerajaan semuanya buruk.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, *a lot of...*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: *The trouble with you, everything about the government is bad. Because you always get intention about the government.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... *corruption is going on hanky-panky. A lot of hanky-panky is going on.*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: *If you have good intention on the government, you don't have this type of negative perception.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Hanky-panky.*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Pasal sudah malu, tidak ada bukti, sebab itu Yang Berhormat melatah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ada *delivery order...*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: *Delivery order* bukan bukti bayar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Simply* untuk *hanky-panky*lah. Menteri pun *hanky-panky*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: *Delivery order* bukan bukti bayar Yang Berhormat, tuduh kerajaan kalau kementerian bayar. Kerajaan tidak bayar Yang Berhormat hendak marah apa pasal? Yang Berhormat dengikah,, kerajaan dapat orang bagi, biarlah orang bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan dengki, itu *prime facie document* untuk kerajaan menjawab.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tidakkah itu pun Yang Berhormat hendak sensitif? Tidak apalah Yang Berhormat, nanti saya beli hadiah saya bagilah kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Sudahlah Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak berbangkitlah Yang Berhormat. Kalau kita tanya soalan, orang sudah bagi jawapan. Kalau kita tidak terima, memang tidak habis cerita. Sampai mana pun tidak habis cerita. Jadi....

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Indera Mahkota hendak tanya tadi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh? Terima kasih tawarkan saya....

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Yang Berhormat Sri Aman.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu, tunggu Yang Berhormat bagi Sri Aman. Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tadi Yang Berhormat Menteri ada beritahu Program My SAT tadi perbelanjaan awalnya RM5 juta adalah perbelanjaan tambahan. Saya hendak kepastian atau saya silap dengar. Saya tanya di dalam anggaran perbelanjaan ini tidak terdapat *item* yang menyebutkan tentang perbelanjaan program tersebut. Yang Berhormat Menteri kata program itu adalah daripada perbelanjaan tambahan. Setahu saya, mengikut Akta Acara Kewangan, sebarang perbelanjaan tambahan mesti juga dibentangkan dalam Parlimen sebelum boleh dibelanjakan itu sahaja.. Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat bagi Indera Mahkota sebenarnya apa yang saya katakan, bahawa kita telah membuat permohonan untuk pembayaran sebanyak RM5 juta, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pelancongan semalam dan Yang Amat Berhormat Pengerusi selaku Menteri Kewangan telah memberikan persetujuan. Sama ada ia melanggar atau tidak, itu saya tidak pasti tetapi itu adalah prosedur yang telah dinasihatkan oleh pegawai kawalan kewangan kementerian iaitu Ketua Setiausaha Kementerian itulah proses yang telah kita bentangkan untuk dapat perbelanjaan.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: *[Bangun]*

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: *[Bangun]*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Aman dahulu.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin balik kepada isu yang saya kemukakan tadi mengenai Restorasi Kubu Alice. Ini bukan mengenai bayaran, tetapi mengenai peruntukan yang hendak dipohon ini.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, Kubu Alice ini adalah pertengahan dua projek yang sedang dilaksanakan sekarang iaitu Sri Aman Water Front dan Tidal Bore Watch Tower. Kubu ini terletak di tengah-tengah. Sekiranya peruntukan tidak diterima untuk membaiki atau membaik pulih Restorasi Kubu Alice ini adalah agak *eyesore* sekiranya projek yang besar itu sudah siap nanti, di tengah-tengah itu pandangan yang kita katakan *eyesore*. So, apakah rancangan untuk menambah peruntukan membaik pulih Kubu Alice. Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Sri Aman, saya telah dimaklumkan bahawa Kementerian Pelancongan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi projek pembangunan kemudahan pelancongan Batang Lupar, Riverine Park Sri Aman Sarawak. Perbelanjaan adalah sebanyak RM3 juta serah tapak bermula 25 April 2008, jangkaan siap Mei 2009. Kos kontrak sebanyak RM3 juta. Ini adalah jawapan yang telah diberikan kepada saya dan bagi Kementerian Pelancongan memang kita melihat menaik taraf mana-mana produk pelancongan terutama sekali *for at least* memang kita tahu satu *fort* yang mempunyai sejarahnya sendiri Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkas sahaja Yang Berhormat. Kita tidak ada masa yang panjang Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Ringkas sahaja. Saya ingin bangkitkan soal pembelian ekuiti dalam hotel-hotel *five star* dan *four star* yang melibatkan syarikat di bawah kementerian. Jadi, sejauh mana pembelian syer itu di*transfer* kepada syarikat-syarikat bumiputera yang dianggap mempunyai kelayakan untuk menjalankan pengurusan dalam sektor pelancongan ini.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, saya tidak dapat menjawab soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dan apa yang saya boleh lakukan ialah supaya dapat diberikan jawapan bertulis Yang Berhormat Arau. Saya tidak dapat menjawab sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dalam format soalan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, yang mengatakan Laporan Audit Dalamannya belum siap dikemaskinikan. Bukankah Laporan Audit Dalamannya itu telah siap dalam bulan Ogos tahun ini dan ada beberapa cadangan dan pandangan dalam Laporan Audit Dalamannya itu. Salah satunya adalah pinjaman dikeluarkan tanpa apa-apa *documentation*. Oleh itu sekarang mereka pun tidak tahu bagaimana untuk menuntut balik wang pinjaman yang dikeluarkan beratus-ratus ribu. Soalan saya adalah bukannya Laporan Audit Dalamannya telah siap dan jika apa Yang Berhormat Menteri kata ia belum siap dan bilakah ia akan dikemaskinikan, dan sama ada Yang Berhormat Menteri sudi memberi kita membekalkan satu *copy*, satu salinan Laporan Audit Dalamannya itu kepada kita supaya kita semua tahu apa yang berlaku dalam skandal Pempena ini.

■2250

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Bandar Kuching, saya dimaklumkan oleh ketua setiausaha kementerian bahawa laporan audit tersebut masih menunggu dengan izin *final clarification*. Saya dimaklumkan bahawa laporan awal telah dilakukan dan perlu diwujudkan *clarification* dengan izin, dan kementerian bekerjasama dengan Pempena dan ketua setiausaha kementerian telah memaklumkan bahawa akan disiapkan dalam masa terdekat. Saya dimaklumkan bahawa laporan-laporan ini ada juga diambil oleh pihak BPR dan juga pihak polis dan juga *business review* yang telah dilakukan oleh *Pricewaterhouse*.

Jadi jawapan saya kepada Yang Berhormat mungkin intipati soalan Yang Berhormat tersebut, Yang Berhormat-Yang Berhormat mahu tahu sebenarnya cerita yang berlaku.

Saya ingin menyatakan bahawa PAC, Public Account Committee di bawah Parlimen ini telah juga memanggil dan juga akan menimbulkan persoalan tentang laporan audit tersebut. Jadi saya hendak maklumkan jangan khuatirlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak, selepas itu Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Silam pun ada juga? Yang Berhormat Pasir Salak dulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Ipoh Timur mengasak dengan soalan membuat tuduhan kata beli barang-barang antik, keris, semua. Yang Berhormat telah pun menafikan pembayaran oleh kementerian tetapi dia kata masih itu juga sebagai ada macam *hanky panky* dan sebagainya. Saya hendak tanya, Yang Berhormat sedar tidak Kerajaan Pulau Pinang bawa rombongan berpuluh-puluh orang pergi Taiwan, pergi Hong Kong di *sponsor* oleh syarikat di sebelah sana. Ini bukan melibatkan sedikit duit, ratus-ratus ribu dan sampai sekarang pun tidak nampak hasil. Apa hasilnya buat rombongan sana? Ini *hanky panky* lebih teruk lagi. Baru tujuh, lapan bulan memerintah. Apa komen Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Jawapan saya apa yang berlaku dari segi pertandingan tenis antarabangsalah, King of the Tennis. Kerajaan Pulau Pinang hendak menjadi tuan rumah sampai tidak berlaku sukan pelancongan tersebut. Inilah sebenarnya Kerajaan Pulau Pinang, lebih sudu daripada kuah, suka cakap macam-macam tetapi dia sendiri pun jalan tidak betul. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Bola pun tidak boleh jaga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Gajah. Soalan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu ialah memandangkan sudah ada satu *preliminary* audit dalaman dan satu laporan dari *Pricewaterhouse*. Dengan kedua-dua maklumat ini, saya hendak tahu apakah hala tuju dalam tempoh yang terdekat ini ke atas Pempena ini. Ini satu perkara.

Perkara kedua, Yang Berhormat tadi ada mengatakan bahawa hanya 14 syarikat yang diteliti di bawah *Pricewaterhouse*, yang 10 lagi apakah kedudukan kewangan yang amat memuaskan hati pihak kementerian? Di mana laporan *Pricewaterhouse* mengatakan lima syarikat perlu *exit* dan akan mengalami kerugian RM20 juta? Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian?

Apakah benar akan mendengar cadangan oleh pihak *Pricewaterhouse* dan akhirnya mengapakah Pempena boleh terlibat dalam pelaburan dalam restoran dan *retail* fesyen sebab kita tengok laporan *Pricewaterhouse*, kita mengalami kerugian. Awana Hyderabad kena *exit* RM1.9 *million write-off*. Kita tengok *fashion retail* juga mengalami kerugian diminta *exit*. Jadi saya pohon penjelasan perkara ini.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Batu Gajah, jawapan saya, setuju, setuju, setuju, setuju, dan setuju. Semua Yang Berhormat cakap saya setuju tetapi masalah sekarang ialah PAC terlibat, BPR terlibat, polis terlibat, Audit Negara terlibat. Jadi bagi Kementerian Pelancongan Tourism Malaysia, apa yang kita boleh lakukan ialah dari segi 10 syarikat itu ialah secara serta-merta tamatkan kepentingan kita dan cuba mendapat balik pelaburan. Itu mungkin dilakukan secara sivil iaitu dengan menggunakan peguam untuk mendapat balik pelaburan yang telah dijanjikan. Dari segi tindakan undang-undang *criminal*, perundangan jenayah bagi saya BPR dan juga pihak polis sedang siasat dan PAC juga sedang siasat untuk melihat bagaimanakah keputusan-keputusan tersebut boleh dibuat dan Tourism Malaysia seolah-olah macam tidak tahu bagaimana keputusan tersebut dibuat.

Pelaburan yang dibuat oleh Pempena, pelaburan yang seolah-olah Board of Tourism Malaysia pun tidak tahu kenapa pelaburan tersebut dilakukan. Itu sebabnya PAC, Audit Negara, Polis dan BPR akan melakukan siasatan tersebut dan siapa yang didapati bersalah, saya cukup yakin akan dikenakan tindakan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf ya. Dalam jangka masa terdekat ini, saya hendak tahu hala tuju Pempena ini. Saya percaya Yang Berhormat juga sangat marah. Sangat marah dengan apa yang berlaku dalam Pempena. Ini adalah melibatkan wang rakyat, Kementerian Pelancongan menyalurkan kepada Tourism Malaysia yang sekarang ini yang melibatkan RM54 *million*. RM20 *million* kalau *exit*, hangus. Jadi takkan sementara ACA, polis menyasat, saya hendak tahu apakah hala tuju Pempena dalam jangka ini yang akan diambil oleh pihak kementerian. Tindakan mahkamah memang boleh diambil kalau ada kes.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, saya pun tersangat marah dan juga sangat susah hati Yang Berhormat tetapi kita kena ikut prosedur. Jadi prosedur ialah kita lakukan apa yang boleh kita lakukan dan syarikat-syarikat yang hendak ditutup itu telah dipanggil satu persatu supaya mereka dapat memberikan penerangan untuk mengembalikan balik sebahagian daripada wang kalau boleh. Contohnya Umi Hafida itu telah memberi USD10,000 dalam harga RM36,000 dan dijanjikan akan diberikan *balancenya* kepada RM300 ribu itu kemudian. Syarikat-syarikat yang terlibat telah dipanggil supaya kita dapat tengok sama ada kita menjual saham kita ataupun kita cuba mendapat balik ganti rugi daripada syarikat tersebut. Jadi Yang Berhormat perlu yakin kepada apa yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian Pelancongan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah. Selepas Yang Berhormat Silam, tidak ada lagi, habis Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, satu saja.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Silam punya giliran. Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin hanya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah perancangan pihak kementerian dalam pembangunan *ecotourism* di negeri Sabah dan untuk fokus *on convention and exhibition* untuk tahun hadapan ini RM5 juta peruntukannya, berapa peruntukan untuk negeri Sabah? Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Silam, sebenarnya bagi Kementerian Pelancongan, dari segi RM5 juta duit untuk MyCEB itu akan digunakan untuk membantu pihak kerajaan negeri dan juga pihak swasta, mana-mana negeri yang hendak menjadi *bidder* ya, *bid* dengan izin, kepada mana-mana mesyuarat konvensyen antarabangsa. Bagi aspek ekopelancongan, kalau kita tengok visual, Kementerian Pelancongan mahu menjual lebih daripada Gunung Kinabalu di negeri Sabah. Kalau kita tengok visual di peringkat global sekarang, kita telah tembak kepada *the Lost City* di Sabah dan di Sarawak...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: [Menyampuk]

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Pinnacle di Mulu cave. Kita tidak jual Gua Mulu, kita pergi kepada *pinnacle* di sebelah kepada Gua Mulu. Jadi Rainforest Discovery Centre di Sepilok tidak semestinya The Orang Utan Conservation yang kita tengok tetapi kita jual. Jadi itulah menjadi pendekatan baru Kementerian Pelancongan dari segi aspek *ecotourism*, bukan sahaja di Sabah tetapi di semua negeri di Malaysia.

Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan kepada semua kalau saya terkasar bahasa, minta maaf dan yang paling penting kita memang sentiasa tulus untuk rakyat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Menteri boleh menjawab bila-bila masa tetapi selepas ini. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM649,674,700 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM649,674,700 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM286,019,000 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2009 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM286,019,000 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2009.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dan Usul Anggaran Pembangunan 2009 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2009 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.”

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu 10 Disember 2008. Sebelum ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat, saya ucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidiladha dan selamat bercuti Yang Berhormat.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.04 malam.